

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 56

Rabu

25 November 2015

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
PENERANGAN DARIPADA TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI DI BAWAH P.M. 14(1)(i):	
■ Penjelasan Lanjut Terhadap Kuasa PDRM Untuk Menangkap PATI	(Halaman 26)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 27)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2016	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.31	(Halaman 30)
Maksud B.32	(Halaman 75)
Maksud B.42	(Halaman 107)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)
Anggaran Pembangunan 2016	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.31	(Halaman 30)
Maksud P.32	(Halaman 75)
Maksud P.42	(Halaman 107)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Rabu, 25 November 2015

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan apakah langkah kerajaan bagi meningkatkan jumlah kapasiti tenaga boleh diperbaharui dalam penjanaan dan nyatakan sejauh manakah komitmen sektor awam dan swasta serta industri dan orang awam dalam meningkatkan jumlah tenaga boleh diperbaharui.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sabak Bernam dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk meningkatkan jumlah kapasiti tenaga boleh baharu dalam penjanaan.

Antaranya adalah memperkenalkan mekanisme *feed in tariff* atau pun dengan izin (FIT) sejak Disember 2011 di Semenanjung dan mulai Januari 2014 di Sabah. Mekanisme ini merupakan satu insentif bagi menarik minat orang persendirian, swasta dan industri untuk menjana tenaga elektrik daripada sumber boleh baharu seperti biomas, biogas, geoterma, solar PV dan hidro kuasa kecil.

Sejak pelaksanaan FIT pada 1 Disember 2011, sektor awam dan swasta telah menunjukkan penyertaan dan komitmen yang tinggi terhadap pembangunan tenaga boleh baharu. Setakat 31 Oktober 2015, sebanyak 7,376 permohonan telah diterima daripada pihak syarikat dan individu bagi menjana elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu dengan jumlah kapasiti sebanyak 1.1 gigawatt.

Daripada kesemua permohonan tersebut, sebanyak 4,823 permohonan dengan jumlah kapasiti sebanyak 325 megawatt telah beroperasi dan disambung ke grid. Bagi melonjakkan lagi penggunaan tenaga boleh baharu khususnya dalam penjanaan tenaga solar PV, kerajaan akan melaksanakan pembangunan utiliti solar berskala besar dengan sasaran sebanyak 200 megawatt di Semenanjung dan 50 megawatt di Sabah mulai 2017 iaitu jumlah sasaran 250 megawatt setahun untuk mencapai kapasiti sebanyak 1,000 megawatt pada tahun 2020.

Di samping itu, kerajaan juga akan melaksanakan *Net Energy Metering* satu pendekatan di mana pengguna boleh menjana tenaga boleh baharu dan dinetkan dengan tenaga elektrik

yang dibekalkan oleh TNB atau SESB. Sekiranya ada lebih daripada penjanaan tenaga boleh baharu ini, ia akan di *feed in* dengan izin kepada grid. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Sebelum itu Parlimen mengalu-alukan kehadiran 127 orang pelajar-pelajar pusat pengajian pembangunan sosial dan ekonomi Universiti Malaysia Terengganu (UMT) Terengganu. Selamat datang. Yang pakai baju hitam dan baju merah. Tahniah.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kaya dengan sumber tenaga yang boleh diperbaharui seperti biomas, biogas, tenaga suria, angin juga mini hidro. Potensi RI ini adalah sangat besar. Menurut laporan *Sustainable Energy Development Authority of Malaysia* bahawa megawatt *hours* ini menurun sejak tahun 2015. Cuma yang meningkat ialah biomas iaitu daripada 4,347.83 pada tahun 2014 kepada 8,374.90 pada tahun 2015. Adakah kerajaan bercadang untuk memanfaatkan sisa pepejal yang banyak di tapak pelupusan dan sejauh manakah Malaysia bersedia untuk menjana tenaga daripada sumber tenaga boleh diperbaharui melalui dua mekanisme baharu yang diluluskan kerajaan iaitu pemetaan bersih dan solar skala utiliti.

Setakat manakah projek mini hidro jenis *run of the river* iaitu tenaga yang diperoleh daripada sungai-sungai negara ini telah berjaya menyalurkan bekalan elektrik ke kawasan pedalaman dan sejauh manakah penggunaan tenaga suria sebagai sumber RE telah dilaksanakan di negara ini? Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat soalan tidak boleh ada bunga-bunga, tidak boleh panjang-panjang dan soalan tidak boleh lebih pada satu dan tidak boleh digabungkan. Satu soalan. Siapa yang kata boleh tadi?

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya fokus Tuan Yang di-Pertua kepada perihal sisa pepejal kerana perkara berkaitan dengan solar PV telah pun saya ulaskan tadi. Saya hanya ingin menekankan bahawa dari segi jumlah kapasiti FIT yang diluluskan oleh kerajaan iaitu 1,130.77 megawatt sebenarnya semua kategori telah pun meningkat. Misalnya kalau biogas, 86 permohonan telah diluluskan dengan jumlah 151.55 megawatt. Ini berbanding dengan saya katakan tadi, suria yang jumlah keseluruhan itu ialah 300 lebih jumlah megawatt keseluruhan.

■1100

Daripada segi sisa pepejal, biasanya tenaga yang dikeluarkan itu melalui pengeluaran biogas, dan biogas itu digunakan sebagai sumber untuk menjanakan tenaga. Saya katakan di sini bahawa, kerajaan terus menyokong usaha-usaha untuk menggunakan sisa pepejal sebagai sumber tenaga dibaharui, dan setakat ini untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah *connected to the grid*, ataupun dalam pengeluaran sudah 7 megawatt, dan yang dalam pembinaan, kelulusan menggunakan *solid waste* ataupun sisa pepejal sejumlah ialah 25.4 megawatt.

Kita akan terus menyokong usaha-usaha untuk menggunakan sisa pepejal sebagai yang kita sebut daripada konsep *waste to watt* dengan pengeluaran tenaga boleh dibaharui dan

kerjasama telah kita laksanakan dengan kementerian-kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah peratusan tenaga boleh dibaharui sekarang, dan masa depan dan pengurangan karbon jangka panjang dan jangka pendek?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya selalu puji Yang Berhormat Kepong. Inilah cara yang betul untuk bertanyakan soalan tambahan [*Tepuk*] Sila Yang Berhormat Menteri. Sebab biasanya kita boleh jawab enam atau tujuh soalan, dan Ahli Yang Berhormat lain bising, kenapa soalan tak sampai 10 hingga 15. Ini pun delima untuk Tuan Yang di-Pertua mengendalikan sidang Sesi Soal Jawab Lisan. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, Yang Berhormat Kepong. Dia orang lama, hanya dia berpindah dari sana sampai sini sekarang, sebelah sana. Mula jauh dari yang berkuasa sana [*Ketawa*] Terima kasih atas soalan. Ya, orang yang *consistently consistent*.

Yang Berhormat Kepong, sasaran asal ialah pada tahun 2020 - 10% daripada penjanaan, *ten percent* daripada penjanaan kita haruslah daripada *renewable energy- meet the 2020*. Namun, pada mulai tahun lalu, Menteri-Menteri Tenaga ASEAN telah pun memutuskan supaya hidro itu bukan sahaja hidro kecil tetapi semua jenis hidro boleh dikategorikan sebagai *renewable*.

Maka, dengan definisi tersebut, Malaysia yang pada mulanya sekadar - kita dalam peringkat saat ini kira-kira *6 percent renewable*, terus meningkat pergi 14, kerana penjanaan 1,800 megawatt hidro oleh pihak TNB sekali gus dimasukkan sebagai *renewable*. So, status sekarang ini, dengan definisi tersebut *14 percent*, belum masuk Bakun, daripada segi *renewable* tenaga.

Menteri-Menteri ASEAN pada bulan yang lalu termasuk juga Menteri-Menteri Tenaga Asia Pasifik telah memutuskan supaya sasaran tahun 2025, *23 percent* daripada *generation capacity*. Jadi, setakat ini jika dimasukkan definisi baru, kita ada peringkat *14 percent renewable* dan sasaran tahun 2025, *23 percent*, dan dengan usaha semua pihak termasuk Yang Berhormat Kepong, saya yakin Malaysia boleh mencapai sasaran tersebut. *Thank you*.

2. Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, berapa kos menyewa dan menyara hidup sepasang panda, Fu Wa dan Feng Yi, semenjak ia didatangkan dari Negara China, sehingga lahirnya anak yang baru, dan apa faedah langsung yang diperoleh oleh rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dua ekor *giant* panda bernama Xing Xing dan juga Liang Liang, nama di Malaysia telah sampai di Malaysia pada 21 Mei 2014.

Jadi kos pengoperasian penjagaan pasangan *giant* panda dan penyelenggaraan Pusat Konservasi *Giant* Panda dianggarkan sebanyak RM2.25 juta setahun, dan ditanggung oleh pihak Zoo Negara Malaysia.

Di samping itu, Kerajaan Malaysia telah memberi sumbangan yuran konservasi sejumlah RM6,941,300 kepada pihak China semenjak tahun 2014 seperti termaktub dalam Perjanjian kedua-dua negara. *Giant* panda betina Liang Liang telah melahirkan seekor anak *giant* panda betina pada 18 Ogos 2015, dan dalam hal ini sumbangan yuran konservasi sebanyak sekali sahaja berjumlah USD600 ribu akan diberikan kepada pihak China selepas anak panda tersebut berumur satu tahun. Yuran konservasi itu ditanggung oleh pihak Zoo Negara.

Projek kerjasama konservasi ini dapat mengeratkan lagi hubungan diplomatik kedua-dua negara. Di samping itu projek ini akan dapat meningkatkan kepakaran penyelidikan tempatan dalam penyelidikan konservasi.

Kehadiran pasangan *giant* panda ini juga dijangka dapat merangsang ekonomi negara khususnya dalam sektor pelancongan dan untuk itu pertambahan pelawat di Zoo Negara Malaysia dicatatkan bertambah sebanyak 20% daripada 588,000 lebih kurang, pada tahun 2013 kepada 708,000 atau 709,000 lebih kurang, pada tahun 2014. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang mengesahkan bahawa kos untuk penyelenggaraan panda gergasi ini bukan satu kos yang murah dan panda ini juga telah mendapat layanan yang agak bertuah di bumi Malaysia ini, mungkin lebih baik daripada sesetengah rakyat Malaysia sendiri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan..

Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian]: ...Cuma, saya ingin bertanya, adakah dengan kos yang mahal ini tidak termasuk, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, kos untuk pembinaan tempat pembiakan itu. Ia agak berbaloi dengan objektif yang telah digariskan iaitu untuk menarik lebih ramai pengunjung ke Zoo Negara, dan juga untuk menarik pelancong ke Malaysia ini. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kubang Kerian, sebenarnya seperti yang saya sebut tadi, tiga faedah besar utama bukan setakat pelancong atau pelawat ke zoo sahaja tetapi dari sudut hubungan diplomatik itu, satu kos yang kita tidak boleh kira. Sekali gus, *inshaaAllah* dapat mengekalkan hubungan dagang yang baik.

Sebagaimana kita sedia maklum, hubungan dagang, jumlah dagang daripada hubungan dagang yang baik itu, setahun lebih kurang RM200 bilion. Yang ini kita hendak kekalkan daripada hubungan diplomatik kerana hasil daripada diplomatik yang baik inilah, maka kedua-dua negara bersetuju untuk dizahirkan dalam bentuk penyerahan pasangan panda tersebut. Ini satu perkara yang sangat signifikan.

Kita tak boleh ukur dalam bentuk jumlah pelawat semata-mata. Walaupun pelawat itu meningkat 20% tetapi kita mesti memandangi dari sudut yang lebih luas, hubungan diplomatik dan saya sebut tadi, penyelidikan. Banyak penyelidikan yang telah dan sedang berjalan, dan

kalau Yang Berhormat setuju, ingin tahu tentang penyelidikan yang sedang dibuat, saya boleh bagi jawapan secara bertulis kerana terlalu teknikal dan panjang. Itu maknanya ialah, daripada segi *advantage*, manfaat itu sangat besar berbanding dengan perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, saya bagi Yang Berhormat Parit Sulong yang sukakan panda.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus kepada soalan tambahan saya sahajalah.

Saya hendak mohon Yang Berhormat Menteri yang menjawab untuk menyatakan, kesan projek panda ini kepada rakyat Malaysia terutamanya generasi muda dari sudut konservasi.

■1020

Berapakah jumlah panda yang masih hidup sebenarnya di dunia ini? Kalau sekiranya tidak ada maklumat, mungkin boleh berikan maklumat secara bertulis. Kalau ada, boleh jawab dalam Dewan. Terima kasih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Nama anak panda tak nak tanya kah? Nama anak panda.

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Nama anak panda sedang dipertandingkan, tarikh tutup 17 Disember.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Wo ai nie?*

Beberapa Ahli: *Wo ai nie.*

Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri: Sedang dipertandingkan. *Wo ai nie.* Jadi, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Parit Sulong iaitu salah satu daripada faedah projek konservasi ini ialah kita dapat meningkatkan atau kita dapat tambah nilai budaya konservasi di kalangan rakyat Malaysia. Kita harus bangga kerana kita dapat mengambil bahagian dalam konservasi ke atas panda yang hampir pupus di dunia ini.

Tadi Yang Berhormat Parit Sulong tanya tentang berapa ekor panda dalam dunia. Saya ada angka, lebih kurang daripada rekod yang kita ada, daripada inventori yang dibuat oleh semua pihak di dunia, lebih kurang panda yang masih lagi tinggal atau hidup dalam dunia secara hidupan liar ini, yang bukan dalam kurungan, lebih kurang 1,800 ekor dan dalam kurungan atau yang sedang dibela dalam kurungan seperti Zoo Negara dan sebagainya, 397 campur 1. *Plus one* ini saya buat andaian, *plus one* itu adalah yang baru lahir di Zoo Negara pada 18 Ogos tahun ini.

Ini adalah saya fikir kita harus bangga kerana kita terlibat sama dalam projek konservasi panda yang hampir pupus di dunia. Sekali gus dapat menyemai dan dapat menyuburkan budaya konservasi biodiversiti dalam dunia dan juga dalam Malaysia. Makna, kita hendak galakkan supaya rakyat Malaysia, khususnya generasi muda sama-sama turut serta dalam memelihara alam sekitar. Khususnya, menyuburkan budaya konservasi, memelihara biodiversiti dalam negara kita yang kita cintai ini. Sekian, terima kasih.

3. **Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah jangka panjang membanteras kegiatan perjudian haram, termasuk menerusi *online* dan kafe siber bagi mengelak generasi muda terjebak kegiatan tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]: Saya kurang mahir dalam jawab pantun. Sebagai akauntan, saya jawab secara berfakta. Tuan Yang di-Pertua, pihak Polis Diraja Malaysia khasnya Jabatan Siasatan Jenayah, sentiasa memberikan perhatian yang khusus berkaitan dengan aktiviti perjudian haram atau perjudian tanpa lesen. Terutama yang melibatkan penggunaan internet dengan membuat pemantauan dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan di seluruh negara.

Pihak polis telah melancarkan operasi khas melalui pasukan STAGG pada Oktober 2014 di seluruh negara bagi membanteras kegiatan perjudian sehingga ke akar umbi yang dijalankan oleh orang perseorangan ataupun oleh sindiket-sindiket perjudian. Walaupun operasi membanteras aktiviti perjudian haram ini dijalankan secara besar-besaran dan berterusan, namun aktiviti perjudian ini masih aktif.

Oleh kerana pengusaha pusat perjudian haram telah menukar modus operandi mereka dengan beroperasi di sebalik perniagaan yang sah atas nama pusat hiburan keluarga (PHK) melalui mesin simulator yang dikeluarkan. Sedangkan mesin-mesin tersebut telah diubahsuai untuk tujuan perjudian dan juga mengubah lokasi dari premis perniagaan ke kondominium serta rumah kediaman bagi mengaburi mata pihak penguat kuasa.

Saya sendiri sebagai Timbalan Menteri telah diarahkan oleh Menteri untuk turun memantau tempat-tempat perjudian yang semakin berleluasa, terutama di negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan juga di Pulau Pinang dan telah bersama-sama pihak polis memerhati sendiri pusat-pusat ini. Saya mendapati bahawa pihak polis mempunyai kekangan dari segi tindakan yang efektif yang boleh diambil, terutamanya apabila ia melibatkan soal-soal perundangan.

Jadi, untuk makluman Dewan di sini, secara statistiknya bagi tahun 2015 sehingga bulan November 2015, pihak polis telah melaksanakan sejumlah 109,000 serbuan. Daripada 109,000 serbuan ini, 5,834 serbuan telah dianggap sebagai berjaya. Serbuan ini telah membuat tangkapan sebanyak 151,054 orang penganjur dan juga pemain serta merampas 70,149 buah mesin atau komputer yang digunakan untuk perjudian. Secara kasar rampasan yang dibuat berjumlah RM70.1 juta, pada anggaran RM1,000 setiap komputer dan peralatannya.

Kementerian juga melalui PDRM sedang mengambil langkah-langkah drastik untuk mengekang aktiviti perjudian melalui internet supaya ia dapat ditangani dengan lebih berkesan dengan mengambil inisiatif seperti berikut untuk menyelesaikan masalah utama iaitu dari segi perundangan. Pihak PDRM mencadangkan supaya undang-undang yang tertentu dapat diperkasakan seperti undang-undang Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Akta Loteri 1952, Akta Pertaruhan 1953, Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 juga perlu diubahsuai supaya ia mengambil kira kesan daripada *online gaming* ini. Akan tetapi yang paling utama sekali

adalah kerjasama daripada pihak berkuasa tempatan melalui pindaan Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan Awam Tahun 1998.

Jadi, ke arah tujuan tersebut, Kementerian Dalam Negeri telah membentangkan nota makluman berhubung isu aktiviti perjudian haram pada Oktober 2014 yang lepas dan juga pada Mac 2015 yang lepas dalam Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Bilangan 122 dan Bilangan 123 dengan menggariskan beberapa cadangan penyelesaian dan kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap aktiviti perjudian tanpa lesen secara bersepadu ini. Supaya aktiviti bersepadu yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan, Polis Diraja Malaysia dan agensi-agensi kerajaan lain akan lebih berkesan dalam menangani masalah judi tanpa lesen ini.

Selain daripada itu, tindakan-tindakan lain yang diambil adalah untuk memperkasakan lagi penggunaan Akta Pencegahan Jenayah 1959 iaitu POCA 2013. Jika tiada keterangan yang kukuh untuk dituduh di mahkamah terhadap individu atau sindiket yang menganjurkan perjudian berkenaan. Sehingga Oktober 2015, seramai 29 orang individu yang terlibat dalam mengendalikan judi *online* telah disiasat untuk tindakan di bawah POKA di samping tindakan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2003.

Kementerian juga sekarang ini dalam usaha untuk melatih lebih ramai lagi pakar-pakar judi untuk memudahkan mereka mengenal pasti dan mengkategorikan sesuatu aktiviti yang mempunyai elemen perjudian. Masalah dengan judi *online* ini dan juga masalah di pusat hiburan keluarga ini adalah definisi judi itu belum lagi dapat dikenal pasti supaya ia dapat dimasukkan dalam enakmen undang-undang untuk diklasifikasikan sebagai aktiviti perjudian.

Jadi, tindakan seperti ini diharap akan memudahkan proses pengemukaan keterangan bagi tujuan pendakwaan di mahkamah dan untuk membanteras aktiviti perjudian ini atau memberikan kesedaran kepada anak-anak muda kita supaya mengelakkan aktiviti perjudian. Pihak PDRM akan terus memperhebatkan lagi kempen-kempen dan ceramah-ceramah kesedaran mengenai kesan aktiviti perjudian yang diadakan sebelum ini dengan menyasarkan golongan remaja di peringkat persekolahan. Program ini juga perlu melibatkan pihak berkuasa tempatan, agensi kerajaan yang berkaitan serta NGO dan syarikat swasta. Sekian, terima kasih.

Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Pertama, kita ucapkan tahniah atas usaha yang dibuat begitu gigih oleh Kementerian Dalam Negeri dengan mengadakan gempur dan langkah-langkah strategik yang dibuat.

■1030

Akan tetapi nampaknya penjudi ini begitu licik dan lebih hebat strategiknya dengan melalui *online* dan dengan menggunakan media sosial yang begitu hebat sekali. Adakah kerajaan mempunyai, kementerian mempunyai perancangan untuk mengurangkan jumlah pemberian lesen pusat-pusat hiburan kalau tidak pun mengekang keseluruhan dan adakah pihak kementerian kerajaan telah menangkap ataupun menghukum tauke-tauke besar judi ini. Kalau ada, berapa jumlahnya.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Sebenarnya judi ini ada judi yang berlesen dan ada judi yang tidak berlesen. Judi yang berlesen tidak ada masalah. Kerajaan dapat cukai hasil judi lesen ini. Judi yang tidak berlesen ini memang mempunyai masalah tambah-tambah lagi apabila cara judi ini telah dilaksanakan secara *online* dan kerana cara perjudian *online* ini dan juga perubahan dari segi jenis judi ini berlaku, ia menimbulkan masalah kepada polis sebagai pihak berkuasa kerana akta atau undang-undang yang digunakan untuk mengawal selia aktiviti perjudian tidak berlesen ini terletak di bawah pihak-pihak berkuasa yang berlainan.

Seperti saya sebutkan tadi, kalau mengenai Akta Rumah Judi Terbuka, Akta Loteri, Akta Pertaruhan, dia di bawah Kementerian Kewangan. Kalau hendak mengekang aktiviti judi *online* ini dia di bawah SKMM melalui Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998. PBT pula, ini masalah terbesar ini melibatkan kerajaan negeri, ada kerajaan negeri yang bekerjasama, ada kerajaan negeri yang kurang bekerjasama.

Perubahan perlu dibuat pada Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan Awam 1998, kerana kalau polis serbu pun, tetapi apabila polis tidak memberikan kuasa di bawah akta-akta yang saya sebutkan tadi, maka polis tidak mempunyai keupayaan untuk menangkap dan juga membawa sesiapa yang tertuduh ke mahkamah. Jadi sebab itu saya katakan tadi sekarang ini pihak polis menggunakan Akta POCA untuk menahan mana-mana individu yang melibatkan diri dalam perjudian.

Akan tetapi kerana kelicikan sindiket-sindiket yang membuat judi yang jenis baru ini, maka susah hendak tangkap tauke dia. Jadi kita gunakan Akta POCA ini. Kalau ada sahaja apa-apa kesangsian terhadap mana-mana penganjur judi ini, kita tangkap bahawa POCA dahulu. Akan tetapi macam saya kata tadi, untuk jangka masa panjang perubahan terhadap undang-undang yang saya sebutkan tadi perlu dilakukan untuk memperkukuhkan lagi aktiviti pihak polis untuk mengekang kejadian judi tidak berlesen ini. Terima kasih.

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Realitinya judi ini sama ada lesen ataupun tidak, dia memang mendatangkan masalah besar kepada negara kita terutamanya menubuhkan kesan-kesan sampingan gejala sosial dan juga jenayah rompak. Saya ambil contoh ialah di kawasan Temerloh antara daerah yang begitu subur dan banyak industri ataupun operasi judi sama ada yang berlesen ataupun tidak.

Jadi menjelang negara kita untuk melaksanakan indeks syariah ini, saya hendak tanya apakah pelan kerajaan. Tidak adakah hasrat untuk memansuhkan judi ini membatalkan semua premis judi sama ada berlesen ataupun tidak, supaya negara kita lebih selamat dan terjamin. Kalaupun tidak mampu hendak hapuskan keseluruhan peringkat awal, kita kurangkan dahulu kadar pemberian lesen itu, itu yang pertama.

Kemudian yang kedua tentang yang tidak ada lesen. Di premis-premis di Temerloh sebagai contoh sudah diserbu beberapa kali tetapi mereka masih lagi beroperasi. Kenapa tidak kali ketiga atau kali keempat itu batalkan sahaja lesen permit perniagaan mereka itu walaupun

berselindung di sebalik salon, *cafe* dan seumpamanya. Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Datuk Nur Jazlan bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh. Soalan itu soalan baik, tetapi tidak ada kena mengena dengan Kementerian Dalam Negeri. Soal hendak mengharamkan judi secara keseluruhan itu di bawah kementerian lain. Akan tetapi saya hendak ulas sedikit mengenai tadi pandangan daripada Yang Berhormat Temerloh, iaitu mengenai kenapa tempat-tempat judi yang tidak berlesen ini berkali-kali diserbu, tetapi ia masih boleh beroperasi semula di tempat judi yang sama.

Jawapan terletak kepada kerajaan negeri yang menguasai pihak berkuasa tempatan kerana kebenaran untuk menggunakan premis tersebut terletak kepada kuasa PBT. Jadi kalau PBT tidak boleh ambil tindakan untuk menyita, kalau ada tempat-tempat yang digunakan untuk aktiviti judi yang tidak berlesen ini, sepatutnya pihak PBT menggunakan kuasa mereka di bawah Akta PBT untuk menutup lokasi tersebut. Polis hanya buat penguatkuasaan, kita buat *raid*, selepas itu kita rampas, tetapi kita tidak ada kuasa hendak tutup tempat tersebut atau sita tempat yang telah dikenal pasti sebagai tempat untuk melaksanakan judi tanpa lesen ini.

Jadi saya rasa selepas ini kementerian pun, seperti yang saya sebutkan tadi dalam jawapan saya, kita telah menghantar dua nota makluman kepada Mesyuarat Menteri Besar supaya isu ini dapat ditangani secara bersama oleh Kerajaan Pusat dan juga kerajaan negeri supaya tempat-tempat judi tanpa lesen ini akan dapat diambil tindakan yang efektif dan ditutup supaya mereka tidak diberi peluang untuk beroperasi semula. Sekian, terima kasih.

4. Puan Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta Menteri Kewangan menyatakan secara terperinci kedudukan terkini isu 1MDB dan apakah penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang supaya hutang 1MDB tidak terus membebankan negara

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Johari bin Abdul Ghani]: Tuan Yang di-Pertua, isu utama 1MDB pada masa ini adalah isu mengenai *business model* perniagaan yang tidak *sustainable* di mana 1MDB bergantung sepenuhnya kepada hutang untuk menjana pendapatan. Terdapat *mismatch* antara aliran pendapatan yang dijana 1MDB berbanding pembayaran hutang dan faedah jangka masa pendek dan panjang.

Mismatch ataupun ini berlaku disebabkan oleh kegagalan pelan pelaksanaan penyenaian di Bursa Saham iaitu melalui IPO dan kesukaran untuk mendapat pinjaman untuk membangunkan tanah-tanah milik 1MDB dan juga projek-projek janakuasa akibat daripada pelbagai persepsi negatif terhadap syarikat 1MDB di pasaran domestik dan di luar negara. Persepsi negatif ini menyebabkan ramai pelabur tempatan dan bank tempatan tidak yakin untuk membiayai projek-projek yang dimajukan oleh 1MDB.

Bagi menangani cabaran-cabaran tersebut dan untuk membayar balik hutang syarikat serta faedah 1MDB, telah melaksanakan kajian strategik ataupun *strategic review* di mana hasil kajian tersebut telah menyebabkan 1MDB terpaksa menjalani *rationalization exercise* untuk

menstrukturkan semula hutang-hutang 1MDB. Pelan rasionalisasi ini menggariskan strategik dan langkah-langkah yang akan diambil oleh 1MDB untuk membayar balik hutang syarikat yang merangkumi pelan jangka pendek dan jangka panjang.

Antara langkah-langkah yang telah diambil adalah penjualan aset-aset pelaburan 1MDB untuk melangsaikan hutang-hutang yang sedia ada. 1MDB kini dalam proses menjual beberapa aset pelaburan dan menamatkan penjualan ekuiti di dalam syarikat Edra yang mana hasil daripada penjualan ini akan digunakan untuk membayar hutang-hutang yang dianggarkan lebih kurang RM17 bilion. Ini akan menyebabkan hutang 1MDB akan berkurangan sebanyak RM18 bilion daripada RM40 bilion.

Kedua, pada masa yang sama 1MDB juga telah menyenaraikan pendek empat pembida sebagai *development partner* dengan izin untuk projek Bandar Malaysia.

■1040

Proses ini dijangka akan menjana hasil lebih kurang RM10 bilion hingga RM15 bilion. Ketiga, selain itu 1MDB juga sedang memuktamadkan *debt for asset swap* dengan izin dengan *International Petroleum Investment Company (IPIC)* di mana pelaksanaan kertas terma terikat iaitu *binding term sheet agreement* dijangka akan mengurangkan jumlah hutang syarikat sebanyak RM16 bilion. Melalui langkah-langkah jangka pendek dan jangka panjang tersebut, 1MDB akan sentiasa berusaha memenuhi komitmen pembayaran balik prinsipal dan faedah pinjaman dengan konsisten tanpa menggunakan wang kerajaan atau *government bailout*. Jika *rationalization* ini berjalan dengan lancar, maka hutang 1MDB yang pertama, daripada anggaran RM42 bilion ini sekiranya transaksi Edra ini dapat diselesaikan pada bulan Februari nanti maka hutang 1MDB akan berkurang daripada RM42 bilion kepada RM25 bilion.

Langkah kedua, jika aset-aset Bandar Malaysia ini dapat dijual maka ia juga akan dapat mengurangkan hutang sebanyak RM11 bilion. Daripada RM25 bilion kepada RM14 bilion. Akhir sekali, kalau *settlement agreement* dengan IPIC ini boleh diselesaikan maka 1MDB juga dapat menyelesaikan hampir RM16 bilion daripada hutang tersebut. Sekian.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri. Persoalan saya di sini ialah selain daripada hutang-hutang yang telah ditanggung oleh 1MDB, adakah hutang-hutang yang dijamin oleh Kerajaan Pusat yang telah dipinjam oleh 1MDB? Setakat ini penjualan ekuiti ini adakah menyebabkan syarikat-syarikat asing dan berapa banyak kah jumlah dana yang dapat dijana daripada pelaburan 1MDB? Adakah semata-mata sudah bayar hutang, tidak ada untung sedikit pun? Jadi kami sebagai rakyat hendak tahu berapa banyak dana yang dapat dijana hasil daripada pelaburan yang telah dibuat setakat ini.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Hutang 1MDB ini adalah dianggarkan lebih kurang RM42 bilion. Jadi pelaburan 1MDB terlibat ini adalah dari segi *energy, property* dan juga *financial asset*. Jadi kesemua aset ini kalau saya sebutkan balik semula, yang saya bacakan tadi, kalau sekiranya 1MDB dapat menjual aset Edra ini maka dia dapat *collect* RM17 bilion. Makna RM42 bilion minus RM17 bilion tinggal RM25 bilion. Kemudian

apabila kita membuat *rationalization* pada Bandar Malaysia, kita jangkakan 1MDB akan mendapat RM10 bilion hingga RM11 bilion.

Jadi *you* ambil RM25 bilion, tolak RM10 bilion katakan, bermakna RM25 bilion tolak RM11 bilion, tinggal RM14 bilion. Jadi daripada RM14 bilion itu pula, kalau kita ada *financial asset* dengan *International Petroleum Investment Company* ini, kalau kita dapat selesaikan *by Jun next year*, lebih kurang RM16 bilion. Makna kita ada surplus lebih kurang RM2 bilion. Kemudian TRX, kita sudah tidak ada hutang. Kemudian kita ada aset di Penang lebih kurang RM1 bilion. TRX kita jangkakan RM4 bilion. Kemudian kita ada tanah di Pulau Indah.

Jadi kalau kita *total up* aset ini, dia akan mempunyai surplus lebih kurang dalam RM5 bilion atau RM7 bilion bergantung kepada nilai *liquidation asset* yang kita buat dalam proses *rationalization* ini. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, *rationalization* ini lagi cepat kita buat, lagi bagus kerana dia mengurangkan pembayaran *interest* kepada syarikat 1MDB.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri. Adakah isu 1MDB ini menyumbangkan kepada kejatuhan Ringgit Malaysia dan kalau ada, sejauh manakah kesannya? Terima kasih.

Datuk Johari bin Abdul Ghani: Bila kita bercerita soal kejatuhan ringgit ini, ia ada banyak faktor yang menyebabkan ringgit jatuh. Lazimnya, dia ada empat faktor. Tiga faktor adalah mengenai faktor luaran iaitu dari segi kita punya kejatuhan minyak mentah. Kedua, dari segi kita punya *global economy*. Ekonomi kita kalau tidak— kita bergantung banyak kepada eksport. Jadi kalau *demand* daripada *global economy* ini jatuh maka sudah tentu dia akan menyebabkan *currency* kita juga jatuh. Ketiga ialah bergantung kepada sentimen daripada pelabur-pelabur tempatan. Apabila pelabur-pelabur jangka pendek mengeluarkan duit pelaburan mereka dalam negara dan *convert* kepada *US Dollar*, maka *demand* untuk *US Dollar* dalam negara kita ini meningkat. Bila meningkat, maka sudah tentu ia akan menjadi tekanan kepada ringgit kita.

Soalan Yang Berhormat tadi mengenai 1MDB ini, adakah 1MDB ini menjadi salah satu daripada faktor kejatuhan ringgit. Kalau kita hendak *relate* 1MDB ini secara *direct*, tidak boleh tetapi kalau dari segi negatif sentimen ada kerana mana-mana ekonomi apabila kita mempunyai negatif sentimen dalam pasaran domestik kita, ia akan menjejaskan *currency* kita. Domestik sentimen. Jadi kalau domestik sentimen ini kita *direct* kepada 1MDB, kita tidak boleh gunakan itu sebagai faktor yang nyata kerana ada juga negara-negara di dunia yang jatuh *currency* mereka tetapi mereka tidak ada 1MDB.

Jadi negatif sentimen ini sangat penting tetapi dalam negara kita negatif sentimen mengenai 1MDB ini diuar-uarkan seolah-olah sekiranya kalau 1MDB ini tidak dapat diselesaikan, maka kerajaan terpaksa *bailout*. Bila kerajaan *bailout*, kita punya fiskal deposit akan bertambah besar. Bila jangkakan itu berlaku dalam domestik kita ini, maka sudah tentu dia akan menjadi satu benda yang tidak *certain* kepada pasaran kita dan pelabur-pelabur tidak suka benda-benda yang tidak *certain*.

5. **Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sejauh manakah dakwaan terdapat pengusaha taska yang mengambil warga asing sebagai pengasuh di negara ini, serta adakah terdapat tindakan undang-undang yang diambil terhadap pengusaha taska berhubung isu tersebut.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Tidak ada pantun tetapi ini jawapannya. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak pernah menerima aduan berkenaan pengusaha taman asuhan kanak-kanak (taska) yang mengambil warga asing sebagai pengasuh.

Sekiranya terdapat taska yang mengambil warga asing sebagai pengasuh, orang awam boleh melaporkan perkara ini ke mana-mana sahaja Pejabat Kebajikan Masyarakat yang berdekatan di seluruh negara. Selain daripada itu, aduan juga boleh dibuat melalui talian KASIH iaitu 15999.

Untuk makluman, setiap taska adalah dikehendaki untuk berdaftar di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 dan setiap permohonan pendaftaran diwajibkan untuk mengemukakan maklumat pengasuh. Peraturan 14 menetapkan bahawa kelayakan pengasuh taska adalah seperti berikut.

- (i) merupakan warganegara Malaysia;
- (ii) berumur 18 tahun ke atas;
- (iii) telah lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA;
dan
- (iv) berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai pengasuh kanak-kanak.

Sekiranya terdapat aduan dan siasatan yang dijalankan yang mendapati ketidakpatuhan sebagai mana yang telah ditetapkan dalam peraturan, pengusaha taska berkenaan jika tidak mematuhi Peraturan 14, apabila disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM1,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali. Terima kasih.

Tuan Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [Setiu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya sedikit. Mengikut Yang Berhormat Menteri kata, kena ada kursus asas kepada pengasuh taman asuhan kanak-kanak.

■1050

Akan tetapi masalahnya dalam kursus asas yang diadakan, dia ada antara syaratnya dinyatakan bahawa pengasuh kanak-kanak yang belum mengikuti kursus asas dia ini, diwajibkan hadir dan lulus dalam tempoh 1 tahun bekerja. Jadi, bagaimana keadaannya kalau dia sudah bekerja dulu 6 bulan kah, baru hendak hadir kursus dan sebagainya, adakah menepati akta dan sebagainya. Sebab tujuan kursus ini kita adakan untuk pihak pengasuh, penyelia atau pun pengasuhnya sendiri mematuhi Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 tadi.

Jadi dan saya hendak tahu juga setakat ini, setakat mana taska ini yang diwajibkan berdaftar dengan pihak JKM ini, setakat ini berapa ramai yang telah dibawa ke mahkamah dan sebagainya kerana tidak patuh kepada akta itu sendiri. Di mana sabit kesalahan mungkin kita boleh sebut di sini sehingga RM10 ribu atau 2 tahun penjara kalau tidak berdaftar dengan JKM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Setiu. Untuk JKM memberikan pendaftaran kepada taska yang memohon kepada kita untuk didaftarkan, sekurang-kurangnya salah seorang pengusaha, pengurus, penyelia atau pengasuh kanak-kanak di taska tersebut yang ingin mendapatkan pendaftaran hendaklah mempunyai sijil hadir dan lulus Kursus Asuhan Kanak-kanak (KAKK) atau Kursus Asuhan PERMATA yang diiktiraf oleh JKM. Itu pertama. Dia perlu salah seorang itu mesti ada mengikuti kursus, barulah kita daftarkan.

Dalam masa yang sama satu, taska itu takkan satu seorang saja, dia mesti ada lagi pengasuh-pengasuhnya. Pengasuh-pengasuh yang lain, kalau belum lagi mempunyai sijil dan belum menyertai kursus, maka mereka ini diberikan satu masa dalam tempoh satu tahun untuk mereka mengikuti kursus dan mendapat sijil kelayakan ini Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya mereka tidak juga ikut ini, mematuhi ini dalam tempoh satu tahun yang telah diberikan itu, maka tindakan yang perlu diambil seperti mana yang telah saya maklumkan tadi.

Setakat ini pendakwaan yang telah dibuat ada 10 kes yang telah diambil tindakan terhadap taska-taska ini yang berkaitan dan mereka telah diambil tindakan. Kesalahannya seperti tidak berdaftar, telah diambil tindakan dan telah didenda. Ada kesalahan, kebanyakan kesalahan yang 10 kes ini adalah tidak berdaftar Tuan Yang di-Pertua dan telah diambil tindakan.

Itu penting kerana dia mesti berdaftar. Jadi kita ingin minta supaya kalau ada mana-mana pihak yang mengetahui kes-kes taska tidak berdaftar, tolong laporkan kepada kita. Saya ingin juga memaklumkan kepada Dewan ini bahawa kita mempunyai pemantauan secara berkala. Setiap taska, 4 kali setahun kita adakan, ini wajib. Selain daripada itu kita juga memantau secara mengejut. Ini kita boleh lakukan bila-bila masa saja. Jika ada laporan, kita mendapat maklumat, maka pemantauan secara mengejut akan dilakukan dan sekiranya berlaku kesalahan, tindakan akan diambil mengikut undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Selamat Pagi. Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan saya ialah adakah kerajaan melalui kementerian untuk merancang supaya diwujudkan taska berhampiran dengan tempat-tempat kerja di kalangan ibu-ibu yang berkerjaya pada hari ini dan dengan bayaran yang agak minimum yang dibayar oleh ibu bapa terhadap taska tersebut memandangkan hari ini untuk hendak mengambil pengasuh yang agak tinggi.

Kadang-kadang sehingga mencecah sampai RM10 ribu pada permulaannya dan kualitinya belum kita tahu dan pengasuhnya pula biarlah kita ambil daripada mereka yang berkelulusan daripada ERT ataupun Sains Rumah Tangga di sekolah vokasional ataupun di kolej komuniti yang boleh kita *skill*kan mereka untuk memberikan ataupun mengatasi masalah pengasuh yang berskala ataupun yang mempunyai *skill* yang tinggi untuk mengasuh kanak-kanak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat dari Bukit Gantang. Pertama, kerajaan memang ada program menubuhkan taska di tempat kerja. Kita ada taska di tempat kerja, di jabatan-jabatan, di agensi-agensi kerajaan dan kita juga menggalakkan pihak swasta juga menubuhkan taska mereka di tempat kerja. Keduanya, kita juga ada subsidi untuk mereka yang menjadi pegawai-pegawai kerajaan untuk menghantar anak mereka ke taska di tempat kerja dan juga ada pula juga bantuan kepada mereka yang bukan bekerja dengan kerajaan tapi berada di luar dan bekerja dengan swasta dan sebagainya. Mereka juga ada diberikan bantuan untuk menghantar anak mereka ke taska-taska di tempat kerja ataupun taska-taska yang lain.

Di samping itu memanglah menjadi dasar kita supaya pengasuh-pengasuh ini sebolehnya adalah mereka yang telah terlatih seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi kita mendapati bahawa walaupun kita telah memberikan gaji yang minimum RM900 kepada mereka ini, namun *turnover* nya begitu tinggi sekali. Mereka ini bekerja sekejap, lepas itu dia berhenti. Dia menganggap bahawa pekerjaan sebagai pengasuh ini hanya adalah pekerjaan yang sementara sahaja. Selepas itu dia dapat kerja yang lain, dia akan meninggalkan taska itu. Jadi *turnover*nya terlalu tinggi.

Ketiganya untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa di kementerian, dalam usaha kita untuk menambah baik lagi perkhidmatan taska ini dan dapat memberikan perkhidmatan yang lebih banyak kepada lebih ramai lagi kanak-kanak dan ibu bapa yang bekerja. Kita sedar ini keperluannya Yang Berhormat, maka kita telah menubuhkan satu *task force* yang dipengerusikan oleh seorang lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk kita melihat bagaimana kita dapat mewujudkan seperti mana Yang Berhormat Bukit Gantang tadi ada mencadangkan supaya di setiap kawasan perumahan itu kita dapat wujudkan taska.

Kita bekerjasama dengan pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar dan Wilayah supaya ini dapat dimasukkan di dalam Pelan Pembangunan Perbandaran Baru Perumahan itu ada taska yang disediakan. Maka tidak perlulah ada masalah timbul, bombanya, keselamatannya dan lain-lain nanti, maka menyebabkan lambat untuk diluluskan. Ini semua telah diambil tindakan Yang Berhormat. Terima kasih.

6. Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan statistik penaja dan peniaga kecil warganegara Malaysia yang beroperasi tanpa lesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur serta pelan tindakan untuk mempertingkatkan kemudahan kepada mereka termasuk infrastruktur, peralatan dan kelengkapan, bantuan kewangan, pengetahuan, permit perniagaan dan lesen lain.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]: *Bismillahi Rahmani Rahim. [Berselawat kepada Nabi Muhammad SAW] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya dengar banyak ayam, hanya satu ayam barangkali dia tidak sebut. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengenal pasti 3 ribu penjaja tanpa lesen di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Penjaja-penjaja tanpa lesen ini akan dikaji kedudukannya dari segi kesesuaian lokasi dan lain-lain fakta yang berkaitan dengan dasar dan peraturan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebelum dipertimbangkan kelulusan permit atau lesen penjajaan.

Sekiranya lokasi penjaja-penjaja ini tidak sesuai, maka tindakan penguatkuasaan dan undang-undang seperti pengosongan tapak akan diteruskan. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah melaksanakan program menaik taraf penjaja tepi jalan melalui tiga kaedah iaitu:

- (i) menaikkan taraf gerai tepi jalan di lokasi sedia ada dengan izin *in-situ* seperti di Taman Desa, Jalan Klang Lama, Jalan Cochrane dan Taman Tenaga, Cheras.

■1100

- (ii) membina pusat penjaja baru di lokasi yang dikenal pasti sesuai seperti di tapak sementara Desa Tasik dan Pusat Perdagangan Lorong Bonus; dan
- (iii) mentransformasikan penjaja tepi jalan kepada konsep perniagaan menggunakan van atau trak.

Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri dapat berkongsi tentang kajian-kajian *business model* yang baru untuk penjaja-penjaja supaya dapat menentukan penjaja ini dapat diurus dengan mapan, bersih dan berterusan. Contohnya ialah antara *business model* ialah lori bergerak, *internet marketing* dan seterusnya, supaya kita dapat membesarkan lagi jumlah peniaga-peniaga dan juga menentukan mereka dapat dipupuk supaya menjadi pengusaha yang lebih berupaya lagi.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Sebenarnya apa Yang Berhormat telah sebutkan tadi itulah perancangan yang telah kita laksanakan di peringkat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sebenarnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak tertentu untuk menaik taraf penjaja tepi jalan sedia ada dengan menggunakan konsep karavan, dengan izin, *food truck*, dan *cabin shipping containa*. Setakat ini terdapat seramai 50 orang penjaja *food truck* yang telah dikenal pasti dan telah ditemu duga pada 1, 4 dan 30 September yang lepas.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan satu sesi temu duga dan kerjasama dengan pihak TEKUN dan Kementerian Wilayah Persekutuan. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga memberi geran kepada penjaja-penjaja

yang ingin berhijrah daripada jualan di tepi jalan ataupun di warung-warung untuk berhijrah ke *food truck*, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyediakan sebanyak RM10,000 jumlah geran kepada mereka. Dewan Bandaraya juga bersama bekerjasama dengan pihak TEKUN untuk menyelaraskan urusan pembiayaan pinjaman dan penyediaan karavan kepada penjaja-penjaja yang berjaya.

Kita juga sedang berusaha untuk bekerjasama dengan pihak FAMA untuk melaksanakan program ini. *InshaaAllah* kami harap bahawa pada tahun 2020, penjaja-penjaja di tepi jalan ini akan dinaiktarafkan seperti apa yang dikehendaki atau yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Pasir Gudang, patutlah dia marah, semalam marah. Lain kali berilah pada saya, dia kata. Sila [*Ketawa*]

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya ruang. *Handsome* Tuan Yang di-Pertua begini [*Tepuk*]

Soalan tambahan saya Yang Berhormat Menteri, kita sedia maklum dan berterima kasih tentang usaha-usaha yang dijalankan setakat ini tetapi melalui beberapa perkara, apa pendirian kerajaan berhubung dengan kedudukan peniaga-peniaga- lesennya orang Melayu, kalau di kawasan Tuanku Abdul Rahman katanya begitu tetapi peniaga-peniaganya warga asing termasuk juga kepada lesen-lesen yang diberikan kepada pengusaha-pengusaha makanan di mana tukang-tukang masakunya mesti kita tetapkan sebagai orang Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, *handsome* Tengku.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Saya terpegun juga bila Yang Berhormat amat prihatin terhadap permasalahan penjajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat menteri kata amat prihatin terhadap Tuan Yang di-Pertua dan Menteri yang *handsome*.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Saya takut sebut itu Tuan Yang di-Pertua, takut jadi ketiga, keempat pula [*Ketawa*]

Untuk makluman Yang Berhormat, ini menunjukkan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional ini prihatin. Ahli-ahli Parlimen yang duduk di Wilayah Persekutuan daripada pembangkang langsung tidak peduli apa yang sedang berlaku...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa yang ketiga, keempat itu?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, ini kita dah *argue*...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini perkara yang- saya minta Menteri tarik balik. Kalau kita, setiap bulan kita jumpa, kita bincang tentang kebajikan Wilayah Persekutuan, tidak adalah dalam Dewan ini hendak menghina Ahli-ahli Parlimen dari Wilayah Persekutuan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Batu.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey Yang Berhormat Batu. Yang masalah Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat Menteri, sesi soal jawab. Yang Berhormat Batu sila duduk.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Speak to the answer.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Jangan tembak merapu-rapu.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, saya telah pun mengeluarkan arahan di mana lesen-lesen penjajaan dan penjaja mesti dilaksanakan oleh orang tempatan. Kalau lesen ini terdapat diajakan semula atau dijual semula atau dipajakkan semula kepada orang lain, akan ditarik balik.

Baru-baru ini kita telah membuat satu, dengan izin, *survey* di kawasan-kawasan seperti Petaling Street, Jalan Alor, Chow Kit dan juga di pasar borong, terdapat macam-macam masalah. Jadi arahan telah dikeluarkan supaya semua lesen yang dipajakkan kepada orang lain akan ditarik balik dan kita tidak akan benarkan lesen ini diberi kepada, khususnya kepada warga asing. Sekian, terima kasih.

7. Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, beberapa jumlah hasil eksport negara sehingga bulan September 2015 berbanding dengan tahun 2014. Ada kerajaan bercadang untuk meneroka pasaran baru untuk eksport negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Yang Berhormat Pendang dan terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Eksport Malaysia pada September 2015 merekodkan pertumbuhan tahun ke tahun yang kukuh sebanyak 8.8% kepada RM70.16 bilion merupakan eksport bulanan tertinggi dicatatkan di sepanjang sembilan bulan pertama tahun 2015. Pencapaian ini disokong oleh permintaan yang kukuh terutamanya dari ASEAN, Kesatuan Eropah (EU), Republik Rakyat China serta Amerika Syarikat. Import pada bulan September 2015, 9.6% kepada RM60.47 bilion. Jumlah perdagangan bertambah 9.1% kepada RM130.63 bilion. Lebih dagangan pula meningkat 4.1% kepada RM9.69 bilion berbanding September 2014 merupakan lebih dagangan yang ke-215 bulan berturutan Tuan Yang di-Pertua, dicatatkan sejak November 1997, dan kita mendapat surplus selama 17 tahun 11 bulan berturutan setiap bulan.

Bagi tempoh Januari hingga September 2015, jumlah eksport negara adalah sebanyak RM568.21 bilion berbanding jangka masa yang sama pada 2014 yang berjumlah RM569.48 bilion. Pada 9 bulan pertama tahun 2015, eksport barangan perkilangan mencatatkan pertumbuhan 4.4% kepada RM454.88 bilion, dengan 80.1% syer daripada jumlah eksport.

Eksport hasil galian RM60.22 bilion, 10.6% syer, manakala eksport keluaran pertanian RM49.68 bilion, atau 8.7% syer.

Pertumbuhan ketara eksport sektor perkilangan dicatatkan bagi barangan *electrical* dan *electronic* sebanyak RM15.31 bilion. Barangan perkilangan logam meningkat RM4.31 bilion. Jentera, perkakasan dan peralatan RM3.72 bilion. Kimia dan bahan kimia meningkat kepada RM2.65 bilion serta keluaran getah meningkat kepada RM1.33 bilion.

Daripada segi pasaran utama eksport Januari hingga September 2015, 10 buah negara utama yang kita eksport:

- (i) Singapura;
- (ii) Republic Rakyat China;
- (iii) Jepun;
- (iv) Amerika Syarikat;
- (iv) Thailand;
- (v) Hong Kong;
- (vi) India;
- (vii) Indonesia;
- (viii) Australia; dan
- (ix) Korea Selatan.

■1110

Sepanjang tahun 2015, MATRADE telah menjalankan 116 aktiviti promosi eksport. Ini termasuk bagi sektor elektrik dan elektronik, produk perubatan, jentera dan kelengkapan pengangkutan, gaya hidup, minyak dan gas, kimia, bahan pembinaan dan perkhidmatan, pembinaan dan profesional.

Dari segi pasaran, ASEAN akan terus menjadi tumpuan aktiviti promosi. Bagi tahun 2015, 37 peratus daripada jumlah keseluruhan program promosi telah dilaksanakan di negara-negara ASEAN terutamanya Kemboja, Myanmar, Vietnam, Indonesia, Thailand dan Filipina. Pada masa yang sama, promosi eksport serta perkhidmatan juga telah dipertingkatkan ke pasaran terpilih. Usaha ini tertumpu di negara-negara Asia Barat, China, India dan Afrika.

Selain itu, program promosi juga dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada sektor-sektor di mana syarikat-syarikat Malaysia mempunyai daya saing yang tinggi. Di antara produk yang menjadi pilihan ialah seperti keluaran getah, perabot dan bahan binaan. Terima kasih.

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kerajaan. Soalan tambahan saya, pertamanya, apakah sektor yang terbesar eksport negara dan jumlahnya? Kedua, apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Majlis Eksport Negara yang baru ditubuhkan untuk meningkatkan eksport kita ke luar negara?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Majlis Eksport Negara ataupun dengan izin, *National Export Council* dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang diurusetikan oleh MATRADE, satu agensi di bawah MITI. Ia ditubuhkan pada 8 Disember tahun sudah, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengadakan empat kali mesyuarat dalam setahun dan

mesyuarat yang seterusnya ini adalah pada 7 Disember tahun ini. Di bawah Majlis Eksport Negara ini kita ada 15 agensi dan kementerian dan ada juga pihak swasta dan GLC yang kita jemput sama.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tujuannya tak lain dan tak bukan adalah untuk meningkatkan eksport produk keluaran dan perkhidmatan kita ke seluruh dunia. MATRADE mempunyai apa yang dipanggil sebagai slogan dengan izin, "*Made in Malaysia for the World*" iaitu "*Buatan Malaysia untuk Dunia*". Jadi kita mempromosikan barangan-barangan eksport kita ke seluruh dunia. Itu tujuan utama ditubuhkan *National Export Council* atau Majlis Eksport Negara ini.

Sebagai contoh, pada mesyuarat 17 September tahun ini, diputuskan supaya MATRADE mewujudkan apa yang dipanggil sebagai Pusat Integrasi Eksport dan pada 12 November baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri MITI telah melancarkan pusat ini. Apakah maksud Pusat Integrasi Eksport? Di situ kita letakkan pelbagai agensi yang terlibat di bawah satu bumbung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Indera Mahkota, tidak ada celahan semasa sesi soal jawab lisan.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tidak ada pencelahan. Soalan tambahan sahaja.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri belum jawab habis lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Belum habis lagi. Sabar, sabar.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya mendengar.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sabar, sabar.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Saya mendengar sambil berdiri. Saya bila berdiri dia dengar lebih *clear* lah. *[Dewan ketawa]*

Dato' Wira Othman bin Abdul [Pendang]: Tak berapa panjang itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya Yang Berhormat, bila kita tekan *mic* itu, gambar kita seluruh negara nampak. Ya, sila.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Sabar dahulu Yang Berhormat, sabar, sabar.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Itu pun tujuan saya pun. *[Dewan ketawa]*

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tadi mengenai Pusat Integrasi Eksport. Perkara ini sebelum ini tidak pernah ada. Kita letakkan agensi-agensi yang mengenai eksport ini di bawah satu bumbung di bawah Bangunan MATRADE, Tingkat 2 Menara MATRADE di Jalan Duta di sebelah Masjid Wilayah Persekutuan itu, dan kita adakan dua kali setiap minggu. Setiap hari Rabu dan Khamis, 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Semua agensi yang terlibat ada di dalam bangunan itu. Apakah agensi-agensi yang terlibat? Jabatan Kastam Diraja, EXIM Bank, SME Bank, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Kesihatan, JAKIM, SIRIM, SME Corp., MITI dan sudah tentunya MATRADE berada di bawah satu bumbung dalam konsep NBOS untuk kita menyelesaikan segala masalah yang berhubung kait tentang pengeksportan barangan. Itu di antara keputusan utama yang diputuskan oleh Majlis Eksport Negara.

Soalan kedua daripada Yang Berhormat...

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, boleh tidak saya hendak dapatkan pencelahan?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Belum.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Belum lagi?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Barangan utama eksport, saya baca senarai sahajalah iaitu:-

- (i) Barangan elektrik dan elektronik;
- (ii) kimia dan bahan kimia;
- (iii) keluaran petroleum;
- (iv) LNG;
- (v) minyak sawit dan hasil keluaran berasaskan sawit seperti minyak isirung sawit dan keluaran berasaskan sawit yang lain;
- (vi) jentera, perkakasan dan peralatan;
- (vii) barangan perkilangan logam;
- (viii) petroleum mentah;
- (ix) barangan optik dan saintifik; dan
- (x) keluaran getah.

Itu sektor utama eksport kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya bercadang hendak bagi Yang Berhormat Pandan tetapi nampak beriya-iyanya sungguh Yang Berhormat Indera Mahkota ini. Ketinggian dia sama dengan saya dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila, sila.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Banyak orang kata kita rendah, bukan, orang lain saja yang tinggi, kita tak rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dalam *National Export Council* ini adakah perangkaan bagi eksport dua perkara iaitu yang pertama, bijih besi dan yang kedua bijih bauksit? Ada perangkaan tidak pada tahun yang lalu? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih banyak.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Ingat hendak tanya apa tadi. Beriya benar, tiba-tiba soalan yang cukup spesifik. Saya ada angka-angka yang macam-macam di sini tetapi tidak dapat hendak beri sekaranglah. Boleh kita jumpa sekejap lagi?

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Bertulis, bertulis.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Bertulis agak lambat. Selepas ini kita jumpa sekejap.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tetapi belanja kopilah ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Pandan. Ringkas sahaja Yang Berhormat Pandan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah kesan TPPA kepada nilai eksport. Apakah pecahan dari segi aliran dagangan dua hala di antara nilai eksport berbanding nilai import setelah TPPA dilaksanakan? Ini kerana ada analisa yang menyebut bahawa hanya lebih kurang 30 peratus daripada sektor yang berorientasikan eksport yang akan mendapat kebaikan sementara selebihnya itu, pasaran dalaman negara kita akan terdedah kepada import yang lebih tinggi. Mohon pencerahan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Pada ketika ini, peratusan perdagangan global Malaysia ini bukan hanya kepada 12 negara TPPA yang berkaitan tetapi kalau kita lihat ASEAN, 27.89 peratus; China, 12.5 peratus; Oceania, 4.42 peratus. Kalau kita lihat seluruh Asia, 70.51 peratus. Jadi kalau kita membuat rumusan yang demikian, import akan meningkat akibat daripada TPP, ia tidak semestinya tepat sebab kita juga berdagang, misalnya Kesatuan Eropah yang tidak terlibat dengan negara TPP ini, 11.45 peratus daripada perdagangan global Malaysia. Afrika juga tidak terlibat, dua peratus dan yang lain-lain, 0.3 peratus. Amerika Utara dan Amerika Latin, 8.47 peratus dan 2.8 peratus secara keseluruhan.

Jadi, jika kita melihat pasaran baru yang akan ditembusi oleh Malaysia dengan TPP ini ialah Amerika Syarikat, Kanada, Peru dan Mexico yang kita belum ada lagi perjanjian perdagangan bebas. Jika kita boleh menghantar barang-barang kita dan mengeksport barangan kita ke empat negara yang berkaitan itu, maka kita akan menambahkan eksport sebenarnya. Sebagai contoh, US, Mexico, Kanada dan Peru pada saat dan ketika ini, barang-barang kita yang dihantar ke empat negara itu, *electrical* dan *electronic*, dikenakan tiga hingga lima peratus duti import. Akan tetapi apabila TPP ini, sifar peratus duti import. Jadi dengan lain perkataan, eksport kita dalam produk *electrical* dan *electronic* ke empat negara itu akan bertambah.

Dari segi produk-produk getah misalnya, ke US, Kanada dan Peru, pada saat dan ketika ini, negara ini adalah negara TPP, dua hingga 15 peratus duti import yang dikenakan terhadap produk eksport kita ke negara yang berkaitan. Akan tetapi apabila kita terlibat dengan TPP, dia akan turun sifar peratus.

Minyak sawit. Kanada sekarang ini mengenakan 11 peratus duti, Mexico menggunakan empat peratus duti. Apabila kita terlibat dengan TPP, kalau kita bersetuju, semuanya akan jadi sifar peratus. *Transport equipment*, Amerika dan Mexico, lima ke 15 peratus duti import pada saat dan ketika ini. Pemansuhan duti secara berperingkat selepas TPP menjadi 0%.

■1120

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri sedikit sahaja itu boleh bertulis.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Akhir produk-produk kayu ...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Menteri-menteri sedikit sahaja. Apa *revenue* yang kita akan hilang dengan barang-barang yang import? Itu yang akan naik apakah hasil akan hilang dengan kita menghapuskan duti import dari bahan-bahan yang akan diimport di Malaysia. Itu mungkin boleh tulis daripada segi *potential market* tetapi yang sedia ada.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih. Dia tidak ikut peraturan jadi saya tidak boleh jawab orang tidak ikut peraturan ini. Ke Jepun misalnya Tuan Yang di-Pertua sekarang pada saat dan ketika ini 6% sehingga 10% produk-produk kayu kita ada duti import tetapi apabila selepas TPP 0% jadi itu di antara kebaikan-kebaikan. Dari segi import apa yang berlaku nanti ialah menjadi pilihan kepada kita untuk membeli barangan-barangan itu tetapi jika import itu merupakan komponen kepada barangan eksport yang lebih murah maka dia juga secara tidak langsung akan membantu sektor eksport itu. Terima kasih.

8. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan pelaksanaan pelalian HPV.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gopeng soalan ini ialah berkenaan pelalian ataupun *vaccination* tentang *Human Papillomavirus (HPV)* untuk mencegah kanser pangkal rahim. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan telah pun memulakan program ini sejak tahun 2010 dan sehingga sekarang sehingga bulan Jun tahun ini 2015 seramai 1,320,025 murid perempuan Tingkatan Satu telah pun mendapat pelalian ini. Pada peringkat awal mereka mendapat tiga kali suntikan, tiga dos tetapi mulai tahun ini mereka hanya akan diberi dua kali, dua dos, dua suntikan iaitu pada awal tahun dan juga pada hujung tahun. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, *coverage* atau liputan pelalian HPV ini ialah sehingga sekarang pada tahun 2014 99.6%, yang 0.4% itu tidak bagi kerana mereka tidak dapat *consent* daripada ibu bapa mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuma jawapan itu agak singkat sangat daripada segi kos sebab setahu saya bila pelaksanaan pelalian HPV ini, kos yang dikenakan oleh kerajaan antara RM500 hingga RM600 setiap peserta. Akan tetapi saya juga tahu bahawa apabila pembuat vaksin tersebut kedua-dua syarikat Meck and Co dan GlaxoSmithKline (GSK) telah menawarkan kos yang jauh lebih rendah dibandingkan dengan kos asal yang mereka jual di Amerika Syarikat. Misalannya di Amerika Syarikat dia jual dengan USD130 satu dos tetapi di negara-negara tertentu cuma USD5 satu dos. Akan tetapi di Malaysia nampaknya apabila kementerian melaksanakan pelalian ini kos yang dikenakan itu kita ikut kos yang mereka caj di Amerika. Jadi adakah apabila kita buat *vaccination* secara besar-besaran sepatutnya kos itu jauh lebih rendah kalau dibandingkan kos individu. Jadi apakah tindakan kementerian untuk

mengurangkan kos dari segi *vaccination* supaya lebih ramai lagi yang boleh dapat faedah daripada pelalian tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua saya ingat maklumat yang Yang Berhormat dapat tidak begitu tepat. Sebenarnya kos kita hanya RM45 satu dos jadi dua dos RM90 lah setahun satu murid. Kos kita sebenarnya semua RM18 juta setahun Tuan Yang di-Pertua, bukan sampai RM500 satu dos tetapi sebenarnya RM45 kali dua dos RM90 satu murid setahun. Begitu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya pada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa peratuskah wanita Malaysia yang *sexually active* dengan izin. Ini *medical*, yang *sexually active* sama ada dia mengambil pelalian *Human 'Papillomavirus' (HPV)* atau tidak menjalani ujian *pap smear*, ujian '*papinicolaou*'. Ini kerana ini sangat penting, kerana ujian ini akan mengesan kanser serviks atau pangkal rahim ini pada peringkat awal di mana rawatan dapat diberikan dan pada akhirnya mengurangkan kematian disebabkan oleh kanser serviks. Apa kerajaan buat untuk meningkatkan peratusan ini? Itu dia.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Pengerusi memang tepat saya sebut kelmarin Yang Berhormat Bagan Serai ini memang dia akal banyak sungguh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Apa Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Orang kecil akal dia panjang. Jadi Tuan Yang di-Pertua tentang jumlah *women* yang *sexuality* saya tidak tahulah mungkin Yang Berhormat Bagan Serai tahulah. Akan tetapi apa yang kita *recommend* Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri macam Yang Berhormat Baling ini pandai putar.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua *recommendation* yang kita buat untuk *vaccination* HPV ialah antara sembilan tahun sehingga 26 tahun di mana wanita yang sehingga umur 26 tahun kita bagi memang berkesan Tuan Yang di-Pertua. Memang tiap-tiap klinik dan juga hospital di kerajaan memang kita sediakan perkhidmatan *pap smear* ini secara percuma dan semua orang boleh pergi mendapat *test* ini, jadi tidak ada masalah. Jadi maknanya yang penting ialah kita hendak menggalakkan semua wanita kita yang 40 tahun ke atas supaya pergi ke klinik-klinik kita untuk mendapatkan *pap smear* ini Tuan Yang di-Pertua. Ini yang bila kita kesan awal maka kita boleh buat tindakan awal dan dapat mencegah sengsara berikutan daripada kanser serviks ini Tuan Yang di-Pertua.

9. Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat menyatakan langkah efektif kerajaan menangani masalah moral masyarakat masa kini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima

kasih Yang Berhormat Kota Samarahan atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengambil beberapa langkah bagi membendung masalah moral masyarakat terutamanya di kalangan remaja dan kanak-kanak di negara ini.

Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah, pertamanya, menubuhkan 133 buah Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) di seluruh negara. Pasukan ini berperanan untuk membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam menangani isu kanak-kanak seperti penderaan, pengabaian, eksploitasi terutamanya di kawasan yang berisiko tinggi. Sebanyak 142 buah pusat aktiviti kanak-kanak turut ditubuhkan di bawah PPKK tersebut. Bagi menyediakan program yang berbentuk kemahiran dan perlindungan kepada kanak-kanak di kawasan berisiko tinggi.

Keduanya, Ahli Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak (JKK) dilantik daripada golongan masyarakat setempat dengan pelbagai latar belakang seperti profesional akademik, tokoh agama, belia dan sebagainya. Mereka ini membantu pegawai-pegawai akhlak menjalankan tugas-tugas untuk menyelia juvana yang dalam percubaan akhlak. Tugas mereka juga berhubung dengan seliaan lanjutan juvana yang dibebaskan dari asrama akhlak, juga sekolah yang diluluskan, Henry Gurney.

Ketiganya, kita melaksanakan program pencegahan dan intervensi awal. Ini dibuat oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Kemajuan Negara (LPPKN). Mengadakan pusat aktiviti remaja *Cafe @ Teen*. *Cafe @ Teen* ini mensasarkan golongan remaja yang berumur antara 13 tahun hingga 24 tahun bagi mereka diberikan maklumat berkaitan isu-isu sosial, termasuklah menyediakan khidmat kaunseling dan juga khidmat nasihat klinikal kepada remaja. LPPKN ini juga menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) bagi mengintegrasikan modul pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial ke dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Modul ini menekankan aspek mengendali situasi yang berisiko tinggi, kemahiran dan teknik penanguhan serta kemahiran penolakan kepada pelatih. Penolakan ini ertinya jangan mereka terlibat, boleh menolaknya kalau sudah tindakan-tindakan untuk melakukan seks dan sebagainya mereka dapat menolaknya dengan kemahiran ini.

■1130

Langkah ini bagi menangani permasalahan remaja lari daripada rumah yang berpunca daripada pengaruh rakan sebaya. Yang kelimanya, mewujudkan institusi pemulihan di bawah JKM iaitu 9 buah sekolah Tunas Bakti, 11 buah rumah asrama akhlak, 4 buah rumah Taman Seri Puteri dan 2 buah pusat jagaan Sinar Kasih bagi menjalankan program perlindungan dan juga memulihkan remaja dan kanak-kanak yang terjebak dalam gejala sosial seperti kesalahan juvana dan hamil di luar nikah. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menangani masalah-masalah moral ini, peranan dan kerjasama pelbagai pihak adalah amat penting, terutamanya termasuklah masyarakat dan juga keluarga. Selain daripada itu, kita juga memberikan penekanan kepada kanak-kanak dan remaja kerana kita berpandangan bahawa golongan inilah yang merupakan yang mudah terdedah dan terpengaruh dengan gejala sosial. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Samarahan.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah pada tahun 2012, pihak kementerian ada memperkenalkan satu program yang dikenali sebagai Program Rintis Pekerti yang dilancarkan di sekolah-sekolah yang mana pada tahun 2012, 33 buah sekolah terpilih. Sejauh manakah keberkesanan program ini dalam usaha menangani masalah sosial di kalangan sekolah dan juga adakah Program Rintis Pekerti ini masih dilaksanakan pada masa ini? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Sesungguhnya memang kita telah mengadakan Program Rintis Pekerti sekolah ini yang bermula pada November 2012 dan ini adalah merupakan program sokongan kokurikulum untuk pelajar tahun enam. Selepas mereka menduduki UPSR, maka kita mengadakan program pekerti sekolah ini. Kita juga mengadakan program Cakna Diri bagi pelajar tingkatan tiga. Selepas mereka menghadapi peperiksaan tingkatan tiga, kita adakan program ini yang mengajar tentang *reproductive health of adolescent*, dengan izin. Semua ini adalah bertujuan untuk memberikan maklumat kesihatan reproduktif dan teknik mengendali seks sebelum kahwin. Program ini seperti mana yang disebut adalah program rintis tetapi saya mohonlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua dalam Dewan ini supaya bantu kita, minta supaya kita dapat kewangan lagi, bajet lagi untuk kita meneruskan projek rintis ini. Kalau boleh, kita ingin bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan supaya program ini dapat kita teruskan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Daripada perhatian kita bahawa program ini memang berkesan. Kanak-kanak yang melalui program ini memang mereka nampaknya suka dengan program ini dan mereka mendapat banyak ilmu daripada program yang kita laksanakan. Ini adalah satu program yang baik, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

PENERANGAN DARIPADA Y.B. TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI
DI BAWAH P.M 14(1)(i)

PENJELASAN LANJUT TERHADAP KUASA PDRM UNTUK MENANGKAP PATI

11.33 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk membuat penjelasan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan isu yang telah berbangkit semasa menjawab soalan pertanyaan Jawab Lisan daripada Yang Berhormat Rompin pada 19 November 2015, soalan Nombor 5. Semasa sesi tersebut, seramai tiga orang Ahli Yang Berhormat telah bertanyakan soalan tambahan iaitu Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Kota Raja. Semasa menjawab soalan tambahan oleh Yang Berhormat Kota Raja, saya telah menyatakan bahawa “pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mungkin tidak mempunyai kuasa untuk menangkap pendatang asing tanpa izin atau PATI tetapi oleh kerana Imigresen ada, mereka boleh membuat tangkapan terus.”

Ingin saya tegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa pihak PDRM mempunyai bidang kuasa untuk menangkap PATI sebagaimana yang termaktub di bawah seksyen 51(b), Akta Imigresen 1969/63 yang menyatakan bahawa mana-mana pegawai kanan polis boleh menggeledah dan menahan mana-mana orang.

Manakala bagi seksyen 51(3)(a), akta yang sama pula menyatakan bahawa mana-mana pegawai polis, imigresen ataupun pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran mana-mana orang yang ia dipercayai dengan munasabah telah melakukan kesalahan terhadap akta ini.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan seksyen yang saya nyatakan tadi jelas menunjukkan bahawasanya pihak PDRM mempunyai kuasa untuk menahan dan menangkap PATI. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Baiklah, terima kasih.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Selesaikan dulu. Kita ada lagi. Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG DADAH BERBAHAYA
(LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KHAS) (PINDAAN) 2015****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Nur Jazlan bin Mohamed]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

USUL**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.36 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahas dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kesihatan bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2016 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Khamis 26 November 2015.”

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Noriah binti Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

11.37 pg.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mengemukakan satu rayuan bagi pihak rakyat Kuantan di bawah Peraturan Mesyuarat

19(1). Akan tetapi pada hari semalam saya menerima surat daripada Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa rayuan tersebut ditolak. Alasan-alasan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua merupakan alasan-alasan yang pada saya adalah alasan yang remeh dan tidak boleh diterima. Memandangkan masalah yang dihadapi oleh warga Kuantan merupakan satu masalah yang begitu *real*, begitu wajar dibawa ke pihak Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, alasan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua itu cukup tidak masuk akal. Yang pertama, di bawah 19(1)(a), dikatakan bahawa hanya satu orang sahaja Ahli Yang Berhormat boleh membawa usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat mengeluarkan perkataan yang *unparliamentary*. Saya kira perkataan yang dikeluarkan itu kena tarik baliklah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya maksudkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang 'tak masuk akal' ini, tak bolehlah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya maksudkan, saya maksudkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sebenarnya boleh tidak membenarkan Yang Berhormat untuk bangun.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, saya maksudkan bahawa alasan ini tidak munasabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ha, okey. Saya boleh terima.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Saya maksudkan alasan ini tidak munasabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jadi, 'tidak masuk akal' itu minta tarik baliklah.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: 'Tidak masuk akal' bagi sayalah, Tuan Yang di-Pertua, sebab orang Kuantan sudah *suffer* tapi tak apa, saya gunakan perkataan 'tidak munasabah'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Oleh kerana alasan yang diberikan, pertama ialah hanya seorang sahaja Ahli Parlimen boleh bawa rayuan ini sedangkan ada *precedence*. Dalam kes rayuan warga Felda, empat orang Ahli Parlimen yang membawa rayuan dan diterima untuk dibaca rayuan tersebut dalam Dewan. Alasan yang kedua, tidak cukup tandatangan yang tak ada. Kita ada 2,448 penandatangan. Kalau ada 10 pun kita tarik balik, kita masukkan semula. Kenapa pihak Tuan Yang di-Pertua tidak boleh berbincang dan betul-betul mengajak.

■1140

Itu isu remeh dan isu teknikal yang seharusnya tidak digunakan sebagai alasan untuk menolak. Alasan yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, 19(2)(d) di mana, Tuan Yang di-Pertua

menyatakan bahawa, Tuan Yang di-Pertua berpuas hati di atas usaha kerajaan untuk mengemas kini undang-undang di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 yang meliputi aspek pelesenan, pemprosesan, keselamatan dan kesihatan pekerja, penjagaan terhadap alam sekitar dan pemulihan tanah lombong. Oleh itu rayuan ini tidak dapat diperkenan untuk diluluskan bagi dibawa ke dalam Majlis Mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa pihak Tuan Yang di-Pertua menyebelah kepada kerajaan. Ini tidak seharusnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuantan, itu satu lontaran yang tidak baik kepada Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Kuantan, sila duduk Yang Berhormat.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Ini soalan. Tuan Yang di-Pertua, ini soalan. Kenapa mesti memihak kepada pihak kerajaan. Biarlah pihak kerajaan, pihak Menteri sendiri jawab. Kenapa mesti Tuan Yang di-Pertua yang jawab? Ini kerana, di Dewan yang mulia, Dewan wakil rakyat harus mendengar suara rakyat dan bukan menjawab bagi pihak Menteri, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuantan, saya sudah faham. Ada tiga alasan dan sila duduk.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tapi, seharusnya didengar rayuan tersebut Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi ruang. Sebenarnya kalau mengikut peraturan-peraturan 19, saya juga bersetuju bahawasanya alasan yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua adalah tidak munasabah dan kalau mengikut *conventionnya*, kalau kita mengikut amalan yang dilakukan di United Kingdom di mana kita ikuti tidak ada petisyen yang perlu panjang lebar ataupun kelulusan daripada pihak Tuan Yang di-Pertua. Petisyen ini adalah satu hasrat daripada rakyat untuk menyampaikan kepada pihak Dewan yang mulia ini dan juga kepada pihak pemerintah. Sepatutnya ianya diterima sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan, terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya faham bahawa Yang Berhormat Kuantan juga telah meneliti dan juga menerima jawapan daripada Tuan Yang di-Pertua. Semasa Tuan Yang di-Pertua untuk menimbangkan sebarang usul atau juga rayuan-rayuan Tuan Yang di-Pertua telah meneliti segala alasan usul atau rayuan-rayuan tersebut. Saya dapati bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah betul dan keputusan itu adalah muktamad. Sila, Yang Berhormat Kuantan cukuplah Yang Berhormat Kuantan. Yang Berhormat Kuantan, tidak perlu saya baca semula.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya segala apa undang-undang yang dibuat tidak boleh dilaksanakan. Dengar dulu apa yang dikatakan oleh

warga Kuantan. Ini sebab segala undang-undang tidak boleh dilaksanakan. *It's free for all* dekat Kuantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuantan sila duduk. Saya pun orang Pahang, saya faham. Jadi Yang Berhormat Kuantan sila duduk...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua orang Pahang, sepatutnya Tuan Yang di-Pertua beri ruang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini sebab Yang Berhormat Kuantan pun menerima alasan-alasan dan jawapan dari Tan Sri Tuan Yang di-Pertua. Sila Setiausaha.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2016

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2016

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2016 dan Usul Anggaran Pembangunan 2016 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." **[Hari Keenam]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said):
mempengerusikan Jawatankuasa]*

**Maksud B.31 [Jadual] –
Maksud P.31 [Anggaran Pembangunan 2016] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kepala Bekalan B.31 dan Kepala Pembangunan P.31 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Seremban.

11.44 pg.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya bila tengok Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri senyum dekat Yang Berhormat Seremban itu, saya fahamlah itu. Sila. *[Ketawa]*

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya pun faham Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, ada beberapa...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ada...

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Ada tiga perkara yang saya hendak bangkitkan dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam peringkat Jawatankuasa. Pertamanya ialah Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa. Tuan Pengerusi, saya rasa satu dasar yang amat penting untuk memberikan kompetitif kepada negara kita ialah pengecualian visa kepada pelancong-pelancong khususnya kepada pelancong daripada pasaran negara China.

Saya telah membangkitkan perkara ini dalam sesi soal jawab beberapa minggu yang lepas dan semasa pihak Yang Berhormat Menteri memberikan jawapan kepada soalan saya berkenaan dengan pengecualian visa kepada pelancong China, Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa memang dalam pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan memang menyokong dan mencadangkan dasar supaya diberikan pengecualian visa kepada pelancong-pelancong khususnya dalam *road tour* ataupun pelancong secara berkumpulan.

Akan tetapi apa yang saya rasa sekarang di sini ialah banyak kekeliruan timbul dari dasar ini. Apabila pihak Yang Berhormat Menteri telah memberikan jawapan tersebut di dalam Dewan yang mulia ini, pihak Imigresen Malaysia khususnya Ketua Pengarah Imigresen mengatakan bahawa pihak imigresen tidak akan melaksanakan dasar itu. Ini kerana mereka mengatakan bahawa isu sekuriti, isu masalah sosial dan tidak akan mengikut atau membenarkan kelonggaran visa ini dilaksanakan.

Jadi persoalan saya di sini, apakah ini satu percanggahan yang begitu ketara? Apakah *decision* daripada Kabinet, keputusan daripada Kabinet boleh tidak diikuti oleh pihak imigresen? Akan tetapi saya melihat ada beberapa kenyataan yang menyatakan bahawa memang pengecualian visa ini masih akan dilaksanakan. Cuma sekarang ialah kekeliruan daripada segi bagaimana pelaksanaan dasar ini. Apakah *group tour* itu, definisi *group tour* itu 10 orang kah, 20 orang kah bagaimana?

Jadi yang pertama ialah saya juga ada membaca bahawa dasar yang hendak dilaksanakan ialah *group tour* ataupun dua pelancong ke atas, sekurang-kurangnya dua orang dan diberikan pengecualian visa untuk pelancong-pelancong China. Memang saya rasa hujah-hujah untuk menyokong dasar ini untuk memberikan pengecualian visa kepada pelancong China telah banyak kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak payah *repeat* apa-apa hujah tersebut.

Saya hendak tahu bahawa bilakah pengecualian visa untuk pelancong China ini dapat dilaksanakan? Supaya kita dapat menarik ramai pelancong daripada negara China untuk tahun depan. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberikan pencerahan dalam Dewan yang mulia ini pada hari ini supaya dasar ini dapat diterangkan dengan seterang-terangnya. Adakah benar bahawa dua pelancong ke atas itu dianggap sebagai *group tour* dan diberikan pengecualian visa? Apakah syarat yang dikenakan?

Saya difahamkan ada satu syarat yang dikenakan untuk mendapatkan pengecualian visa ini iaitu dia mesti beli pakej daripada agensi-agensi pelancongan yang disyaratkan oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan China. Saya rasa syarat ini tidak begitu praktikal Yang Berhormat Menteri. Ini kerana ia tidak mengikut ataupun ia tidak sealiran dengan trend pelancong-pelancong pada ketika ini. Ini kerana Yang Berhormat Menteri pun ada pernah cakap dalam Dewan yang mulia ini bahawa sekarang ini trend pelancong ialah mereka melancong secara *Free Independent Traveler (FIT)*.

Kalau mereka tidak akan memberikan pakej lagi macam ramai pelancong di Malaysia sekarang ini, mereka tidak— kalau hendak pergi ke mana-mana mereka tidak pergi beli lagi pakej daripada agensi pelancongan. Mereka akan beli tiket kapal terbang daripada AirAsia dan sebagainya. Kalau hendak hotel mereka pergi ke www.agoda.com untuk *book* hotel dan sebagainya, tidak perlu ada agensi pelancongan. Jadi saya harap syarat ini tidak dikenakan.

Sekiranya syarat ini dikenakan, maka ia akan *defeat the purpose* untuk kita memberikan visa *free* kepada pelancong-pelancong. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri hari ini dapat memberikan satu pencerahan dan penjelasan supaya dasar pengecualian visa untuk pelancong China ini dapat diperjelaskan. Kita harap ia dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin.

Keduanya Tuan Pengerusi, Butiran 020400 – Pembangunan Industri. Dalam industri pelancongan satu subsektor yang saya pernah bahaskan dalam Dewan yang mulia ini ialah berkenaan dengan *cruise tourism*. Memang Yang Berhormat Menteri pun tahu bahawa sektor *cruise tourism* ini amat penting. Ia telah direkodkan sebagai satu atau pun dicadangkan sebagai satu subsektor yang diberikan perhatian khusus oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Di sini saya hendak merakamkan penghargaan kepada Yang Berhormat Menteri sebab pada minggu lepas pada hari Sabtu lepas, Yang Berhormat Menteri telah pun ke Pulau Pinang untuk menyampaikan sijil halal kepada sebuah restoran di atas *Cruise Costa* di Pelabuhan Pulau Pinang yang diberikan status halal oleh Penang Halal pada minggu yang lepas.

Yang Berhormat Menteri sendiri telah melihat bahawa betapa potensinya *Swettenham Pier* ataupun pelabuhan di Pulau Pinang itu untuk dibangunkan sebagai satu *hub* untuk *cruise tourism* di Malaysia ini. Cuma saya rasa banyak perkara yang masih belum selesai lagi terutamanya daripada segi pembangunan pelabuhan tersebut yang masih mempunyai banyak masalah, tidak mendapat kerjasama yang sepatutnya daripada pihak Kementerian Pengangkutan. Saya difahamkan baru-baru ini bahawa *Penang Port* telah menaikkan fi untuk penumpang daripada RM3 kepada RM10 setiap penumpang. Jadi saya rasa peningkatan seperti ini ia tidak membantu untuk menggalakkan lebih banyak *cruise liners* untuk datang ke Malaysia khususnya ke Pulau Pinang.

■1150

Jadi saya harap perkara-perkara ini kita dapat bincangkan, sebab saya difahamkan bahawa di bawah kementerian Yang Berhormat ada sebuah *council*, ada sebuah majlis, *Cruise Council* ataupun *Malaysia Cruise Council (MCC)* yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan ataupun membincangkan dasar-dasar bagaimana untuk membangunkan *cruise*

tourism ini di antara Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, serta Kementerian Pengangkutan?

Akan tetapi saya rasa, wakil Pulau Pinang yang duduk dalam *Malaysia Cruise Council* ini hanya dari Penang Port. *With due respect*, saya rasa orang-orang daripada pelabuhan ini mereka tidak faham berkenaan dengan industri pelancongan. Mereka hanya tahu bahawa daripada segi teknikalnya, mereka tidak begitu faham daripada segi pemasaran dan sebagainya. Saya harap di sini bahawa, pihak Yang Berhormat Menteri dapat menjemput atau memberikan kebenaran supaya sekurang-kurangnya seorang wakil daripada *Penang Global Tourism* dapat menduduki *Malaysia Cruise Council* ini supaya kita sama-sama memberikan *feedback*, memberikan cadangan-cadangan, dan bersama-sama kita dapat membangunkan *cruise tourism* ini di Malaysia khususnya di Pulau Pinang, yang merupakan pelabuhan yang amat strategik dan amat berpotensi kerana Pelabuhan Swettenham Pier itu, benar-benar terletak di tapak warisan budaya, di Georgetown. Dan Georgetown sekarang ini seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri telah dinobatkan antara empat bandar raya yang perlu dilawati oleh pelancong-pelancong yang telah diberikan oleh CNN.

Saya rasa ini merupakan satu potensi yang cukup besar. Kita harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberikan sokongan kepada pihak *Penang Global Tourism* untuk membangunkan *cruise tourism* ini.

Yang terakhir Tuan Pengerusi, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada pihak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri kerana dua tahun berturut-turut, untuk tahun 2013 dan 2014, telah meluluskan peruntukan kepada sebuah tokong di kawasan saya. Jadi saya bagi pihak Tokong Then Sze merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana pada tahun 2013, Yang Berhormat Menteri datang sendiri memberikan cek kepada tokong tersebut. Tahun ini 2014, KSU Kementerian datang memberikan cek kepada tokong tersebut. Tokong ini cukup 'ong'... [*Dewan riuh*] KSU datang berikan cek, bulan Februari dia datang, bulan Jun dia dapat "Tan Sri" [*Ketawa*]

Jadi ini sebuah tokong yang cukup 'ong' lah. Saya harap ini- dan saya merakamkan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya harap tahun depan juga sama, diberikan peruntukan untuk Tokong Then Sze ini untuk melaksanakan program atau festival Tahun Baru Cina. Kalau tidak dapat RM50,000 pun, mungkin RM30,000 pun sudah cukuplah...

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ini Menteri 'ong' ini.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan sokongan dan terus memberikan peruntukan kepada Tokong Then Sze ini kerana ia merupakan salah satu tempat, bukan sahaja sebagai tempat beribadat untuk masyarakat Cina di Parlimen Seremban, tetapi ia juga merupakan destinasi pelancongan terutamanya pelancong-pelancong domestik untuk melawat tokong tersebut yang cukup indah dan cantik semasa tahun Baru Cina, yang dihiasi dengan pelbagai lampu-lampu dan tanglung-tanglung yang dapat memeriahkan lagi suasana Tahun Baru Cina pada tahun hadapan.

Saya harap, pihak Yang Berhormat Menteri dapat memberikan peruntukan terus kepada tokong tersebut. Itu sahaja, Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Parit Sulong.

11.53 pg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada dua perkara yang saya hendak bangkitkan. Pertamanya Butiran 130000 - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.

Saya hendak memuji langkah yang dibuat oleh pihak kementerian yang sentiasa membuat promosi mengenai barangan kraf sehingga ke luar negara. Saya percaya ramai usahawan yang dibimbing di bawah kementerian yang telah banyak kali menyertai promosi kreatif kraf ini dan juga *lifestyle* ini di peringkat antarabangsa.

Daripada maklum balas yang saya terima, memang sangat positif, dan saya terima daripada *buyer-buyer* luar negara, maklum balasnya memang sangat positif. Cumanya saya lihat ada kekangan sedikit apabila mereka ini yang biasanya sebagai contoh Tuan Pengerusi, sebagai contoh kalau kita di Malaysia, selalunya kita order batik dalam kuantiti batik-batik tulis. Ni satu contoh yang agak ketara dalam 4 meter, 4 meter. Akan tetapi apabila mereka mendapat order dari luar negara, jumlah yang mereka menerima 1000 meter, yang menyebabkan setengah daripada mereka, daripada usahawan ini mendapat kekangan untuk memenuhi permintaan daripada order luar negara.

Jadinya soalan saya kepada pihak kementerian adalah bagaimanakah pihak Kraftangan Malaysia ini dapat membantu usahawan-usahawan kraf terutamanya di Malaysia ini, dan adakah pihak kementerian ada menyediakan bantuan secara dana modal bagi membolehkan mereka membesarkan lagi perniagaan mereka terutamanya dalam memastikan industri kita dapat dipromosikan dengan lebih kuat lagi di luar negara?

Seterusnya soalan saya, bagaimana kementerian juga dapat membantu pengusaha-pengusaha ini terutamanya yang terjadi dalam bidang yang berkaitan dengan *lifestyle* ini, dapat dikembangkan secara besar-besaran, terutamanya dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan mereka dengan memasarkan produk mereka ke luar negara? Seterusnya di bawah tajuk ini, apakah usaha kementerian dalam menggalakkan lebih ramai lagi golongan muda menceburi bidang yang berkaitan dengan kraf? Adakah pihak kementerian menyediakan satu bantuan khusus terutamanya kepada golongan muda?

Seterusnya kepada Butiran 020200 - Pusat Malaysia Rumah Keduaku yang mana objektifnya meningkatkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan kebudayaan yang berkualiti. Saya juga setuju tadi dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban mengenai bagaimana kita perlu mempromosikan, dan kerana lebih ramai pelancong dari China hendak datang ke Malaysia, tetapi disebabkan beberapa perkara yang menyebabkan ada kekangan di pihak mereka untuk sampai ke Malaysia dengan lebih ramai lagi.

Oleh sebab itulah saya hendak bertanya kepada pihak kementerian, bagaimana keberkesanannya sebenarnya Pusat Malaysia Rumah Keduaku ini dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan? Mungkin perlu ditambah lagi penambahbaikan kepada program ini kerana didapati bahawa, kalau program ini baik, lebih ramai lagi *tourist* yang mahu datang ke Malaysia yang membuat *investment* ke Malaysia, yang mungkin kita boleh buka lagi ruang, selain daripada pelancongan, *investment* juga akan masuk ke negara kita.

Seterusnya, apa program-program yang sebenarnya dilaksanakan di dalam mempromosikan Malaysia di awah tajuk Butiran ini yang boleh kita gunakan terutamanya dalam memperkenalkan Malaysia yang sentiasa kaya dengan seni dan juga budayanya. Itu sahaja Tuan Pengerusi, Terima kasih banyak kerana beri saya peluang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Ipoh Barat.

11.57 pg.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 08011 - Warisan Negara.

Ada tiga perkara yang saya ingin membawa perhatian. Nombor satu ialah Vivekananda Ashram. Saya berterima kasih kepada kementerian, terutamanya Yang Berhormat Menteri yang sangat 'ong' membawa satu perkara yang baik untuk menggazettekan *heritage status*. Akan tetapi yang menjadi masalah sekarang, yang rumit saya difahamkan bahawa pemegang amanah-*Trustee's* itu telah merayu kepada Mahkamah Tinggi, dan beberapa faktor yang telah diberi oleh pemegang amanah.

Saya harap bahawa kerajaan akan bertubi-tubi berlawan untuk menolak permohonan tersebut. Akan tetapi dalam hal ini, saya telah dikunjungi oleh NGO-NGO- "*Save Vivekananda Ashram*" di mana lebih 100,000 orang telah menandatangani petisyen tersebut, di mana mereka memohon agar saya juga terlibat dengan peguam-peguam lain, untuk menolong AGC dalam perkara ini. Adakah kerajaan boleh bersependapat dengan perkara ini kerana banyak antara hal-hal sejarah ini adalah di tangan-tangan orang-orang yang terlibat dalam NGO-NGO ini. Mereka ingin melibatkan diri, dan saya difahamkan kes itu akan disebut esok di Mahkamah Tinggi.

Saya hendak tanya, kelulusan dan kebenaran Yang Berhormat Menteri, dan kementerian supaya pihak-pihak yang- *will help in the assist of the government in this subject matter be allowed to play their role to assist the AGC lawyers' in this process*. Saya harap permohonan ini dapat dipertimbangkan.

Perkara yang kedua, mengenai *Bujang Valley* di mana ia tempat bersejarah lebih 2000 tahun dahulu, beberapa buah kuil telah dibina di sana.

■1200

Baru-baru ini pada 1 Disember 2013, tiba-tiba satu kuil yang lebih daripada 1,500 tan telah ditemui di sana. Ini di mana *developer* telah masuk untuk mengorek dan membuang kuil-kuil tersebut. Saya difahamkan beberapa orang telah mengunjungi kementerian supaya

memandangkan ia adalah warisan yang tertentu di mana ada berkaitan dengan *the ancient Buddhist-Hindu connection*, maka persoalan saya adalah apa yang dibuat oleh kementerian supaya kita dapat menikmati dan menghargai kita punya warisan yang lama ini? Ini adalah satu tempat yang bersejarah Bujang Valley, di mana ramai di antara *tourist* masih pergi ke sana dan ramai di antara orang luar negara pun datang. Kita akan kehilangan semua ini jika ini tidak diwartakan.

Akhir sekali adalah mengenai Kuil Batu Caves. Apakah tindakan kerajaan untuk membawa itu dilindungi di UNESCO? Apakah terkini mengenai perkara tersebut? Ini supaya ia juga dapat satu-satu warisan yang bagus untuk negara dan sebagainya. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila, tidak ada yang berminat sebelah kanan saya? Sila, sila.

12.01 tgh.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin ke Butiran 020...

Tuan Pengerusi: Tidak apa. Kadang-kadang tindakan saya Yang Berhormat tidak masuk akal. [*Ketawa*] Macam seperti begitu. Dia tidak peduli saya panggil. Tidak masuk akal kan. Tidak apa. Sila Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa, Butiran 01100 – Program Penyediaan/ Peningkatan Kemudahan Pelancongan.

Tuan Pengerusi, ingin saya memberitahu kepada Yang Berhormat Menteri, Miri adalah terkenal dengan minyak, kelapa sawit dan *yacht* yang begitu cantik di Lautan China dan juga satu tempat kita mengorek minyak hasil Malaysia yang pertama di Bukit Canada, Miri. Inilah tempat yang pelancong-pelancong selalu datang.

Apa yang saya hendak katakan di sini Tuan Pengerusi ialah adakah dalam perancangan pihak pelancong untuk menaik taraf Lapangan Terbang Miri menjadi lapangan terbang antarabangsa? Oleh sebab kita menunggu supaya pelancong-pelancong dari negeri China selalunya datang ke Kota Kinabalu dulu baru datang ke Miri. Jadi sudah melancong di Kota Kinabalu, mereka tidak pergi ke Miri. Jadi kalau boleh lapangan terbang ini dinaik taraf antarabangsa. Sekarang terima kasih kepada pihak lapangan terbang kerana membesarkan lapangan terbang itu untuk jet-jet yang besar untuk masuk ke Miri.

Ini kerana di Miri- kalau kita katakan Miri ini adalah di antara Baram kerana Baram itu ada Gunung Mulu yang terkenal seluruh dunia. Di Miri ada Gua Niah yang terkenal. Kita juga mengharapkan pihak kementerian melihat Miri sebagai salah satu produk pelancongan yang baik untuk menaikkan ekonomi kita.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya hendak, kalau boleh pihak kementerian memberi dan menambahkan peruntukan untuk industri kecil pelancongan ini. Mereka yang membuat *homestay*, kraf tangan dan sebagainya. Ini sebab di kawasan saya di Sibuti, untuk melihat

burung-burung yang boleh membuat sarang itu, yang menghasilkan sarang burung ada di kawasan saya di Gua Niah. Oleh sebab itulah saya mengharap kemudahan pelancongan ini dapat diadakan di kawasan saya.

Adakah juga pihak Yang Berhormat Menteri macam tidak sudi hendak melawat kawasan saya Sibuti. *[Ketawa]* Kita sudah jemput beberapa kali pun belum datang. Jadi, sebab itulah Yang Berhormat Menteri kita mintalah datang, kita bawa pergi rumah panjang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ini sebelah, sudah lama tidak dengar suara. Sebelah kiri Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Bukit Bintang. *[Ketawa]* Yang Berhormat Seputeh tidak disuruh berhujah pun selalu berhujah. Sila.

12.06 tgh.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Saya merujuk kepada B.31 Butiran 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa.

Walaupun saya nampak peruntukan dalam Bajet 2016 sudah kurang RM25 juta berbanding dengan tahun 2015. Walau bagaimanapun saya maklumkan bahawa baru-baru ini kementerian, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat satu pengumuman tentang kemasukan tambah visa. Walaupun ada syarat-syarat dan implementasi ini walaupun tidak berbanding dengan negara jiran yang lain seperti Indonesia dan Thailand, walau bagaimanapun ini satu cara yang baik untuk boleh menarik lebih pelancong dari luar negeri khususnya negara China.

Saya difahamkan bahawa dalam tahun 2016, anggaran jangka pelancong dari negara China keluar dari China seramai 120 juta. Ini satu angka yang besar, satu pasaran yang harus kita mengambil peluang ini untuk menarik lebih pelancong dari negara China jika kita boleh melaksanakan kemasukan tanpa visa yang lebih baik. Walaupun kementerian pun buat keputusan khususnya KDN, dua orang ke atas baru boleh dikira tanpa visa. Saya harap ini harus dihapuskan untuk kebaikan negara untuk mendapat lebih pelancong-pelancong dari negara China.

Ini satu pasaran yang amat besar dan boleh mendapat hasil pendapatan negara kita berbilion-bilion ringgit. Ini satu cara yang harus kita mengambil kira. Jika dalam 120 juta pelancong, 3% sahaja pun ada 3.6 *million* pelancong kita boleh menarik dari negara China.

Saya nampak Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan dalam Belanjawan 2016 sudah kurang RM284 juta berbanding dengan tahun 2015. Seharusnya kementerian ini harus bertambah peruntukan lebih untuk aktiviti-aktiviti untuk menarik lebih pelancong dari luar negeri. Adakah kerajaan akan melaksanakan *visa on arrival* (VOA). Ini salah satu cara untuk boleh menarik lebih pelancong dari luar negeri.

Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, sejak negara mengalami kejatuhan nilai ringgit, bagaimanakah bilangan ketibaan pelancong asing ke negara kita? Sejauh mana dasar kemasukan tanpa visa boleh membantu dalam sektor pelancongan kita? Sekian, terima kasih.

■1210

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Jerlun.

12.10 tgh.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam ucapan bahas di peringkat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan di peringkat jawatankuasa. Merujuk terus kepada B.31 020100 – Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa. Di Kedah kita bersempadan dengan Thailand. Isu yang berlaku dan kita mendapat laporan ialah apabila kenderaan dari Malaysia Kedah yang menghantar pelancong Malaysia ke Thailand sama ada di Hatyai ataupun Phuket dimaklumkan bahawa kenderaan ini hanya boleh menghantar tetapi tidak boleh ambil.

Ia berlaku sendiri kepada rombongan petani saya yang ke Bangkok. Kita pergi ke Bangkok melalui Hatyai kemudian bas dari Kedah ini menghantar hanya Hatyai ke airport. Kemudian bila balik kita kena guna kenderaan dari Thailand sehinggalah ke Bukit Kayu Hitam. Jadi dimaklumkan bahawa dasar yang dibuat oleh Kerajaan Thailand ini adalah kenderaan Malaysia tidak boleh digunakan untuk mengambil balik pelancong kita. Tetapi di sebaliknya kita sedar bahawa van ataupun van pelancongan, bas persiaran daripada Thailand setiap hari dapat menggunakan *border* kita atau kawasan kita daripada Bukit Kayu Hitam sampai Penang malahan mungkin Kuala Lumpur, Melaka sehingga ke Johor Baru untuk membawa pelancong dan juga ambil balik dan sebagainya.

Jadi apakah dasar yang berkaitan dengan perkara ini adakah kita hanya membenarkan kenderaan daripada Thailand untuk berleluasa menggunakan kemudahan yang ada di negara kita sedangkan kita pula tidak dibenarkan untuk buat perkara yang sama di negara Thailand. Sejauh manakah semangat *ASEAN the one committee* yang kita sedang usahakan ketika ini.

Kedua, Warisan Negara – 080000, khusus kepada tajuk 40600 – Program Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan Sejarah. Di Kedah terutama sekali di kawasan Lembah Bujang memang terkenal sebagai satu tamadun awal yang sekian lama dan kerja-kerja *excavation* ataupun kerja-kerja mencari bahan-bahan ini diteruskan sejak sekian lama oleh pihak Jabatan Arkeologi USM dengan kerjasama kerajaan negeri dan juga Kementerian Pelancongan.

Kita berbangga dan bersyukur kerana baru-baru ini ada penemuan baru iaitu di Sungai Batu berkaitan dengan Tamadun Kedah Tua yang katanya berusia lebih daripada 2,800 tahun yang lalu. Katanya juga ia tertua di Asia dan di Asia Tenggara malahan dianggap lebih tua dari Candi Borobudur di Indonesia. Jadi adalah kerajaan bercadang untuk meneruskan usaha pemugaran atau pencarian ini dan sejauh manakah pihak kementerian memberikan peruntukan

bagi melaksanakan kerja-kerja ini termasuk juga membuat promosi jumpaan bahan-bahan sejarah ini untuk *potential tourist* melawat di sana.

Ketiganya Tuan Pengerusi, 020300 – Pelesenan Pelancongan. Kita berbangga dan mengucapkan terima kasih atas usaha Tourism Malaysia yang menggamit pelancong-pelancong dari Cina ke Langkawi melalui *chartered flights* dan sebagainya. Saya juga difahamkan melalui Januari 2016, AirAsia akan mengadakan penerbangan terus Langkawi ke Guangzhou tiga kali seminggu. Jadi katanya pakej yang diberikan ini adalah pakej yang *attractive* dan *affordable*, bukan *cheap package but attractive* dan *affordable* dengan izin yang diberikan kepada pelancong-pelancong China.

Cuma isunya ialah difahamkan bahawa *the ground handlers* mungkin *tourist guide* hanya akan membawa pelancong-pelancong ini ke tempat-tempat tertentu terutama untuk membuat beli-belah, *shopping*, di *designated outlet* dengan izin yang diuruskan dan diatur oleh pihak agen atau *tourist guide* ini. Kita dimaklumkan bahawa kadang-kadang banyak *tourist* ini merungut, mereka telah di caj ataupun terpaksa membayar harga yang jauh lebih tinggi kadang-kadang sampai lima kali ganda. Ini sudah tentulah tidak memberikan kesan yang baik untuk jangka panjang ini kerana saya yakin kalau mana-mana *tourist* ataupun pelancong ini yang dikenakan harga yang jauh lebih tinggi daripada biasa, maka mereka juga akan menjadi *word of mouth* untuk kempen yang tidak baik ini.

Jadi apakah kementerian melihat dari sudut pemantauan, aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh *ground handlers* dan juga *tourist agent* ini. Kita tidak mahu perkara-perkara yang seumpama ini akan merosakkan imej dan juga nama baik tempat yang dilawati di Langkawi ini kerana kita takut ia akan membawa kesan yang negatif.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, 030300 – Pengurusan Acara. Kedah akan menganjurkan *Discovery Kedah 2016* tahun depan. Jadi sudah tentulah kita amat mengharapkan kementerian juga dapat membantu dan menyokong usaha-usaha promosi dan juga beberapa acara penting bagi memeriahkan lagi acara melawat Kedah ataupun *Discovery Kedah 2016* yang akan datang. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seputeh, Menteri baru keluar. Mahu juga cakap Menteri? Sila Yang Berhormat Seputeh.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: [Bangun]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak rujuk kepada Butiran 020000 – Pelancongan, 030000 – Kebudayaan. Tuan Pengerusi, saya sebenarnya sudah buat ucapan saya waktu dasar tetapi kesalnya Menteri tidak jawab. Jadi saya hanya hendak bangkitkan beberapa isu yang mana saya berharap saya boleh dapat jawapan nanti.

Tuan Pengerusi, kalau kita merujuk kepada laman web *Tourism Malaysia*, ketibaan pelancong asing pada Januari tahun ini telah pun jatuh 6.4% berbanding dengan tahun lepas ini diikuti dengan penurunan sebanyak 8% pada bulan Februari dan 11% pada bulan Mac tetapi saya tidak dapat angka yang lebih selepas Mac. Saya hendak tahu apakah yang statistik dan

angka yang terbaru. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh beritahu dalam Dewan yang mulia ini angka penurunan pelancong asing ke Malaysia mungkin setakat bulan Oktober. Mungkin pihak kementerian boleh dapat angka dan statistik ini. Sebenarnya apa yang saya nyatakan ini bukan rekaan saya dan ini telah pun dilaporkan di *The Malay Mail* 'Drastic Tourist Slump'. [Sambil menunjukkan akhbar *The Malay Mail*] 'The number of foreign tourist has fallen to its worst level in decades. Stakeholders blame it on the sliding ringgit, economic slowdown and visa problem involving Chinese visitors'.

Jadi sini ada satu laporan yang agak mendalam. Kami tahu yang pihak kementerian telah pun cuba sedaya upaya untuk menarik kemasukan pelancong asing khususnya pelancong dari negara China. Akan tetapi nampaknya ini hasil dan segala usaha kita ini, ini adalah apa yang kita dapat. Pelancong asing turun dengan banyaknya pelancong dari negara China malah jatuh sebanyak 28.5% berbanding dengan penggal yang sama pada tahun lepas. Akan tetapi kami juga rasa hairan walaupun Thailand mengalami rampasan kuasa oleh pihak tentera dalam Mei 2014, tetapi kita lihat pelancong asingnya meningkat sebanyak 29.5% dan peningkatan sebanyak 14.8 juta orang pelancong pada penggal pertama 2015 untuk tahun ini.

Jadi kenapa yang ini berlaku? Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan memberi analisis kepada kita di dalam Dewan yang mulia ini. Dalam surat khabar khususnya surat khabar Cina kita sudah banyak agensi pelancongan. Mereka sangat marah pada bulan Oktober. Mereka adakan sidang akhbar yang menyalahkan pihak kerajaan yang tentang isu visa yang mana dibangkitkan oleh rakan-rakan kita lagi.

■1220

Jadi, apakah yang *latest, what is the latest?* Adakah pelancong dari Negara China boleh masuk secara terus atau apakah *the latest?* Saya juga hendak tahu kenapakah pengeluaran visa ini kita perlu satu syarikat swasta Ultra Kirana untuk mengeluarkan visa bagi pelancong dari Negara China ke Malaysia. Kenapa kah perkhidmatan seperti ini juga diswastakan? Saya diberitahu oleh kawan saya yang bekerja di Negara China, mereka kata dahulu bila penswastaan perkhidmatan ini belum diadakan mereka hanya bayar RM80 untuk mendapatkan visa tetapi *fee* untuk permohonan visa untuk datang ke Malaysia bagi warga China telah dinaikkan ke RM220. Jadi, kenapakah penswastaan diberikan dan bukannya dilakukan oleh pegawai Imigresen kita sendiri? Siapakah yang bersalah? Bagi Kementerian Dalam Negeri, adakah mereka akan mengkaji semula dasar ini dan mengambil alih satu agensi yang sebenarnya boleh menambahkan dana bagi pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak tahu apakah pendirian kementerian terhadap Himpunan Rakyat Bersatu atau pun perhimpunan 'baju merah' yang menyebarkan mesej yang penuh dengan berbaur perkauman dan ugutan... [Dewan riuh] terhadap keselamatan orang China pada 16 September tahun ini. Adakah ini menyumbang kerana apa yang berlaku di Malaysia ini keluar dalam CCTV, keluar dalam CNN dan dalam internet dan sebagainya. Adakah perhimpunan seperti ini yang seolah-olah adanya rusuhan kaum ini menakutkan pelancong dari Negara China untuk masuk, untuk datang ke Malaysia.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ya, sila.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Sedikit sahaja. Saya tertarik dengan apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi. Akan tetapi saya hendak dapatkan pandangan dari Yang Berhormat Seputeh sebab Yang Berhormat Menteri sudah kata perhimpunan ini telah meletakkan Malaysia dalam *global map* dan telah menarik lebih ramai yang datang ke Malaysia. Jadi, saya hendak dapatkan pandangan Yang Berhormat Seputeh, pandangan Yang Berhormat Menteri ini agak unik dan *outstanding*, berbeza dengan Menteri-menteri yang lain. Apa pandangan Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri bagi perhimpunan Bersih 4 kerana ini menunjukkan negara kita ini ada rang demokrasi yang kerana tuntutan perhimpunan Bersih itu adalah jelas. Kita mahu satu kerajaan yang telus dan bersih dan kita mahu...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: ...Untuk pemulihan ekonomi. Semua ini *message* yang positif. Ini menjadikan negara kita nampak baik. Akan tetapi bukan perhimpunan 'baju merah'. Perhimpunan 'baju merah' itu menyebarkan benih kebencian terhadap kaum yang lain dan mereka buat di China Town di Petaling Street. *[Disampuk]* Jadi, ini disebarkan, dilaporkan dalam media antarabangsa dalam CNN, BBC dan CCTV, Al Jazeera dan sebagainya. Jadi, bagi orang asing mereka rasa ini rusuhan kaum. Bagi pelancong dari Negara China, mungkin Taiwan, Hong Kong mereka kata "*Oh China Town itu tidak selamat, lebih baik jangan pergi*".

Kita tahu 1 Oktober hingga 10 Oktober di Negara China adalah satu tempoh yang mana paling baik untuk *holiday*, cuti sebanyak 10 hari yang kebanyakan orang China suka pergi ke luar negara untuk melancong tetapi kita gagal menarik mereka masuk. Mungkin kerana himpunan 'baju merah' itu menakutkan mereka. Jadi, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat tentang ini. Kalau kita hendak menarik kemasukan pelancong asing kita perlu usaha, kata sepakat di antara anggota-anggota Kabinet. Jangan ada Menteri dalam Kabinet yang menggalakkan ahli UMNO pergi menyertai perhimpunan 'baju merah' itu. Mereka tidak tahu tentang...

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Minta penjelasan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *Impact* yang begitu buruk terhadap imej Malaysia. Ya, sila.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi. Setuju kah Yang Berhormat Seputeh bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan perarakan, perhimpunan sama ada kuning atau merah, apa semua ini sudah tidak boleh kita buat di Malaysia ini sebab ia akan menggugat pelancong dan sebagainya. Jadi, nampaknya Yang Berhormat Seputeh pun sudah mula sedar. Jadi, adakah sangkaan saya ini benar? Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Memang saya tidak setuju. Perhimpunan Bersih ini adalah secara aman. *[Dewan riuh]* Kita lihat satu keadaan yang mana orang ramai datang malah kita bersihkan semua tempat yang kita berhimpun sebelum sambutan Hari Merdeka dan tuntutan dikeluarkan kerana...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Bil DBKL pun tidak bayar lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuntutan yang mana amat diperlukan oleh Malaysia. Macam baju merah, yang baju merah...

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Yang Berhormat Seputeh, Sibuti.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Yang Berhormat Sibuti ini dari Sarawak, *you* tidak tahu apa berlaku di sini lah.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tahu.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Perhimpunan semua ini, Yang Berhormat Sibuti juga tidak menyertai.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Sibuti dengan Seputeh lebih kurang sahaja.

[Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Sibuti dan Seputeh adalah kawasan yang memang jauh berbeza. Ya Yang Berhormat Ampang, sila.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Seputeh, mungkin kita harus memberikan penjelasan di antara perbezaan baju merah dengan baju kuning *because* unsur baju merah adalah perkauman, baju kuning adalah *about* rakyat Malaysia keseluruhannya. Jadi, perbezaan itu jelas. Jadi, sebab itu kita bantah apabila ada demonstrasi perkauman yang membawa sesuatu kaum untuk turun padang dan ini akan menjadi satu hasutan, jadi satu pergaduhan dan merumitkan keharmonian dalam negara ini. Yang Berhormat Seputeh, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Seputeh, hujah ini sudah termasuk dalam ruang lingkup dasar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Ketawa]* Okey, okey.

Tuan Pengerusi: Jangan terlampau jauh masuk dalam dasar.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya setuju dengan Yang Berhormat Ampang. Saya setuju dengan Yang Berhormat Ampang yang mana ini adalah juga *point* saya dan sudah banyak kali dibangkitkan.

Di sini saya hendak pergi kepada aspek kebudayaan. Saya rasa kesal peruntukan bagi kementerian ini telah pun dipotong banyak. Sebenarnya saya rasa apa yang amat perlu diadakan di negara kita adalah lebih program kebudayaan yang memupuk keharmonian dan kerjasama di antara suku-suku kaum kerana slogan Malaysia bagi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ialah "Malaysia, Truly Asia". Jadi, macam mana hendak tunjukkan Malaysia ini *truly* Asia adalah dengan kita menggalakkan lebih banyak lagi NGO-NGO dan persatuan di masyarakat kita yang mempromosikan kebudayaan.

Jadi, di sini saya hendak bagi satu cadangan. Macam ada satu program yang saya pernah hadir pada tahun ini ialah Borneo Hornbill Festival yang saya lihat ada ramai rakan-rakan peribumi di Sabah dan Sarawak yang datang menghadiri Borneo Hornbill Festival ini dengan baju yang melambangkan etnik suku kaum mereka ini. Saya rasa itu program yang sangat berjaya yang mana ini adalah dianjurkan oleh NGO. Saya rasa kementerian haruslah menyokong malah memberi peruntukan kepada NGO-NGO yang memaparkan kecantikan kepelbagaian budaya suku-suku kaum termasuk di Sabah dan Sarawak di Semenanjung Malaysia. Ini kerana ramai pelancong khususnya pelancong dari China mungkin mereka tidak dapat pergi ke rumah panjang di Sarawak dan ke kawasan pedalaman di Sabah dan sebagainya.

Akan tetapi kalau kita adakan festival, program macam ini dan kita masukkan dalam *calendar* pelancongan kita, ini pun akan menarik pelancong asing bila mereka berada di Kuala Lumpur, mereka dapat menyaksikan kepelbagaian dan kecantikan kesemua budaya termasuk adat suku-suku kaum di Malaysia ini. Macam di kawasan saya, ada satu NGO yang setiap tahun menganjurkan pesta tarian. Jadi, mereka menggalakkan budak-budak sekolah, sekolah menengah dan sekolah rendah di bawah tunjuk ajar daripada guru-guru mereka, mereka mengadakan pesta yang begitu menarik sekali yang saya rasa ini adalah nasional standard. Semua ini adalah usaha daripada pihak NGO dan mereka yang memang berminat dari segi kebudayaan.

■1230

Jadi saya hendak minta kerajaan haruslah menyalurkan lebih peruntukan kepada Bahagian Kebudayaan di dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini dan saya juga menyeru Kementerian Kebudayaan boleh juga menggalakkan lebih NGO-NGO tempatan untuk menganjurkan program kebudayaan seperti ini supaya kita boleh saling faham memahami di antara satu sama lain dan juga sama-sama kita *appreciate* kebudayaan yang pelbagai di Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Baling.

12.30 tgh.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana beri peluang kepada saya.

Saya ingin turut serta dalam perbahasan pelancongan iaitu Butiran 020000, Butiran 029000 dan Butiran 050000. Ini berkaitan dengan pelancongan. Saya tertarik dengan perbahasan yang dibawa oleh Yang Berhormat Seputeh tadi. Banyak *point* yang *taken* bagi saya sebagai Ahli Parlimen duduk di Barisan Nasional, di sana pembangkang, tetapi ada sedikit sebanyak persamaan.

Walau bagaimanapun, izinkan saya untuk merekodkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kementerian Pelancongan khususnya kepada Yang Berhormat Menteri yang telah cuba sedaya-upaya untuk membangunkan industri pelancongan. Kalau kita tengok apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi, berbandingkan

dengan negara Thailand walaupun sedang ada pergolakan tetapi peratusan pelancong datang ke negara mereka bertambah baik, padahal dalam negara kita bertambah turun.

Di antara sebab yang turun ini kerana Bersih 1.0, Bersih 2.0, menakut-nakutkan pelancong-pelancong khususnya daripada China, daripada Arab Saudi contohnya, pijak gambar-gambar Perdana Menteri, pijak gambar isteri Perdana Menteri, cuba kencing, cuba berak. Ini semua contoh teladan imej yang paling buruk sekali oleh pembangkang yang menakut-nakutkan pelancong untuk datang ke negara kita. Jadi sebelum Yang Berhormat Seputeh hendak berbahas, cermin muka dulu. Sebab, ini di antara sebab saya tengok Yang Berhormat Seputeh di antara orang yang berdepan duduk dalam Bersih 1, Bersih 2 dan sebagainya.

Jadi, saya yang ucapkan syabas dan tahniah tadi, ada rakan-rakan pembangkang kata saya hendak bodek Yang Berhormat Menteri, *no*. Saya dengan izin, *I will speak the truth with fact and figures*.

Saya dalam masa yang terdekat ini, saya kagum apabila Yang Berhormat Menteri cuba membawa pelakon-pelakon terkenal daripada negara luar. Ini salah satu cara pendekatan yang begitu mulia untuk kita mengangkat, memartabatkan pelancong-pelancong, untuk menggalakkan pelancong-pelancong datang. Bilamana kadang-kadang pelancong-pelancong ini khususnya pelakon-pelakon yang hebat dalam negara mereka, di dalam negara dia pun dia tak sempat hendak jumpa. Akan tetapi bila datang ke negara kita, mereka juga boleh turut datang untuk sama-sama mendekati pelakon-pelakon yang menjadi idola mereka.

Yang terbaru, Yang Berhormat Menteri telah membawa seorang pelakon yang terkenal di India, Rajnikanth. "*Ya wani, taniiii vali*". [*Ketawa*] Ha, itu cara pelakon itu. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Seheinggakan yang mana saya hendak nyatakan di sini, bila Yang Berhormat Menteri berjumpa dengan pelakon Rajnikanth tersebut, saya merasakan Yang Berhormat Menteri begitu seronok, gembira sampai membawa cerita itu ke Parlimen di kantin, Tuan Yang di-Pertua. Bila bercakap di antara cerita-cerita yang dilakonkan adalah semuanya bersandarkan perpaduan.

Pelakon-pelakon ini juga bila mereka melakonkan cerita-cerita mereka, ada mesejnya. Mesej yang tersurat dan tersirat. Ia semuanya bersandarkan perpaduan, kebaikan, kekeluargaan dan sebagainya. Jadi itulah, saya hendak ucapkan syabas dan tahniah dan banyakkkan lagi, banyakkkan lagi.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:
[*Bangun*]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Oh Menteri nak celah? Sila Yang Berhormat Menteri. [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat daripada Baling dia menceritakan bagaimana cerita-cerita Tamil Rajnikanth ini mengajak kita untuk melakukan kebaikan tetapi dia tidak menyebutkan contoh-contoh. Saya minta dia bagi satu contoh kepada saya, *Baashha* kah apa kah, bagaimana dan *translate* kepada kita apa yang dimaksudkan yang dicakap itu. [*Ketawa*]

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ha, mana dia *facts and figures* ya, Yang Berhormat Menteri?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Baling, kalau boleh lontarkan satu, dua perkataan Tamil tetapi *make sure* yang *parliamentary* punya. Sila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya hendak pergi ke situ, saya cadang akhir ucapan saya, saya hendak buat sedikit gaya, cara, mesej.

Akan tetapi saya hendak menyatakan di sini kepada Yang Berhormat Menteri untuk banyakkkan, bukan sahaja daripada India, tetapi pelakon-pelakon terkenal daripada China, pelakon-pelakon Hollywood, Bollywood. Dulu kita tahu Shah Rukh Khan yang datang ke sini. Ini sekali gus akan menarik minat rakyat kita itu sendiri tanpa sempadan fahaman politik.

Ini macam kita tengok bola, Tuan Pengerusi. Main bola ini di stadium, semua ideologi yang fahaman politik akan bersama-sama dalam satu matlamat iaitu untuk memenangkan pasukan tertentu, contohnya negara Malaysia. Roh, semangat kita.

Akan tetapi yang saya hendak bercakap berkaitan dengan Rajnikanth yang- ini kali pertama ada pembahas berhujah, Yang Berhormat Menteri bangun minta untuk dilakonan semula. *[Ketawa]* Jadi, saya rasa ini pun satu *precedent*, Tuan Pengerusi. Jadi saya yakin dan percaya ini kerana Yang Berhormat Menteri pun begitu minat, khusyuk lagi tawaduk dalam meneliti pelakon tersebut, pengamatan beliau sebab mesej- kerana pelakon itu mempunyai nilai. Semua pelakon ini ada nilai-nilai unggul di atas keperibadian mereka. Inilah dia tadi yang kita selalu nyatakan... *[Disampuk]*

Sabarlah. Tengok, Yang Berhormat Parit Sulong pula hendak cepat. Tak sabar, Tuan Pengerusi. Dia suka semua cepat. Selepas itu hendak pendek, saya pun tak faham, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Akan tetapi di sini... *[Disampuk]* Oh, minta maaf.

Dalam konteks kita menarik minat pelancongan, di sini hujah kita untuk kita membawa lebih ramai pelancong ke negara kita untuk mengangkat martabat negara kita, tambah pula dengan sosioekonominya. Jadi, kita tidak mahu- di kesempatan ini, saya ingin menasihatkan rakan-rakan saya supaya tak payahlah dia bersih-bersih, tak payahlah bawa gambaran yang tidak elok. Kalau kita tidak puas hati dengan kerajaan yang memerintah, di dalam Dewan yang mulia ini kita berhujah sampai dua pagi, tiga pagi untuk kebaikan dan akhirnya bila sudah hampir pilihan raya umum akan datang, biar rakyat menjadi hakim dalam erti kata sebenarnya untuk memutuskan mereka hendak pilih yang mana, yang kaca ataupun yang permata. Walaupun hitam, tetap permata, Tuan Pengerusi. *[Tepuk]*

Jadi, di kesempatan ini yang mana Yang Berhormat Menteri minta tadi, izinkan saya Tuan Pengerusi, dengan *'ijin'*, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Sila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Ini adalah saya hendak menceritakan bagaimana salah sebuah cerita Rajnikanth

yang begitu *famous* di kalangan masyarakat India, Melayu, waima hatta Cina pun minat sebab ada *subtitlenya*, kerana mesejnya. Ini satu cerita yang kita panggil cerita '*Manik Baashha*'.

Cerita ini begitu popular di kalangan rakyat kita ini di mana mesejnya- beliau seorang mafia besar dulu dalam *movie* tersebut, dalam cerita tersebut. Beliau seorang mafia yang terkenal dalam negara. Jadi bila beliau, oleh sebab dia jadi Robbin Hood, dia mencuri daripada semua pedagang yang buat *illegal* aktiviti yang haram ini, ambil duit dia, berikan kepada orang miskin, orang kampung, dia bantu mereka ini. Jadi bilamana satu hari bila polis semua tahu yang-pelakon ini berlakon, jangan salah tafsir pula. Nanti ada tulis, saya kata dalam negara, tidak. Ini berlakon, cerita '*Manik Baasha*' untuk rekod. Kang esok dia panggil dia kata hendak *sign* apa-apa untuk saya ambil tindakan, tak boleh. Ini cerita.

■1240

Dalam cerita itu bilamana beliau satu hari, ketua polis negara pun kasihan pada beliau sebab beliau seorang yang baik, dia tolong bantu buat kerja polis yang kerja polis tidak boleh buat. Dia lebih kenal yang mana satu mana penyangak dan yang mana satu orang baik. Jadi akhirnya mereka pun buat satu cara di mana letupkan seseorang macam dia mati, kata dia sudah meninggal dunia tetapi dia hidup, dia balik ke kampung. Kampung dia jauh daripada Bombay pergilah ke kampung India. *Movie* itu di Bombay tetapi dibawa balik ke kampungnya.

Dia kampung dia, dia bawa tut-tut. Tuan Pengerusi tahu tut-tut? Tuan Pengerusi, di Manila, di Indonesia kan banyak tut-tut itu. Tahu ya Tuan Pengerusi tut-tut bawa *passenger* dengan kumpulan dia. Jadi, satu hari bilamana dia sedang bawa seorang perempuan anak gadis cantik hantar ke rumah orang kaya. Rupanya bapanya itu adalah pengedar *diamond illegally, illegal* punya *activity*. Anaknyanya tidak tahu apa yang bapanya suruh bawa balik, dia simpan dalam beg. Sampai di rumah barang itu tidak ada. Bapa dia tanya, "*Kau datang naik apa?*" Dia kata dia naik tut-tut. Bapa dia hantar semua orang-orang dia pergi situ bakar, pukul, ambil. Rupanya barang itu tidak ada.

Sekejap lagi 10 minit ketuanya telefon balik. Rupanya anak dia tersimpan dalam beg satu lagi, dia jumpa. Maknanya inilah orang kaya dan orang miskin orang buat di sana, di India dalam *movie* tersebut, dalam cerita tersebut. Jadi akhirnya cerita ini panjang, dua jam setengah. Tuan Pengerusi tidak boleh tunggu dua jam setengah.

Akan tetapi akhirnya bilamana satu hari, selepas itu anak perempuan ini datang minta maaf. Dia hendak belikan tut-tut itu balik. Dia kata tidak mahu. Saya orang miskin, inilah cara kami orang miskin dibuat oleh orang kaya. Jadi tidak mengapa. Dia pun *repair* balik. Akhirnya anak perempuan ini jatuh hati dengan pembawa tut-tut itu. Inilah Rajinikanth tadi.

Jadi apabila bapanya dapat tahu dia sudah jatuh cinta, bapanya hantar orang pukul dia. Dia terima lagi tetapi bila mana budak perempuan ini diikat dalam rumah, tidak boleh keluar dia telefon hero ini Rajinikanth dia kata, "*Kalau kau tak datang dalam sejam aku akan bunuh diri*".

Dia pergi Tuan Pengerusi. Apabila dia sampai dalam rumah itu, rupanya yang ketua penyangak itu adalah *office boy* dia dahulu di Bombay. Di Bombay dahulu, dia ni *chief mafia*, itu

adalah *office boy* dia yang curi harta dia jadi kaya. Apabila dia nampak, dia ada cara Tuan Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri, hendak saya tunjukkan cara dia untuk dia kenalkan diri dia masa itu dia tidak boleh cakap sebab orang tahu dia sudah mati. Akan tetapi semua ketua... Yang Berhormat Kapar senyum Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Kapar tahu saya "Baasha" Malaysia.
[Ketawa]

Untuk makluman Tuan Pengerusi, dia sampai cara dia satu sahaja jari dia [Bercakap bahasa Tamil] Maksudnya selepas itu dia tarik. [Menunjukkan gaya] Pusing sedikit Tuan Pengerusi. Maksudnya itulah dia ketua mafia. Jadi bapanya tadi pergilah tunduk minta maaf. Kau ambillah anak aku, bawalah keluar. Anak dia pengsan. Bapa dia hendak pukul tiba-tiba siapa orang ini yang bapa dia tunduk? Rupanya baru dia tahu inilah *chief mafia* yang tolong rakyat. Itu mesej pertama.

Mesej kedua berkaitan walaupun dia penyangak tinggi dia buat tetapi dia jaga ibunya, dia jaga keluarganya, dia jaga adik-beradiknya. Suatu hari apa yang dibuat sehingga adik dia menjadi pegawai polis tinggi, adik dia menjadi seorang doktor dan suatu hari apabila dekat hendak habis cerita itu, mak dia menangis. Itu Yang Berhormat Menteri menangis apabila akhir cerita itu, bilamana ibunya bercakap kepada dua orang anaknya yang seorang doktor dan seorang lagi polis inspektor, dia beritahu, "*Aku sedih pada hari ini. Sebelum aku mati aku hendak beritahu aku sedih kerana aku tidak melahirkan Manik Baasha ini. Manik Baasha ini aku ambil di tepi jalan. Dia bukan abang kandung kamu tetapi dia berlagak, cara dia melaksanakan tanggungjawab lebih baik daripada kamu dua yang aku lahirkan*". Jadi inilah dia cara...

[Dewan riuh]

Yang Berhormat Pokok Sena kalau saya cakap dalam bahasa Tamil yang hendak menangis Yang Berhormat Kapar. Kalau yang hendak menangis Yang Berhormat Ipoh Barat. Dua tiga empat orang yang hendak menangis. Saya hendak semua menangis. Yang Berhormat Pokok Sena minta saya menghayati bercakap dalam bahasa Tamil, bolehkah Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Boleh, boleh, sila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jadi *unparliamentary*. Sila.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: [Bercakap dalam bahasa Tamil][Ketawa] Ya, dekat sini ketawa buat apa? Kena menangislah. Inilah mereka Tuan Pengerusi. Cakap tidak serupa bikin. Tadi kata menghayati, bila saya bercakap menangislah, ini ketawa pula.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang ketawa itu belah Barisan Nasional. Aku tengok ini.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Dia kata... [Bercakap dalam bahasa Tamil] Itulah maksudnya Tuan Pengerusi lebih kurang.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bercakap dalam bahasa Mandarin][Ketawa]

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Jadi Tuan Pengerusi, saya di sini...

Tuan Pengerusi: Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Saya mintalah nilai-nilai pelakon-pelakon, walaupun itu satu gambaran, satu *movie* ataupun satu jalan cerita tetapi mesejnya penting kerana sedikit sebanyak anak-anak muda dalam negara kita akan dipercayai dengan cerita itu dan terpesona kerana mereka mengangkat pelakon itu sebagai idola mereka. Macam mana saya mengangkat Tuan Pengerusi ini sebagai idola saya.

Jadi, saya selalu mengikut undang-undang dan saya sudah berubah Tuan Pengerusi kerana Tuan Pengerusi dan sama juga kalau kita boleh kita buat Tuan Pengerusi pergi negara lain. Tunjukkan untuk negara lain macam mana hebatnya Tuan Pengerusi kita dalam Dewan yang mulia ini, begitulah saya berharap.

Hasrat saya, Menteri bawalah lebih ramai lagi di bawah kementerian pelakon-pelakon ini. Bajet kita boleh luluskan dalam Dewan yang mulia ini tidak mengapa. Untuk bajet membawa mereka untuk tidak lain tidak bukan untuk kita memperkenalkan lagi negara tercinta Malaysia ini. Kita buanglah kita punya fahaman, ideologi politik dalam kita membina Kementerian Pelancongan untuk membawa lebih ramai lagi pelancong ke dalam negara bumi bertuah Malaysia yang kita semua cintai. Terima kasih. Yang Berhormat Baling menyokong Tuan Pengerusi.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Lama dah bangun Tuan Pengerusi. Dari tadi lagi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Temerloh.

12.47 tgh

Tuan Nasrudin bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cadang Yang Berhormat Baling boleh jadi ikon pelancongan Malaysia. Saya merujuk kepada B.31 020000 - Pelancongan, dengan anggaran belanja RM230 juta.

Tuan Pengerusi, Bajet 2016 ini telah menyasarkan ataupun sasarkan 30.5 juta orang pelancong dengan anggaran RM103 bilion untuk pendapatan ekonomi negara kita. Daripada segi strategi makronya memang kita lihat nampak gah tetapi pelaksanaan di peringkat tempatan agak goyah sedikit Yang Berhormat Menteri.

Contohnya saya ambil di Pahang. Saya ambil di Pahang. Jumlah pelancong antarabangsa memang merosot. Tahun 2013, 1.275 juta orang pelancong dan tahun 2014 908,000 orang pelancong dan pelancong domestik juga merosot. Tahun 2013, 8.05 juta dan tahun 2014, 7.2 juta yang mana saya melihat kemerosotan ini antaranya adalah ekoran daripada berlakunya kes-kes isu alam sekitar di destinasi pelancongan tersebut, terutamanya Pahang dengan yang terbaru ini isu perlombongan bauksit dan sebagainya.

Pahang yang saya lihat mungkin satu-satunya negeri yang tidak menyenaraikan ibu negerinya sebagai ikon pelancongan. Contoh yang saya ambil dalam promosi pelancongan ke

Milan, Itali. Pahang senaraikan Cameron Highlands, Genting Highlands, Bukit Fraser, Kuala Gandah, Kuala Lipis, Taman Negara, Pulau Tioman, Rompin, Pekan, Cherating. Kuantan tidak ada. Kuantan tiada. Tambah pula dengan isu bauksit ini saya kira Kuantan memang tidak ada harapanlah Yang Berhormat Menteri.

Jadi kita kena sedar bahawa asas pelancongan ini sememangnya keindahan, ketenangan, keselesaan, flora, fauna selain daripada kemesraan dan juga ramah mesranya penduduk tempatan.

■1250

Tetapi bagi Daerah Kuantan, Indera Mahkota, Paya Besar, Yang Berhormat Menteri segala-galanya telah diragut dan dinodai oleh kerakusan manusia ini. Jadi benarlah apa yang disebut oleh Allah dalam Al-Quran. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Zahir kerosakan di atas muka bumi ini di darat dan di laut adalah angkara rakusnya tangan manusia dalam memburu kekayaan dan juga kemewahan tetapi tidak mempedulikan aspek-aspek yang lain keselesaan kepada rakyat termasuk pertumbuhan ekonomi negara melalui sektor pelancongan.

Jadi kita harap Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan turut samalah memberi perhatian kerana saya dapat maklumat daripada senior-senior saya dalam Parlimen ini bahawa Menteri Pelancongan dan Kebudayaan ini bukan sahaja dia itu *smart*, tetapi kerja dia juga *smart*. Jadi saya harap aduan ini ataupun laporan ini dapat diberikan perhatian kerana kita telah habis tempat mengadu ADUN-ADUN kita dari Tanjung Lumpur, Semambu, Beserah telah pun berbahas di Dewan Undangan Negeri sehingga peringkat kerajaan negeri pun mengakui mereka tidak boleh berbuat apa-apa.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar juga kita telah membuat laporan. Sehingga hari ini laporan siasatan Jabatan Alam Sekitar kita masih belum tahu apakah kedudukan natijah ataupun laporan daripada DOE ini. Jadi perkara ini Yang Berhormat Menteri bukan sahaja ia menjejaskan rakyat tetapi ia turut menjejaskan industri pelancongan negara sama ada secara langsung ataupun tidak secara langsung. Setelah lombong bauksit ini ataupun destinasi ini adalah berada di pintu masuk negeri Pahang melalui unjuran Pantai Timur negeri Pahang. Kalau saya lihat kepada data ataupun laporan yang kita ada.

Sebagaimana yang disebut tadi juga pelancong China menerusi lawatan pelancongan oleh Guangxi Biebu Gulf International Port Group saya ingat saya harap betul-tajuk yang saya sebut itu, perkataannya itu yang mana laporannya ini 256 orang masuk melalui pelabuhan Kuantan daripada Beihang selatan China kemudian melalui Danang Vietnam, mereka mengadu bahawa terdapatnya kekotoran dan juga pencemaran hasil daripada longgokan bauksit di pelabuhan Kuantan dan ini diakui sendiri oleh Menteri Besar negeri Pahang.

Jadi, ini menyebabkan pelancong China merosot. Kalau saya lihat 2013 525,000 ini saya fokus pada Pahang pada tahun 2014, 286,000. Jadi saya mengharapkan supaya dapat diberikan perhatian kerana kawasan-kawasan destinasi terutamanya kawasan peranginan pantai utama negeri Pahang terjejas teruk pada hari ini. Cherating, Balok, Beserah, Teluk Chempedak. Dia berada di sekitar dalam radius 20 kilometer ke bawah daripada Pelabuhan Kuantan.

Jadi dengan longgokan 60,000 tan sehari bauksit di Pelabuhan Kuantan, saya kira ini pasti akan memberi kesan yang sangat dahsyat kepada ekosistem perairan pantai dan sekali gus akan menjejaskan pelancongan negara kita. Itu ditambah lagi dengan 2,000 buah lori sehari masuk ke kawasan Pelabuhan Kuantan sama ada dia *bypass* dengan membawa muatan bauksit yang begitu kotor pemandangan dan melalui jalan lama Kuantan ke pelabuhan yang saya kira jalan itu sudah jadi jalan merah, jalan kotor, jalan koboi. Saya kira Rajinikanth pun tidak sanggup pergi ke situ, Yang Berhormat.

Jadi teruk sangat dan mengaibkan pelancongan negara dan tambah-tambah lagi negeri Pahang ini negeri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi saya kira Yang Berhormat Menteri boleh bersetuju dengan saya dan selayaknya bersetujulah demi menyelamatkan industri pelancongan negara ini supaya Kerajaan Persekutuan mengambil satu langkah yang proaktif untuk membekukan terlebih dahulu permit eksport tanah bauksit ini keluar dan sekali gus dia akan menghentikan beberapa aktiviti perlombongan termasuk yang haram di kawasan itu sehinggalah, bukan kita hendak sekat terus sampai tidak boleh hendak mengaut keuntungan, kekayaan mencari hasil di bumi kita sendiri.

Akan tetapi sehinggalah satu keadaan pengurusan yang selamat yang baik penyelesaian untuk rakyat diperkenalkan dan dilaksanakan di negara kita dan sekali gus mengawal aktiviti perlombongan dan juga pemindahan tanah bauksit ini. Jadi saya mengharapkan supaya Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan yang saya ambil kesempatan ini untuk sama-sama meningkat dalam industri pelancongan khususnya di negeri Pahang dapat turut sama menyuarakan bagi pihak kerajaan agar permit eksport bauksit dapat dihentikan dibekukan buat sementara dan *insya-Allah* kita akan dapat lihat satu pemulihan di kawasan itu selain daripada jejasnya kesihatan, jejasnya alam sekitar dan seumpamanya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Kangsar.

12.55 tgh.

Dato' Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Bekalan 31 Butiran 110000 - Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Dalam kita menggalakkan ramai pelancongan asing ke negara kita, saya difahamkan, saya tidak ada jumlahnya, ramai juga pelancong-pelancong kita, pelancong tempatan ke luar negara. Khususnya sekarang anak-anak yang telah berjaya membawa keluarga mereka melancong keluar, pesara-pesara kerajaan ataupun yang sudah berpencen membawa cucu-cucu mereka ke luar. Ini satu jumlah yang besar dalam aliran wang tempatan keluar. Jadi berapakah jumlah pelancong tempatan keluar dan berapakah jumlah *volume* dari segi nilai wang tempatan.

Apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk menggalakkan orang Malaysia melancong di Malaysia khususnya sekarang dalam keadaan dunia yang terancam dengan isu-isu keselamatan boleh kita ambil peluang dan kita *capitalize* tentang keindahan dan keselamatan

yang ada di Malaysia membawa pelancong melawat ke Kuala Kangsar, Padang Rengas ada Victoria Bridge, pergi ke Lenggong, Perak Man dengan terus ke Gerik. Ini *belt*, ini *belt* kitalah, ini *belt* di Perak. Labuan di hadapan tegur juga. Ini hasrat kita supaya pelancong-pelancong ataupun bakal-bakal pelancong dari Malaysia ini tidak keluar negara mungkin ke luar negara 10 kali mungkin lapan kali melancong di Malaysia untuk menggalakkan industri pelancong dan juga menggalakkan orang-orang yang terlibat dengan industri pelancongan di Malaysia ini. terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kota Kinabalu.

12.57 tgh

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Perkara "P".31 Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Butiran 020500 - Pembangunan Prasarana dan Butiran 080000 - Warisan Negara kod 020000. Pada petang hari Isnin 16 November 2014, Menteri Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz semasa menjawab soalan Parlimen saya, menyatakan kerajaan akan mewartakan dan iktiraf Batu Sumpah yang bertempat di Keningau sebagai objek warisan negara, terima kasih. Pengumuman ini adalah kemenangan kepada rakyat Sabah kerana Batu Sumpah adalah satu-satunya monumen yang tercatat tiga jaminan kepada Malaysia kepada Sabah pada awal penubuhan Malaysia khususnya bagi orang asal di pedalaman Sabah.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Menteri kerana mengambil tindakan untuk mewartakan Batu Sumpah ini. Untuk pengetahuan bersama, pihak saya telah menjalankan Kempen Kesedaran Batu Sumpah sejak bulan Ogos 2014 yang lalu. Hingga sekarang adalah sembilan buah replika Batu Sumpah telah didirikan di seluruh Sabah sebagai sebuah tuntutan dan pengingatan mengenai kepentingan Batu Sumpah kepada Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, saya ingin bertanya bilakah pihak kementerian akan mewartakan Batu Sumpah tersebut dan bila plak asal batu sumpah yang mempunyai perkataan 'Kerajaan Malaysia' jamin akan diletakkan semula. Saya harap pihak kementerian dapat segerakan perkara ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri? Dalam perkara yang sama, saya mahu mencadangkan supaya sebuah kompleks bersejarah Keningau dibina untuk menempatkan Batu Sumpah yang mempunyai nilai dengan izin, *historical and constitutional value* yang amat penting kepada sejarah Malaysia dan orang asal di Sabah. Biasanya di Perak, Tuan Pengerusi, kita ada Kompleks Bersejarah Pasir Salak.

Tuan Pengerusi: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Tidak, satu minit lagi. Saya harap kerajaan tidak ada masalah untuk membina kompleks ini. Bolehkah Yang Berhormat Menteri?

Beberapa Ahli: Dia sudah keluar.

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu]: Oh, sudah keluar. Saya juga mencadangkan supaya sejarah Batu Sumpah Keningau ini dimasukkan dalam buku-buku teks

sekolah supaya seluruh rakyat Malaysia tahu dan menghormati Sabah sebagai sebuah negara yang membentuk Malaysia.

Tuan Pengerusi, jika tiada Batu Sumpah, mungkin tiada Malaysia. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, terima kasih Yang Berhormat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ini kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

■1430

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada lagi hendak *share* wayang Tamil? **[Ketawa]** Yang Berhormat Bagan Serai.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Tiada masalah Tuan Pengerusi.

2.32 ptg.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya merujuk kepada Butiran 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan, Butiran...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, memadailah kita habiskan perbahasan sehingga jam 3 nanti. Selepas itu Yang Berhormat Menteri jawab ya.

Beberapa Ahli: Tidak sempat, tidak sempat.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism* dan Butiran 02800 – Program Peningkatan Kemudahan *Homestay* Malaysia. Jadi, saya merujuk kepada di tempat saya di Parlimen Bagan Serai iaitu keunikan Kuala Gula sekali lagi iaitu berkenaan, dengan izin, *Birds Natural International Airport in Kuala Gula*. Ini saya ingin. *The unique tourism destination*. Ia terletak dalam laluan *East Asian-Australasian Flyway*. Jadi, ini satu tempat yang telah menjadi tumpuan dunia juga. Persinggahan burung-burung hijrah pada satu-satu masa di Kuala Gula dan ada kewujudan hutan paya bakau yang unik dengan kehidupan marin dan hasil laut seperti ikan, ketam, kerang, udang dan sebagainya.

Ini merupakan tarikan pelancong dalam dan luar negara dan kawasan ini merupakan kawasan yang mempunyai daya tarikan *ecoedutourism*. Pembelajaran untuk *student*,

penyelidikan untuk *researchers* dan juga untuk pelancongan, terutama mereka yang melihat burung. Ini jadi satu perkara yang penting. Akan tetapi walau bagaimanapun, tidak banyak yang berubah sejak dahulu. Kawasan Kuala Gula ini yang selalu saya sebut-sebut menjadi satu kawasan yang cukup unik. Saya pernah cadangkan untuk dijadikan tapak Ramsar.

Di sini juga terdapat kawasan tapak sejarah iaitu di Pulau Kalumpang. Ada kajian-kajian awal yang menunjukkan ada beberapa artifak sejarah yang telah ditemui. Ini juga perlu diterokai kerana tidak cukup mungkin bajet. Di sini jugalah kita dapat memberi kesedaran kepada rakyat, kepada orang ramai tentang alam sekitar, alam semula jadi, kehidupan liar, flora dan fauna.

Jadi, kerajaan pada RMKe-9 saya ingat telah membelanjakan sebanyak RM9 juta untuk menaik taraf kemudahan pelancongan di sini tetapi itu dulu. Saya pernah dengar kita ada wujudkan seminar *Bird Fair*, seminar *Bird Watching* dan disenaraikan sebagai *Important Bird Area (IBA) in the world*. Jadi, seminar-seminar ini diadakan di Kuala Lumpur, di Cyberjaya. Kenapa kita tidak wujudkan seminar ini di Kuala Gula? Kenapa kita tidak pergi Kuala Gula dan buat perkara itu? Saya pernah pergi ke Kuala Gula dua tiga kali dan saya lihat ada pelajar-pelajar dari Singapura dan sebagainya. Jadi, pada orang tempatan, mungkin tidak berapa minat ataupun tidak ada promosi yang kuat sebenarnya.

Jadi, saya hendak tanya kepada kementerian. Ada atau tidak data pelancongan daripada dalam negeri dan luar negeri? Oleh kerana ini penting supaya hendak mewujudkan peluang pekerjaan, *opportunity* untuk *business* dan sebagainya. Chalet ini sudah ada sejak 1985. Ada sepuluh dan sampai sekarang sepuluh. Ada dewan di situ di Kuala Gula. Dewan tidak ada *aircond*. Cuba bayangkan orang luar datang. Kita ada beberapa kursus dilakukan dengan pelajar-pelajar universiti. Saya ada hadir dan saya juga turut merasmikan. UPM, UKM, USM pun ada. Panaslah dan di situ tidak ada internet. Kalau orang luar datang macam mana ini? Macam mana yang dikatakan kita hendak mewujudkan pelancongan yang kita kata ini.

Jadi, dengan tidak ada perkara-perkara inilah saya hendak tanya kepada kementerian. Bila hendak buat di Kuala Gula? Saya pun sudah cakap dalam Dewan banyak kali. Apa ada untuk Bagan Serai? Apa ada untuk Kuala Gula? Parlimen Bagan Serai ini kita baru menang balik. Di sekeliling saya semua adalah daripada pembangkang. Jadi, rakyat di kawasan itu miskin. Rumah teruk. Saya mengharapkan sangatlah dengan adanya khazanah daripada Tuhan ini, dengan adanya satu unik ini, kalau orang kata *flyaway birds*, *airport* burung, kalau orang kata hendak *bird watching*, Kuala Gulalah. Di Bagan Serai.

Butiran 02800, bercakap tentang *homestay*. Saya ternampak ini satu lagi peluang kerana ada perkara-perkara unik. Wujudkan *homestay* dengan konsep yang ada aktiviti. Maksudnya kalau orang pergi, orang hendak duduk, kurang-kurang tiga hari atau lima hari sebab ada macam-macam peluang. Kita buat aktiviti. Kalau di Bagan Serai ini Tuan Pengerusi, tempat yang terkenal dengan masyarakat orang Banjar. Jadi satu, kita boleh buat tunjuk kebudayaan orang Banjar. Itu aktiviti dan makanan (*food paradise*). Kalau saya sebut ini mungkin ada orang yang tahu atau tidak tahu. Wadai kiping. Itu popular. Kalau orang Banjar ini dia tahu. Macam mana rasanya. Kalakatar. Balungan hayam. Ini semua makanan-makanan *special* dan juga ada

acara-acara kebudayaan yang boleh buat. Ada kita buat aktiviti dan juga aktiviti pemakanan yang lain. *Seafood*lah. *Seafood* yang ada di situ.

Kalau kita buat konsep *homestay* yang saya fikirkan patut dibuat di Kuala Gula ini, ada aktiviti-aktiviti lain, contohnya *hands-on experience*, dengan izin Tuan Pengerusi. Tanam bakau. Tanam bakau. Kita bagi kesedaran dan pengetahuan, keinsafan tentang pentingnya jaga alam sekitar. Pergi tengok kelip-kelip. Pergi kilang buat kayu arang. Sekarang ini sudah ada kedatangan yang saya diberitahu ikan lumba-lumba di perairan Kuala Gula. Di Parlimen Bagan Serai kita juga ada Pulau Orang Utan. Pulau Orang Utan kita ada dan kita ada taman tema.

Jadi, semua ini boleh meningkatkan lagi pelancongan di Parlimen Bagan Serai, khususnya dan juga di Perak serta di Malaysia dan di mata dunia. Jadi, saya haraplah kementerian bagilah peluang kepada Bagan Serai. Datanglah tengok Kuala Gula. Beritahu saya, saya tunggu. Saya tunggu sebab saya kesian tengok orang kampung di situ. Kalau negara hendak pergi negara maju lagi lima tahun, dengan macam-macam berlaku di Malaysia ini dan juga di negeri Perak, kita di Bagan Serai ini agak ketinggalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya boleh habiskan, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena.

2.39 ptg.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Pengerusi. B.31 – Kementerian Pelancongan, 020000 - Pelancongan dan juga 110000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM). Saya hendak dapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana dengan peruntukkan Bajet 2016 ini yang berkurangan yang agak besar bagi saya, mampu untuk merancang program-program ke arah untuk pelancong-pelancong dari luar datang ke negara kita ini.

■1440

Saya sangat menyokong penuh kerana keputusan kerajaan untuk membenarkan visa percuma dan juga dua orang ke atas bagi negara China. Itu yang kita hendak. Bukan kita hendak supaya jual IPP kita kepada negara China. Apa yang kita hendak orang China *mai* Malaysia. Bukan kita hendak IPP kita, kita gadai kepada negara China. Jadi sejauh mana program keputusan kerajaan itu dapat dilaksanakan. Jangan timbul nanti bahawa ada masalah pula dengan imigresen yang disebut oleh Yang Berhormat Seremban tadi.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri Pelancongan boleh bisik kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, juga Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk pastikan bahawa penguatkuasaan itu harus dilakukan. Maknanya dapat dilaksanakan. Kemudian saya juga ingin meminta dari segi angka. Jumlah kehadiran pelancong ke Malaysia ini sehingga bacaan yang terakhir. Saya tidak pasti bacaan terakhir pada peringkat kementerian. Kalau bulan Oktober, bulan Oktober berbanding dengan adakah bulan Oktober pada tahun 2014. Ini saya hendakkan satu angka daripada Yang Berhormat.

Kemudian juga saya melihat bahawa apa usaha Kementerian Pelancongan membantu negeri Kedah ini kerana saya nampak bahawa kehadiran pelancong ini lebih banyak ke Langkawi, tidak di Tanah Besar. Sedangkan di Tanah Besar ini ada banyak tempat pelancongan, tempat-tempat sejarah yang sepatutnya boleh dijadikan taya tarikan pelancong. Antaranya ialah Gunung Jerai umpamanya. Gunung Jerai, satu tempat yang sangat baik untuk pelancong-pelancong tapi saya tidak nampak kehadiran pelancong luar itu begitu ramai dan begitu juga di tempat-tempat yang lain.

Jadi apa usaha kementerian ke arah untuk hendak membangun dan hendak membantu negeri Kedah dalam membangunkan sektor pelancongan di kawasan Tanah Besar di negeri Kedah ini supaya berlaku perseimbangan kehadiran pelancong itu dan limpahan itu akan dapat dirasai bukan saja oleh orang Langkawi tapi juga oleh orang-orang di Tanah Besar di sebelah negeri Kedah ini.

Kemudian Butiran 080000 – Warisan Negara. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri pada peringkat dasar, saya lihat bahawa tidak ada satu pun bangunan-bangunan di negeri Kedah ini yang tersenarai dalam Bangunan Warisan sehingga tahun 2015. Kalau saya lihat bahawa Perlis, kecil-kecil besar *kelemboi* pun ada dua. Besar *kelemboi* saja Perlis itu, ada 2. Pulau Pinang 7, Kelantan pun ada 3. Terengganu ada lima, kemudian Perak ada 12, Wilayah ada 40, Selangor ada 8, Negeri Sembilan 8, Melaka 12, Johor 12.

Jadi Kedah ini tidak ada satu pun yang tersenarai sama ada dalam statistik Bangunan Warisan sehingga tahun 2015 ataupun maklumat tambahan statistik pengisytiharan Bangunan Warisan Kebangsaan hingga tahun 2015. Tidak ada satu pun. Pada hal bagi saya bahawa banyak tempat yang sepatutnya dipertimbangkan oleh pihak kerajaan. Apa masalahnya sekarang ini sama adakah masalah ini masalah di peringkat Jabatan Warisan Negara ataupun di peringkat kementerian ataupun di peringkat Kerajaan Negeri Kedah.

Jadi ini yang saya minta penjelasan sebab kalau saya lihat bahawa, contoh kalau di Perak ini, Masjid Ubudiyah dia tersenarai sebagai Bangunan Warisan. Dia dibina pada tahun 1913, siap 1917. Masjid Zahir dibina 1912, siap 1915. Maknanya Masjid Zahir ini adalah masjid yang merupakan ada kaitan dengan Kesultanan Negeri Kedah itu sendiri. Apatah lagi dengan Yang di-Pertuan Agong adalah daripada Sultan Negeri Kedah. Jadi tidak sepatutnya lah bagi saya bahawa Masjid Zahir ini tidak tersenarai.

Begitu juga dengan Balai Nobat. Balai Nobat juga ada kaitan dengan Kesultanan Negeri Kedah. Dibina pada tahun 1906 lagi. Jadi dia pun tidak tersenarai sedangkan ini merupakan bangunan-bangunan sejarah, Balai Besar. Balai Besar ini ialah balai yang menabalkan Yang di-Pertuan Agong sekarang ini dalam tahun 1959 ini sebagai Sultan di negeri Kedah. Balai Besar ini dari tahun 1851 kemudian diperbaiki selepas daripada serangan Bugis dan juga serangan Siam lalu dia diperbaiki. Tapi dia satu bangunan yang sangat lama berbanding dengan bangunan-bangunan yang ada di negeri-negeri lain yang saya kira bahawa lebih lama bangunan-bangunan ini dan Masjid Zahir itu sudah genap 100 tahun.

Kerajaan Negeri Kedah itu sendiri tidak ada buat satu perayaan untuk mengangkat bangunan-bangunan ini sebagai satu bangunan yang punya nilai sejarah agamanya, dengan kesultanan di negeri Kedah ini. Jadi saya minta pihak kerajaan, pihak kementerian untuk melihat ini sebagai suatu yang harus diberikan oleh pihak kerajaan sendiri. Kemudian yang akhir sekali ialah Butiran 090000 – Kebudayaan dan Kesenian dibaca bersekali dengan Butiran 40000 ASWARA.

Saya hendak dapatkan penjelasan sejauh mana kerajaan khususnya kementerian Yang Berhormat melihat tokoh seni negara kita Allahyarham Tan Sri P. Ramlee ini yang saya fikir sudah sampai masanya untuk dinobatkan oleh kerajaan sebagai Warisan Negara yang sukar untuk dicari ganti kerana karya-karya seni dia sehingga dilihat sebagai satu universiti kehidupan. Dia sebagai satu universiti kehidupan yang telah menghasilkan karya-karya seni yang merentasi soal politik, soal perpaduan dan sebagainya. Cukup hebat.

Karya-karya seninya dalam Seniman Bujang Lapuk, sindiran-sindiran dia, Alif, Min, Nun, Wow, dia tidak sebut UMNO. Dia sebut sarkas. Ini saya katakan bahawa karya-karya seni yang ada sindiran-sindiran politik dan sebagainya sehingga kalau...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau saya *quote* apa yang diungkap oleh Prof. Khoo Kay Kim bahawa Prof. Khoo Kay Kim kata Allahyarham P. Ramlee ini adalah wira negara. Bukan milik satu kaum tetapi milik negara bangsa seluruhnya. Ini pengakuan malah dia mendengar lagu-lagu P.Ramlee saya ingat saya sangat teruja dan mempunyai perasaan yang sangat tersentuh dengan stail tersendiri dalam caranya. Berlakon dan menyanyi apatah lagi kekuatan dalaman beliau adalah melalui pembuat dasar Melayu yang menjadi ia lebih mudah difahami sebagai perantaraan yang sangat bermakna. Malah kata Prof. Khoo Kay Kim, dia banyak meningkatkan penggunaan bahasa Melayu ini melalui filem-filem karya seni Allahyarham P. Ramlee. Ini kehebatan P. Ramlee.

Begitu juga yang diperakui oleh seorang pendidik, Dr. Saravanan a/l Veramuthu yang melihat P. Ramlee dari perspektif kaum India berkata berdasarkan perbincangan ramai orang daripada komuniti India, P. Ramlee bukan saja ikon perpaduan tapi duta yang menggunakan formula unik yang tidak ada dalam karya-karya sekarang ini dengan menghasilkan karya yang boleh diterima pelbagai kaum terhibur dan tetap segar menambat hati semua orang. Ini saya kira bahawa satu kehebatan bukan saja siapa tadi...

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Rajinikanth.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Rajinikanth yang diminati oleh Yang Berhormat Menteri. Itu pelakon filem Tamil masa kini tetapi bagi saya bahawa Allahyarham P.Ramlee ini saya ingat sebagai seorang negarawan hebat kerana semua orang mengakui, semua bangsa mengakui kehebatan, kelebihan yang ada. Saya percaya bahawa Yang Berhormat Gerik juga adalah peminat Allahyarham P. Ramlee.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kapar.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat Kapar juga seorang India minat. Maknanya dia seorang negarawan, bukan sekadar ikon biasa. Jadi kalau kita boleh...kejap...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah, sudah. Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Belum, belum lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah habislah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kejap, kejap. Saya boleh gulung.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tidak payah cerita fasal wayang P. Ramlee. Semua menonton Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, ya tapi *depa* bercerita yang Tamil India itu panjang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang itu tidak ada mainan itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu filem India itu panjang. Dia hendak menceritakan tadi maknanya bagaimana Yang Berhormat Menteri Pelancongan ini begitu teruja, teruja dengan pelakon filem-filem Tamil. Jadi saya fikir bahawa seharusnya Yang Berhormat Menteri dan juga kerajaan lebih teruja terhadap rakyat kita Allahyarham P. Ramlee, seorang anak seni yang sangat hebat dan saya fikir bahawa sudah sampai masa dia untuk dinobatkan sebagai Warisan Negara, sebagai seorang negarawan.

Saya hendak mencadangkan supaya ASWARA, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan ini diangkat, dinaik taraf menjadi universiti dan dinamakan Universiti Tan Sri P. Ramlee dan juga saya mencadangkan universiti-universiti lain harus membuat kajian-kajian untuk menghasilkan bagaimana falsafah kehidupan yang ada pada Allahyarham P. Ramlee. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Tanjong Manis.

■1450

2.50 ptg.

Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Menteri tidak ada.

Butiran 00800 – Kajian Pelancongan. 01100 – Program Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan, 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. 110000 – Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan 130000 – Perbadanan Kemajuan Kraf Tangan Malaysia.

Tuan Pengerusi, saya amatlah berterima kasih kerana kementerian ini telah berjaya untuk memperkenalkan ataupun menaikkan Malaysia di peringkat antarabangsa dan di dunia. Saya cuma hendak menceritakan sedikit untuk kawasan saya di Tanjong Manis. Pada setiap tahun kita mengadakan majlis khatam Al-Quran di Kampung Belawai dan keunikan khatam Al-Quran ini, kanak-kanak kecil datang dari pelosok negeri Sarawak. Mereka datang kerana keunikan acara yang kita telah anjurkan di mana kanak-kanak ini akan diusung di atas tandu dan

dibawa di atas bahu dan dibuatkan tandu yang cantik dan berhias. Kita telah berjaya mengadakan ini pada setiap tahun.

Saya memohon kepada Menteri supaya melihat pelancongan untuk kanak-kanak Islam terutamanya di kawasan Tanjong Manis dan negeri Sarawak dan Malaysia untuk bergabung bersama Yayasan Harapan Kanak-kanak supaya kita dapatlah membawa kanak-kanak daripada pelosok negara untuk berada di kawasan Tanjong Manis kerana tempat itu amatlah selamat untuk kanak-kanak datang melancong.

Selain daripada itu, kami amatlah memerlukan pembangunan *ecotourism*. Di sana banyak dapat dibangunkan *ecotourism* bakau dan juga rakyat di Tanjong Manis amatlah memerlukan bantuan supaya diadakan kraf tangan untuk diperkembangkan kraf tangan supaya mereka diajar bagaimana untuk mendapat pendapatan berlebihan bila terdapat ramai *tourist* atau pelancong yang datang. Ini adalah satu daripada ilham yang saya rasa dapat membantu. Kita tidak dapat nak berlawan dengan tempat-tempat yang besar ataupun kawasan-kawasan bandar tetapi saya amatlah berharap supaya kementerian dapatlah melihat bagaimana kita masih dapat membuat ibadah sambil melancong. Sekian, terima kasih,

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak boleh bagi semua. Yang tidak dapat kementerian ini, bahas kementerian yang seterusnya ya. Saya bagi Yang Berhormat Taiping, kemudian Yang Berhormat Sik. Selepas itu Menteri jawab.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Tuan Pengerusi, pukul 4, banyak lagi isu ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Bahas dulu Yang Berhormat.

2.54 ptg.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana peluang keemasan ini bagi saya mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat jawatankuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

Saya ada tiga perkara spesifik. Pertama, di bawah Kepala 08000 – Warisan Negara. Kawasan yang diwakili oleh saya ialah Taiping bergelar Bandar Warisan. Menteri berasal dari negeri Perak juga, faham di mana Taiping mempunyai 32 perkara, *32 number 1, 32 first* di Malaysia termasuk *the first market, the first mahkamah, jalan kereta api pertama, clock tower* pertama, pejabat tanah pertama dan lain-lain.

Saya ingin mengambil kesempatan ini memohon jasa baik supaya Menteri akan meninggalkan *the Nazri legacy* kepada bangsa dan negara kita memberi dinobatkan 32 perkara ini, dinobatkan dan diiktiraf sebagai warisan negara, khususnya perkara spesifik adalah Pasar Besar Taiping.

Pasar Besar Taiping yang telah dibina pada tahun 1884, berumur 131 tahun. Baru-baru ini Majlis Perbandaran Taiping telah mempunyai rancangan untuk menukar Pasar Besar Taiping menjadi *art gallery* tetapi telah mendapat bantahan keras daripada majoriti masyarakat Taiping

yang sebulat suara tidak bersetuju. Saya harap di mana Menteri yang berasal dari negeri Perak akan mempertahankan warisan pasar awam pertama di tanah air kita ini kekal sebagai warisan negara dan ia dinamakan *the Nazri legacy*.

Saya pohon Menteri berikan jaminan kerana kita hanya mempunyai perkara pertama, ia hanya ada satu sahaja. Apabila ia dirobohkan atau dipindahkan, maka kita akan kehilangan di mana anak cucu kita, generasi akan datang tidak mempunyai nostalgia yang sepatutnya dibanggakan sebagai warisan negara. Saya harap ke-32 perkara *first* Taiping ini dikekalkan, diiktiraf, dinobatkan sebagai warisan negara. Saya nampak Menteri angguk-angguk kepala, saya pun rasa ada keyakinan suara rakyat Taiping akan dibawa di Dewan yang mulia ini.

Perkara yang kedua, tentang Kebudayaan dan Kesenian di bawah Kepala 09000. Kebudayaan dan kesenian merupakan satu inti pati pembangunan modal insan yang cukup penting dalam proses pembangunan tanah air kita. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan di mana tarian singa, walaupun ia berasal daripada negara China tetapi Malaysia telah 13 kali mendapat juara dunia tarian singa khususnya dari Muar dan Kedah, di mana tarian singa 13 kali juara dunia. Ia patut diberikan pengiktirafan, disemarakkan, dipupuk supaya ia dapat menarik lagi minat. Bukan senang untuk tarian singa Malaysia mengalahkan kontinjen-kontinjen dari negara China, Taiwan, Hong Kong, Macau dan muncul sebagai juara dunia. Ia patut diberikan satu pengiktirafan dari segi kementerian.

Kedua, tentang *24 Seasons Drum*. Ramai yang kagum dengan *24 Seasons Drum* dan ingat ia berasal dari China. Sebenarnya tidak, *24 Seasons Drum* dalam bahasa Cina. [*Membaca ayat dalam bahasa Cina*] Sebenarnya direka, dicipta oleh rakyat Malaysia. Kini menjadi satu mainan *drum* yang mendapat pengiktirafan antarabangsa. Saya rasa negara China, Hong Kong dan Taiwan pun kalah kepada Malaysia dan *24 Seasons Drum* tarian singa ini patut diberikan penghormatan dan juga pengiktirafan yang sewajarnya demi mengharumkan dan menyemarakkan lagi nama negara kita di persada antarabangsa.

Perkara terakhir adalah berkenaan dengan di bawah Kepala 12000 – Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara. Pagi ini kita telah pun dihiburkan oleh penglipur lara daripada Baling dengan lakonan Tamil beliau, dari India Rajinikanth. Bagaimanapun saya rasa adalah amat penting dari segi pembangunan *soft power*.

Kita lihat Korea, Korea dulu kalah kepada Malaysia. Pendapatan per kapalnya pun kurang. Waktu apabila kita merdeka, pendapatan per kapita di Malaya ialah USD350. Korea hanya USD250. Kita lebih maju dari Korea tetapi apabila Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Korea dengan *paradigm shift* mereka telah pun berjaya menghasilkan artis-artis, aktres-aktres yang bertaraf antarabangsa. Siri dramanya cukup menakjubkan dan mengagumkan, menarik perhatian antarabangsa seperti *Winter Sonata*. Yang Berhormat Tuan Pengerusi pun mungkin pernah tonton. Artis-artis seperti Rain dan lain-lain. Malaysia mempunyai bakat, bukannya kita tidak.

Maka saya cadangkan di bawah Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, *we should create the 'sit fund'* ataupun *venture capital* untuk membangunkan seni perfileman Malaysia

supaya kita juga dapat menghasilkan aktres kita dan bukan sahaja macam Tan Sri Michelle Yeoh. Dia mendapat pengiktirafan daripada *Hollywood* tetapi dia berasal dari Malaysia. Kita rasa kita mempunyai bakat tetapi kerajaan patut mempunyai inisiatif dan rancangan strategik, *strategic master plan need to be drafted in order to make sure* Malaysia menghasilkan filem-filem yang mendapat sambutan hangat daripada pasaran, *box office* antarabangsa dan mengharumkan nama negara kita.

Saya harap cadangan saya dapat diterima oleh kementerian dengan hati yang terbuka demi bangsa, negara dan kemajuan nama baik Malaysia. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

■1500

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat.

3.00 ptg.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Saya ingin menyentuh sedikit sahaja tentang beberapa butiran.

Kawasan saya mempunyai unsur-unsur geografi alam sekitar dan budaya yang boleh menarik pelancong. Kawasan saya juga kaya dengan unsur-unsur kebudayaan daripada kaum Siam. Usaha-usaha perlu dilakukan untuk membawa pelancong ke Parlimen Sik.

Saya ingin menyentuh yang pertama Butiran 09000. Saya ingin bertanya kepada kementerian adakah terdapat peruntukan khas untuk mengetengahkan budaya dan kehidupan masyarakat Siam di Utara Semenanjung Malaysia terutamanya di kawasan saya.

Butiran yang lain ialah Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Adakah kementerian menyediakan peruntukan untuk pembinaan *jungle trekking* di kawasan hutan bagi menggalakkan sukan yang berbentuk pelancongan di samping turut menyediakan keperluan dan kemudahan untuk aktiviti sukan air ataupun riadah seperti kanu, kayak, jetski terutama di kawasan saya yang mempunyai banyak tasik dan akan boleh menarik pelancong ke kawasan saya.

Dalam Butiran 01100 – Penyediaan/Peningkatan Kemudahan Pelancongan, dan Butiran 01900 – Pembangunan *Ecotourism*. Untuk menggalakkan pengusaha chalet tempatan dengan memberi peruntukan tertentu, sebagai contoh geran dan sebagainya, bagi menggalakkan pengurusan chalet membuat chalet-chalet atas tasik yang dilengkapi kemudahan restoran dan aktiviti memancing.

Dalam Butiran 40600 – Program Pemuliharaan/Pemugaran Tinggalan Sejarah. Saya melihat bahawa aktiviti pelancongan di tempat sejarah di kawasan saya seperti tempat-tempat kem tinggalan komunis dan kawasan-kawasan pertempuran komunis yang berlaku suatu ketika dahulu, saya ingin bertanya, adakah peruntukan khusus boleh disalurkan untuk industri pelancongan seperti ini.

Dalam Butiran 40600 juga, saya ingin mengetahui sama ada kementerian mempunyai peruntukan untuk mengadakan sebuah kawasan atau perkampungan bagi menunjukkan keadaan kehidupan dan kepayahan masyarakat dahulu untuk generasi muda kini dapat memahami dan melihat bagaimana keadaan generasi terdahulu yang hidup tanpa adanya unsur-

unsur pemodenan dan saya fikir ini patut dilakukan sebagai produk pelancongan, dan sesuai dibuat di kawasan saya. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak apalah, kita dengar jawapan Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat ya.

3.03 ptg.

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]:

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ucapkan banyak-banyak terima kasih lah kepada semua Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Sebenarnya kementerian ini tidak ada siapa hendak peduli pun tetapi ramai yang hendak berucap pula hari ini ya sebab dia rindulah lama tidak dengar suara saya. Jadi saya ucapkan terima kasihlah. Terima kasih.

Jadi saya hendak menjawab yang mudah jawab dahulu. Orang kata *low line fruits* inikan, kita boleh sapu sekalilah. Pertama sekali kita hendak sapu Yang Berhormat Pokok Sena ini. Yang Berhormat, saya terima baik cadangan Yang Berhormat berkenaan dengan hendak mencalonkan tempat-tempat ataupun bangunan-bangunan yang bersejarah untuk dijadikan sebagai Tapak Warisan kita.

Saya bersetuju iaitu ikut senarai yang saya ada, memang hendak kata sebenarnya tidak ada bangunan-bangunan di negeri Kedah yang dicalonkan. Akan tetapi masalahnya Yang Berhormat, bukan masalah kementerian saya. Saya selaku Menteri yang bertanggungjawab pada warisan akanewartakan apa juga bangunan kalau sekiranya ada permohonan dibuat oleh pihak negeri.

Hakikatnya peringkat kerajaan negeri tidak mencalonkan. Tidak ada sebab kalau sebuah bangunan itu dicalonkan maka pihak warisan tidak akanewartakan. Jadi saya minta supaya Yang Berhormat turun ke negeri sendiri, dan usahakan supaya kerajaan negeri mencalonkan bangunan-bangunan yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi yang jauh lebih tua daripada sesetengah bangunan Ubudiyah tadi, macam Masjid Zahir- jauh lebih tua tetapi tidak dicalonkan kerana Yang Berhormat tahu iaitu masjid di bawah pentadbiran Agama Islam, dan itu keputusan daripada Sultan untuk mencalonkan. Jadi kalau ia dicalonkan, *inshaaAllah* saya akan menggunakan kuasa saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada JWN iaitu Jabatan Warisan Negara, untukewartakan bangunan-bangunan berkenaan.

Kedua, Yang Berhormat saya menerima baik cadangan Yang Berhormat iaitu untuk bagaimana telah menyebutkan bahawa Arwah P. Ramlee sememangnya seorang ahli seni yang terkenal bukan sahaja di negara kita malah juga di rantau Nusantara ini. Jadi seiring dengan apa yang dikehendaki oleh Yang Berhormat, kementerian akan menaik taraf ASWARA sebagai Universiti P. Ramlee [Tepuk] Bagi mengiktirafkan beliau sebagai tokoh seniman yang unggul dan Jabatan Warisan juga bersedia mengangkat beliau sebagai Tokoh Warisan Negara [Tepuk] Pada

ketika itu saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli Parlimen di Malaysia akan memberi sokongan dan dokongan di atas usaha ini [Tepuk]

Kedua, Yang Berhormat Kota Kinabalu, ada?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dia sudah kena sumpahlah. Batu Sumpah ini saya hendak sebut, kementerian melalui Jabatan Warisan Negara sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah bagi pemeliharaan Batu Sumpah. Kerajaan Negeri Sabah melalui Muzium Sabah sedang merangka pemindahan Batu Sumpah ke lokasi asal. Jabatan Warisan Negara bekerjasama bagi pemindahan tersebut di mana plak asal akan dilindungi dan dipulihara. Pewartaan Batu Sumpah yang asal akan dibuat setelah dipindahkan ke lokasi sebenarnya. Tolong beritahu kepada "Batu Sumpah", lah.

Yang Berhormat Temerloh. Saya juga kena jawab Yang Berhormat Temerloh sebab beliau dalam sepanjang hujahnya telah menyatakan bahawa berlaku kejatuhan pelancong-pelancong luar ke negeri Pahang. Sebenarnya itu adalah tidak benar. Pahang merupakan negeri nombor satu yang menerima pelancong-pelancong. Pelancong domestik ke negeri Pahang meningkat iaitu pada tahun 2013 - 4,000,725.3 orang; dan pada tahun 2014 - 5,000,850 orang pelancong. Jadi ia merupakan peningkatan 23.8%. Tahun 2015 belum habis lagi. Selepas ini kita boleh bincang 2015.

Sementara itu jumlah pelawat domestik ke Pahang juga tidak apalah- dia sudah meningkat jadi bila sudah meningkat, walau bagaimanapun saya akan membantu seperti mana yang telah dibangkit oleh Yang Berhormat Temerloh iaitu bahawa segala apa perkara yang perlu dilakukan *inshaaAllah* kementerian saya akan membantu beliau.

Sekarang saya hendak pergi ke Yang Berhormat Seremban. Yang Berhormat Seremban bercakap tentang pengecualian Visa Pelancong Negara China iaitu beliau tidak bersetuju hanya diberikan visa *free* kepada mereka yang beli pakej.

Yang Berhormat Seremban, kita...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit tentang visa ini...?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nanti dahulu. Kita mesti faham iaitu apabila disebut oleh Kementerian Dalam Negeri tentang kepentingan keselamatan.

■1510

Itu adalah benar kerana kita tidak boleh membenarkan mana-mana pelancong atau dari China khususnya kalau datang ke negara kita ini tanpa kita mendapat membuat penyiasatan terhadap individu itu. Ini bukan kerana kita *profile* negara China tetapi juga adalah atas permintaan kerajaan negera China kepada kita. Kalau Yang Berhormat masih ingat iaitu bahawa beberapa bulan yang lepas telah berlaku peletupan di Bangkok. Dua letupan telah berlaku di Bangkok dan hasil daripada penyiasatan itu ialah didapati bahawa orang yang telah meletupkan bom malah hari ini pun kita tengok dalam surat khabar ada dua orang itu, mereka adalah

warganegara China daripada etnik Uyghurs yang terlibat dengan Pasukan Pembebasan Turkistan Timur dan orang Uyghurs ini kalau tidak dibendung, mereka juga bersikap sebagai IS dan dua letupan di Bangkok itu jelas menunjukkan bahawa ianya kalau boleh berlaku di Bangkok, tidak ada sebab mengapa ia juga tidak boleh berlaku di Kuala Lumpur kalau sekiranya kita tidak mengambil apa yang dikatakan tindakan yang lebih ketat untuk memastikan supaya jangan mereka terlepas masuk ke negara kita.

Jadi saya hendak sebut ia bukan *profiling* negara China tetapi ia juga merupakan permintaan daripada kerajaan negara China untuk memastikan supaya jangan kita benarkan masuk orang-orang ini ke negara Malaysia kerana selalunya daripada sinilah dia akan terbang ke Turki kerana apabila dia keluar di sini, dia juga boleh dapat pasport Turki dan daripada Turkilah dia akan masuk ke Syria. Jadi oleh kerana itu, kita kena berhati-hati dan sebab itulah kita ada syarat iaitu ya Yang Berhormat, memang kita telah bersetuju untuk memberikan *free visa*. Bukan sahaja yuran tetapi *free visa* kepada rakyat China yang hendak melawat negara kita dan yang memberi pakej itu dianggap sebagai *group* kalau dia nya dua ke atas. Dahulu betul dikatakan 20 ke atas tetapi setelah kita membuat perjumpaan, kita telah meyakinkan kepada pihak Imigresen kalau individual itu satu, maka *group* itu lebih daripada satu.

Jadi dua adalah penting kerana sebagai contoh, sebenarnya *tourist* yang datang dua orang, tiga orang, mereka merupakan *tourist* yang bermutu kerana mereka mempunyai wang dan mereka akan beritahu kepada agen-agen pelancongan di China dan juga di sini bahawa mereka mahu melawat satu tempat katalah saya mahu pergi Kuala Lumpur makan di mana, duduk di mana tiga hari selepas itu saya hendak pergi ke Langkawi tiga hari, kemudian saya hendak pergi ke Kota Kinabalu tiga hari dan Kuching tiga hari. Ini *customize* punya permintaan. Jadi selalunya yang dua, tiga orang ini yang mempunyai wang banyak dan mereka adalah merupakan pelancong yang berkualiti dibandingkan dengan kalau terlalu ramai. Kadang-kadang terlalu ramai datang daripada satu kampung dia kumpul-kumpul, mari kita ke Malaysia.

Akan tetapi kita tahu bahawa pelancong-pelancong daripada negara China sekarang ini memang merupakan pelancong-pelancong yang bermutu walaupun mereka datang kumpulan ramai tetapi kalau hendak dikatakan 20 ke atas sahaja dianggap sebagai *group*, ini akan merugikan kita. Jadi saya juga beritahu iaitu bahawa kalau seorang yang telah berkahwin suami isteri, kalau dia hendak datang ke Malaysia hendak dapat *visa free*, maka dia tidak mungkin akan dapat melainkan kalau dia mencari 9 *couple* yang lain. Hendak cari 9 *couple* jadi 18 orang campur dua orang, buat satu kumpulan, baru boleh *honeymoon* dekat Malaysia ataupun jalan yang mudah, dia bawa keluarga dia. Dia bawa emak dia, bapa dia, emak mertua, bapa mertua, adik-adik ipar dia, abang ipar dia, cukup 20 orang pergi Malaysia. Sudah tentu datang ke Malaysia *honeymoon*, balik ke China bercerai kerana bawa *in laws*. Susahlah kan.

Jadi, telah dipersetujui dan saya hendak baca di sini iaitu syarat-syarat yang perlu diketahui yang dikenakan semata-mata untuk hendak memastikan supaya yang datang ke Malaysia bercuti itu benar-benar iaitu pelancong dan bukan membolehkan orang datang ke negara kita dengan niat yang tidak baik seperti yang disebut tadi. Kerajaan negara China minta

pastikan jangan ada Uyghurs datang bukan kerana kerajaan China pula mensyaki setiap Uyghurs itu sebagai *terrorist* tetapi kita mesti berhati-hati dan kalau ada orang Uyghurs datang, mesti siasat dahulu. Sebab itulah mesti dikenakan syarat-syarat dan yang pertama sekali seperti saya sebut iaitu bahawa kumpulan sekarang didefinisikan sebagai dua ke atas, bukan 20 lagi. Syarat-syarat mekanisme pelaksanaan:

- (i) datang secara berkumpulan. Minimum dua orang di bawah agensi pelancongan yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan;
- (ii) dihadkan kepada 15 hari sahaja bagi setiap kali kemasukan sebab dia pelancong beli pakej. Jadi terhad kepada 15 hari sahaja;
- (iii) kemasukan dan keluar pelancong dari Republik Rakyat China adalah melalui pintu masuk udara lapangan terbang antarabangsa sahaja. Juga untuk hendak memastikan keselamatan supaya jangan bocor mereka yang berniat jahat terhadap negara China dan kita itu dapat masuk;
- (iv) mereka dilarang untuk memohon lain-lain pas;
- (v) mereka datang dengan penerbangan terus dari negara China sahaja dan mempunyai tiket penerbangan balik;
- (vi) kompaun sebanyak RM1,500 seorang bagi mana-mana pelancong RRC yang hilang. Ini kita akan kenakan kepada syarikat *travel agent* itu;
- (vii) jaminan sara diri dalam bentuk wang tunai atau kad kredit atau kad ATM dengan logo *UnionPay*. *UnionPay* ini memang sebuah syarikat yang menguruskan tentang kad dan sememangnya digunakan oleh semua pelancong-pelancong negara China yang melawat ke luar negara; dan
- (viii) tiket penerbangan pergi balik, jadual perjalanan yang lengkap dengan bukti penginapan di Malaysia dan mereka juga perlu berdaftar dengan *Group Tourist Registration System*.

Jadi ini adalah syarat yang telah ditentukan dan ia akan berkuat kuasa pada 1 Disember 2015 iaitu beberapa hari sahaja lagi. Jadi inilah hasil rundingan yang telah diadakan di antara kementerian saya dengan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Bagan Datok dan memang Yang Berhormat Bagan Datok menyokong apa yang telah dipohon oleh kita dan itulah keputusan yang telah diperoleh berkenaan dengan visa dari negara China.

Kemudian, *visa on arrival* ini akan diberi. Malaysia menawarkan perkhidmatan *visa on arrival* kepada warganegara China dan India melalui negara ketiga iaitu Singapura dan Thailand di semua lapangan terbang antarabangsa di Malaysia dan di Kompleks Sultan Abu Bakar di Johor Bahru. Pihak kementerian mengambil maklum akan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Bintang tadi dan akan berbincang dengan pihak KDN untuk membuka perkhidmatan *visa on arrival* kepada negara-negara lain. Ya, Yang Berhormat Seremban.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertamanya Yang Berhormat Menteri, saya menyambut baiklah kepada pengumuman dan juga penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan *visa free* ini kepada pelancong-pelancong dari China akhirnya dapat dilaksanakan. Apa yang tak dapat dilaksanakan oleh mantan Menteri, sekarang dilaksanakan oleh Menteri sekaranglah. Itu yang pertama, tahniah. Akan tetapi cuma saya hendak tanya ialah walaupun kita menyambut baik tetapi saya rasa perlu ada usaha berterusan.

■1520

Ini kerana saya rasa apa yang dikatakan tadi kalau seseorang pelancong itu sudah masuk Singapura dia boleh ambil *visa on arrival* dari Singapura dan masuk Malaysia. Akan tetapi kita sekarang ini berbincang soal dan kita menyatakan negara kita ini hendak ke arah *ASEAN Community*. Kalau Singapura itu telah membenarkan seseorang pelancong itu masuk dan telah *clear* imigresen mereka saya rasa kita perlu permudahkan lagi sebarang prosedur untuk pelancong itu kalau datang dari Singapura masuk Malaysia. Ini sebab kita hendak mengatakan integrasi ASEAN dan kita perlu mendapatkan tempas ataupun keuntungan kerana Singapura ini merupakan satu *aviation* hab, banyak penerbangan yang terbang ke Singapura.

Kita hendak cari satu strategi pendekatan bagaimana menarik pelancong-pelancong yang masuk ke Singapura juga datang ke Malaysia. Saya rasa kementerian patut mengadakan lebih banyak usaha untuk menarik pelancong-pelancong yang tiba di Singapura ini masuk ke Malaysia. Cuba kita permudahkan lagi permohonan visa ini supaya kita dapat keuntungan daripada pelancong-pelancong yang datang ke Singapura juga datang ke Malaysia. Supaya dapat merealisasikan *ASEAN Community* ini dan juga integrasi ASEAN. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat cadangkan. Bagi mereka yang datang ke Singapura dia boleh masuk Malaysia menerusi VOA seperti mana yang telah disebut sebentar tadi. Akan tetapi apa Yang Berhormat cadangkan ialah kalau mereka sudah masuk ke Singapura maka tanpa memohon VOA mereka boleh terbang ke Langkawi sebagai contoh, ke Kota Kinabalu kah sebagai contoh. Jadi saya amat memahami tetapi hanya kalau melalui Singapura. Walaupun kita sudah ada *ASEAN Community* tetapi sekiranya sebuah negara yang memerlukan visa pergi ke negara yang lain melainkan negara Singapura dan daripada sana mereka terus masuk ke negara kita tanpa *tourist* visa seperti China. Saya rasa itu bukan sahaja Malaysia tidak bersetuju tetapi China juga tidak bersetuju.

Bukan kerana apa, kita sudah lihat bagaimana sistem 'Shenzhen' itu telah menjadikan masalah kepada Komuniti Eropah itu sendiri. Ini sebab daripada segi ketatnya kemasukan ataupun penyiasatan terhadap seseorang warga China sebagai contoh masuk ke negara itu masih boleh dipertikaikan, melainkan Singapura. Singapura kita tahu ketat tetapi kalau negara lain kita belum tentu lagi sebab apa yang berlaku di Eropah ialah kerana tiap-tiap negara Eropah ini *the frontier country*, dia punya cara penyiasatan itu tidak ketat. Apabila masuk sahaja ke

katalah sebuah negara *frontier EU* maka dia boleh terus masuk kepada Jerman, Perancis, itulah yang berlaku letupan dan macam-macam.

Jadi kalau Yang Berhormat kata daripada Singapura itu telah pun saya bincang dengan Yang Berhormat TPM. Ini sedang dalam pertimbangan. *Insyah-Allah* kalau kita boleh bagi lagi kekuatan untuk fakta-fakta kita menghujahkan supaya mereka ke Singapura boleh bebas datang ke Kuala Lumpur. Saya percaya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Bagan Datok, dia juga pernah menjadi Timbalan Menteri Pelancongan. Dia memahami pentingnya pelancong-pelancong negara China kepada pelancongan negara Malaysia kita, *insyiah-Allah*.

Jadi berkenaan dengan *cruise*, *Malaysia Cruise Council* adalah dipengerusikan oleh...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nanti, nanti. Yang Berbahagia Tan Sri KSU, dia ada belakang saya ini. Dia menjadi Pengerusi kepada MCG dan dia juga pengerusi bersama dengan KSU Kementerian Pengangkutan. Mereka akan membincangkan isu-isu berkaitan industri *cruise* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban. Walau bagaimanapun pihak kementerian bersedia untuk menjemput Ahli-ahli lain yang difikirkan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat boleh menyumbang bagi membangunkan industri *cruise* di negara Malaysia kita.

Saya ucap terima kasihlah Yang Berhormat ada sebut tentang Tokong Then Sze ini saya hendak bagi maklum iaitu sebenarnya saya memberi sumbangan daripada kementerian saya kepada tokong ini. Ini kerana tokong ini telah berjaya mendapat perhatian daripada penganut-penganut bukan sahaja di negara Malaysia tetapi juga terutamanya dari Singapura, ramai yang datang waktu sambutan Raya Cina. Mereka telah datang berduyun-duyun dengan bas membawa masuk wang Singapura. Saya tengok sendiri bagaimana tokong ini dia menyediakan pakej-pakej, alat-alat sembahyang. Saya telah dimaklumkan berapa harga mereka, saya kira dan saya tengok ada lebih dekat RM5,000 pakej ini. Jadi kalau RM5,000 saya buat senang sahaja, kalau dia boleh habis RM5,000 pakej dalam dua hari kalau satu itu RM10 sudah jadi RM50,000. Itu kalau dua harilah, kalau habis dia boleh dapat duit. Ini bermakna bahawa tokong ini juga menjana kewangan untuk negara kita terutama *foreign exchange*, duit dari Singapura.

Jadi atas dasar itulah dan atas usaha daripada Yang Berhormat yang telah berjaya menarik perhatian saya maka saya tengok ia dapat menjana kewangan dan mendapat sambutan yang cukup kuat daripada penganut-penganut dari Singapura dan juga Indonesia. Maka oleh kerana ada ROI itu maka saya merasakan perlu diberikan sumbangan untuk dia mencantikkan lagi atau pengubahsuai atau perbaiki mana-mana infrastruktur yang sudah rosak. Oleh sebab itulah saya memberi sumbangan dan saya harap ia boleh menjana lebih banyak lagi wang yang masuk *foreign exchange* ke negara kita.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Bandar Kuching tadi hendak tanya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya dimaklumkan bahawa mengenai visa walaupun masalah ini telah dihadapi oleh ramai pelawat-pelawat daripada China khususnya gadis yang lebih muda. Walaupun mereka ada visa yang *valid*, yang sah tetapi semasa di imigresen mereka akan dijemput ke bilik di sebelah imigresen kaunter dan ditanya-tanya soalan yang banyak dan menyukarkan untuk mereka hendak lepas imigresen. Seinggakan ia sudah menjadi satu amalan bahawa mereka mesti bayar RM500,000 kepada pegawai-pegawai imigresen. Saya telah terima beberapa aduan dari pelawat daripada China mengenai perkara ini yang amatlah memburukkan nama baik negara kita. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri boleh memberi perhatian atas perkara ini supaya amalan ini akan dihentikan. Sekian.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi sebenarnya saya pun kali pertama dengar perkara ini, saya tidak tahu. Akan tetapi kalau ia benar ia tidak sepatutnya berlakulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebanyak RM500,000 Yang Berhormat banyak, RM500,000.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sebanyak RM500 adalah RM1,000 seorang untuk masuk walaupun mereka ada visa. Mereka ditanya kenapa datang sini? Ada yang ada *boyfriend* di sini, mereka hendak lawat kawan mereka. Kenapa *you* hendak datang, sering datang sini? Ini soalan-soalan yang ditanya beberapa jam seinggakan mereka bayar RM500 okey tidak ada soalan lagi, boleh keluar.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini pengalaman peribadi Yang Berhormat kah atau bukan? *[Disampuk]* Bukan? Okey, tidak apa. Yang Berhormat, saya ingat saya hendak cadangkan kepada kementerian saya sendiri, sebenarnya kita ada pejabat pelancongan di sana. Mungkin kita juga boleh bantu apabila perkara ini berlaku, sebaik sahaja keluar pergi terus kepada Pejabat Tourism Malaysia dan buat laporan dan di situ juga ada pejabat polis. Ini kerana kalau perkara ini benar, ia amat memalukan dan ia tidak sepatutnya berlaku.

■1530

Jadi saya cadangkan, saya akan minta saya punya kementerian, Tourism Malaysia meuar-uarkan menerusi pengarah kami, Pengarah Tourism Malaysia di negara China untuk memaklumkan kepada pelancong-pelancong dan *travel agent* di sana kalau sekiranya perkara seperti ini berlaku, sebaik sahaja dapat keluar daripada imigresen, terus ke Pejabat Tourism Malaysia yang ada di *airport* dan pejabat polis pun ada.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, ia sudah menjadi satu amalan bahawa *even travel agent who ask the customer to pay, they called it, 'my kwang fee'*, *fee* untuk beri jalan. *You* mahu bayarkah? Mahu bayar, lebih senang keluar. Tak mahu bayar, susah sikitlah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak apa. Lepas dia- ini Yang Berhormat ini tahu sangat pasal apa? *[Disampuk]* Oh, wakil rakyat. Bukan... *[Disampuk]* *On the ground*. Okey. Berlaku di *Airport Kuching*?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan, bukan. KL, KL.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: KL. Okey, KL. Jadi, macam ini. Kalau tak percaya kepada *travel agent*, biar perkara itu berlaku, bayar apa sahaja yang diminta. Keluar sahaja daripada *airport*, lepas barang-barang semua diangkut, beritahu kat *boyfriend* dia, “*Mari kita buat laporan kat Tourism Malaysia*”. Tetapi saya takut ‘kot-kot’ *boyfriend* dia takut nak lapor ‘kot’, nanti cerita keluar.

Walau bagaimanapun, kalau tak percaya kepada *travel agent*, pergi ke Pejabat Tourism Malaysia. Memang dah ada pegawai dan boleh buat aduan apa sahaja. Ini kita akan uar-uarkan kepada kita punya pengarah di luar negara untuk disampaikan kepada siapa sahaja yang datang melawat ke Malaysia supaya jangan kita benarkan perkara ini berlaku dan jangan kita benarkan perkara ini sebagai perkara biasa kerana ia adalah tidak biasa. *We should not allow this*. Jadi saya harap Yang Berhormat boleh memaklumkan kepada sesiapa yang telah menghadapi masalah ini iaitu bahawa ini akan dilaksanakan oleh kementerian saya.

Tuan Pengerusi, saya pergi ke Yang Berhormat Ipoh Barat dahulu sebab dia pun tunggu dah lama dan dia pun pernah kompelin kepada saya- bukan dia kompelin kepada saya, dia kompelin kepada kawan-kawan dia. Dia kata satu dunia tahu Menteri Pelancongan, Ahli Parlimen Padang Rengas ini baik dengan dia. Tapi bila dia telefon saya, saya tak angkat telefon. *Sorry* ya. Betulkan ada kompelin? Tak apa, *it's okay*. Benda betul, betullah kan? *[Disampuk]* Eh, *inform*. Banyak *spy* merata.

Anyway, Yang Berhormat Ipoh Barat, berkenaan dengan Ashram Vivekananda, saya nak *quote* apa yang disebut oleh Yang Berhormat Baling kepada saya tentang apa yang disebut oleh Rajinikanth sebagai Manik Baashha dalam cerita ‘*Baashha*’. Eh, mungkin bukan dalam cerita ‘*Baashha*’ ‘kot’ tapi dalam sebuah filemlah. Rajinikanth kata- dia jadi hero kan? Dia orang susah jadi hero. Dia kata, “*Apa yang berlaku pada hari ini, semalam aku tak tahu. Apa yang akan berlaku esok, hari ini aku tak tahu. Tapi apa yang aku tahu, apa yang aku nak cakap hari ini iaitu aku sebagai Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, aku akan bela Ashram sampai habis aku nak beritahu kat ‘hang’*”. *[Tepuk]* Betul tak dia cakap itu?

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ha, Yang Berhormat Kapar, cakap, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Rajinikanth cakap bahasa Malaysia.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya cakaplah bahasa Malaysia. Cuba Yang Berhormat Kapar cakap dalam bahasa Tamil, dengan izin. Saya nak dengar macam mana itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Wah, ini dahsyat ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ha, saya nak dengar. Sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya izinkan, Yang Berhormat.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: *[Berucap dalam bahasa Tamil]* *That's what he saying*. Ada gaya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Cuma Yang Berhormat, saya risau pencatat minit tak boleh tulis itu.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Apa yang dia katakan- saya nak sambung sikit apa Yang Berhormat Baling cakap tadi. Rajinikanth ada sebut dalam filem 'Baashha' itu, "Sekali dia sebut bersamaan dengan seratus kali". Itu yang diterangkan oleh Yang Berhormat Baling... [Berucap dalam bahasa Tamil] So, sama dengan Yang Berhormat Menteri, sekali dia dah cakap itu, selagi dia Menteri mewakili Kementerian Pelancongan, seratus kalilah, tak payah disebut-sebut. Itu maksud dia. Terima kasih kerana menjaga warisan kebudayaan untuk orang India itu. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Seal and delivered.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: [Meniru gaya Pelakon Rajinikanth] [Dewan ketawa]

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Saya tunjuk dekat dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tunjuk, tunjuk.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Meniru gaya Pelakon Rajinikanth]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ha, betul, betul. Tapi kaki tak nampak. Dia ada garis kaki.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat, jangan bimbang ya. Yang Berhormat tanya kepada saya iaitu apakah saya sanggup bersama dengan peguam-peguam dan bersama dengan Yang Berhormat untuk kita teruskan usaha lawan pihak *trustee* yang meminta *judicial review*. Yang Berhormat, *judicial review* itu ialah terhadap keputusan saya. Apa gila saya tidak mahu melawan mereka? Jadi kalau Yang Berhormat bertanya kepada saya sama ada saya sanggup bersama, memang saya sanggup bersama.

Kita akan pastikan iaitu bahawa- saya telah lihat daripada semua peraturan sehinggakan waktu Pengarah Warisan membuat keputusan dan pada ketika itu ada permintaan daripada pihak penyokong-penyokong Ashram hendak berjumpa dengan saya, saya tidak mahu jumpa sebab proses belum habis lagi. Ini kerana selepas Ketua Pengarah buat keputusan, ada rayuan kepada saya. Jadi kalau saya berjumpa dengan pihak-pihak penyokong Ashram waktu saya punya Ketua Pengarah buat keputusan dan kalau saya bergembira, berseronok, maka sudah tentulah bila rayuan kepada saya, sudah pun orang kata *bias*. Oleh sebab itu daripada segi semualah saya pastikan saya tidak berjumpa dengan pihak penyokong-penyokong Ashram, saya tidak mahu berjumpa dengan mereka sehinggalah saya telah membuat keputusan. Selepas saya buat keputusan barulah saya boleh berjumpa dengan sesiapa. Ini supaya jangan ada sedikit pun cacat cela dalam proses saya membuat keputusan.

Jadi kalau mengikut sayalah, saya tidak ada melakukan apa-apa kesilapan yang boleh ditunjukkan sebagai fakta yang boleh membatalkan ataupun keputusan saya itu *bias* atau apa. Jadi sebab itu Yang Berhormat, kalau mereka buat *judicial review*, oleh kerana *judicial review* itu ialah *review* terhadap keputusan saya, maka saya akan bersama dengan Yang Berhormat

dengan peguam-peguam yang lain, kita lawanlah habis-habisan untuk pastikan supaya Ashram ini dikekalkan sebagai tapak warisan.

Kemudian Yang Berhormat juga bertanya berkenaan dengan *Bujang Valley*. Saya hendak sebut juga bahawa dalam proses Vivekananda ini, saya akan tetap dengan keputusan tersebut dan saya bersedia dengan apa-apa urusan mahkamah sekalipun dipanggil nanti.

Bujang Valley, ya betul, ini merupakan satu *site* yang cukup penting, memang sudah ada *stop order* Yang Berhormat. *Stop order* daripada membangunkan kawasan ini sebagai kawasan *development area*, pembangunan. Kita tidak membenarkan apa-apa kerja lagi dilakukan melainkan untuk kerja-kerja *excavation*. Saya sendiri telah pun melawat tapak ini dan ia memang merupakan tapak yang bersejarah dan ia memang tua. Jadi oleh kerana itu, selaku Menteri, saya akan pastikan bahawa *stop order* itu diambil maklum, diakuri dan dihormati dan kerja-kerja *excavation* akan diteruskan.

■1540

Setiap kali kalau ada keperluan kewangan kita boleh buat permohonan kepada kerajaan di bawah bajet kementerian saya untuk memastikan supaya ekskavasi ini berjalan dengan baik dan kita dapat pelihara dan memulihara khazanah negara kita ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*] Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini apa ini, cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sedikit penjelasan, atau lebih *complement*. Saya terima baik kedua-dua keputusan yang dibuat. Satu, mengenai Ashram Vivekananda Kendra. Saya juga berterima kasih kerana kita bersependapat mengenai pendirian Yang Berhormat Menteri yang adalah kebaikan kepada masyarakat dan negara kita. Nombor satu untuk Ashram Vivekananda Kendra.

Yang kedua adalah mengenai *Bujang Valley*. Yang Berhormat Menteri mungkin boleh mengambil perhatian bahawa walaupun ada *stop work order* yang telah dikeluarkan, tetapi saya difahamkan lagi *developer* masih ada menjalankan kegiatan di sana, dekat di sana. Saya harap satu penyiasatan menyeluruh dibuat di tempat tersebut kerana kalau kehilangan apa-apa benda itu *permanently loss*, itu adalah lebih dari 2,000 tahun yang kita kenal pasti. Saya harap tindakan susulan dapat diambil untuk memastikan perkara ini.

Saya pernah juga bangkitkan mengenai Akta Warisan Kebangsaan 2005 di mana perlu lebih kuasa untuk Menteri supaya dapat mengambil tindakan dengan tegas, *it is very ambiguous now, whether you can immediately take action without even consultation, without even ... matters for preservation of these issues*. Mungkin kita perlu menghalusi akta tersebut. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tapak ini yang mana yang dianggap sebagai tapak yang mengandungi khazanah-khazanah ini semuanya pertama sekali kalau yang hak swasta, kita beli lah tidak silap saya. Bukan sahaja kita beli tetapi kita telah pun pagar kawasan itu. Sebenarnya apabila perkara ini berlaku dan dapat dalam makluman Yang Berhormat Menteri Besar Negeri Kedah, dia dengan serta-merta telah menelefon saya, *direct telefon* saya minta supaya sayaewartakan serta-merta tapak itu.

Setahu saya lah, pertama sekali kawasan itu telah pun dipagari, tetapi kalau ada mana-mana yang dianggap ada pencerobohan, Yang Berhormat kena beritahu kepada saya. Akan tetapi yang terakhir sekali saya pergi, saya dapat maklum, dan saya sendiri pergi tengok, memang tidak ada apa-apa pencerobohan kerana kawasan tapak itu telah pun dipagari di tempat itu. Pagar, pagar, pagar, pagar. Sudah dipagari. Jadi kalau sekiranya ada laporan baru, sila maklumkan kepada saya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Apa benda lah Yang Berhormat Batu, kita cakap Sungai Batu di Kedah. Bukan kawasan Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak kanlah lebih kurang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Hendak tanya? Okeylah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu warisan ini bukan ada sempadan. Ini milik kita semua. Cuma saya hendak maklum kepada Yang Berhormat Menteri. Isu dia bukan sama ada kita lapor kepada kementerian atau tidak. Isu sekarang ialah ada *tendency* dengan izin, ialah tuan punya tanah di sekitar situ, terutamanya di tempat-tempat yang kita tidak pagar dan tidak diwartakan *direct*, mereka kalau dapati barang-barang antik itu, bukan mereka hendak lapor, bukan mereka rasa bangga, sebaliknya dia takut tanah itu akan hilang nilai untuk dibangunkan.

Jadi warisan negara ini, yang antik ini hilang begitu sahaja kerana *private interest* yang mereka hanya jaga kepentingan sementara tetapi tidak nampak nilai (*value*) warisan. Saya harap undang-undang kita harus diperketat kalau didapati barang-barang antik yang mempunyai nilai sejarah, mereka harus diwajibkan untuk melaporkan, untuk *preserve*, kalau tidak tindakan jenayah, atau undang-undang harus diambil alih. Itu satu cadangan kepada kementerian.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, bila saya kata laporlah bukan saya kata pemilik tanah yang jumpa itu kena lapor. Orang macam Yang Berhormat yang tahu itulah yang kena lapor kepada saya. Memang betul lah, pemilik tanah kalau dia dapat, dia memang takutlah tanah dia itu akan di – bukan rampas, dia akan di *force*, kerajaan akan ambil, pengambilan tanah. Akan tetapi yang mana kita yang tahu perkara ini lapor kepada kita. Sudah tentu kita akan serta-merta mengambil tindakan mengikut Akta Warisan Kebangsaan 2005 kita.

Saya bersetuju kalau Yang Berhormat hendak melihat semula akta warisan kita ini. Sebenarnya kita pun dalam proses *review* setengah-setengah peruntukan dalam akta itu. Jadi kalau Yang Berhormat ada juga minat, maknanya Yang Berhormat juga boleh membuat kajian dan apa-apa peruntukan baru yang perlu diadakan ataupun yang lama itu diperkuatkan atau digugurkan, Yang Berhormat sila maklum kepada kementerian saya sebab kita mengikut Ketua Pengarah saya, akta itu pun sudah agak lama dan perlu diperbaiki. Saya bersetuju.

Batu Caves Yang Berhormat, Batu Caves. Kita telah mengangkat Batu Caves ini pada peringkat negara, ia telah diangkat sebagai warisan kebangsaan, ia memang warisan kebangsaan. Kita juga sedang kutip maklumat untuk mendapat fakta yang kuat yang boleh menjadikan ia tapak warisan UNESCO untuk dicalonkan. Akan tetapi dia bukan jalan yang

mudah, kerana syarat-syarat yang cukup ketat dan kita kalau macam segi daripada segi lamanya, berapa tahun. Jadi ini semua perlu kita cari bukti-bukti yang menunjukkan dia memang sudah lama, apa selain daripada *religious value* nya, mungkin di dalamnya itu apa ada lagi. Sebenarnya kita juga mendapat galakan apabila *Singapore Botanic Gardens* mendapat UNESCO punya ini. Jadi kita rasa bahawa kalau *Singapore Botanic Gardens* boleh dapat UNESCO punya ini, kita juga rasa boleh juga lah kita cuba.

Mungkin nanti boleh kalau Yang Berhormat berjumpa dengan pihak warisan kami, kita duduk bincang dan kita bentuk satu jawatankuasa dengan kumpulan-kumpulan yang berminat bagaimana membantu kerajaan untuk menjadikan dia UNESCO *site*. *It is worth trying*. Kalau kita tidak cuba, kita tidak tahu. Saya pun tidak mahu tiap-tiap kali datang jawab, syaratnya ketat, sukar, tetapi kita tidak pernah cuba. Baik kita cuba, kalau tolak pun kita rayu lagi. Ada orang kata kalau orang perempuan ini kita memining dia sekali, dia tolak kita. Dua kali dia tolak, tiga kali dia terima. Sudah nampak kesungguhan itu, hendak sangat itu kan.

Jadi saya akan minta kepada jabatan saya untuk mengadakan perjumpaan, Yang Berhormat pun – Ipoh Barat Setuju?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*] Setuju, setuju, setuju.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey. Yang Berhormat Ipoh Barat pun sudah habis jawab semua sudah.

Yang Berhormat Sibuti. Ada? Yang Berhormat Seputeh belum lagi ya? Nanti, nanti. Okey. Yang Berhormat Sibuti. Jangan marah Yang Berhormat Sibuti sebab kalau disebut Sibuti, Seputeh serupa sahaja bunyinya. Serupa. Kalau orang Arab serupalah. Orang Arab dia tidak boleh sebut 'pa', dia sebut 'ba'. Sibuti dia kata. Kalau Seputeh ini, 'Sebuteh'. Betul tidak? Betul ya Yang Berhormat Kuala Nerus ya? [*Disampuk*] Ini orang Perak sesat. Orang Perak bertanding di Kelantan. Lain kali bertanding di Padang Rengas lah senang.

■1550

Yang Berhormat Sibuti, Lapangan Terbang Miri dinaikkan kepada taraf antarabangsa. Yang Berhormat Sibuti, kami dalam Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan ini, apa juga Yang Berhormat minta untuk Miri, kita tetap akan sokong. Tiada masalah. Saya akan berjumpa dengan rakan saya, Jemaah Menteri daripada Bentong. Jadi, kita dengan banyaknya orang kata produk-produk pelancongan yang ada di negeri Sarawak itu, saya kira sudah menarik perhatian, contohnya *Niah Cave*, banyak sebut tadi. Itu yang baru ini *Blue Tears*. Saya pun bila tengok dekat karpet dekat bawah ini sudah macam nampak dah dekat persisiran itu, *the Blue Tears*. Banyak benda. Jadi, saya bersetuju memberi sokongan, bukan hanya sekadar iaitu lapangan terbang ini di naik taraf tetapi kalau boleh dijadikan sebagai lapangan antarabangsa. Ya, okey.

Saya juga akan minta kraf tangan untuk membantu kita punya *small scale industry handicraft* kita di sana untuk membantu mereka. Yang Berhormat jangan merajuk. *Insyallah* saya akan melawat Sibuti. Kalau saya tidak ada masa melawat pun, saya sekarang sudah ada Timbalan Menteri saya, Yang Berhormat Masjid Tanah. Jadi, kalau saya tidak boleh pergi, dia boleh pergi ke...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bawa saya. Saya tidak dapat masuk Sarawak.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia tidak boleh masuk. Tidak boleh masuk Yang Berhormat.

[Ketawa]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya pun kadang-kadang hairan macam mana pengundi Yang Berhormat Seputeh boleh undi dia. Saya pun tidak faham. *[Ketawa]* Okey. Yang Berhormat Sibuti sudah habis. Saya kena cari mana dia Yang Berhormat Seputeh. Tidak ada pun Yang Berhormat Seputeh ini. Jawapan bertulis ya? Saya tidak ada jumpa.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Bolehlah cari esok.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Hah, esoklah. Yang Berhormat Jerlun dulu. Yang Berhormat Jerlun ada? Okey. Yang Berhormat Jerlun... *[Ketawa]* Yang Berhormat sebut itu daripada— pendengaran sayalah ya. *Secretary General* pun sudah pandang saya. Saya kena berhenti, pukul empat petang saya berhenti. *[Disampuk]* Yang Berhormat Taiping saya sokong 100% 32 *first*. Saya akan pastikan supaya *market* itu tidak akan di runtuh. Saya hendak beritahu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey. Cukup? Jadi, Thailand Yang Berhormat sebut iaitu bahawa kita boleh angkut orang pergi ke Thailand tetapi balik kosong. Akan tetapi Yang Berhormat, setahu saya, dulu saya jaga SPAD, kos menghantar mereka ke Hatyai sebagai contoh, telah mengambil kira balik itu kosong, dia sudah masuk dah itu ya.

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Yang Berhormat Menteri, apa yang dimaksudkan ialah apabila kita pergi ke Hatyai dan dia *take-off* ke Bangkok. Bila mereka balik ke Bangkok *landing* di Hatyai, hendak balik Kedah, kenderaan Malaysia itu dah tidak boleh hendak ambil. *They got to use Thailand's vehicle* sampai *border* then...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Orang Malaysia kita?

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Orang Malaysia kita bercuti ke sana?

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Orang Malaysia, macam saya pergi bawa petani adalah lawatan sambil belajar semua ini. *That's what happened. Then* telah dikompelin oleh— bukan dikompelin. *In fact*, itulah hakikatnya, *travel agent* Malaysia kata, *land transport* hanya hantar pergi Hatyai tetapi apabila balik daripada *airport Hatyai* ke *border* mesti guna *transport* daripada *Thailand*, di mana ini isunya. So, mereka hantar sampai *border* Bukit Kayu Hitam, baru orang Malaysia boleh ambil balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya selaku Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, saya tidak menggalakkan pelancong kita pergi ke luar negara. Saya menggalakkan pelancong luar negara datang ke Malaysia. Jadi, kalau lagi susah mereka melawat ke Bangkok, lagi bagus. Lawatlah ke Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia buat lawatan belajar Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, yang boleh melancong Yang Berhormat Menteri seorang sahaja. [*Ketawa*] Yang boleh melancong ke luar negeri Yang Berhormat Menteri seorang sahaja. Oleh sebab itu kerja Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat tahu tidak promosi? Kalau kita kata...

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itulah yang saya setuju. Rakyat Malaysia tidak digalakkan ke luar negeri. Yang digalakkan ke luar negeri itu Menteri seorang sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okeylah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu kerja Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya harap supaya *Hansard* akan masukkan benda ini. Kalau saya pergi ke luar negara, saya telah mendapat dokongan dan sokongan daripada Yang Berhormat Batu. [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi Yang Berhormat, memanglah begitu sebab kita punya *travel agent* memang sukar untuk mendapatkan kerjasama dengan katakanlah *travel agents* sana, terutama kalau hendak menghantar balik. Dia mesti hendak guna. Begitu juga kita, saya rasa kalau mereka terbang daripada Thailand pergi ke Alor Setar, bila hendak balik ke Hatyai, saya rasa kita tidak benarkan untuk dia bawa orang kita melainkan kena naik...

Dato' Othman bin Aziz [Jerlun]: Cuma Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi, kena *check*. Van Thailand, dia bawa masuk *tourist* dari Thailand ke Penang. *Then at the same time*, dia *pick up foreigners* daripada— yalah orang putih selalunya, *pick up*, dia bawa masuk Thailand. Yalah dia *cross over* Bukit Kayu Hitam dan semua. Maksudnya ialah apa yang dinyatakan oleh *travel agent* kita ini macam ada dwistandard. Kita tidak boleh, mereka boleh. *That kind of thing*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Memang dia tidak boleh. Memang dia tidak boleh. Dia boleh hantar ke Pulau Pinang, dia tidak boleh angkut orang-orang *foreigners* daripada negara kita bawa masuk ke sana. Memang tidak boleh. Ini soal penguatkuasaan. Memang dia tidak boleh. Kita sudah ada undang-undang. Akan tetapi saya *suspect*, saya rasa ada mainan daripada pihak *travel agents* kita juga. Yang telah pun menyediakan orang-orang luar, *you want to go, you take it*. Ada. Kalau Yang Berhormat tahu, kena maklum kepada kita dan kita akan ambil tindakan terhadap *travel agents* ini.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Yang Berhormat Menteri, satu minit boleh? Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak boleh, tidak boleh, tidak boleh.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Tidak boleh Yang Berhormat?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak boleh, tidak boleh. Jadi, Bujang Valley saya sudah jawab iaitu bahawa kerja-kerja ekskavasi diteruskan. Memang diteruskan. Kalau ada apa-apa keperluan Yang Berhormat mahu, sila maklum kepada kementerian. Di bawah warisan, sememangnya kita cukup ketat dengan soal memelihara tapak-tapak warisan ini.

Pelesenan pelancongan, kalau Yang Berhormat tahu mana-mana *tourist guide*, dia cuma bawa kepada tempat-tempat tertentu sahaja, sila maklum kepada kami. Ini sebab pelesenan terhadap *travel agent* ini adalah di bawah kawalan kementerian saya, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. *Visit Kedah Year* ini sebenarnya Yang Berhormat, bajet kita baru ini kena potong RM284 juta. Potong, bukan tambah. Tahun 2015 pun potong. Jadi, banyak kena potong. Saya akan bantu di mana yang boleh untuk menjayakan *Visit Kedah Year 2016*. Oleh kerana kalau Kedah berjaya, maka ia bermaksud Malaysia berjaya. Tuan Pengerusi, banyak lagi ini. Akan tetapi oleh kerana Setiausaha Agong saya pun telah pandang saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia tidak penting punyalah. Dia punya kementerian sikit sahaja. Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak mahu diambil tindakan oleh saya punya *Secretary General*. Maka, yang lain saya tidak jawab. Saya akan jawab secara bertulis. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Apa? *How can?*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Duduklah Yang Berhormat Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Dia tidak jawab saya lagi. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM973,166,000 untuk Maksud B.31 di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM973,166,000 untuk Maksud B.31 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM247,839,900 untuk Maksud P.31 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM247,839,900 untuk Maksud P.31 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

■1600

Maksud B.32 [Jadual] –

Maksud P.32 [Anggaran Pembangunan 2016] –

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kepala Bekalan B.32 dan Kepala Pembangunan P.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Labuan.

4.00 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan dulu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga menyokong kalau bajet untuk Kementerian Wilayah ini ditambah seperti juga Kementerian Pelancongan tadi kita harapkan ini ia ditambah sebab banyak diperlukan penambahan bajet di wilayah ini terutamanya Labuan. Tadi memang saya ingin sangat berucap ataupun membahaskan semasa di Kementerian Pelancongan tetapi tidak dapat peluang. Jadi saya akan cerita sedikit semasa di Kementerian Wilayah Persekutuan ini. Memandangkan Labuan memang perlu dipertingkatkan industri pelancongannya. Labuan buat masa ini banyak bergantung pada industri minyak dan gas yang mana sudah sekian lama Labuan tidak merasakan pembangunan ataupun kerancakan ekonomi di dalam sektor-sektor yang ingin dibangunkan termasuklah pelancongan dan apabila berlakunya perjumpaan telaga minyak dan gas di lautan Sabah dalam beberapa tahun yang lepas, maka industri minyak dan gas ini menjadi rancak dan ini membuatkan ekonomi setempat Labuan menjadi begitu rancak juga dan permintaan kepada hotel, restoran dan sebagainya meningkat begitu tinggi.

Akan tetapi baru-baru ini, kejatuhan harga minyak telah membuatkan kita terasa lagi akan penurunan dari segi kerancakan aktiviti ekonomi yang membuatkan kita agak risau. Jadi saya memang setuju dengan apa yang disarankan oleh Menteri Wilayah kita supaya Labuan dimajukan di dalam industri pelancongan. Akan tetapi untuk menjadikan Labuan itu maju dalam pelancongan maka kita perlukan bajet-bajet yang cukup. Di Labuan, pelancongan ini memang sesuatu yang sudah dicuba untuk dirancakkan sekian lama sejak Labuan dijadikan Wilayah Persekutuan lagi 32 tahun.

Akan tetapi dalam masa 32 tahun itu kebanyakan hotel-hotel besar yang telah dibina di Labuan apabila Labuan dijadikan wilayah dan *offshore financial centre*, dengan izin ada empat hotel besar yang diminta untuk dilaburkan di Labuan, *waterfront*, Sheraton yang sekarang menjadi Dorsett Hotel. Sebelum itu ada juga Mutiara Hotel oleh *landmark* dan juga Manika Beach Resort yang sekarang ini dipanggil Palm Beach Resort. Mereka beroperasi dalam keadaan rugi untuk sekian lama. Cuma mula untung dalam masa beberapa tahun yang lepas selepas perjumpaan telaga-telaga baru ini yang seperti saya katakan tadi.

Jadi ini menunjukkan bahawa Labuan perlukan satu strategi yang mantap, terima kasih, yang menyeluruh dan bersungguh-sungguh. Jadi kita lihat tidak lain tidak bukan yang mudah sekali adalah untuk menjadikan Labuan pusat pelancongan dan memang pun Labuan mempunyai potensi. Akan tetapi kita kena perlu ada strategi yang kita perlu olahkan supaya ia menjadi realiti.

Untuk menjadikan ia berjaya, langkah pertama adalah menjadikan Labuan pusat pendidikan. Jadi kita perlukan perhatian daripada kerajaan pusat untuk menjadikan Labuan sebagai pusat pendidikan tetapi daripada bajet-bajet yang kita nampak di kebanyakan kementerian memang nampaknya usaha itu tidaklah secepat yang seperti kita mahukan. Jadi Kementerian Wilayah kena mengambil tanggungjawab ini untuk memastikan bahawa Kerajaan Persekutuan sedar akan keperluan ini. Kita tidak mahu Kerajaan Persekutuan akan dilihat

sebagai gagal dalam membangunkan Labuan apabila Labuan diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Jadi apa yang kita perlukan sekarang adalah Kementerian Wilayah untuk menurunkan bajet-bajet pembangunan yang jauh lebih besar daripada apa yang telah dibuat sebelum ini untuk memastikan langkah-langkah untuk menjadikan Labuan sebagai pusat pelancongan itu berjaya. Kita ingin jadikan Labuan sebagai sebuah pulau yang mesra basikal, jadi kita perlukan bajet untuk itu. Selain daripada itu juga, kita mahu jadikan Labuan sebagai kawasan yang mesra sukan di mana nanti akan banyak aktiviti-aktiviti sukan sama ada di peringkat nasional, peringkat Borneo atau di peringkat antarabangsa dapat diadakan di sana dan ia seterusnya menjadikan Labuan rancak. Jadi kita perlukan bajet untuk memastikan Labuan mempunyai fasiliti-fasiliti sukan yang baik sama ada ia disalurkan melalui Kementerian Wilayah ataupun Kementerian Belia dan Sukan.

Selain daripada itu juga kita perlukan Labuan diadakan *convention hall* yang cukup besar supaya Labuan yang selama ini dianggap sebagai pulau yang telah dijadikan pulau antarabangsa akan dapat menjadi tempat di mana kita akan boleh hos *event-event* yang berkaitan dengan ASEAN. Memandangkan Labuan adalah pusat kewangan dan ia juga berada di lokasi di mana dia berada di tengah-tengah ASEAN.

Selain daripada itu juga, kita memerlukan infrastruktur yang besar-besarnya, yang akan memacu perubahan Labuan ini iaitu dengan mengadakan penambahan tanah-tanah supaya kita dapat bangunkan pembangunan yang akan dibangunkan oleh *private sector* dengan izin yang berbentuk *tourism* dan seterusnya menghubungkan Pulau Labuan dengan Pulau Daat iaitu sebuah pulau yang mempunyai keluasan 600 lebih ekar yang mana ia telah diluluskan untuk menjadi kawasan perindustrian minyak dan gas. Dengan ia dihubungkan dengan jambatan maka infrastruktur seperti air, elektrik dan sebagainya dapat disalurkan ke pulau itu dan seterusnya juga Labuan akan menjadi lebih dekat dengan Sabah dan feri terminal itu bolehlah diletakkan di Pulau Daat ataupun keluasan berdekatan dengan Pulau Daat. Jadi hubungan ataupun *travel time*, dengan izin dari Menumbok Sabah ke Labuan menjadi lebih dekat.

■1610

Satu lagi sebelum saya mengakhiri adalah untuk sebuah yayasan yang telah dibentuk di Labuan Yayasan Pembangunan Labuan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri sendiri diberi peluang untuk mendapat kekuatan supaya ianya boleh berganding bahu dengan Perbadanan Labuan untuk memastikan pembangunan Labuan akan menjadi lebih lestari dan seterusnya agenda-agenda tempatan dapat dilaksanakan. Jadi, itu harapan besar rakyat Labuan sebenarnya dan saya berharap Kementerian Wilayah Persekutuan akan dapat memberikan perhatian yang lebih kepada Labuan dan seterusnya menyalurkan bajet-bajet pembangunan ke Labuan melalui Perbadanan Labuan ataupun agensi-agensi kerajaan yang lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

4.11 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian berbahas di peringkat Jawatankuasa Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya merujuk kepada Butiran 010400 – Perancangan dan Pembangunan sejumlah RM8,889,800 dan juga Butiran 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Saya ingin bertanya beberapa soalan kepada Yang Berhormat Menteri khususnya tentang Projek Plaza Rakyat. Walaupun ada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada minggu yang lalu, saya ingin memberitahu pada Dewan yang mulia ini bahawa oleh kerana Projek Plaza Rakyat yang dijual kepada satu syarikat Profit Konsortium sebanyak RM700 juta dan RM40 juta untuk pampasan kepada pembeli yang telah membayar cagaran.

Walau bagaimanapun, projek ini, tanah ini seharusnya dijual melalui tender terbuka jika DBKL boleh mendapatkan lebih hasil berbanding dengan melalui *close store* atau tender rundingan. Oleh sebab di kawasan Projek Plaza Rakyat ini harga sekaki persegi sepatutnya boleh dapat RM3,000 sekaki persegi. Akan tetapi DBKL telah menjual harga sekaki persegi hanya RM1,000 sahaja. Ini maknanya kita kerugian, DBKL sudah kurang mendapat hasil sebanyak dekat RM1 bilion lebih. Saya harap apabila ada mana-mana tanah yang DBKL akan jual haruslah melalui tender terbuka. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri juga tentang memulangkan balik deposit yang telah dibayar oleh seramai 211 pembeli? Bilakah ini akan ditunaikan, dipulangkan balik wang yang telah dibayar selama 20 tahun ini?

Tuan Pengerusi, yang keduanya ialah saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kedudukan penjaja-penjaja Pasar Bukit Bintang yang tertekan dengan tindakan 1MDB supaya berpindah segera sedangkan projek pembinaan pasar baru ini pun belum siap. Apakah kedudukan atau pendirian Kementerian Wilayah Persekutuan tentang perpindahan ini? Oleh kerana itu, keselamatan seharusnya dijaga oleh kementerian dan memastikan jika projek ini belum siap yang meminta penjaja-penjaja berpindah ke pasar baru ini tidak akan digalakkan. Saya harap ini mengambil perhatian tentang keselamatan penjaja atau pelanggan-pelanggan yang mengunjungi pasar baru ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Setiawangsa.

4.15 ptg

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada salah satu daripada lima objektif besar Kementerian Wilayah ini. Saya baca.

Pertama, merancang dan melaksanakan program-program yang dapat meningkatkan tahap pendapatan bagi membantu golongan miskin dan miskin tegar di Wilayah Persekutuan keluar dari garis kemiskinan. Saya cuba merujuk butiran yang tertentu bagi menyokong objektif ini tetapi yang hampir, yang saya lihat ialah di Butiran 010500 - Pengurusan dan Sosioekonomi yang diletakkan RM60 juta dalam bajet itu. Akan tetapi apabila saya melihat pengurusan dan

sosioekonomi, ianya tidak pula merujuk kepada meningkatkan taraf kemiskinan di mana dalam pengurusan dan sosioekonomi objektifnya ialah seperti berikut:-

- (i) melaksanakan program dan aktiviti pembangunan insan dan komuniti;
- (ii) memastikan program penjualan rumah;
- (iii) memastikan program pembangunan pengurusan penjaja;
- (iv) menyediakan khidmat sokongan; dan
- (v) tidak spesifik bagi maksud menaikkan taraf kemiskinan bandar.

Oleh itu, saya minta Kementerian Wilayah Persekutuan memberi saya apakah bentuk bantuan atau butiran yang spesifik bagi maksud membantu golongan rendah ini. Ini lebih penting kerana di dalam Parlimen saya terdapat 8,216 unit rumah PPR murah ini dalam 1 kilometer radius. Maka adalah penting bagi saya, bagi rakyat Parlimen Setiawangsa atau mana-mana golongan rendah ini mengetahui apakah bentuk sokongan yang dapat diberi kepada Kementerian Wilayah Persekutuan ini.

Kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 090200 – *River of Life*. Saya difahamkan *River of Life* ini ada tiga komponen besar. Pertama *river cleaning* dengan izin, yang merangkumi sepanjang 110 kilometer panjangnya yang merentasi sempadan Majlis Perbandaran Selayang, Ampang dan akhirnya di Angkasapuri.

Kedua, komponen tertua ialah *river beautification and development* sepanjang 10.7 kilometer yang melibatkan Gombak dan Sungai Klang dan tanah-tanah di sepanjang Gombak dan Brickfields. Oleh yang sedemikian, saya ingin mengetahui bilakah projek ini akan siap sepenuhnya? Itu yang pertama.

Kedua ialah daripada bajet kerajaan yang sebanyak RM44 bilion ini, banyak mana yang telah digunakan sehingga sekarang ini? Pertama bila ia disiapkan? Kedua ialah daripada bajet RM44 bilion ini banyak mana yang telah digunakan dan peratusan siapnya sehingga sekarang ini?

Ketiga, saya ingin tahu apakah modal pembiayaan kepada satu projek yang *massive* ini? Adakah ia melalui wang kerajaan atau pun *land swap* sepanjang 10.7 kilometer ini yang akan dibangunkan? Sekiranya tanah-tanah yang sepanjang 10.7 km ini dari Gombak hingga Brickfields ini telah dibangunkan, saya juga ingin tahu siapakah yang mendapat projek ini dan apakah bentuk pembangunan yang ingin dijalankan di tempat ini?

Akhir sekali saya ingin merujuk kepada Butiran 04000 – Projek Sosial, Rekreasi dan Kemudahan Awam Kuala Lumpur yang kita akan peruntukan sebanyak RM12 juta ini. Saya difahamkan kita mempunyai 12 taman awam yang terdiri daripada Taman Tasik Titiwangsa, Tasik Ampang, Taman Tasik Permaisuri dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan supaya tiap-tiap tasik ini mempunyai *theme* masing-masing atau tema. Contohnya, sekiranya kita hendak pergi memancing maka ianya tempat yang betul-betul mempunyai segala kelengkapan dan kemudahan, contohnya Taman Tasik Titiwangsa. Ia mungkin dikenali sebagai itu. Mungkin-mungkin di Taman Tasik Permaisuri, mungkin Taman

Orkid dan sebagainya. Saya ingin mencadangkan supaya tema-tema tertentu supaya kita dapat *develop* tasik-tasik ini menjadi satu bahan tarikan.

■1620

Akhir sekali, saya ingin mencadangkan supaya tempat-tempat ini waktu malam diperhebatkan lagi keselamatannya kerana saya difahamkan banyak tempat di taman-taman ini gelap pada waktu malam dan memungkinkan ia menggalakkan perkara-perkara yang kurang baik yang berlaku di tempat ini. Itu sahaja daripada saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Lembah Pantai.

4.20 ptg.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang bagi Lembah Pantai membahaskan Kepala B.32, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Saya pergi kepada tajuk atau Butiran 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Butiran 04000 – Projek Sosial, Rekreasi Kemudahan Awam Kuala Lumpur dan juga Butiran 010000 – Pengurusan Kemajuan dan Pembangunan Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada peringkat asal semasa Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah mantan Menteri terdahulu mengumumkan satu skim projek perumahan dinamakan PPRPA, skim perumahan PPRPA di mana sebanyak 45,000 unit PPR ditawarkan supaya dapat dibeli oleh penghuni-penghuni yang menepati beberapa syarat. Ketika itu didapati ada lebih kurang, penerima yang layak itu 45,000 tetapi akhirnya mereka ini terpaksa membayar untuk memiliki rumah tersebut dengan kadar *interest rate* atau *interest charge* 6.5 peratus. Maksudnya, itulah tambahan yang dikenakan kepada semua pemilik rumah PPR daripada golongan berpendapatan rendah.

Kritikan kami ketika itu Tuan Pengerusi, adalah ia amat tinggi. Kalau kakitangan kerajaan diberikan kadar faedah empat peratus, misalan, kalau projek NFC diberikan dua peratus, ini contoh ya, tetapi bagi penduduk rumah perumahan PPR, 6.5 peratus. Jadi akhirnya dalam pertemuan kami Ahli-ahli Parlimen bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur pada Khamis lepas, kami dimaklumkan bahawa projek ini gagal kerana hanya ada 12,000 sahaja penerima daripada 45,000.

Oleh sebab itulah saya ingin menanyakan, bagaimanakah selepas ini pihak kementerian akan merangka dan memutuskan mana-mana dasar? Kita sambut baik, hasrat ini mungkin baik untuk memberikan ruangan kepada warga Kuala Lumpur memiliki rumah tetapi kadar faedah itu terlalu tinggi dan akhirnya membebankan 12,000 penerima ini termasuklah pihak DBKL yang terpaksa melakukan atau memulakan proses membeli balik unit-unit yang tak mampu dibayar. Itu pertama.

Keduanya, apakah kesudahan kepada Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan Berhad? Syarikat ini diberi bayaran satu peratus daripada RM300 juta yang didapati daripada KWSP. Ketika itu Tuan Pengerusi, hanya Kumpulan Wang Simpanan Pekerja menjadi pelabur

RM300 juta, pelabur utama dengan jaminan 100 peratus pada kadar pulangan 5.5 peratus. Ini persoalan penting. Saya tidak mahu sekali lagi- Menteri baru, kita harapkan semangat baru. Jangan sampai kita kehilangan peluang untuk membantu warga miskin yang memerlukan bantuan kita dan dokongan kita. Itu pertama.

Isu kedua yang berkait juga dengan pembangunan adalah projek pembangunan semula Sri Pahang. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan kerana beri ruang dan juga menghantar wakil-wakil DBKL bagi mengadakan perbincangan, pembentangan kepada penduduk yang terkesan.

Malangnya, walaupun pembangunan semula perumahan Sri Pahang- ini projek pertama pada tahun 1974 diumumkan oleh Tun Razak sendiri. Sejak tahun 2011 diuar-uarkan. Hanya dua minggu sebelum pemaju datang, baru diadakan satu sesi bersama penduduk, saya hadir. Bila masa saya tanyakan perincian, semua dijawab dengan, "*Kami tidak boleh maklumkan buat setakat ini*".

Akan tetapi dua minggu selepasnya, selepas sidang saya selaku Ahli Parlimen, Ketua UMNO Bahagian Lembah Pantai datang bersama pemaju. Bersama pemaju datang kata ini pemaju Pro Green. Bukan apa, saya fikir dalam hal ini, haruslah ditunjukkan sikap yang lebih profesional. Kita tak mahu mana-mana pembangunan yang berlangsung di kawasan dikaitkan sampai sebegitu rupa.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh panggil apa itu?

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Dia beri dokongan. Mungkin tak betul tetapi niat dia baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cara Yang Berhormat Seputeh memberikan dokongan ya.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Seputeh.

Jadi isunya, saya fikir tidak boleh begini. Pertama, wajib penduduk di Sri Pahang antara projek perumahan yang paling lama dalam sejarah Malaysia di Kuala Lumpur diberikan ruang untuk mendapatkan penjelasan sebaik mungkin. Seramai 80 pemilik akan terkesan. Mereka akan dipindahkan nanti. Ini saya tahu daripada penjelasan oleh Ketua Bahagian UMNO Lembah Pantai. Bila saya tanya DBKL, mereka tak dapat memberikan kepastian. Akan tetapi bila masa UMNO anjurkan, boleh pula. Jadi, kita bukan apa, saya fikir kita mahu secara profesional. Itu persoalan saya.

Juga, adakah untuk projek-projek pembangunan lain, mampu pihak kementerian, pihak Menteri berikan ruang untuk kita memberikan penjelasan jauh, bukan bila hendak roboh pada 15 Disember, barulah bulan November diadakan satu ruang penjelasan. Pada saya tidak mencukupi masa yang diberikan.

Saya hendak ambil contoh daripada *Institute for Local Government* daripada California, Amerika Syarikat di mana kalau dilihat di Bandar San Jose, populasi hampir satu juta, mereka

pastikan semua perwakilan komuniti dapat memberi maklum balas dan hingga lebih 75 peratus projek yang dicadangkan oleh penduduk Bandar Raya San Jose dilaksanakan. Saya fikir ini cadangan dan pelaksanaan yang baik. Saya yakin, *insya-Allah*, di bawah Menteri Wilayah Persekutuan yang baru boleh dilakukan kalau ambil cadangan yang baik daripada kami.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh bab kesesakan lalu lintas di Bandar Raya Kuala Lumpur. Kita sering kali memikirkan macet Jakarta ataupun banyak-banyak kota besar tetapi sebenarnya Bank Dunia baru sahaja mengeluarkan satu laporan berkait dengan proses urbanisasi di Kota Raya Kuala Lumpur yang menunjukkan penduduk di The Greater Kuala Lumpur ini mereka menghabiskan lebih daripada 250 juta jam setahun terperangkap dalam lalu lintas.

Jadi pada mereka, pembangunan baik, pesat. Malangnya, bila masa tidak ada usaha untuk meningkatkan kualiti hidup, maka kita semakin tertekan kerana kita sibuk menghabiskan masa kita mencemuh dan memandu kereta. Kalau bagi mereka yang membawa motosikal, berdoa agar tak hujan supaya mereka tak terkesan. Itu belum lagi saya masuk bab tol ya. Saya fikir bab tol ini bukan di bawah Kementerian Wilayah, tetapi yang penting, bila melihat kepada banyak perbelanjaan yang diluluskan di bawah kementerian, banyak daripada menyenggara bab-bab DBKL dipindahkan untuk *The Greater KL Project, NKEA project*, banyak mengambil kuasa daripada Kementerian Wilayah sendiri tetapi dipindahkan kepada peringkat JPM ataupun peringkat pusat.

Makanya, pada saya, masalah utama di Kuala Lumpur, kesesakan lalu lintas antaranya dan hanya 17 peratus daripada penumpang di Kuala Lumpur menggunakan pengangkutan awam berbanding 62 peratus di Singapura dan 89 peratus di Hong Kong.

Cadangan Bank Dunia, kata mereka, sistem pengangkutan bandar di Malaysia mampu menangani cabaran yang lebih teguh sekiranya PBT iaitu DBKL dapat mengambil tanggungjawab untuk mengawal selia proses ini. Malangnya di Malaysia, saya fikir ataupun Tuan Pengerusi tahu, kita ada lebih kurang, saya fikir lebih daripada 13 agensi dan setelah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat ditubuhkan bawah JPM, masih lagi tidak berkesudahan tetapi ini merumitkan proses mengawal selia perjalanan pengangkutan awam darat.

Jadi pada saya, bila masa pihak pusat mengawal berapa banyak dana yang boleh dibelanjakan oleh DBKL, maka DBKL dan juga Kementerian Wilayah juga harus menolak tekanan ini dan menyatakan *you have to be in control at least of public transportation*, dengan izin, Tuan Pengerusi kerana ini penting.

Pada saya, kita sudah senaraikan permasalahan. Apa yang perlu adalah penyelesaian. Dalam pembentangan bajet DBKL yang berlaku Khamis lepas, kita dimaklumkan satu pertiga daripada kos jalan raya untuk membantu prasarana projek 1MDB di Tun Razak Exchange terpaksa dibiayai oleh DBKL.

Jadi pada saya, keutamaan harus memastikan sistem pengangkutan awam darat, bagaimana dapat menurunkan kos tambang sistem pengangkutan awam. Itu jadi keutamaan,

bukan hendak bina jalan raya untuk memudahkan projek 1MDB dengan izin. Itu saya fikir antaranya dan saya pohon jawapan daripada Yang Berhormat.

■1630

Akhir sekali untuk memikirkan jalan keluar daripada Skim Perumahan PPRPA yang Datuk Bandar sebut tidak berjaya, saya pohon agar diambil kira apa yang berlaku atau dilangsungkan di Pulau Pinang tahun 2014 di bawah Skim Pemilikan Bersama mereka, *Shared Ownership Scheme*. Pembeli rumah dapat diskaun sehingga 30% pembiayaan tanpa faedah untuk mengurangkan bebanan dan 70% adalah pinjaman. Itu pun dipinjamkan kepada mereka oleh kerajaan pada kadar faedah sifar.

Saya ingatkan, bawah mantan menteri kadar faedah 6.5%. Jadi harus ada keutamaan mana-mana pun proses, projek, tawaran mengambil kira kemampuan penduduk di sekitar PPR. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Nerus ada kawasan wilayah? Ya sila Yang Berhormat Kuala Nerus. Ringkas ya.

4.31 ptg.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya ada banyak rumah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Banyak rumah?

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Antaranya di Putrajaya. Baik, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bangkitkan pertama sekali Butiran 010400 - Perancangan Dan Pembangunan. Saya hendak tahu bagaimanakah kerajaan melihat masa depan Kampung Padang Balang yang merupakan antara saki-baki kampung Melayu yang ada di Wilayah Persekutuan kerana saya sebelum ini tinggal lama hampir empat tahun di Padang Balang ini.

Adakah kerajaan berhasrat mengekalkan konsep kampung tradisi yang dapat diwartakan sehingga tidak dapat diambil alih lagi oleh mana-mana syarikat korporat yang besar untuk dijadikan projek pembangunan baru dan sebagainya.

Kedua, Butiran 040100 - Perbadanan Putrajaya. Saya melihat ada kesukaran yang besar bagi ramai warga Putrajaya yang bekerja di Putrajaya tetapi mereka ramai tinggal di Bandar Baru Bangi, tinggal di Sungai Merab, di kawasan perumahan saya tinggal. Isu yang pertama ialah jalan sempit untuk masuk ke Putrajaya dari Kampung Dato Abu Bakar Baginda atau kita panggil susur keluar 4141 dari Putrajaya jalan yang besar, cantik. Apabila keluar sempit dan menyebabkan kesesakan yang sangat panjang, satu jam, dua jam. Tidakkah ada perancangan lain supaya laluan keluar ke Bandar Baru Bangi ini dapat diambil laluan yang lain supaya boleh mengelakkan kesesakan ini.

Juga begiyu, satu lagi jalan keluar daripada Jalan Industri Putera 1 ke Sungai Merab pun keadaan yang sama daripada Putrajaya okey. Sejauh mana Perbadanan Putrajaya ini boleh

bincang dengan Kerajaan Negeri Selangor untuk jalan masuk ke Putrajaya ini dapat diperbesarkan dan diperluaskan. Maaf tadi susur keluar Persiaran Selatan ke Sungai Merab.

Kemudian saya hendak tahu berapa buah sekolah rendah agama atau KAFA yang wujud di Putrajaya dan juga sekolah-sekolah swasta tahfiz yang ditubuhkan oleh persendirian di kawasan Putrajaya kerana kita tahu Putrajaya ini rata-ratanya adalah orang-orang Melayu Islam dan sebahagian besar mereka menghantar anak-anak mereka belajar di luar daripada Putrajaya, hantar ke Sungai Merab, hantar ke Bandar Baru Bangi dan sebagainya. Jadi saya rasa ini perlu diambil perhatian oleh Perbadanan Putrajaya.

Kemudian saya hendak timbulkan juga tentang tempat rehat keluarga di hadapan Masjid Putrajaya yang sebelum ini menjadi tempat bersantai keluarga dengan ada ramai orang yang menyediakan sewaan basikal, macam-macam mainan budak-budak tetapi saya dengar cerita di akhir-akhir ini mula dihalang. Saya pun sudah lama tidak ke sana cuma hendak tahu apakah isu lanjutnya. Saya hendak tahu tentang berapakah bilangan surau-surau yang berada di presint-presint di Putrajaya di setiap perumahan yang ada di Putrajaya.

Kemudian "P" 080000 - Baik Pulih Sungai. Status Sungai Gombak yang nanti akan melalui Kampung Padang Balang. Macam mana sungai ini akan dibiarkan begitu sahaja atau ada rancangan untuk dibuat tebatan juga di kawasan sepanjang Kampung Kerdas atau sebagainya hingga sampai ke Gombak.

Kemudian "P" 030000 - Kompleks Perniagaan Dan Pasar. Hari ini kita lihat kebanjiran warga asing Indonesia, Bangladesh di kawasan bandar yang berniaga tepi jalan, berniaga tepi lampu isyarat terutamanya berdekatan dengan *Petaling Street* dan sebagainya. Sejauh mana tindakan daripada kerajaan untuk menangani ini kerana kita bincang isu ramai warga kita tidak ada kerja, kurang kerja. Rupanya kerja diambil oleh orang lain. Macam mana pemantauan dibuat dan tangkapan dibuat terhadap mereka? Saya rasa itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kuala Krai. Selepas Yang Berhormat Kuala Krai Yang Berhormat Pasir Puteh. Selepas itu Yang Berhormat Batu. Yang Berhormat Seputeh selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.35 ptg.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sedikit sahaja untuk turut sama berbahas di bawah B 32 Kementerian Wilayah Persekutuan ini iaitu Butiran 0610000 - Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang dalam peruntukan kali ini tidaklah banyak daripada segi pengurusan. Begitu juga untuk pembangunannya.

Akan tetapi apabila kita melihat laporan tahunan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu yang kita peroleh pada hari ini saya melihat pelbagai perancangan yang agak menarik untuk membangunkan satu kawasan yang merupakan kampung tradisi di tengah-tengah kota raya dan kalau mengikut unjuran-unjuran yang dibuat oleh perbadanan ini maka ia akan menjadi satu bahagian pembangunan di kota raya ini yang sangat moden.

Walaupun pada dasarnya kita diberitahu bahawa usaha membangunkan ini adalah dengan memastikan semua ciri pembangunan ini berteraskan warisan budaya Melayu dan kemuliaan Islam. Kalau ini diterjemahkan dalam bentuk fizikal *developmentnya* sudah tentulah kita akan berfikir secara konvensional melihat kepada aktiviti-aktiviti keagamaan di sekitar masjid dan kompleks-kompleks Islam. Kemudian mungkin aktiviti kesenian Melayu.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada Menteri setakat mana usaha untuk memastikan warisan dan budaya Melayu ini dikekalkan dalam bentuk struktur-struktur pembangunan fizikalnya, bangunan-bangunannya supaya apabila generasi akan datang diberitahu bahawa ini adalah kampung Melayu Kampong Bharu. Maka dapat kita bayangkan bahawa inilah struktur budaya dan kesenian orang-orang Melayu.

Jadi saya hendak minta penjelasan daripada kementerian kesungguhan atau usaha yang dibuat untuk mengekalkan warisan-warisan tersebut. Kemudian kita melihat kawasan pembangunan Kampong Bharu ini adalah kawasan yang terhad, tidak besar tetapi mempunyai potensi yang tinggi. Jadi kalau kita membuat pembangunan *above the ground* dengan izin, sudah tentulah pembangunan akan terhad.

Saya hendak bertanya kepada Menteri, apakah yang kita boleh buat dengan membina prasarana di bawah *underground*, di bahagian bawah tanah, muka bumi supaya kawasan terhad ini dapat dimanfaatkan untuk membuat pembangunan-pembangunan seperti pusat-pusat riadah, pusat rekreasi dan *playground* yang bercirikan pembangunan yang moden tetapi dibuat di kawasan-kawasan baru seperti di *underground* di kawasan kampung yang terhad tersebut.

Termasuk juga dalam hal ini aktiviti ekonomi kerana kalau kita melihat pembangunan di stesen-stesen MRT yang *underground* mungkin di luar negara banyak contoh-contoh yang lebih baik kita lihat pembangunan ekonomi dan perniagaan di *underground* ini agak cukup menarik dengan suasana yang bersih, dengan suhu yang dapat dikawal. Ia memberi tarikan untuk perniagaan yang lebih hebat. Jadi apakah kementerian bercadang untuk Kampong Bharu ini pembangunan ekonomi perniagaan-perniagaan dan industri-industri kecil dibuat tidak di atas bumi tetapi di bawah.

Satu lagi oleh sebab kampung ini akan menjadi mercu tanda yang baru, maka seni bina yang unik itu boleh juga menjadi tarikan.

■1640

Akan tetapi sekali lagi oleh kerana seni bina yang unik ini kita kaitkan dengan warisan Melayu, apakah cadangan kementerian ini supaya keunikan seni bina Melayu itu kekal dan tidak kita bawa keunikan bangunan-bangunan yang baru yang tidak menggambarkan warisan kita.

Satu lagi dalam konteks kawalan trafik di Kampung Baru ini, kalau ia menjadi kenyataan tentulah ia akan menjadi satu pusat pelancongan yang hebat. Selain daripada LRT yang lalu di bawah Kampung Baru ini, apakah perancangan untuk meminta pihak berkuasa pengangkutan darat untuk memanjangkan atau membawa pembangunan lain-lain sistem pengangkutan seperti MRT ataupun khusus *monorail* untuk kawasan ini? Bagi memastikan ia menjadi tempat yang trafiknya tidak mengganggu perjalanan penduduk di sini. Tuan Pengerusi, itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seputeh. Selepas Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Batu, Menteri jawab.

4.41 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 040000 - Perbadanan Putrajaya dan Butiran 050100 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tuan Pengerusi, saya hendak tanya tentang perbezaan di antara peruntukan Perbadanan Putrajaya dan DBKL. Kalau kita lihat apa yang tercatat dalam buku, pada tahun yang akan datang Perbadanan Putrajaya walaupun peruntukannya dipotong tetapi masih RM158,475,000. Berbanding dengan DBKL yang mempunyai penduduk yang begitu ramai yang tahun ini peruntukan yang diberi kepada DBKL ialah RM60 juta tetapi pada tahun hadapan ia dipotong kepada RM28 juta sahaja. Jadi, saya hendak bandingkan kenapakah kejatuhan dan pengurangan yang begitu drastik bagi DBKL yang mana penduduknya lebih banyak dan walhal Perbadanan Putrajaya masih mendapat peruntukan RM158 juta. Jadi, Yang Berhormat Batu di sebelah saya tanya, adakah ini kerana Yang Berhormat Menteri duduk di Putrajaya sebab itu peruntukan begitu banyak kepada Perbadanan Putrajaya. Dia minta saya tanya, jadi saya sampaikan.

Tuan Pengerusi, sebenarnya ini juga menarik perhatian kita dan saya hendak tanya, bukannya di Putrajaya semua agensi kerajaan kementerian yang duduk di Putrajaya itu mereka bayar sewa kepada Perbadanan Putrajaya. Jadi, Perbadanan Putrajaya sudah ada hasil untuk kita *maintain*. Jadi, kenapakah kementerian masih lagi perlu beri peruntukan yang begitu banyak juta kepada Perbadanan Putrajaya. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh tolong jelaskan. Bagi DBKL, kita lihat pengurangan yang begitu drastik dan begitu banyak ini, adakah DBKL mempunyai wang yang cukup untuk buat kerja macam membaiki longkang, menaik taraf longkang, jalan dan banyak jalan di Kuala Lumpur, termasuk di kawasan Bukit Bintang pun, pusat bandar Kuala Lumpur ini juga agak teruk. Program macam tebatan banjir dan sebagainya, adakah DBKL mempunyai wang yang cukup? Itu yang kita hendak tanya.

Saya juga hendak tanya Butiran 07000 - Pusat Pentadbiran Putrajaya, jadi anggaran tahun hadapan ia diberi RM7 juta. Apakah Butiran ini, Pusat Pentadbiran Putrajaya. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh menerangkan Perbezaannya. Tuan Pengerusi, memandangkan Yang Berhormat Menteri yang begitu *powerful* ada di Dewan yang mulia ini, jadi saya hendak tanya satu isu di kawasan Parlimen saya iaitu di Sri Petaling. Di pusat bandar, di tengah-tengah kawasan komersial di Sri Petaling ada satu plot tanah yang telah pun dijual oleh DBKL kepada Yayasan Wilayah Persekutuan pada 23 Oktober 2013 dengan harga RM30,484,011 kepada Yayasan Wilayah Persekutuan. Jadi, satu bulan selepas itu Tuan Pengerusi Yayasan Wilayah Persekutuan jual tanah itu dengan harga RM35,484,011 kepada ICON Empire. Jadi, apakah yayasan itu? Yayasan itu boleh dapat tanah daripada DBKL, selepas itu jual kepada Icon Empire Sdn. Bhd dan satu bulan kemudian mereka mendapat

untung RM5 juta dengan tanah DBKL. Ini macam 1MDB skandal. Guna tanah kerajaan, selepas itu jual kepada syarikat swasta yang orang tengah itu buat untung.

Jadi, saya hendak tanya kenapa ini berlaku? Saya difahamkan bahawa sebelum penjualan itu berlaku, ICON Empire itu sebenarnya dipegang oleh pemimpin UMNO, **Datuk Seri Syed Ali Syed Abbas Al-Habshee, Ketua Bahagian Cheras UMNO. Beliau sebenarnya adalah Pengarah, Director kepada Icon Empire Sdn. Bhd. Jadi, selepas DBKL jual tanah itu kepada Yayasan Wilayah Persekutuan, beliau letak jawatan di Icon Empire Sdn. Bhd iaitu pada 12 November 2013 dan selepas itu urus niaga diadakan supaya Yayasan boleh dapat untung RM5 juta. Jadi, ini adalah pelaksanaan kronisme, ini cronism. Ini dijual untuk orang sendiri. Jadi, saya hendak tahu sekarang, saya sudah buat bising dan penduduk sana juga membantah kerana yang di pusat tapak komersial Sri Petaling itu ada satu twin tower akan dinaikkan. Jadi, saya hendak tahu apakah projek itu sekarang? Oleh kerana dalam satu pertemuan dengan bekas Datuk Bandar, beliau kata DBKL akan kaji semula cadangan pelan 38 tingkat twin tower dan sebagainya. Apa yang berlaku? Akan tetapi sekarang apabila saya berada di sini, Persatuan Penduduk Sri Petaling baru panggil saya dan tanya, mereka sangat risau kerana tanah itu UMNO Seputeh telah pun menggunakan tanah itu dua tiga tahun yang lepas untuk sewa kepada penjaja.**

Sekarang penjaja mana pergi? DBKL semua hantar mereka pergi ke bangunan kompleks tempat letak kereta untuk orang di pusat bandar Sri Petaling. Tempat itu sudah selalu terima saman daripada DBKL dan IPD Brickfields juga berada di sana, so tidak cukup tempat dan DBKL buat satu bangunan kompleks letak kereta. Selepas itu semua penjaja masuk ke kompleks letak kereta itu. Macam mana boleh? Jadi, mereka membantah dengan sekeras-kerasnya dan mereka telah pun tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri. Surat ini di tangan saya kerana ada salinan kepada saya dan mereka rasa amat kecewa kerana setakat ini sudah 200 lebih pemilik dan peniaga di tempat itu, mereka membantah pemindahan penjaja ke tempat itu. Jadi, saya hendak tahu apakah keadaan sekarang? Apakah DBKL akan mengendalikan isu ini? Di sini saya juga ingin mengambil satu kesempatan Tuan Pengerusi, di kawasan saya orang yang paling berkuasa, bukan saya. Saya memang selalu yang the last to know some of the project that happen, ialah Ketua Bahagian UMNO Seputeh, Datuk Mustafa Kamal. Semua benda yang tidak sah, yang tidak patut diadakan, semua diluluskan atau dibiarkan pegawai penguat kuasa tutup satu mata, biarkan semua illegal operation diadakan di kawasan saya. Pusat khidmat saya itu, itu illegal car wash bukan dilakukan oleh orang tempatan tetapi oleh pekerja asing dekat dengan pejabat saya. Kami sudah selalu terima saman daripada DBKL kerana tidak ada tempat letak kereta. Mereka ambil beberapa lot.

■1650

Bila kami mengadu kepada pegawai penguatkuasaan DBKL, mereka kata tidak boleh, itu Datuk Mustafa Kamal sudah setuju. Tengok macam mana ini UMNO yang mengawal DBKL. Semua pegawai penguatkuasaan dengar arahan daripada Ketua Bahagian UMNO. Ini ialah

keadaan Kuala Lumpur. Kita lihat jual tanah pun, jual untuk orang sendiri kerana dia Ketua Bahagian Cheras UMNO. Itu sebab tanah dijual kepada syarikatnya dan semua ini 'arrange' macam 1MDB ini diadakan. Saya minta Yang Berhormat Menteri kerana orang yang begitu *powerful* di dalam UMNO tolong betulkan kesemua kesalahan penyelewengan kuasa oleh pemimpin-pemimpin UMNO di Kuala Lumpur ini supaya boleh menguatkan lagi keyakinan orang ramai terhadap kerajaan dan juga DBKL.

Akhir sekali ialah kita lihat stiker Ah Long masih banyak menutupi papan tanda jalan di semua kawasan saya. Dua, tiga tahun yang lepas saya bawa satu jenis cat yang kata apa-apa pelekat pun tidak boleh melekat di papan tanda jalan tetapi ini tidak diambil serius oleh pihak DBKL. Sekarang di kawasan saya, ada beberapa jalan memang tidak tahu apa yang tertulis dalam papan tanda jalan ini. Ini saya rasa amat bahaya. Saya tahu DBKL cuba sekarang menaikkan lagi papan tanda jalan. Sekarang ada papan tanda jalan yang dinaikkan tinggi itu, masih ada pelekat Ah Long di sana, masih tutup separuh dan sebagainya.

Ini papan tanda jalan yang agak baru. Kalau hendak saya ambil gambar, saya boleh ambil gambar tunjuk jalan mana khususnya di kawasan saya. Jadi saya harap DBKL mengambil berat tentang isu ini. Tolong datang ke kawasan saya, mahu saya bawa pun boleh. Tukar semua papan tanda jalan yang telah ditutup oleh stiker Ah Long itu. Jadi tolonglah gunakan cat yang *non-stick* cat untuk papan tanda jalan supaya ini adalah demi kesenangan dan kemudahan orang ramai. Saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh ambil isu ini dengan serius. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat batu.

4.52 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pertama sekali kepada Butiran 010400 – Perancangan dan Pembangunan. Di sini saya ingin membawa sekali lagi selain daripada saya juga menunjukkan *concern* kita terhadap pengurangan anggaran perbelanjaan untuk tahun depan. Kita juga ingin berkali-kali kita rujuk kepada perancangan perbandaran yang kini masalah yang terbesar ialah PPR dan rumah kos rendah yang penyelenggaraannya sentiasa menghadapi masalah dan berkali-kali pengguna *complaint* itu dalam isu lif. Saya pernah sebut dalam perbahasan bahawa lif pada zaman moden sekarang ini bukan lagi kelengkapan bangunan tetapi lif itu adalah *public transport*. Ia adalah sebahagian daripada *transportation* yang diperlukan.

Saya tidak tahu apa cara yang terbaik tetapi saya pernah cadangkan supaya seluruh PPR itu diberi kepada satu syarikat yang telah mungkin diberi satu syarat yang ketat supaya mereka boleh lakukan. Di bandar raya-bandar raya yang lain di mana-mana ada lif, ia tidak boleh rosak lebih daripada dua jam dan juga selain daripada kita letakkan CCTV, sepatutnya di bawah setiap bangunan itu mesti ada orang yang menjaga. Kalau tidak CCTV itu tidak berkesan. Oleh

itu saya harap perkara ini kalau kita hendak jadikan bandar raya moden, tidaklah lagi satu isu yang sentiasa menghantui penduduk kita.

Seterusnya di bawah Bandaraya Kuala Lumpur, 050100. Saya ingin bangkitkan sekali lagi isu Kampung Railway. Kampung Railway telah dipindahkan dan dirobohkan pada Disember 2013. Saya berterima kasih kepada kementerian dan juga pihak DBKL kerana kita telah dapat merunding satu persetujuan. Sungguhpun persetujuan itu tidak bertulis sehingga sekarang, persetujuan itu ialah penduduk asal akan ditawarkan pembelian rumah kos rendah. Akan tetapi sebab tidak ada kertas, tidak ada hitam putih, kekhawatiran penduduk ialah kalau Menteri telah dipromosikan ke kementerian yang lain, mereka takut janji itu tidak dapat dikotai. Jadi kita harap itu dapat dicepatkan.

Pada masa yang sama bila dipindahkan kepada PPR untuk sementara menunggu persiapan flat kos rendah ini, mereka diberi sewa yang di subsidi secara percuma. Akan tetapi setelah lebih kurang dua tahun, tidak ada nampak sebarang *construction* yang berlaku di tapak pembangunan ini. Kekhawatiran ialah sebab dijanjikan ditanggung sewa ini selama tiga tahun dan setahun lagi akan habis. Kalau rumah unit-unit yang belum siap, ini akan menjadikan beban kepada penduduk yang telah dipindahkan ke PPR sementara menunggu. Jadi saya ingin mendapat sedikit penjelasan bilakah flat rumah kos rendah ini yang dijanjikan oleh YTL ini akan dapat dibangunkan.

Seterusnya di bawah tajuk 060100 – Perbadanan Pembangunan Kampung Bharu. Saya menyokong sentimen yang telah dibawa oleh Yang Berhormat Kuala Krai bahawa warisan di Kampung Bharu ini bukan sahaja secara fizikal. Kalau kita ingat semula Kampung Baru ditubuhkan pada tahun 1899 atas tuntutan penduduk-penduduk Melayu di kawasan Kampung Bharu itu. Dengan campur tangan Sultan Selangor, Presiden Jeneral British pada waktu itu telah menubuhkan perbadanan yang menguruskan Kampung Bharu ini.

Dengan tujuan Kampung Bharu bukan sahaja beri tempat kediaman dan tempat berniaga untuk penduduk Melayu tetapi kalau kita ingat di sebalik sejarah, Kampung Bharu ini ditubuhkan untuk membolehkan orang-orang Melayu mengambil peluang dalam pembangunan dan kemajuan Kuala Lumpur. Oleh itu, isunya bukan terhad kepada pembangunan fizikal tetapi bila kita baca laporan, seolah-olah pembangunan Kampung Bharu ini adalah satu *land development project*, dengan izin. Hanya dalam skopnya, perbincangannya hanya dari segi bagaimana kita buat satu projek pembangunan di kawasan yang sebesar 223 ekar tanah *agriculture* yang sekarang.

Saya baca dalam bajet ini, kita telah lihat dalam muka surat 452 telah menyatakan program *engagement*, kerjasama dengan kumpulan sasar, pemilik, pewaris tanah dan lain-lain lagi sebanyak anggaran 30 kali untuk tahun 2015 dan 30 lagi untuk tahun depan. Juga ada *engagement* dengan rundingan dengan GLC, pemaju dan lain-lain lagi. Saya ingin taya apakah peranan dan status MAS sekarang dalam rundingan ini. Sama ada mereka juga terlibat secara rapi dalam perkara ini.

Saya juga ingin bertanya secara tradisi, Selangor ada *interest*, ada kepentingan di Kampung Bharu. Saya ingin tanya sama ada PKNS juga sebahagian daripada *engagement* ini. Adakah kita boleh memadamkan sejarah begitu sahaja yang menjadikan Kampung Bharu ini hanya sekeping tanah yang untuk dibangunkan? Warisan, cara hidup Kampung Bharu ini dihapuskan begitu sahaja. Saya bangkitkan isu ini bukan sahaja kerana Kampung Bharu diletakkan sebagai jiran saya di kawasan Batu tetapi pembangunan Kampung Bharu akan menjadi model untuk banyak lagi pembangunan kampung-kampung tradisi di kawasan Wilayah Persekutuan.

■1700

Di kawasan saya ada banyak tadi telah disebut, Padang Balang, Kampung Delima, Kampung Bandar Dalam dan lain-lain. Saya ingin tahu apa status mereka sekarang? *Your predecessor*, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang dulu telah pernah janji kampung-kampung tradisi orang Melayu di kawasan Kuala Lumpur ini akan diwartakan sebagai kampung warisan. Saya ingin tahu apakah perancangan untuk mewartakan kampung warisan di kawasan Kuala Lumpur ini?

Ini adalah sangat penting untuk menghapuskan kecurigaan penduduk-penduduk kampung tradisi yang tanah mereka akan hilang dalam arus pembangunan dan harus juga kita menyelaraskan jual beli tanah di kawasan-kawasan seperti ini. Kalau tidak banyak tanah akan jatuh di tangan orang asing dan yang lebih penting lagi ialah perkhidmatan dan kemudahan awam untuk kampung-kampung kita. Kalau kita tidak selaraskan lagi, kita akan lihat pembangunan yang pelik-pelik, pelbagai corak, ada *Roman pillar*, ada yang *Greek*, ada macam-macam, yang akhirnya telah kehilangan kesenian dan warisan Melayu di kampung-kampung ini.

Akhir sekali saya cuma saya tidak mahu tambah sebab telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa pada Butiran 090200 – *River of Life*. Saya cuma hendak tambah sedikit sebab untuk memastikan air yang kita telah melalui satu projek yang besar, sungai telah dipulihkan dan lain-lain lagi. Akan tetapi yang lebih penting ialah perparitan di kawasan bandar yang akhirnya air akan disalurkan kepada sungai. Namun saya nampak kebanyakan kawasan termasuk kawasan saya yang di tepi-tepi tebing sungai, perparitan memang teruk sehingga bukan saja banjir tetapi kotor dan akhirnya air-air ini akan tercemar semula, sungai-sungai. Sungguhpun kita berjaya untuk melaksanakan *River of Life* tapi akhirnya kita tidak capai sasaran untuk mendapatkan status sungai bersih di Wilayah Persekutuan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kepong pun minat juga? Ringkas ya. Yang Berhormat Kepong dengan Yang Berhormat Kapar ringkas sebab saya tadi sudah minta Yang Berhormat Menteri jawab. Sila, sila.

5.03 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dengan ringkasnya itu halaman 454 Butiran 050000 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sebenarnya Tuan Pengerusi, pihak kementerian mempunyai lima objektif untuk pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan menjamin persekitaran hidup

yang berkualiti dan mapan. Dalam peruntukan untuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ini, biasanya RM60 juta. Sekarang dikurangkan RM32 juta. Lebih separuh dikurangkan dan kita ada lima perkara yang hendak kita selesaikan. Pertamanya, infrastruktur jalan-jalan Kuala Lumpur itu. Seperti di Kepong dengan musim tengkujuh ini, berlubang-lubang, banjir kilat dan sebagainya dan kita kurangkan RM32 juta. Macam mana kita boleh selesaikan?

Perkara yang kedua, menyelenggarakan parit untuk mengatasi masalah banjir, banjir pula. Ketiga memastikan laluan pejalan kaki, sekarang masih kurang dan memang yang naik motosikal tidak selamat, yang naik basikal dan mengayuh basikal pun tidak selamat juga. Menyelenggarakan kemudahan rekreasi dan taman-taman dan memastikan dewan dan pusat komuniti termasuk kompleks sukan supaya kita dapat menikmati sebuah bandar raya yang bertaraf dunia dan juga bandar raya *eco city* katanya. Saya berharaplah Yang Berhormat dapat menyelesaikan masalah tambahan peruntukan mungkin di dalam *Supplementary Budget* kita itu, kita dapat tambahkan. Janganlah kita kurang RM32 juta daripada RM60 juta. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Yang Berhormat Kapar, ringkas.

5.06 ptg.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin Butiran 050100 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Butiran 94000 – NKEA. Saya hargai usaha Kementerian Wilayah Persekutuan untuk membantu dan mengatasi masalah setinggan kaum India yang begitu lama terbiar di kawasan Kuala Lumpur. Pada pengetahuan saya Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan pada Majlis Pesta Deepavali di Brickfield pada 8 November 2015 bahawa 800 buah rumah setinggan, keluarga setinggan telah diselesaikan. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan iaitu Yang Berhormat Senator yang telah banyak membantu usaha-usaha untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum India termasuk setinggan dan juga kuil-kuil di Kuala Lumpur. Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat Menteri.

Namun begitu saya ingin mendapat makluman bahawa masih ada 500 buah rumah keluarga setinggan kaum India terutamanya di lokasi rumah panjang Kepong, rumah panjang Jinjang dan rumah panjang Cheras yang memerlukan perhatian kementerian. Boleh saya mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tempoh masa yang akan diambil untuk menyelesaikan masalah 500 buah rumah keluarga setinggan kaum India yang masih lagi memerlukan bantuan dan perhatian kementerian. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila Yang Berhormat Menteri.

5.07 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor]:
Bismillahir Rahmanir Rahim... [Berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW] Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya mengucapkan terima kasih di atas semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian berkenaan dengan peruntukan yang telah disediakan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Saya ambil perhatian terhadap apa Yang Berhormat telah utarakan dan saya akan menjawab sedikit sebanyak apa yang perlu saya jawab kerana pada pandangan saya apa Yang Berhormat telah bangkitkan perkara yang benar-benar sedang dialami dalam kota raya yang sedang pesat membangun khususnya di Kuala Lumpur.

Untuk Ahli Yang Berhormat dari Labuan, berkenaan dengan peruntukan bajet yang lebih besar bagi meningkatkan industri pelancongan di Labuan. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat sebenarnya Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa melihat apa yang patut dilaksanakan khususnya untuk memastikan bahawa Labuan ini menjadi tempat yang maju dan seterusnya juga memberi sebuah tempat yang di mana warga Labuan dapat mencari nafkah yang hala dalam pulau tersebut. Kami sedang merencanakan satu kajian menyeluruh untuk disediakan satu *blueprint* dalam pembangunan Labuan 2016-2030. Ini adalah dalam peringkat akhir dan *inshaaAllah* kita akan ambil maklum segala apa yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat terhadap apa yang dikehendaki khususnya untuk memastikan Labuan terus maju dan Labuan akan menjadi sebuah destinasi, bukan saja pelancongan tapi juga destinasi, dengan izin, *International Offshore Financial Center*.

■1710

Kerajaan telah meluluskan cadangan pembinaan terminal feri di Kampung Kalumpang dengan kos sebanyak RM197 juta sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan industri pelancongan di Labuan di mana bila terminal feri ini siap, maka perjalanan dari pulau ke Menumbok akan kurang daripada apa yang sedang dilakukan.

Mewujudkan kerjasama antara Yayasan Pembangunan Labuan yang baru ditubuhkan dengan Perbadanan Labuan. Antara kerjasama awal menyewakan anak syarikat LDA kepada Yayasan Pembangunan Labuan untuk pengurusan tempat-tempat kereta dan pusat bandar, terminal feri penumpang antarabangsa dan kawalan sewaan tapak kontena. Saya berkeyakinan bahawa sudah pasti kita akan memberi satu kaedah di mana kita akan minta supaya *Labuan Development Authority* sentiasa bekerjasama dengan Yayasan Pembangunan Labuan.

Akan tetapi masalahnya bila kita laksanakan program ini, apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Seputeh tadi, apabila kita beri tanah kepada Yayasan Wilayah Persekutuan, dia telah mempersoalkan macam-macam soalan sehinggakan saya pun terpegun mendengar apa tuduhan yang telah dilemparkan terhadap masalah yang dibangkitkan iaitu sebidang tanah di Sri Petaling. Saya berterima kasih di atas apa yang telah dibangkitkan dan saya akan teliti kerana saya tidak tahu sebenarnya apa yang berlaku terhadap harga yang telah disebut oleh Yang Berhormat. Barangkali Yang Berhormat melemparkan satu perkara yang barangkali spekulasi.

Walau bagaimanapun, saya akan...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Jangan marah dulu, Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, saya akan teliti dan saya akan lihat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Konspirasi?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tidak ada konspirasi. Percayalah. Ini kerana Yayasan Wilayah Persekutuan merupakan sebuah yayasan yang ditubuhkan di mana saya pengerusinya. Yayasan Wilayah Persekutuan ini ditubuhkan untuk membantu warga Wilayah Persekutuan daripada segi pendidikan dan daripada segi kemiskinan dan sebagainya. Yayasan Wilayah Persekutuan memang mempunyai pembangunan-pembangunan yang diharapkan untuk menjana kewangan supaya dia dapat memberi pulangan kepada warga miskin di Wilayah Persekutuan.

Berkenaan dengan Yayasan Wilayah Persekutuan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri pun terlibatlah?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri pun sebagai...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dia seorang Timbalan Menteri yang sangat baguslah. Saya rasa banyak perkara yang kita- sebab, saya sendiri bangkit. Saya tidak usik sama Yang Berhormat Menteri. Dia pun layak jadi Menteri. *Really, he is quite efficient. I hope he can work along with the public.*

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Kita memang. Itu sebab saya... *[Disampuk]* Sekejap lagi saya akan jawab Yang Berhormat Seputeh tetapi saya hendak *relate* dengan Yayasan Labuan. Apa yang Yang Berhormat Labuan minta adalah serupa apa yang kita laksanakan untuk Yayasan Wilayah Persekutuan di mana kita ada beri sedikit tanah kepada mereka untuk mereka bangunkan dan keuntungan yang mereka dapat ini dilaburkan semula. Tiap-tiap tahun kita beri macam-macam peruntukan di tiap-tiap kawasan. Kita tidak kira kawasan yang diwakili oleh Barisan Nasional ataupun kawasan yang diwakili oleh pembangkang. Kadangkala program-program yang kita laksanakan, kita jemput juga Ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama-sama beri peruntukan kepada warga setempat. Itu yang kita lakukan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebut tanah itu kerana ini memang panas di kawasan komersial Sri Petaling. Kita tahu tanah yang dijual oleh DBKL itu, kenapakah pilih tapak itu? Ia sepatutnya digunakan untuk buat perhentian bas dan juga tapak penjaja sahaja. Ini adalah *original usage of that land*. Akan tetapi yang DBKL pergi jual kepada Yayasan Wilayah Persekutuan, bagi dia untung RM5 juta, yang syarikat beli itu kroni kepada UMNO, Ketua Bahagian UMNO Cheras, semua ini tidak betullah. Saya memang berharap SPRM boleh masuk siasat tentang skandal yang serupa dengan 1MDB ini.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat, semua yang kita lakukan Yang Berhormat kata skandal. Sebenarnya, Pengarah Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan

Ketua Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali. Dia yang jadi pengarah. Barangkali syarikat yang disebut itu kepunyaan Yayasan Wilayah Persekutuan. Sebab itu saya kata saya akan teliti. Saya tidak boleh bagi jawapan hari ini. Barangkali saya akan beri Yang Berhormat jawapan bertulis terhadap masalah yang Yang Berhormat telah bangkitkan kerana barangkali syarikat tersebut kepunyaan Yayasan Wilayah Persekutuan *joint venture* dengan sebuah syarikat. Saya tidak tahu.

Berkenaan dengan *land usage* dengan izin, Tuan Pengerusi, memanglah kadangkala tanah ini waktu ini, ketika ini, tanah ini perlu untuk dibangunkan ini. Bila waktu berbeza, pembangunan bermula, maka dia akan digunakan tanah tersebut untuk kegunaan lain kerana keperluan lain lebih penting daripada keperluan apa yang telah kita gazetkan dahulu. Itulah sebab kadangkala kita mesti rasional kerana kita dalam sebuah bandar raya di mana pembangunan akan berubah, kegunaan tanah juga kita akan berubah oleh sebab mengikut jangka masa dan jangka waktu kegunaan yang kita fikirkan lebih sesuai daripada apa yang telah *land use earlier* dengan izin *which is have been gazetted earlier*. So, *that is* kadangkala kita laksanakan. Jadi Yang Berhormat, sabar.

Saya ucapkan terima kasih. Saya bersama dengan semua Yang Berhormat kerana saya merupakan wakil rakyat daripada rakyat, kerana rakyat, untuk rakyat. Itulah Barisan Nasional. Bukan macam Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat semua cakap, cakap, cakap, fitnah, fitnah, fitnah. Selepas itu, kerja tidak buat. Yang jaga kawasan, kita yang jaga kawasan. Saya tahu, Yang Berhormat. Saya pun pergi Seputeh. Saya pun jaga Seputeh. Saya sayang Yang Berhormat Seputeh. Kita bantu...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh saya jemput Yang Berhormat datang bersama dengan saya pergi tengok kawasan itu dan lihat keadaan itu? Sekarang penduduk sana baru panggil saya kerana semua penjaja kena pindah ke Kompleks Tempat Letak Kereta Sri Petaling yang baru itu. Jadi saya berharap mungkin esok kita pergi sama-sama? Saya jemput Yang Berhormat makan sarapan pagi esok.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Boleh, boleh, boleh. Yang Berhormat, barangkali Kompleks Letak Kereta tersebut apabila dibangunkan, diharap ada orang yang meletakkan kereta dalam kawasan tersebut. Akan tetapi bila tidak ada orang meletakkan kereta dalam kawasan tersebut, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengubah barangkali. Barangkali. Saya tidak tahu. Barangkali ya. Barangkali *means maybe*, dengan izin. *I'm not sure*. Jadi saya boleh jawab ini, saya beritahu kepada Yang Berhormat, *inshaaAllah*, kita akan lihat apa Yang Berhormat telah bangkitkan dan kita akan cuba untuk menyelesaikan masalah kegelisahan yang telah dibangkitkan oleh warga di Sri Petaling.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *So we go together tomorrow?*

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: *Not tomorrow* lah. Selepas ini kita pergi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Ini kerana Yang Berhormat Menteri terlalu sibuk urusan dalaman UMNO. Jadi memang sudah lama tidak pergi ke kawasan sayalah.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: UMNO tidak ada masalah. Yang Berhormat, UMNO tidak ada masalah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Banyak masalah. Itu sebab peruntukan di Putrajaya tambah begitu banyak.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Itu persepsi Yang Berhormat. Okey?

Okey, saya hendak pergi ke- selepas Yang Berhormat Labuan, saya pergi kepada Yang Berhormat Bukit Bintang. Yang Berhormat Bukit Bintang berkenaan pemindahan penjaja Pasar Bukit Bintang ke *Integrated Commercial Complex*. Kita akan pindahkan penjaja-penjaja ini pertengahan bulan Disember hingga awal bulan Januari. Projek ini dijangka akan siap waktu itu. Kita akan pindahkan waktu projek ini siap.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri oleh sebab pembinaan projek Pasar Bukit Bintang itu sedang dibina, belum siap. Ini tujuh tingkat punya bangunan, hanya siap saya rasa hanya tiga hingga empat tingkat sahaja. Kalau Disember, *means* beberapa minggu sahaja. Mana boleh siap dalam tempoh masa yang singkat. Saya rasa ini keselamatan penjaja dan juga pelanggan-pelanggan harus dijaga. Kalau tidak, siapakah bertanggungjawab? DBKL atau Kementerian Wilayah Persekutuan?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya minta penjelasan.

■1720

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat, saya tidak faham pemikiran, Yang Berhormat. Memang bangunan tersebut bangunan ICC iaitu *Integrated Centre Complex* barangkali 7 tingkat. Pasar yang kita bangunkan barangkali 3 tingkat. Maksud saya pasar itu telah siap di atas lagi boleh dibangunkan dan kita akan pastikan kalau kita pindahkan penjaja-penjaja, 257 orang penjaja yang terlibat ini untuk berniaga kita akan pastikan bahawa keselamatan bukan hanya penjaja keselamatan yang pembeli juga akan dijaga.

Pembinaan yang di atas itu boleh dilaksanakan. Ini yang dilakukan di seluruh dunia tetapi Malaysia ini semua tidak boleh buat. Semua hendak ikut sudah siap pindah, sudah siap pindah. Kita tahu apa yang kita laksanakan. Kita tidak akan mengkhianati penjaja-penjaja tersebut dan hendak menyusahkan masyarakat pembeli-pembeli di pasar tersebut Kita akan lihat benar-benar jika kawasan pasar itu telah sedia siap untuk diguna pakai dan semua ciri keselamatan telah diambil kira maka baru kita akan benarkan mereka pindah dan untuk mulakan perniagaan.

Kalau Yang Berhormat hendak tunggu sampai semua siap, saya tidak tahu barangkali Yang Berhormat kena tunggu lagi 100 tahun barangkali.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Adakah keselamatan terjamin oleh kementerian atau DBKL..

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat, keselamatan, keselamatan..

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Kalau tidak kalau berlaku *incident* siapa mahu tahu siapa yang bertanggungjawab?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Keselamatan dijamin ini terserah kepada individu yang menggunakan jalan raya. Tidak akan Yang Berhormat bawa kereta jalan raya saya berlubang, keselamatan pun saya terpaksa pastikan bahawa keselamatan Yang Berhormat itu terjaga. *I mean you go this is logic lah you, I mean*, dengan izin, jadi saya harap kita boleh memastikan bahawa kegunaan boleh diguna, boleh pakai bangunan boleh diguna pakai. Ciri-ciri keselamatan pasti ada tetapi kalau kemalangan terjadi itu bukan tanggungjawab DBKL ataupun Yang Berhormat sebagai wakil rakyat tetapi saya akan pastikan bahawa dia tidak akan memberikan kesusahan kepada rakyat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Yang Berhormat Menteri, oleh sebab terpaksa penjaja pindah ke tempat yang belum siap, bukan 100% keselamatan ini .terjamin

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat, ini masalah Yang Berhormat. Bila Yang Berhormat bercakap mesti cakap sepenuhnya. Semua bangunan belum siap, saya setuju tetapi ruang perniagaan untuk pasar sudah siap. Kita boleh guna pakai yang sudah siap, yang belum siap itu dibangunkan lagi kenapa tidak boleh kita guna pakai yang sudah siap, yang dibangunkan itu dibangunkanlah. Inilah yang kita akan pastikan bahawa seperti Yang Berhormat kehendaki. Kita akan pastikan Yang Berhormat *don't worry*. Jangan bimbang kita akan pastikan apa yang telah Yang Berhormat membangkitkan itu saya sendiri akan lihat sebelum mereka hendak pindah, saya sendiri akan pergi melihat kalau saya fikirkan dia tidak selamat saya tidak akan benarkan mereka pindah, okey?

Berkenaan dengan masalah Yang Berhormat telah bangkitkan berkenaan dengan pasar rakyat yang telah diselesaikan. Untuk makluman Yang Berhormat, kita akan cuba menyelesaikan masalah pembayaran pampasan itu dengan secepat mungkin. Kalau Yang Berhormat sebut tadi Yang Berhormat telah beritahu kepada saya bahawa harga yang kami jual terlalu rendah. Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat dapat harga RM3,000 satu kaki persegi dalam kawasan tersebut, saya tidak tahu. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, tawaran telah kita terima sebelum kita beri kepada 3 buah syarikat secara tender tertutup ini, harganya lebih murah daripada apa yang kami dapat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Boleh minta mencelah.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri juga. Oleh sebab di Kuala Lumpur khususnya di pusat bandar, TRX 1MDB di Imbi boleh 1 kaki persegi boleh dijual RM3,000 lebih manakala ini dalam Pusat Bandar Kuala Lumpur projek pasar raya yang ini hanya RM1,000 sahaja. Mungkin ini...

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak boleh bandingkan pasar rakyat dengan TRX. TRX, *the infrastructure is completed*, dengan izin. *Power, road everything, amenities is completed*. Inilah masalah kadangkala pembangkang ini tidak faham, tolong faham.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Saya faham.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Jangan salahkan 1MDB, salahkan kami. Inilah masalah yang kadangkala...

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Tuan Pengerusi, saya beritahu kepada Yang Berhormat Menteri oleh sebab 30% ini *infrastructure* pun sudah siap...

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: 30% daripada sudah siap, 30% *infrastructure* telah siap tukang yang beli daripada kami ini tidak tahu boleh pakai ke tidak boleh pakai. Kalau tidak boleh pakai untuk maklumat Yang Berhormat, saya juga seorang *developer* dahulu. Kalau hendak tarik keluar semua, dia akan, dengan izin, *it will cost them another 3 million dollar extra. That is the reason why*, itulah sebab kita telah jual dengan harga RM740 juta. Itu pun salah lagi, saya pun tidak faham apa yang hendak dibuatlah Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sangat murah.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Sekarang murah, bila dahulu orang hendak beli tidak cakap murah, bila orang sudah beli murah. Inilah masalah Yang Berhormat-Yang Berhormat semua.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Kalau melalui tender terbuka saya rasa harga boleh dapat lebih hasil.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Bukit Bintang. Ini bukannya dialog. Seorang jawab, seorang menyoal, seorang jawab, seorang menyoal- ini bukannya dialog. Sila Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Minta maaf Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kalau tidak Yang Berhormat Menteri boleh duduk ya. Sila. Kalau sudah habis boleh duduk.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Ada lagi, sedikit sahaja lagi. Berkenaan dengan masalah saya akan cuba selesaikan masalah yang 211 orang itu dengan secepat mungkin dan seperti Yang Berhormat telah maklumkan bahawa harga pada pandangan DBKL itulah harga yang paling sesuai yang telah kami jualkan.

Berkenaan dengan Yang Berhormat daripada Setiawangsa mencadangkan tasik-tasik dalam taman di Kuala Lumpur diletakkan dengan tema-tema. Itu pun sedang kita laksanakan dan taman botani ada temanya sendiri. Taman Tasik Titiwangsa baru-baru ini apabila saya buka taman apa yang hendak dibangunkan di Taman Pudu Lama juga mempunyai satu tema yang bersendirian di Taman Pudu Lama.

Berkenaan dengan masalah *River of Life* tanah pembangunan. Untuk maklumat Yang Berhormat, setakat hari ini tanah-tanah yang dibekukan masih lagi dibekukan, belum lagi dijual kerana itu diminta Jemaah Menteri telah arahkan kesemua tanah yang hendak diguna pakai

hendak dijual untuk membayar *River of Life* masih lagi dibekukan dan masih lagi belum dijual dan tidak adapun pembida-pembida yang membeli tanah-tanah tersebut.

Okey, Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat bangkit berkenaan dengan projek PPR/PA, kadar 65% *interest* dan sebagainya dan kenapa hanya 12,000 daripada 45,000 dapat membeli hanya 12,000. Sebenarnya bukan kerana kadar faedah. Banyak yang tidak sedar bahawa sewaan yang DBKL bagi kepada rakyat hanya RM124. DBKL biayai RM250 dan kadang kala RM300 sebulan untuk subsidi kepada rakyat yang duduk di rumah PPR. Mereka tidak sedar dan apabila dijual kepada mereka, mereka terpaksa bayar ansuran bulanan kepada pihak bank dan selain daripada itu mereka juga terpaksa bayar *service charge* sebanyak RM50.00 itu yang mereka sedar bahawa lebih baik mereka menyewa daripada mereka membeli rumah-rumah ini.

Jadi kita sekarang ini kadar itu kita sedang melihat semula bagaimana keadaan yang sebaiknya untuk kita pastikan bahawa rumah-rumah yang kita hendak rakyat memiliki hartanah di Kuala Lumpur dan kita akan cuba sedaya upaya kita bagaimana hendak menggalakkan mereka, bagaimana mereka membeli barangkali skim *rent-to-buy* dan skim-skim yang lain yang sedang kita lihat dan kita akan cuba bagaimana sedaya upaya kita untuk membantu mereka mempunyai rumah.

Perkara berkenaan projek semula Sri Pahang...

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sedikit sahaja Yang Berhormat Menteri, kalau boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Maklum balas siasatan juga tentang apa yang berlaku kepada RM300 juta daripada apa yang diambil daripada KWSP dan status di SPV iaitu *Special Purpose Vehicle* yang dikepalai oleh mantan Menteri terdahulu. Mohon jawapan. Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Duit tersebut telah kita guna pakai bayar 12,000 unit rumah pembayaran rumah kepada rakyat yang membeli rumah tersebut.

■1730

Sebenarnya, ada unit-unit seperti Yang Berhormat pun sedia maklum, apabila diberi taklimat oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur terpaksa beli semula. Walaupun pembiayaan dibiayai oleh KWSP tetapi *guarantee*, dengan izin, diberi oleh Yayasan Wilayah Persekutuan. Apabila *guarantee* diberi oleh Yayasan Wilayah Persekutuan, apa yang tidak dibayar oleh pembeli, Yayasan Wilayah Persekutuan terpaksa ambil alih. Kadangkala kita terpaksa ambil alih dan pulangkan balik kepada DBKL supaya DBKL dapat beli semula supaya Yayasan Wilayah Persekutuan tidak terjejas. Duit ini sebenarnya telah semua diguna pakai untuk pembelian perumahan. Kami juga sedang berbincang dengan pihak KWSP untuk mendapat dana tambahan supaya ada pembeli-pembeli yang baru yang ingin mengikuti skim ini, dapat kami tawarkan kepada mereka.

Berkenaan dengan projek pembangunan semula Sri Pahang. Yang Berhormat, jangan terasa hatilah Yang Berhormat. Sebenarnya kadangkala kita tidak mahu Yang Berhormat, datang apa berlaku di Kerinchi? Kampung Kerinchi dua tahun *delay* kerana Yang Berhormat telah meracuni penduduk-penduduk Kerinchi.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]: Sangkaan jahat Yang Berhormat. Janganlah buat dakwaan, tarik baliklah. Saya sebagai moderator, saya cuba adil, tarik baliklah, jangan guna perkataan 'meracuni'. Sudah banyak sudah saya kena hadapi. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey, okey, okeylah Tuan Pengerusi, saya tarik balik. Ini Yang Berhormat saya sayang juga, saya sayang dia, saya sayang semua Yang Berhormat ini, saya tarik baliklah, okey. Sebenarnya barangkali itu sebabnyalah, sebabnya barangkali ya, *maybe* yang dia tidak panggil Yang Berhormat sekali untuk berbincang permulaan, takut projek ini tidak akan berjalan, *take off, maybelah*. Walau macam mana pun, percayalah apa yang kita lakukan untuk kebaikan penduduk dalam kawasan tersebut. Kita akan pastikan bahawa konsep yang telah kita laksanakan di Kampung Kerinchi itu dapat terlaksana juga di Sri Pahang. Saya berkeyakinan bahawa projek ini akan memberi satu kaedah di mana penduduk dalam kawasan tersebut akan mendapat lebih keselesaan, *InshaaAllah*. Ini juga baik untuk Yang Berhormat kerana itu kawasan Yang Berhormat. Apa yang saya lakukan ini untuk Yang Berhormat, seperti Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Segambut tidak ada. Yang Berhormat Segambut minta saya bangunkan projek serupa, apa yang saya bangunkan di Lembah Pantai, apa yang saya bangunkan di Titiwangsa, apa yang saya bangunkan di Setiawangsa, apa yang saya bangunkan di Batu, dilaksanakan di Segambut. Ini kerana pada beliau inilah satu program yang baik untuk rakyat.

Berkenaan dengan kesesakan lalu lintas, saya setuju apa Yang Berhormat telah sebut berkenaan dengan kesesakan lalu lintas. Saya tidak boleh sangkal dan percayalah Yang Berhormat, kita berharap dengan ada MRT dan ada projek-projek, yang masalah kita hadapi ialah apabila waktu siang hari, jumlah penduduk Kuala Lumpur atau orang yang datang ke Kuala Lumpur ini meningkat. Malam, *our night population is only about 1.4, 1.6 million. In the day, our population rose up to nearly 5 million, because people from the Greater Klang Valley will come and commute to work*, dengan izin. Jadi, kita akan cuba selesaikan. Saya setuju apa Yang Berhormat telah sebut dan kita akan melihat dan kita akan cuba laksanakan cadangan-cadangan Yang Berhormat telah sebut. Saya juga bersetujulah berkenaan dengan tanggungjawab dan sebagainya.

Berkenaan dengan jalan daripada hendak pergi ke-1MDB, satu pertiga kos dibiayai oleh 1MDB. Itu terpaksa dilakukan oleh sebab kita takut kesesakan di antara kawasan Bukit Bintang ke Bandar Wawasan yang akan dibangunkan. Itulah sebab kita *share*, kita setuju untuk *share* kos pembangunan dengan 1MDB. Untuk makluman...

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Menteri, saya hendak tanya, Yang Berhormat Setiawangsa. Tadi saya ada tanya satu soalan tetapi tidak jawab iaitu tentang objektif

Kementerian Wilayah untuk membantu kumpulan miskin dan miskin tegar keluar daripada garis kemiskinan. Saya ingin hendak tahu, apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada mereka ini?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat, bantuan yang kita akan laksanakan kepada mereka untuk membantu orang-orang miskin, berbagai-bagai rancangan yang telah kita rancang. *InshaaAllah* saya akan bagi Yang Berhormat, saya tidak jawab kerana saya berniat untuk bagi Yang Berhormat dengan secara bertulis. Terlalu banyak hendak perincian apa yang kita hendak laksanakan. Khususnya saya boleh bagi satu cara, khususnya kepada penjaja-penjaja di mana kita harap bahawa penjaja ini daripada penjaja, dia boleh bertukar menjadi pekedai ataupun bertukar daripada penjajaan di tepi jalan, mempunyai trak dan sebagainya. Ini yang kita laksanakan, kita bagi geran kepada mereka. Jadi, saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat dengan secara bertulis kerana terlalu banyak yang terpaksa saya laksanakan.

Untuk makluman Yang Berhormat dari Kuala Nerus, masa hadapan Kampung Padang Balang. Secara keseluruhannya, Kampung Padang Balang dizonkan sebagai kediaman dengan status kampung tradisi. Walau bagaimanapun, lot-lot yang berhadapan dengan jalan-jalan utama dibenarkan untuk pembangunan perdagangan. Perbincangan dengan penduduk kerap dijalankan untuk berbincang menambah infrastruktur. *Green lane* kelulusan perancangan diwujudkan bagi mempercepatkan pertimbangan permohonan. Lot-lot yang ada di Padang Balang merupakan lot-lot persendirian dan pemilik boleh- ada pemilik hendak *joint venture* dengan swasta, kami tidak boleh tahan kalau hendak buat pembangunan. Itu yang kita telah buat untuk makluman Yang Berhormat.

Berkenaan dengan warga asing yang berniaga di lampu isyarat. Yang Berhormat, saya teringat waktu saya jadi Menteri dahulu mula-mula. Saya hendak basmikan tetapi orang semua marah kepada saya sehingga dia orang kata saya ini kejam, saya zalim dan sebagainya. Akan tetapi bila masalah ini sekarang sedang berleluasa, ini terpaksa kita tangani waktu ini. Walau macam mana pun, untuk makluman Yang Berhormat, DBKL tidak pernah meluluskan apa-apa lesen kepada peniaga-peniaga asing. Sekarang ini, saya telah arahkan seperti saya jawab Yang Berhormat Bandar Tun Razak pagi tadi, bahawa arahan telah diberi supaya kalau lesen-lesen ini dijajakan semula atau dijual kepada peniaga asing, kita akan tarik balik lesen tersebut. Kita juga tidak benarkan untuk yang ambil lesen ini untuk sewakan kepada orang Malaysia itu sendiri, dia mesti meniaga sendiri. Apatah lagi kepada orang asing.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Seputeh telah bertanya berkenaan dengan kawasan saya di Putrajaya berapa buah surau. Saya ada 52 buah surau Yang Berhormat. Saya ada sekolah rendah agama satu, satu lagi akan dibangunkan di Presint 9. Hari ini sekolah rendah agama tidak mencukupi, jadi saya telah minta dan kerajaan telah luluskan untuk bangun satu lagi di Presint 16. Ada juga sebuah sekolah *international*, swasta, sekolah agama di Presint 14.

Untuk makluman Yang Berhormat, saya sedar apa Yang Berhormat telah sebut berkenaan dengan jalan masuk dan sebagainya di Sungai Merab dan juga di Abu Bakar Baginda. Saya akan berbincang dengan pihak- kerana itu bukan kawasan saya, saya hanya jaga kawasan Putrajaya saja. Bila ia keluar dekat situ, negeri lain, bukan negeri Wilayah Persekutuan, ia negeri Selangor. Walau macam mana pun, saya akan cuba berbincang dengan pihak JKR dan juga Kerajaan Negeri Selangor bagaimana kita dapat besarkan untuk mengenangkan orang-orang yang duduk di luar kawasan Putrajaya itu untuk datang ke Putrajaya.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekolah menengah agama sedang dibangunkan, sekolah menengah agama berasrama di Presint 11. Jadi, janganlah mengatakan bahawa saya sebagai wakil rakyat, saya tidak peduli berkenaan dengan agama. Sebenarnya, saya pentingkan agama untuk anak-anak saya di Putrajaya. Yang Berhormat Seputeh, sudahkah Yang Berhormat Seputeh? Yang Berhormat Seputeh sudah. Ada lagi belum jawabkah Yang Berhormat Seputeh?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya tanya Perbadanan Putrajaya, kenapakah begitu banyak peruntukan berbanding dengan DBKL?

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey, untuk makluman Yang Berhormat, DBKL mempunyai kewangan yang lebih kukuh daripada Perbadanan Putrajaya. Jadi, DBKL sanggup membuat biayai apa yang dia hendak biayai untuk program-program dia dalam Kuala Lumpur. Jadi, jangan bezakan konon saya Ahli Yang Berhormat dari Putrajaya, saya dapat lebih. Sebenarnya, duit sebanyak itu pun tidak mencukupi untuk DBKL, apatah lagi seperti Yang Berhormat Batu telah sebut berkenaan dengan lif.

■1740

Saya tahu apa Yang Berhormat Batu sebut, *you are correct*. Saya tak boleh *deny* dengan izin, sebab lif-lif ini telah lama. *Life span of lift* dengan izin, 10 tahun sahaja ataupun 12 tahun, lepas itu kena tukar. Motor kena tukar, itu yang dia punya wayar itu tiap-tiap dua tiga tahun kena tukar. *I'm talking about the motor and the carriage need to be change*. Saya bersetuju dengan apa yang telah disebut oleh kawan saya Yang Berhormat Batu. Ini masalah. Di Putrajaya sekarang ini, semua perumahan yang saya ada sudah lebih daripada 12 tahun dan semua perlukan kepada pembaharuan dan duit yang diberikan pun sebenarnya tidak mencukupi dan untuk makluman Yang Berhormat, saya tak dapat duit daripada kerajaan terhadap penyewaan-penyewaan dari pejabat-pejabat atau jabatan-jabatan kerajaan.

Yang Berhormat tadi dari Kuala Krai telah bangkitkan berkenaan dengan Perbadanan Kampung Bharu. Untuk maklumat Yang Berhormat, *inshaaAllah* teguran dan apa yang telah Yang Berhormat membangkitkan itu, itulah perancangan kami dan kita sekarang ini hendak cuba bangunkan *Kampung Bharu City Centre* (KBCC) kita panggil di mana kalau dalam peruntukan Yang Berhormat lihat, Jabatan Perdana Menteri ataupun Kementerian Kewangan ada peruntukan RM80 juta untuk UDA. Kita telah minta UDA untuk bersama-sama dengan Perbadanan Kampung Bharu untuk membeli ataupun *acquire*, dengan izin, tanah-tanah di dekat sebelah Masjid Kampung Bharu itu untuk dijadikan KBCC bercirikan konsep Islam, bercirikan

konsep Melayu dan kita tidak akan tinggalkan konsep pembangunan secara apa Yang Berhormat telah sebut. Saya ucap terima kasih di atas apa yang telah Yang Berhormat membangkitkan.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: *Kampung Bharu City Centre, Kampung Bharu City Centre* atau KBCC kita sebut. Saya ucapkan terima kasih atas pandangan Yang Berhormat dan sila kawan saya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Betullah sebenarnya, kalau hendak kekalkan ciri Melayu itu pakailah Bahasa Melayu. Takkan lah *Kampung Bharu City Centre*, dia macam rojak hibrid. Saya ingat ini sebahagian daripada masalah kita. Dalam pembangunan Kuala Lumpur ini, kita lihat bahasa yang hibrid yang diwujudkan tidak di tempat lain. Lama-lama orang kata negara kita pakai bahasa 'kreol'. Kreol itu kacukan dua *language*, dua bahasa.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Okey, Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Itu bukan poin yang saya hendak bawa. Cuma saya ingin dapat penjelasan dengan apakah peranan MAS sekarang dalam perundingan pembangunan semula dan juga adakah kementerian langsung tinggalkan peranan Selangor dalam perkara ini dan seperti yang saya sebut, PKNS ada kepentingan daripada segi pemilikan tanah, daripada segi sejarah dan adakah PKNS dan juga unsur-unsur Selangor lain telah diundang untuk penyertaan rundingan. Terima kasih.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat, sejarah Kampung Bharu ini, saya anak Kampung Bharu Yang Berhormat, *it's a duke land*, dengan izin. **Duke land, that's means it is a sultanate land. The Sultan give the piece of land to the Malay, they call it the Malay agriculture settlement. That's why MAS is all about. Dia ada tujuh buah kampung. MAS masih lagi diminta untuk jaga tujuh buah kampung tersebut. MAS masih lagi berbincang dengan pihak Perbadanan Kampung Bharu. Perbadanan Kampung Bharu yang sebenarnya merupakan sebuah agensi menjadi *catalyst*, dengan izin, kepada pembangunan sebab kebanyakan tanah tersebut sekarang ini ada yang tanah barangkali 6,000 kaki persegi, tuan punya 40 orang. Ada 10,000 kaki persegi, tuan punya 60 orang kerana dia turun temurun. Jadi ini masalah yang sedang kita hadapi.**

Untuk makluman Yang Berhormat, memang kita dengan MAS masih lagi berbincang dengan pihak MAS yang ada tujuh buah kampung dalam tersebut dan juga hanya berkenaan dengan PKNS dan juga Kerajaan Negeri Selangor, saya akan jawab Yang Berhormat secara bertulis *because* bila saya jawab ini, *I might be wrong. Sorry*, so saya jawab bertulis sebab saya tak tahu adakah *link* dengan Selangor lagi atau tidak, saya tidak tahu. Akan tetapi yang saya tahu bahawa tanah tersebut merupakan tanah yang diberi oleh Tuanku Sultan Selangor yang dipanggil **duke land**, yang dipanggil *Malay agriculture settlement*. Itulah *title* dia, *title* yang paling besar, dia tidak ada *single title*.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sebut begitu ialah bukan seolah-olah saya hendak pertahankan Selangor sebab saya Ahli

Parlimen Wilayah Persekutuan. Cuma saya hendak ingatkan sejarah bahawa peranan negeri Selangor itu adalah bagi pihak Sultan, itulah sebab kita tidak boleh putuskan begitu sahaja.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Ya, terima kasih mengingatkan kami di Kementerian Wilayah Persekutuan. Yang Berhormat juga telah membangkitkan berkenaan dengan CCTV dalam lif dan sebagainya. Saya bersetuju apa Yang Berhormat telah bangkitkan berkenaan dengan isu lif kerana isu lif ini kalau kita tidak tangani seperti saya sebut, ia akan berlarutan dan kita akan cuba sedaya upaya kita untuk menyelesaikan masalah seperti apa Yang Berhormat telah cadangkan. Barangkali kita akan laksanakan apa Yang Berhormat telah cadangkan.

Berkenaan dengan masalah *illegal sticker* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seputeh, minta maaf tadi saya tak jawab. Ini juga saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat telah sebut. Kita telah cuba berkali-kali dan macam-macam telah kita laksanakan. Yang Berhormat juga telah hantar sebuah papan tanda dengan *paint non-stick*. Kita juga telah guna *paint non-stick* juga, ada tetapi kita tak gunakan di kawasan-kawasan luar. *We just use it in the CBD area*, kita tak pergi ke kawasan-kawasan macam Yang Berhormat Seputeh *even Damansara Heights*. *Even* dekat kawasan-kawasan Hartamas, Kepong dan sebagainya tetapi *I think I will talk to them through and expand it to that part because* saya tahu memang ada masalah ketara. Saya akan bincang dengan Yang Berhormat, *insya-Allah*.

Berkenaan dengan masalah yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu berkenaan dengan Kampung Railway dan sebagainya dan berkenaan dengan rumah-rumah setinggan dan sebagainya. Saya sendiri untuk makluman Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak ikut saya barangkali minggu hadapan, saya akan lawati semua projek yang saya telah lancar sebab saya hendak lihat sendiri tahap pembangunan mereka. *One of the area* saya akan pergi ialah di Kampung Railway yang pembangunannya oleh YTL kerana ada tempat-tempat yang telah kita minta dibangunkan semula dengan penjualan harga sebanyak RM42,000 semula kepada orang-orang setinggan. Itu bukan Kampung Railway, Kampung Railway – RM25,000. Ada juga yang dapat percuma dan ada sebuah kawasan di Bukit Kiara di mana kita bagi percuma kepada 200 orang dan untuk *the second generation*, dengan izin, kita jual dengan harga RM175,000 di Bukit Kiara.

Ini yang saya juga akan lawati, kalau Yang Berhormat hendak ikut minggu hadapan, Yang Berhormat boleh ikut saya untuk melawati semua projek yang telah kita luluskan. RUMAWIP dan juga rumah untuk yang kita bantu rakyat di mana telah kita tetapkan bahawa ada kawasan-kawasan tertentu masih lagi saya minta rumah dibangunkan dengan harga RM42,000. Ada rumah yang saya minta dengan harga RM25,000, ada rumah yang saya minta di bawah harga RM200,000 ke bawah. Jadi, minggu hadapan saya akan lawat semua dan saya akan beri Yang Berhormat status apa yang berlaku di kawasan ini untuk Yang Berhormat maklum.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, boleh bagi jadual bila kita akan pergi.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: *Next week, next week.*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *Okey, give us the date.*

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: *I will give you* dan saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kalau mereka tidak dapat sediakan kerana saya tahu kita minta mereka tandatangani surat perjanjian ini, saya dimaklumkan oleh timbalan saya bahawa timbalan saya yang saya arahkan untuk jaga pengkhususan kawasan-kawasan yang berkenaan dengan kaum India. Dia telah sebut kepada saya minggu hadapan kita akan tandatangani surat persetujuan pembelian semula bagi kawasan-kawasan kawan-kawan kita di Kampung Railway tetapi saya akan ingatkan Datuk Loga juga bahawa mereka mesti mengikut waktu. Kalau mereka lewat, yang kita subsidi yang mereka keluar di mana kita bayarkan penyewaan itu mesti diteruskan dan juga subsidi. Akan tetapi bukan itu sahaja untuk makluman Yang Berhormat, bukan subsidi rumah sewa sahaja, kita juga minta kadangkala pemaju terpaksa juga bayar duit bas sekolah ataupun bas untuk hantar anak-anak ini ke sekolah yang jauh dari tempat mereka duduk sekarang ini.

■1750

Itulah yang telah kita minta, itulah yang sebenarnya kita laksanakan kerana seperti yang saya sebut bahawa kita tidak mahu rakyat menghadapi masalah. Jadi saya percaya bahawa apa yang kita laksanakan- saya bersetuju apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan saya akan pastikan bahawa apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kepong. Percayalah bahawa saya akan pastikan bahawa peruntukan akan mencukupi untuk memastikan jalan raya, perparitan dan semua yang diperlukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur termasuk kawasan Kepong yang juga akan kita pastikan bahawa dia akan dapat diselesaikan dengan sebaik mungkin. Itu sahajalah yang saya dapat...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kapar.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat Kapar, yang rumah 500 itu seperti saya sebut tadi, *I thought I reply*. Kita tahu ada lagi 500. Saya tahu tiga buah kawasan bermasalah iaitu rumah panjang Jinjang, Kepong dan *actually* dengan izin, *that is our top priority* kerana *you can ask* Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jagannathan *because* saya sendiri telah masuk rumah-rumah tersebut kerana mereka telah pindah bertahun-tahun sehinggakan syiling pun hendak jatuh. Kadangkala kita minta duit DBKL untuk *repair* pintu, *repair* tingkap dan sebagainya.

That 500 unit is our priority, believe me inshaaAllah kita cuba selesaikan. Saya telah selesaikan sebanyak 800 unit untuk kaum India. Saya ingin maklumkan untuk Yang Berhormat, saya juga telah maklumkan tiap-tiap RUMAWIP di bawah RM200,000 saya telah arah akan peruntukan 10% untuk kaum India di Wilayah Persekutuan.

Kawasan yang tertentu ada yang kita minta 20% kaum India, 30% kaum Cina, 50% orang Melayu. Ada kawasan-kawasan tertentu kita minta 50% kaum cina, 30% Melayu dan 20%

India. Ini yang telah kita hendak buat kerana kita hendak pastikan ia jadi 1Malaysia, *you know, it is a real racial integration.*

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Menteri, boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya *just* hendak komitmen kementerian, berapa lama kita akan ambil dalam perangkaan kita? Boleh, bagi tempoh masa atau kalau boleh masa lanjut pun tidak apa *at least* ada ketetapan untuk penghuni-penghuni kaum India di sana bahawa mereka kena tunggu sekian lama. Kalau kita biarkan tanpa satu ketetapan akan mewujudkan ketidakselesaian kepada mereka sebab mereka pun tidak tahu bila boleh dapat, bila boleh pindah dan sebagainya. Terima kasih, Menteri.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Terima kasih, Yang Berhormat Kapar. Kita juga sedang melihat bahawa kalau kita mempunyai rumah. Kita sedang berbincang dengan pihak KPKT, sekarang ini tidak ada rumah PPR dan KPKT akan serahkan satu pembangunan di Semerah Padi, Bukit Jalil.

Masalahnya ialah apabila kita hendak pindahkan mereka ke Bukit Jalil mereka menyuarakan terlalu jauh dari tempat kerja, tempat persekolahan dan persekitaran yang mereka tidak setuju. Jadi kita terpaksa bincang, untuk saya menetapkan jangka waktu, saya tidak dapat, minta maaf. *I mean*, kalau saya cerita Yang Berhormat saya boleh bagi enam bulan, setahun maknanya saya berbohong. Lebih baik saya tidak bagi tahu *time limit* tetapi percayalah yang 500 unit ini kita sedang cuba untuk menyelesaikan.

Sebenarnya, tempat Yang Berhormat Batu di Kampung Railway kita telah minta tambah selain daripada unit yang asal dan Yang Berhormat Batu telah memberitahu kepada kami bahawa orang yang lama pindah dulu tidak dapat rumah tapi sudah dapat pampasan tapi pindah, ada 30 orang hingga ke-40 orang yang ingin balik semula ke Kampung Railway. Jadi terpaksa saya minta lagi dekat 100 lebih unit kepada pemaju untuk bangunkan dengan harga RM 42,000. Jadi ini yang telah kita lakukan. *InshaaAllah*, kita akan cuba selesaikan. Masalah kuil kita juga sedang selesaikan Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya masih menunggu jawapan tentang Pusat Pentadbiran Putrajaya yang diberi RM7,000,000 untuk tahun depan. Kenapakah item ini bukan dimasukkan dibiayai oleh Perbadanan Putrajaya tapi perlu satu peruntukan yang *special* untuk ini?

Saya juga masih tertanya tentang Persatuan Penduduk Sri Petaling sekarang tengah menonton ucapan Yang Berhormat Menteri. Mereka memang marah dengan penjaja, dia pindah masuk kepada kompleks letak kereta dan mereka mahu itu dijadikan sebuah kompleks letak kereta untuk mereka kerana DBKL pergi saman, polis pergi saman, memang tidak cukup tempat untuk letak kereta. Jadi boleh Yang Berhormat Menteri memberi jawapan kepada mereka yang tengah tunggu jawapan di hadapan komputer sekarang.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Yang Berhormat Seputeh *live streaming me*, kah? Janganlah Yang Berhormat. Saya sebut kepada Yang Berhormat tadi saya akan melihat semula. Saya tidak tahu apa yang sedang berlaku di sana. Saya akan cuba sedaya

upaya untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi oleh kawan-kawan saya, warga saya di Sri Petaling. Ini kerana saya selalu sebut, saya ini sebagai ketua kampung itu anak buah saya. Saya tidak kira dia Melayu, Cina dan India tetapi selagi dia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dia itu anak buah saya. Saya ketua kampung, ketua kampung akan cuba menyelesaikan masalah, okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri hanya kata hendak pergi ke Kawasan Yang Berhormat Batu. Tidak kata ke kawasan saya.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Bukan, masa saya hendak pergi melawat saya akan melawat semua, saya akan beritahu *schedule*. Yang Berhormat Seputeh ada kawasan, Yang Berhormat Batu ada kawasan, Yang Berhormat Kepong ada kawasan dan Yang Berhormat Setiawangsa ada kawasan, Yang Berhormat Titiwangsa pun ada kawasan, semua kawasan saya akan beritahu bila saya melawat dan kita akan pergi bersama, okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Akan tetapi Yang Berhormat Menteri pernah kata hendak pergi melawat dan adakan dialog dengan penduduk di setiap kawasan Parlimen. Akan tetapi, hanya buat dua, tiga sahaja selepas itu tidak buat lagi. *Town Hall Meeting*.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Tahu, okey! Nanti...

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh kita buat di Sri Petaling kompleks letak kereta. Sana yang *controversial* sekarang.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Boleh, dulu pun Yang Berhormat waktu saya jadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 2000, masalah Nirvana sama juga. Saya pergi ke Desa Petaling, dia kata hendak bangunkan konon hendak letak abu mayat, hendak bakar mayat. Padahal benda itu tidak ada itu hanya tempat untuk *ritual*. Bila saya terangkan kepada mereka baru orang kampung tahu. Ini Yang Berhormat janganlah jadi peracun tambah lagi, minyak lagi, *don't* lah! Tolong sayalah Yang Berhormat, Yang Berhormat pun macam adik saya sahaja. Okey, Tuan Pengerusi..

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tentang tuduhan Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusoff yang banyak ganggu kawasan saya. Boleh yang Yang Berhormat janji beri nasihat kepada beliau.

Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor: Dia tidak ganggu, yang sebenarnya Datuk Mustapa Kamal Mohd Yusoff merupakan Ketua Bahagian Seputeh. Dia melaksanakan tanggungjawab dia sebagai Ketua Bahagian Seputeh. Dia jaga rakyat di Seputeh tidak kira Melayu, Cina, dan India.

Saya juga pernah pergi waktu dia buat Gong Xi Fa Cai, dia juga buat Deepavali, dia juga buat Hari Raya. Jadi walau bagaimanapun, saya akan cakap dengan dia Yang Berhormat, okey? *[Ketawa]* Saya akan cakap dengan dia apa Yang Berhormat telah sebut dan saya akan tanya sebenarnya kerana saya mendengar Yang Berhormat punya cerita dan saya tidak tahu apa cerita dia. Apabila saya dengar dua-dua belah pihak baru akan berhubung dengan Yang Berhormat, okey.

Tuan Pengerusi, sekianlah saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Parlimen Yang Berhormat dari Wilayah Persekutuan yang telah mengambil bahagian termasuk juga kawan saya Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Kuala Nerus dan Yang Berhormat Kuala Krai yang telah mengambil bahagian. Terima kasih atas pandangan yang diberi dan saya berjanji *inshaaAllah* teguran dan apa yang kita dapat guna pakai daripada apa Yang Berhormat telah utarakan *inshaaAllah* kita guna pakai. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM358,335,000 untuk Maksud B.32 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM358,335,000 untuk Maksud B.32 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM958,001,500 untuk Maksud P.32 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak 958,001,500 untuk Maksud P.32 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

■1800

**Maksud B.42 [Jadual] -
Maksud P.42 [Anggaran Pembangunan 2016] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.42, dan Kepala Pembangunan P.42 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Silam.

6.00 ptg.

Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Perbekalan 42 Butiran 010200 – Sumber Manusia.

Tuan Pengerusi, Hospital Lahad Datu telah dinaikkan statusnya kepada hospital pakar setelah layak memiliki MS ISO 9001:2000 pada tahun 2012. Malangnya, hospital ini masih lagi mengalami kekurangan sumber manusia terutamanya doktor pakar.

Terlebih dahulu, Hospital Lahad Datu memerlukan Pegawai Perubatan Radiologi untuk mengendalikan alat *CT scan*. Seperti yang kita ketahui, *CT scan* ini adalah diperlukan dalam kes-kes *emergency* terutamanya kemalangan, strok dan lain-lain. Akan tetapi, memandangkan pakar untuk mengendalikan *CT scan* ini yang berada di Lahad Datu hanya seorang, maka tidak dapat menampung keperluan dalam masa-masa kecemasan. Oleh sebab itu, kadangkala pesakit terpaksa dibawa ke Hospital Tawau atau Hospital Sandakan lebih kurang 200 kilometer hanya untuk menggunakan *CT scan* yang ada di hospital berkenaan. Jadi ini sebetulnya melemahkan semangat petugas-petugas dan saya percaya, kalau kerajaan boleh menambah lagi seorang

Pegawai Perubatan Radiologi, ini akan memberi banyak keselesaan kepada penduduk di kawasan Lahad Datu.

Demikian juga dengan pakar mata. Hospital ini ada jawatan untuk Pegawai Perubatan Pakar Mata tetapi jawatan ini sehingga hari ini belum lagi diisi.

Saya sedia maklum kekangan-kekangan yang dihadapi oleh kerajaan untuk mendapat pegawai-pegawai pakar yang diperlukan. Oleh sebab itu, kerajaan perlu mengambil doktor-doktor pakar dari luar negeri yang kebanyakannya bermasalah daripada segi bahasa, dan ada juga pakar-pakar yang dari luar negeri ini tidak fasih dalam bahasa Inggeris. Lebih-lebih lagi pula pesakit-pesakit pun orang-orang luar bandar, tidaklah boleh berbahasa dalam bahasa Inggeris. Oleh sebab itu, ia merumitkan perhubungan di antara pesakit dan juga doktor.

Pakar-pakar lagi yang diperlukan seperti pakar ortopedik, pakar mata, pakar X-ray, pakar penyakit kanser, pakar obstetrik dan ginekologi pakar-pakar yang diperlukan di hospital ini yang telah sekian lama dinaiktarafkan kepada hospital pakar.

Saya amat menyanjung tinggi kepada usaha kerajaan untuk melatih doktor-doktor tempatan untuk menjadi doktor pakar. Saya percaya dengan adanya pertambahan ataupun program melatih pakar-pakar tempatan ini, tentu sekali pakar-pakar yang begitu banyak diperlukan di hospital-hospital di seluruh negara khususnya juga di Lahad Datu akan mendapat pakar-pakar yang amat diperlukan di hospital-hospital yang ada di kawasan khususnya di Sabah.

Tuan Pengerusi, seperkara juga yang saya ingin sentuh ialah berhubung dengan Pembangunan 42 di bawah Butiran 00600 – Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan hospital-hospital. Saya ingin menyentuh bahawa Hospital Lahad Datu telah mula dibina pada tahun 1999 dan beroperasi pada tahun 2002 bulan April. Sekarang ini sudah beberapa tahun hospital ini telah begitu lama digunakan dan bangunan ini begitu teruk. Dinding-dindingnya telah berlumut sebab terlalu lembap, tidak pernah dicat semula dan banyak lagi lantai-lantai yang telah rosak yang memerlukan sedikit peruntukan untuk memperbaiki pecahan-pecahan yang berlaku di lantai-lantai yang ada di dalam hospital.

Saya melihat dalam peruntukan ini kerajaan telah memperuntukkan RM80 juta kepada seluruh Sabah untuk membaik pulih bangunan-bangunan hospital yang memerlukannya. Saya memohon kepada pihak kementerian, kalau boleh berilah sebahagian daripada peruntukan RM80 juta ini untuk Hospital Lahad Datu untuk mengecatnya semula supaya hospital ini kelihatan ceria dan diharapkan juga para petugas di sana akan juga bertambah ceria dengan adanya bangunan-bangunan hospital yang begitu besar supaya mereka dapat bekerja dengan selesa.

Seperkara juga yang saya ingin sentuh di sini yang dianggap amat penting ialah berhubung dengan mesin dialisis. Hospital Lahad Datu sebenarnya sudah mendapat beberapa buah mesin dialisis tetapi itulah sahaja tempat yang ada di Lahad Datu untuk pesakit-pesakit ini untuk datang mendapat kemudahan dialisis. Jadi saya melihat dalam lawatan-lawatan saya, pesakit-pesakit yang banyak ini terpaksa berbaris untuk menunggu giliran mereka dan sehingga dua tiga jam menunggu untuk mendapatkan khidmat hemodialisis yang ada di hospital. Oleh sebab itu, saya merayu kepada kerajaan kalau boleh ditambahlah beberapa buah mesin dialisis

lagi untuk memberikan keselesaan kepada penduduk-penduduk yang memerlukannya di Lahad datu.

Seperkara yang diperlukan juga oleh hospital ini ialah alat yang dinamakan UPS atau *uninterruptible power supply*. Ini amat penting digunakan untuk *CT scan* sebab tanpa alat ini, maka *CT scan* akan menghadapi kerosakan. Jadi ini amat penting dan saya harap kerajaan dapat memberi peruntukan untuk membeli alat ini.

Seperkara dan yang terakhir ialah hospital ini amat besar dan luas, jadi hospital memerlukan CCTV untuk menjaga keselamatan di hospital ini supaya pengguna-pengguna akan mendapat keselesaan apabila berada di dalam hospital. Maka dengan itu, saya amat berharap agar Kementerian Kesihatan dapat menyalurkan dana tersebut ke Hospital Lahad Datu dalam menjamin kualiti Hospital Lahad Datu sebagai hospital pakar kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Permatang Pauh.

6.08 ptg.

Datuk Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak berbahas tentang Maksud Bekalan dan Pembangunan 42 Kementerian Kesihatan ini di bawah Butiran 010000 dengan anggaran RM1,542,854,000 pada muka surat 488 dan juga Butiran 060000 – Perkhidmatan Farmasi dengan anggaran RM173,508,200 di muka surat 492.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada kebimbangan global mengenai kenaikan kos ubat-ubatan berikutan dengan pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik atau, dengan izin, *Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA)* ini, sebagai contoh di Australia, *The Guardian* melaporkan pada 23 Februari 2015, saya *quote*, dengan izin, sedutannya... *[Membaca petikan]*

“Medicine will cost Australian taxpayers hundred of millions of dollars more each year if measures in a leaked draft of the secretive Trans-Pacific Partnership Agreement are implemented, a news report says.

The most recently leaked draft of the international trade deal includes provisions proposed for the US that would further protect the monopoly pharmaceutical companies hold over drugs and delay cheaper version from entering the market, the Medical Journal of Australia report says.”

■1810

Saya sambung dengan izin dalam bahasa Inggeris juga. *“The draft agreement sets in stone low patenting standards which allow drug companies to practice “ever greening”, when a pharmaceutical company tries to maintain its market monopoly on a drug for longer by applying for extra patents.”*

Tuan Pengerusi, kebimbangan yang dilahirkan oleh pengamal perubatan dari Australia ini bahawa TPPA akan mengakibatkan harga ubat-ubatan akan meningkat. Soalan saya Tuan Pengerusi, adakah kementerian sudah membuat kajian kesan TPPA ke atas harga ubat-ubatan di Malaysia. Keduanya, adakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh kementerian bagi

menjamin kos ubat-ubatan tidak akan membebankan rakyat berikutan dengan pelaksanaan TPPA ini.

Ketiga, adakah langkah jangka pendek dan cadangan jangka panjang bagi menangani kos ubat-ubatan yang akan meningkat.

Tuan Pengerusi, isu yang dibangkitkan oleh pakar-pakar dan pengamal perubatan di Australia yang disebutkan tadi adalah berkaitan dengan penguasaan pasaran, dengan izin, *market monopoly* berkaitan ubat-ubatan. Penguasaan pasaran ini akan bertambah buruk lagi dengan amalan monopoli pengeluaran ubat-ubatan oleh syarikat pengeluar ubat gergasi. Hari ini monopoli ubat-ubatan di peringkat antarabangsa telah menjadi kenyataan apabila syarikat ubat Pfizer dari Amerika telah mengambil alih syarikat ubat Allergan yang berpangkalan di UK.

Sehubungan dengan itu bagi mengesahkan Tuan Pengerusi, saya ingin *quote* laporan BBC pada 23 November ini, dengan izin, "*US drugs giant Pfizer has sealed a deal to buy Botox-maker Allergan for USD160billion (£106billion) in what is the biggest pharmaceuticals deal in history.*" Pengambilan alihan oleh syarikat Allergan oleh Pfizer ini menjadi sebagai pembuat dan pengeluar ubat-ubatan terbesar di dunia.

Cuba bayangkan bagaimana Pfizer akan dapat menebus semula perbelanjaan pelaburan di Allergen yang menelan belanja sebanyak USD160 bilion atau bersamaan dengan RM672 bilion. Sudah tentu melalui monopoli pengeluaran ubat dan pasaran ia akan ditebus melalui kenaikan harga ubat-ubatan yang dijamin menerusi perjanjian TPPA ini. Ini belum lagi mengambil kira kos *overhead* dan keuntungan syarikat yang sudah pasti mungkin menjangkau sehingga beratus bilion ringgit. Manakala yang akan menanggungnya termasuklah rakyat negara kita. Tuan Pengerusi, sejauh mana kerajaan serius bagi memastikan harga ubat-ubatan dijamin tidak akan membebankan rakyat berikutan dengan perjanjian yang kita tanda tangan perjanjian TPPA ini.

Saya masuk kepada butiran satu lagi Tuan Pengerusi. Selanjutnya Butiran 020000 – Kesihatan Awam. Anggarannya RM4,244,217,500 iaitu di muka surat 488. Baru-baru ini jerebu melanda negara kita di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Akibat jerebu tentunya memberi banyak kesan buruk kepada kesihatan rakyat. Semasa jerebu berlaku baru-baru ini Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan pemberitahuan kepada umum bahawa jerebu akan memberi kesan buruk kepada penyakit-penyakit kronik yang dihadapi oleh rakyat seperti penyakit *obstructive* saluran pernafasan kronik, asma, radang paru-paru, sakit jantung, sakit tekak, sakit mata, batuk dan selesema. Disebabkan oleh kementerian, akibat jerebu juga memberi kesan kesihatan kepada penghidap lapan jenis penyakit yang saya sebutkan tadi.

Soalan saya kepada Tuan Pengerusi, adakah kementerian mempunyai bank data, *data bank* berkaitan impak terhadap kesihatan akibat jerebu ini. Kedua, berapa ramai rakyat yang mengadu sakit dan menerima rawatan kesihatan akibat jerebu serta kos langsung dan tidak langsung ditanggung oleh kementerian berikutan dengan jerebu yang melanda pada tahun ini. Kalau boleh juga tahun-tahun sebelum daripadanya. Ini kerana itu nampak gayanya macam tahunan.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan masalah jerebu dan impaknya kepada kesihatan rakyat, Singapura mengambil pendekatan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab membakar hutan yang menjadi punca jerebu yang melanda Singapura. Kita tidak mempunyai perundangan yang sedemikian. Namun, kita tetap merasai implikasi yang serius terhadap kesihatan rakyat selain daripada tindakan darurat menutup sekolah, pusat-pusat pengajian tinggi yang terbabit kerana kebimbangan menjejaskan kesihatan.

Soalan saya Tuan Pengerusi, jika Singapura telah mengadakan mekanisme bagi mendera syarikat-syarikat petualang jerebu, adakah Kementerian Kesihatan khususnya memikirkan cadangan untuk mengambil tindakan terhadap petualang jerebu bagi memikul kos rawatan pesakit dan kos implikasi kepada kementerian akibat jerebu ini. Itu selepas jerebu.

Saya masukkan ke dalam Maksud Pembangunan 42, Butiran 00400 – Hospital Baru anggaran RM274,259,500 muka surat 495. Tuan Pengerusi, pembinaan hospital-hospital baru saya memperakui memang penting dan perlu kerana ini membolehkan rakyat terutama kawasan luar bandar dan mereka yang berpendapatan rendah mendapat akses rawatan dengan kos yang wajar dengan mengambil kira pendapatan mereka yang rata-ratanya rendah. Walaupun saya dengan Yang Berhormat Silam kesianlah walaupun ada hospital, tidak ada *personnelnya* dan pakar-pakarnya.

Jadi Tuan Pengerusi, projek khas-khas hospital baru yang berjumlah RM274 juta ini adalah sebahagian daripada jumlah anggaran perbelanjaan Kementerian Kesihatan bagi tahun 2016 yang berjumlah RM23.031 bilion. Apabila diteliti jumlah anggaran Kementerian Kesihatan itu, saya dapati bahawa berbanding dengan tahun 2012 yang berjumlah RM18.593 bilion, peruntukan Kementerian Kesihatan meningkat sebanyak RM4.438 bilion. Ini merupakan tambahan 24% dalam tempoh lima tahun.

Tuan Pengerusi, bagi tempoh tahun 2012 hingga tahun 2016 pertambahan anggaran perbelanjaan Kementerian Kesihatan daripada segi jumlah dan kadar adalah lebih rendah berbanding dengan peningkatan peruntukan bagi Jabatan Perdana Menteri (JPM). Berbanding dengan peruntukan JPM bagi tempoh tahun 2012 hingga tahun 2016 JPM ditambah peruntukan dari RM13.721 bilion pada tahun 2012 kepada RM20.31 bilion pada tahun 2016 iaitu penambahan sebanyak RM6.59 bilion atau sebenarnya 48%.

Begitu jelas bahawa kesihatan rakyat tidak menjadi *priority* berbanding dengan keutamaan peruntukan bagi JPM sehingga melibatkan berbilion-bilion Ringgit dengan projek-projek yang penuh kesamaran. Dia samar-samar Tuan Pengerusi. Jadi semasa perbahasan Bajet 2016, peringkat Jawatankuasa bagi JPM pada 17 November yang lalu saya telah menyebut mengenai dana fasilitasi RM3 bilion dan Projek Mesra Rakyat RM1.332 bilion. Jumlah keduanya adalah sebanyak RM4.332 bilion. Dana-dana JPM ini merangkumi 18.8% daripada jumlah keseluruhan bagi Kementerian Kesihatan.

■1820

Apakah Kementerian Kesihatan tak penting? Jadi, peruntukan untuk projek khas terbaru berjumlah hanya RM274 juta, manakala 2 bentuk dana JPM, dana fasilitasi dan projek mesra

rakyat berjumlah RM4.432 bilion iaitu 15 kali daripada peruntukan membina hospital. Jelaslah keutamaan wang negara untuk kesihatan rakyat jauh lebih sedikit berbanding dengan dua bentuk dana JPM yang tidak diketahui butiran dan tujuannya melainkan ianya adalah tidak lebih merupakan dana untuk mempertahankan kepentingan dan kedudukan Yang Amat Berhormat Pekan sebagai PM. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Gudang.

6.21 ptg.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi bagi saya ruang untuk dalam perbincangan ini. Pendek sahaja, saya ingin membawa tentang Butiran 00400 – Hospital Baru. Sebagai wakil rakyat kepada rakyat dari Pasir Gudang, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional dan juga kementerian kerana telah meluluskan sebuah hospital baru di Pasir Gudang. Harapan kami, dapatlah dibina dengan sesegera mungkin dalam *First Rolling Plan* ini.

Seterusnya, tentang 01100 – Peralatan dan Kenderaan. Tentang sedikit peralatan di dua buah klinik kesihatan dan juga klinik desa iaitu mesin *fundus camera* untuk rawatan mata bagi Klinik Kesihatan Masai yang telah pun dipohon dan Menteri pun maklum. Juga mesin *bilirubin* untuk mengesan sakit kuning bagi Klinik Desa Plentong yang telah dimohon sejak tahun 2014 tetapi belum dapat lagi. Saya sengaja mengulangi permohonan ini kerana saya diminta oleh rakyat berdekatan. Oleh sebab mereka kebanyakannya terutama dari kawasan yang suami mereka bekerja di Singapura dan sebagainya. Jadi, kalau mereka hendak bawa anak untuk pemeriksaan ada sakit kuning, daripada Plentong itu dia hendak pergi ke hospital agak jauh dan keadaan pengangkutan awam juga tidak baik.

Jadi, kalau ada mesin-mesin ini, tidak payahlah mereka menambah kos lagi. Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk pihak kementerian mengambil kira tentang keadaan Klinik Kesihatan Masai, Pasir Gudang yang agak sempit dan tidak berpadanan dengan populasi. Seperti yang saya katakan, setiap hari tidak kurang daripada hampir 700 orang pesakit yang menerima rawatan dengan keadaan yang sangat sempit, keadaan klinik pun tidak mempunyai *parking* yang bersesuaian. Kita ada di sebelah bawah klinik itu tanah di mana hostel ataupun rumah-rumah pekerja, masih banyak lagi ruang. Jika pihak kementerian memberi satu kelonggaran supaya kawasan yang kosong itu daripada terbiar, boleh diratakan, digunakan untuk meletak kenderaan.

Kita pun agak aktif di sana kerana ada sebuah pusat aktiviti warga emas yang telah diberi oleh kerajaan negeri melalui sebuah kontena. Jadi, kalau kawasan itu dapat diluaskan sedikit, perkara yang sama juga dapat digunakan. Ini kerana kawasan Pasir Gudang ini kawasan industri Yang Berhormat Menteri. Jadi, kalau ada pusat aktiviti warga emas ini diluaskan, kita sudah ada, cuma mohon kawasan diberi kebenaran sahaja untuk menggunakan. Saya pun bersedia untuk membantu. Itu sahaja yang saya kira sangat penting untuk Pasir Gudang. Salam

penuh harapan untuk penyegeraan Hospital Pasir Gudang di dalam *First Rolling Plan*. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kampar tak ada?

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Ada, ada.

Tuan Pengerusi: Sila.

6.24 ptg.

Tuan Ko Chung Sen [Kampar]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang untuk membahaskan peringkat Jawatankuasa, Kementerian Kesihatan P.42. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada bajet diperuntukkan kepada Kementerian Kesihatan. Jumlah anggaran perbelanjaan mengurus bagi tahun hadapan ialah RM21.431 bilion iaitu kurang daripada jumlah bagi tahun ini, RM21.714 bilion. Jumlah untuk emolumen dinaikkan kepada RM11.76 bilion kepada RM13.44 bilion.

Walau bagaimanapun, jumlah tempoh perkhidmatan dan bekalan akan dipotong daripada sebulan pembiayaan RM49 bilion kepada RM7.62 bilion. Tuan Pengerusi, melihat bilangan jawatan dalam setiap program yang disenaraikan, tidak ada peningkatan dalam bilangan jawatan dari tahun ini ke tahun hadapan.

Program 3, Butiran 030000 – Perubatan, menunjukkan bilangan jawatan setiap jenis bidang kepakaran perubatan tetap sama untuk tahun hadapan. Walau bagaimanapun bilangan pesakit luar, bilangan pesakit masuk wad dan bilangan pembedahan dijangka meningkat sehingga 10%. Sebagai contoh, pembedahan elektif oftalmologi dijangka meningkat daripada 72,300 kes kepada 79,500 kes. Pembedahan plastik elektif daripada 8,100 kes kepada 8,900 kes. Semua ini akan dikendalikan oleh bilangan doktor dan jururawat yang sama. Tuan Pengerusi, saya inginkan penjelasan daripada Menteri, kenapakah tidak ada peningkatan dalam bilangan jawatan? Adakah dibekukan pengambilan kakitangan awam, doktor dan jururawat di Kementerian Kesihatan?

Apakah akan terjadi kepada 5,000 orang doktor yang menamatkan pengajian setiap tahun? Apakah pengetahuan yang mereka pelajari selama 5 tahun di sekolah perubatan digunakan untuk faedah rakyat dalam negara ini? Jika mereka terpaksa menunggu kerana terdapat pembekuan perjawatan, mereka mungkin hilang kemahiran mereka dengan cepat. Para doktor dan jururawat yang sedia ada sudah bekerja keras dan lebih masa melampau dengan penambahan penduduk yang semakin meningkat di negara kita. Bagaimanakah kerajaan mengharapkan untuk meningkatkan jumlah pesakit dan pembedahan sebanyak 10% tanpa penambahan bilangan kakitangan? Doktor dan jururawat yang melampau kerja boleh membawa kepada lebih banyak komplikasi dan kematian.

Tuan Pengerusi, hubungi Butiran 032200 – Farmasi dan Bekalan. Saya ingin meminta Menteri untuk menjelaskan kesan TPPA ke atas ubat generik. Kita sedar tentang implikasi besar TPPA. Saya ingin menarik perhatian ke bahagian kontroversi mengenai harga ubat. Terdapat pertikaian sama ada harga ubat akan naik atau tidak. Menteri dan juga Perdana Menteri

mendakwa bahawa harga ubat tidak akan naik. Walau bagaimanapun, pada 22 November ini, semasa sidang kemuncak ASEAN, Presiden Obama menyatakan bahawa harga ubat akan naik.

Jadi, siapakah yang benar? Presiden Obama mengaku berdepan dengan tekanan daripada syarikat farmasi gergasi di Amerika Syarikat yang mahu terus mengaut keuntungan demi keuntungan. Dengan izin, saya memetik Presiden Obama, *“What is absolutely true is that a lot of drug companies, once they have invented a drug, they want to keep making money as long as possible on that drug. Sometimes they want to keep making money on that drug even though they invented it a long time ago. They wanted to preserve their exclusive rights to make it and they keep selling it at the higher and higher price and they don’t want generic substitutes, they are lower cost.”*

■1830

Jelas sekali bahawa syarikat-syarikat farmaseutikal kita hanya berminat untuk mengaut keuntungan yang besar dari memerah orang ramai buat selama yang boleh. Mereka berjuang untuk syarikat-syarikat farmaseutikal gergasi untuk terus menerus mengaut keuntungan besar. Presiden Obama tidak langsung menyebut tentang hak asasi pesakit untuk menerima rawatan yang mampu. Nampaknya keuntungan syarikat-syarikat farmaseutikal lebih penting daripada hak asasi pesakit. Maka, ramailah pengamal perubatan yang membantah keras bahagian TPPA berkenaan harga intelek ubat.

Tuan Pengerusi, hujah-hujah Menteri dan Perdana Menteri harga ubat tidak akan naik mungkin ada kebenarannya tetapi masalah utamanya adalah harga ubat tidak akan turun bilamana ubat versi generik yang lebih murah tidak boleh dipasarkan. Pesakit dan kerajaan akan kekal terbeban dengan harga ubatan yang tinggi. Sebagai contohnya *New England Journal of Medicine* keluaran 16 Julai 2015 melaporkan bahawa kos rawatan tahunan pesakit AIDS dan HIV akan meningkat dari USD100 seorang kepada USD10,000 seorang setahun. Ini kenaikan 100 kali. Seterusnya kos untuk 10,000 orang pesakit akan naik menjadi USD100 juta daripada USD13. Ini ialah satu jumlah yang sangat besar.

Tuan Pengerusi, pada masa sekarang negara-negara seperti Thailand dan India boleh mengabaikan syarikat-syarikat farmaseutikal gergasi dengan membuat ubat berdasarkan keperluan rakyat dan negara. Walau bagaimanapun, sebaik sahaja sebuah negara meratifikasi TPPA, ia tidak akan dapat berbuat demikian tanpa membayar pampasan yang besar kepada syarikat-syarikat farmaseutikal.

Ini samalah juga seperti kerajaan kita membayar pampasan kepada syarikat lebuh raya kita jika kenaikan tol tidak diluluskan mengikut kontrak. Mengapa kita perlu masuk ke dalam kontrak yang tidak memberi faedah kepada rakyat tetapi sebenarnya menguntungkan syarikat farmaseutikal gergasi dan mereka. Apabila *text* penuh TPPA dikeluarkan secara rasmi pada 5 November tahun ini, *“Doctors Without Borders”*, atau dikenali juga sebagai *“Medicins Sans Frontieres”*, menyatakan bahawa mereka dengan izin, *extremely concerned about the inclusion of dangerous provisions that would dismantle public health safeguards enshrined in international law and restrict access to price-lowering generic medicines for millions of people.*

MSF's advisor Judit Rius Sanjuan caution that, MSF has remains gravely concerned about the effects that the Trans-Pacific Partnership trade deal will have on access to affordable medicines for millions of people, if it is enacted. Today's official release of the agreed TPP text confirms that the deal will further delay price-lowering generic competition by extending and strengthening monopoly market protections for pharmaceutical companies.

Tuan Pengerusi, jika sesuatu ubat diberi bentuk hak paten yang bertahun-tahun lamanya ubat tersebut mungkin menjadi usang apabila tempoh masa paten itu tamat. Pada masa itu, pesakit perlu membayar lebih untuk ubat yang baru. Maka, pesakit tidak akan boleh menikmati faedah daripada ubat generik.

Tuan Pengerusi, saya menggesa menteri dan kerajaan tidak terburu-buru mengesahkan perjanjian TPP. Adalah lebih baik untuk tunggu dan lihat untuk beberapa tahun. Malaysia boleh mengkaji dan meneliti kandungan perjanjian dan melihat jika negara-negara lain sebenarnya mendapat manfaat daripadanya. Jika terdapat banyak masalah yang tidak dapat diatasi dan diselesaikan adalah lebih baik untuk tidak terperangkap di dalam TPPA. Industri pembuatan ubat generik tempatan kita mungkin terhapus sama sekali selepas beberapa tahun. Indonesia, Thailand, India dan China tidak terlibat dalam TPPA. Mengapakah kita perlu tergesa-gesa?

Malah saya mencadangkan sidang Parlimen khas membincangkan TPPA ditangguhkan selama tiga tahun. Masa yang cukup untuk kita meneliti pros dan kontranya. Berapa ramai ahli terhormat daripada kerajaan telah meneliti teks TPPA setebal 6,000 muka surat itu dan memahaminya? Adakah Yang Berhormat Menteri akan mencadangkan masa yang lebih lama untuk kita memahami sepenuhnya TPPA sebelum kita berdepan risiko tidak cukup wang untuk membeli ubat original diimport yang mahal. Minta Yang Berhormat Menteri jelaskan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Putatan.

6.36 ptg.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebelum saya bahas saya ingin menyentuh juga perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Kampar baru-baru tadi soal perubatan. Menteri MITI telah pun memperjelaskan beberapa kali seluruh negara berkenaan dengan TPPA. Saya melihat perkara ini sebagai satu hala politik pembangkang yang mana sengaja mengelirukan. Tidak ada *guarantee* bahawa kalau lah kita *decide to sign on the TPP*, dengan izin, tidak ada *guarantee* harga perubatan ini tidak naik dan harga *generic medicine* pun tidak naik. Ini perkara yang telah pun diperjelaskan beberapa kali oleh Yang Berhormat Menteri dan saya minta maaf kalau pihak di sebelah sana sengaja tidak faham.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu, dua perkara sahaja di bawah B.42 Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar yang diperuntukkan sejumlah RM153 juta. 00700 – Perolehan dan Penyelenggaraan Tanah yang diperuntukkan RM16 juta dan 00904 – Pejabat dan Jabatan Kesihatan yang diperuntukkan RM13.5 juta. 01100 – Peralatan dan Kenderaan

yang agaknya banyak iaitu sebanyak RM232 juta dan 00300 – Kemudahan Hospital yang diperuntukkan RM474 juta. Saya berbahas secara menyeluruh Tuan Pengerusi.

Satu daripada yang kita lihat saya hanya sentuh kawasan Kota Kinabalu yang di mana saya wakili. Selain daripada itu, kawasan Penampang diwakili oleh sahabat dari PKR dan Kota Kinabalu yang tiada dalam Dewan yang langsung tidak prihatin dengan keperluan kesihatan di Kota Kinabalu, Sabah. Kalau betul-betul dia mahu perjuangkan kesihatan Sabah dia patut berada dalam Dewan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Jangan begitulah. Masakan ini tidak ada kena mengena Sandakan. Sandakan rajin, terima kasih.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi, soal Hospital Besar Queen Elizabeth ini masih lagi banyak keperluan terutama daripada sentimen-sentimen rakyat di Kota Kinabalu itu memang banyak lagi Tuan Pengerusi terutama dengan yang ketara betul pelawat-pelawat hospital yang tidak dapat meletakkan kereta di tempat-tempat yang betul.

■1840

Saya mencadangkan kepada Menteri supaya memberi penaikan taraf tempat letak kereta supaya pelawat-pelawat dapat meletakkan kereta dengan teratur, bukan *double parking* yang mengakibatkan *jammed* jika melalui kawasan hospital itu. Saya tinggal dan duduk dekat hospital Yang Berhormat Menteri.

Jadi saya melihat perkara ini hari-hari yang mana banyak kompelin yang saya terima yang mahu saya bawa perkara ini ke Parlimen. Kita melihat perkara ini juga, yang ada sekarang ini terlalu sempit. Jadi bangunan yang ada itu hanya cukup untuk kakitangan-kakitangan hospital yang pelawat itu terpaksa kena saman oleh polis, kesian. Jadi, keluarga-keluarga yang melawat *family* di hospital itu Yang Berhormat Menteri, tengoklah keadaan dia, kita mahu rakyat senang hati kepada kerajaan. Kita harus prihatinlah soal kawasan letak kereta ini.

Saya mahu juga melihat perkara seperti ambulans, alat-alat hospital, kereta-kereta janganlah hantar benda-benda yang *secondhand*. *I repeat*, tolongan jangan hantar ambulans-ambulans yang sudah terpakai di sini dan dihantar ke negeri Sabah. Ini orang marah. Jadi Yang Berhormat Ipoh Barat memang tetap sokong sama saya. Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat ya? Jangan hantar yang *secondhand* yang catnya pun sudah retak-retak. Seolah-olah kita ini, kesianlah Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Cuba, melihat perkara ini. Jadi satu lagi perkara yang amat penting, perolehan tanah ini.

Saya sudah pun meminta klinik di tempat *Agricultural Training Centre* yang pernah dilawat oleh Menteri, tiga Menteri sudah bertukar-tukar melawat kawasan dan telah pun diperiksa oleh pegawai kesihatan sampai sekarang, bangunan belum ada. Tapak sudah dikenal pasti, surat minta bina klinik di Kampung- ini kampung saya sendiri Yang Berhormat Menteri. Ini kampung saya, ramai orang. Ada lima hingga enam buah kampung yang di kawasan itu. Jadi sampai sekarang belum ada lagi. Jadi orang tertanya-tanya kepada saya kenapa, di manakah klinik-klinik kesihatan yang kamu sudah umum dulu? Pegawai beberapa kali lawat sampai

sekarang belum ada lagi. Yang Berhormat Menteri, tolong tengok ini. Mungkin duit itu dibawa ke tempat lain, tak tahulah saya.

Saya harap jabatan kesihatan juga diwujudkan di Putatan. Selain daripada klinik di Putatan, walaupun dia berdekatan dengan hospital besar Queen Elizabeth, Yang Berhormat Menteri yang sedia maklum, Hospital Queen Elizabeth ini sempit, ramai dan katil tidak cukup. Oleh sebab ada hospital-hospital yang dibeli, Hospital Queen Elizabeth II, di Likas misalnya yang diambil alih oleh KPJ tetapi masih tidak cukup oleh sebab penduduk di Kota Kinabalu ini kian menambah dan saya harap perkara ini dapat diatasi sebelum PRU akan datang nanti. Saya mengharap besarlah kepada Menteri. Ini Menteri-menteri, kawan baik semua ini, termasuk Timbalan Menteri kesihatan ini kawan baik. Tolonglah Putatan sikit, saya mewakili kawasan Sepanggar, Penampang dan kawasan Kota Kinabalu, inilah kawasan empat Parlimen...
[Disampuk]

Yang Berhormat Seputeh apa bising-bising ini? Kalau Seputeh sudah kaya. Tempat sudah okey, apa lagi mahu bising? Jadi saya mintalah Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bukit Gantang sudah ada hospital besar. Bomoh pun banyak di Bukit Gantang. Di Putatan ini tiada bomoh. Kita tiada mahu bomoh. Kita mahu doktor-doktor yang pakar dihantar ke Sabah ya. Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kota Raja.

6.45 ptg.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B.42 dan Butiran 010400 – Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan. Daripada bajet ini Tuan Pengerusi, kita lihat bahawa angka-angka yang diberi dalam bilangan jawatan 2015 dan 2016 tidak berubah. Ini bermakna, tidak ada pengambilan kakitangan yang baru. Bagaimanakah dengan jawatan-jawatan doktor dan juga jawatan-jawatan sokongan dalam perkhidmatan kesihatan? Nampaknya daripada segi sumber manusia bagi tahun 2016...

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Tuan Pengerusi, laluan.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kita tidak ada peningkatan.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Laluan, kalau dilihat kepada Maksud B.42, Butiran 110400 – Pewujudan Jawatan Baru/Tambahan Tahun 2016, ada peruntukan sebanyak RM330 juta. Adakah itu dimaksudkan juga bahawa itu penambahan kepada jawatan-jawatan?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Puteh. Sebenarnya, saya cuma tengok angka jawatan. Jadi sekiranya ada peningkatan di manakah peningkatan ini berlaku? Minta Yang Berhormat Menteri menjawabnya. Selepas itu saya ingin bertanya tentang kepakaran dalam Kementerian Kesihatan.

Sebenarnya berapakah jumlah doktor yang diperlukan mengikut jumlah penduduk? Berapa pula jumlah jawatan yang diwujudkan oleh Kementerian Kesihatan dan jumlah sebenar

yang ada dalam Kementerian Kesihatan kerana doktor-doktor pakar sendiri mengatakan bahawa tidak cukup doktor-doktor pakar kerana ramai yang meninggalkan Kementerian Kesihatan untuk pergi ke swasta. Kekurangan doktor-doktor pakar ini sangat membebaskan kepada yang tertinggal lagi di dalam Kementerian Kesihatan. Jadi apa perancangan kerajaan atau Kementerian Kesihatan dengan izin, untuk *retain* doktor-doktor pakar ini dan apakah insentif yang dapat diberikan kepada doktor-doktor pakar supaya mereka tidak lari kepada pihak swasta? Begitu juga dengan pegawai-pegawai perubatan, MO.

Dikatakan sekarang ini pukul rata, kalau melihat pesakit luar hampir 100 orang yang terpaksa diperiksa oleh doktor-doktor, *Medical Officers* ini. Keadaan ini juga membebaskan dan mereka tidak ada masa untuk memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit-pesakit. Oleh sebab kekurangan doktor pakar ini, kita dapati bahawa masa menunggu untuk berjumpa dengan pakar terlalu lama mengikut giliran dan kelapangan doktor. Secara purata, ramai mengatakan sekarang ini hampir lima hingga enam bulan untuk berjumpa dengan doktor pakar. Bagaimanakah pula dengan kes-kes yang disyaki mempunyai penyakit yang berbahaya seperti kanser dan sebagainya? Adakah mereka ini mempunyai sebuah laluan pintas SOP di mana mereka disegerakan untuk berjumpa pakar?

Seterusnya saya ingin menyebut tentang Butiran 031900 – Radioterapi dan Onkologi. Saya ingin mendapat maklumat, berapa hospital sekarang ini yang menjalankan rawatan kanser dan ada mesin radioterapi? Satu aduan saya diberitahu di PPUM, walaupun bukan di bawah Kementerian Kesihatan secara langsung, hanya ada satu mesin radioterapi dan orang kata *by the time*, bila mereka dapat *appointment* untuk buat radioterapi, kanser sudah merebak ke tempat lain daripada *stage* yang mungkin boleh lagi dikawal terus kepada *stage* tiga atau *stage* empat. Jadi maknanya kita tidak dapat menyelamatkan pesakit. Seterusnya saya ingin menyebutkan tentang Butiran 020000 tentang kemudahan di hospital, ini di bawah *general topic* nya. Terlalu padat dan terlalu ramai.

■1850

Satu contoh saya bagi ialah Hospital Tengku Ampuan Rahimah. Saya ingat jumlah pesakit dalam wad ini berganda. Ada pesakit yang satu barisan itu ada enam atau tujuh orang pesakit sampai ke koridor dan juga di Hospital Sultanah Aminah, *flip bed* sampai ke lif dan dekat dengan *toilet* dengan tandas pun masih ada katil. Jadi apakah rancangan kerajaan untuk mengurangkan kesesakan hospital ini? Ini kerana jumlah hospital baru di kawasan-kawasan ini mungkin tidak dibina dan tidak semua rakyat mampu pergi ke hospital swasta.

Saya juga ingin bertanya tentang Butiran 030000 mengenai pesakit dari luar sama ada PATI atau pendatang dengan izin. Mereka tidak boleh keluar hospital selagi tidak bayar bil. Apabila mereka ditahan di hospital lagi kerana tidak boleh bayar, maka bilnya pula meningkat. Jadi, mereka masih tidak ada keupayaan untuk membayar. Jadi bagaimanakah kementerian menangani masalah-masalah pesakit-pesakit asing ini yang semakin ramai di negara kita?

Saya ingin menyentuh di sini mengenai Butiran 080000 – Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Saya ingin bertanya kepada Menteri tentang trend-trend yang sekarang ini semakin

berleluasa terutamanya dengan adanya sosial media, iaitu peratus di kalangan rakyat kita yang anti *vaccination*, mereka enggan memberi pelalian kepada anak-anak mereka? Juga, apakah kesan jangka masa panjang dalam penularan penyakit-penyakit berjangkit dalam negara kita? Adakah telah dilakukan apa-apa kajian untuk memberi Kementerian satu idea, satu perangkaan supaya kita dapat menangani masalah ini jika di masa hadapan ada penyakit-penyakit yang biasanya kita beri *vaccination* tetapi sekarang ini tercetus semula?

Begitu juga dengan trend *home birth*. Adakah melahirkan anak di rumah, adakah ia menjadi satu masalah kesihatan rakyat dan apakah langkah Kementerian untuk mendidik? Lagi *trend* baru ialah *lotus birth* iaitu kelahiran anak di mana tali pusat itu tidak diputuskan dan dibiarkan ia gugur dengan natural di mana ia mengambil masa enam atau tujuh hari dan ada yang lebih. Jadi apakah insiden sepsis dalam hal-hal *trend* baru ini?

Apabila berbual dengan doktor, semua mengatakan bahawa masa mereka dengan pesakit itu terlalu singkat untuk mereka memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit secara satu kesatu, seorang ke seorang. Jadi cadangan mereka, sebenarnya datang daripada para doktor, kenapakah tidak masa menunggu untuk berjumpa dengan doktor itu digunakan sebaik mungkin untuk memberi pendidikan kesihatan secara *one-to-one*?

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Hendak tanya pasal *unassisted birth* dan *lotus birth* tadi. Apakah bersetuju dengan saya bahawa Kementerian mesti buat sesuatu dan juga mengambil tindakan terhadap kumpulan-kumpulan yang mempopularkan *unassisted birth* ini dan juga *lotus birth* dan sebagainya?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya rasa soalan itulah yang saya hendak sebenarnya Menteri menjawab kerana ada yang mengikut trend, maklumat yang ada pada mereka adalah separuh masak dan sistem sokongan yang kita ada ini mungkin tidak boleh menangani sekiranya berlaku komplikasi kepada kes-kes seperti ini. Kalau dibandingkan dengan negara Barat, mereka ada pusat tertentu dan memang pusat-pusat ini bertanggungjawab atas *trend-trend* baru ini tetapi dalam negara kita, kita tidak ada pusat-pusat seperti ini. *Therefore, accountability, responsibility* itu- kerana yang menerima akibatnya adalah *baby*, anak itu sendiri. Akhirnya mereka ini akan balik kepada hospital kerajaan juga, menambahkan beban dan kemudian akan menyalahkan balik Kementerian Kesihatan kerana tidak dapat menyelamatkan anak mereka.

Jadi inilah beberapa perkara dan saya juga ingin menyebut di sini bahawa kanser payudara, saya ingat mengikut statistik, meningkat. Jadi itu lagi saya hendak pergi kepada tentang pendidikan kesihatan ini. Saya telah biasa menyebut banyak kali, Menteri, tentang perlunya kita ada TV kesihatan ataupun slot-slot tertentu di dalam semua *channel* untuk TV kesihatan ini untuk mendidik rakyat dengan cara yang lebih *infotainment* begitu dan dikelolakan oleh pakar-pakar dalam bahagian masing-masing.

Trend-trend terbaru ini amat penting untuk kita tangani. Sekarang ini kita tahu ada pendapat yang berbeza. Satu masa dahulu sesetengah teori itu betul tetapi sekarang ini didapati

bahawa *is not so true anymore*. Misalnya dalam *case of intermittent fasting* sebagai satu mekanisme untuk mengawal gula dalam darah dan juga untuk mengawal berat badan.

Saya sebenarnya, Menteri, ingin mengatakan bahawa saya dahulu kecil-kecil jarang ambil *breakfast* dan ini yang ditanam dalam diri kita bahawa *breakfast is the most important meal of the day*. Ayah saya sampai sekarang bertanya, "*Anak-anak aku tak makan pun breakfast tapi okey jugalah daripada segi pendidikannya*". *Wallahu a'lam*, mungkin sesuai trend-trend ini, mungkin ada mekanisme, tubuh kita tidak bertindak sama. Kita berbeza. Jadi, teori-teori ini tidaklah begitu betul.

Jadi kita harap biarlah kita mendepani dalam penyelidikan dan tidak hanya menunggu semuanya datang dari barat dan kemudian mengikut mereka dari belakang. *Maybe* inilah makna kita cakap apabila kita membuat penyelidikan ini mestilah relevan kepada rakyat kita sendiri.

Saya ingat piramid makanan kita itu pun sekarang ini sudah banyak soalan tentangnya. Kalau ikut piramid makanan yang ada dalam negara kita ini, karbohidratnya masih lagi tinggi di bawah, *cereal*, roti, nasi dan sebagainya, sedangkan telah dibuktikan bahawa mikro diet di mana karbohidrat dikurangkan dan protein ditingkatkan itu dapat kontrol, dapat mengawal berat badan. Jadi ini adalah maklumat-maklumat yang perlu diberi kepada rakyat.

Akhir sekali, saya membawa satu aduan mengenai pakaian jururawat. Setahu kita dan setahu sayalah, pakaian jururawat di hospital kerajaan sudah menerima penutupan aurat untuk jururawat wanita Muslim. Baru-baru ini, ada seorang calon jururawat di *Damai Hospital*. Ini aduan daripada *Damai Hospital*. Semasa *interview*, beliau bertanya tentang kod pakaian dan tidak pula disyaratkan bahawa dia perlu memakai baju lengan pendek sebagai seorang jururawat tetapi setelah bekerja, maka syarat ini dikenakan kepadanya dan dia hendak diberhentikan. Jadi kes ini sedang diperhatikan atau telah dibawa oleh PPIM.

Jadi saya ingin mengetahui, apakah standardnya? Adakah menjadi halangan kepada kementerian dalam bidang kesihatan bahawa jururawat mesti memakai baju lengan pendek? Ada masa dan ketika kita memakai baju lengan panjang. Jadi mestilah mengikut kesesuaiannya. Saya rasa kalau jururawat setakat bekerja *out patient*, pesakit luar, menjaga pesakit dalam wad kecuali dia hendak buat prosedur-prosedur tertentu, mereka memahaminya apa harus dilakukan. Jadi saya minta panduan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih atas peluang yang diberikan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Jawatankuasa.]***

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu.

6.59 ptg.

Dato' Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara yang ingin ditimbulkan untuk mendapat penjelasan daripada kementerian di

bawah B.42 Butiran 020000 - Kesihatan Awam khususnya Butiran 020300 – Kawalan Penyakit yang pada tahun 2016 diperuntukkan lebih daripada RM650 juta.

■1900

Jadi kawalan penyakit yang khususnya ialah berkaitan dengan penyakit bawaan bakteria dan sebagainya iaitu denggi. Denggi ini macam menjadi wabak yang sehingga kini saya minta penjelasan sejauh mana keadaan denggi di negara kita pada ketika ini dan apakah jumlah kes kematian yang terlibat pada tahun ini yang melibatkan denggi. Jadi, adakah kementerian dan menjumpai atau menemui bagaimana kawalan yang *permanent* yang boleh kita dapat atasi isu denggi yang berulang-ulang pada setiap tahun ini.

Saya tahu kementerian sudah melaksanakan pelbagai ikhtiar dan program termasuk program COMBI bersama-sama dengan masyarakat. Akan tetapi ini tidak dapat mengatasi sepenuhnya isu yang berkaitan dengan wabak denggi ini. Jadi saya mohon penjelasan daripada kementerian apakah sudah ada kaedah terkini dan vaksin terbaru dan mutakhir tentang kawalan penyakit denggi ini.

Seterusnya Kepala 03000 iaitu Perubatan khususnya Butiran 030400 - Rawatan Penyakit Dalam yang diperuntukkan lebih daripada RM889 juta. Jadi ini khususnya di kawasan di hospital di kawasan Parlimen Jelevu di mana memang betul hospital ini tidak dapat hospital baru tetapi kita perlukan rawatan pakar yang lebih kerap harus dapat disusun supaya kes-kes yang dirujuk kepada hospital daerah ini dapat menjelaskan dan diagnosis pesakit-pesakit dengan segera kerana di Hospital Jelevu ini kebanyakan doktornya ialah doktor-doktor baru yang tamat pengajian dan selesai *housemanship*. Jadi mereka kadang-kadang menahan pesakit dan tidak berani membuat keputusan untuk menghantar pesakit ini ke Seremban untuk dirujuk kepada pakar. Jadi menyebabkan mengambil masa dan sehinggalah kadang-kadang ada kes di mana keluarga mengambil keputusan untuk menghantar keluarga mereka ke hospital pakar untuk mencari alternatif ataupun mengesahkan apa bentuk.

Akan tetapi apabila dihantar hospital pakar mereka dapat menemui penyakit itu yang sebenar dan dapat merawat. Akan tetapi kalau di Hospital Jelevu dia tahan begitu lama dan tidak dapat. Jadi sebab itu walaupun tidak dapat hospital baru tetapi harus mempunyai peralatan-peralatan yang terkini dan doktor pakar yang boleh datang merawat lebih kerap pada Hospital Jelevu ini. Seterusnya ialah perkara Butiran 020000 di bawah Kesihatan Awam juga, khususnya Butiran 020400 iaitu Pendidikan Kesihatan.

Isunya ialah saya mahukan penjelasan daripada Menteri sejauh mana Program KOSPEN yang ini juga merupakan *endorse*. punya program yang membawa kejayaan kepada program untuk menyedarkan masyarakat supaya bertanggungjawab dan bersama-sama mengenal pasti penyakit daripada awal. Ini khususnya penyakit yang tidak berjangkit ini iaitu penyakit yang disebabkan oleh tabiat makan, gaya hidup dan sebagainya ini dan KOSPEN yang dilancarkan, diperkenalkan oleh kementerian khususnya oleh Menteri, sejauh mana ia membantu dan sejauh mana ia dapat memberi sumbangan kepada usaha kerajaan untuk mengatasi penyakit-penyakit yang tidak berjangkit ini. Hal ini kerana saya tengok kadang-kadang KOSPEN di kampung ini

cuma bergerak ketika ada perasmian ada aktiviti yang disusun. Saya khuatir jika selepas itu tidak ada.

Jadi saya mahukan penjelasan daripada kementerian sejauh mana dan sebanyak manakah kampung yang ada yang sudah dijayakan KOSPEN ini dengan program *endorse*. bersama KEMAS dan sebagainya itu khususnya di kawasan saya di Jelebu. Berapa yang sudah ditubuhkan, berapa yang aktif, dan jumlah perbelanjaan yang sudah dibelanjakan di kawasan berkenaan.

Seterusnya Butiran 030000 berkaitan dengan perubatan juga iaitu Butiran 031500 iaitu Nefrologi. RM295 juta diperuntukkan. Ini kes kegagalan buah pinggang. Jadi trendnya saya mahu minta penjelasan daripada kementerian bagaimana keadaan trend sakit buah pinggang ini dan sebanyak mana pusat-pusat hemodialisis yang disediakan oleh kerajaan dan sebanyak mana pula yang disediakan oleh swasta. Jadi jumlah kerusi yang ada dan rawatan apakah ia mencukupi pada ketika ini dan bagaimana kos-kos rawatan yang biasanya dapat diperolehi oleh rakyat bagi menjalani rawatan dialisis ini kerana kosnya sangat besar dan berpanjangan. Satu minggu pun kena buat tiga empat kali dialisis berjam-jam dan kosnya beratus-ratus. Jadi saya minta penjelasan Kementerian Menteri berkaitan dengan isu penyakit buah bimbang berkaitan dengan khidmat yang diberikan oleh hospital kerajaan dan juga hospital swasta.

Akhir sekali Tuan Pengerusi ialah berkaitan dengan perkara "P" 42 00300 Kemudahan Hospital. Ini sudah saya sebutkan sedikit, saya hendak minta penjelasan berapa banyak kemudahan hospital yang direncanakan untuk Hospital Jelebu pada tahun 2016, kerana di bawah kemudahan hospital ini diperuntukkan lebih daripada RM473 juta. Jadi itu sahaja yang saya mahu kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri untuk mendapat penjelasan dan saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr.Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kulai.

7.07 mlm

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh tentang Butiran 010000 - Pengurusan. Isu pertama yang saya ingin sentuh pada hari ini adalah tentang klinik kesihatan dan juga hospital di Kulai. Saya rasa Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai mula beroperasi pada tahun 1995. Pada tahun 2004 Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai telah menampung pesakit seramai 42,000 orang. Pada tahun 2014 tahun lalu pesakit yang dijaga oleh Hospital Kulai telah meningkat kepada 100,000 orang. Jadi memang ini sudah menjadi satu- memang katil hospital tidak cukup, doktor pun tidak cukup, jururawat pun tidak cukup. Jadi saya memang harap bahawa Kementerian Kesihatan Menteri Kesihatan bolehlah mempertimbangkan permintaan saya untuk menaiktarafkan Hospital Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai supaya boleh memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk-penduduk di kawasan Kulai. Selain daripada itu saya rasa klinik kesihatan di kawasan Kulai juga tidak berapa cukup.

Sekarang Kulai ada dua buah klinik kesihatan, tetapi penduduk di kawasan daerah Kulai adalah seramai 260,000 orang. Akan tetapi di seluruh Johor kita ada 97 buah klinik dan jumlah penduduk di Johor adalah sebanyak 3.5 juta orang. Kalau ikut pengiraan, sepatutnya lebih kurang 39 ribu orang penduduk sepatutnya dapat sebuah klinik kesihatan. Jadi sekarang Kulai ada 260,000 orang penduduk. Sepatutnya kita ada lebih kurang enam tujuh buah klinik kesihatan. Saya tidak meminta Kementerian Kesihatan untuk membina begitu banyak untuk Kulai, tetapi saya harap pada tempoh masa yang akan datang ini sekurang-kurangnya kita bolehlah meningkatkan bilangan klinik kesihatan di Kulai tambah satu atau dua lagi.

■1910

Selain daripada itu saya hendak sentuh tentang isu pakaian kod etika pakaian apabila pergi ke hospital. Saya rasa Yang Berhormat Pengerang iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam sebuah jawapan beliau bertarikh 4 November, beliau telah menyatakan bahawa ketika ini tiada kod etika pakaian yang khusus untuk orang-orang awam yang berurusan dengan pejabat kerajaan. Hanya penjawat awam tertakluk kepada etika berpakaian yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, orang awam boleh memakai pakaian yang bersesuaian selari dengan adat dan nilai ketimuran ketika berurusan di pejabat kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan tetap memberi layanan kepada orang awam yang memakai pakaian yang kurang sesuai.

Saya memang amat setuju dengan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pengerang, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi malangnya sudah beberapa insiden berlaku di Klinik Kesihatan Kulai dan juga di Hospital Kulai. Satu insiden berlaku pada bulan Jun yang lalu. Ada seorang perempuan demam, pergi ke Klinik Kesihatan di Saling tetapi oleh sebab beliau pakai seluar pendek, beliau diminta untuk balik rumah, tukar pakaian dahulu dan barulah balik ke klinik untuk mendapatkan rawatan. Pada awal bulan November ini juga ada berlaku satu insiden di mana seorang ibu bawa anaknya yang hanya berumur satu tahun lebih. Anaknya potong jarinya (*finger*). Jadi, pergi ke Klinik Kesihatan Saling, Klinik Kesihatan Inderapura dan selepas semua tidak memberi rawatan kepadanya kerana dia berpakaian seluar pendek. Akhirnya, pergi ke bahagian kecemasan di Hospital Kulai, juga diminta pakai sarung untuk tutup kakinya. Saya rasa- saya memang tahu bahawa sebenarnya pengarah kesihatan daripada Kementerian Kesihatan apabila satu-satu insiden seperti ini berlaku di Hospital Sungai Buloh telah keluarkan satu kenyataan bahawa...

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Kulai, laluan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Sekejap ya, sekejap. Keluarkan satu kenyataan bahawa orang awam yang walaupun digalakkan berpakaian yang bersesuaian tetapi kalau mereka tidak berpakaian bersesuaian, mereka masih dibenarkan untuk masuk ke hospital. Akan tetapi saya rasa masalah ini berulang-ulang kali berlaku. Jadi, saya harap, saya mintalah perhatian daripada Yang Berhormat Menteri mungkin boleh keluarkan satu memo kepada semua klinik dan juga hospital kerajaan untuk memastikan bahawa kesihatan pesakit-pesakit atau pun orang awam ini terjaga. Ya, sila.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat Kulai, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat Kulai tadi tentang etika pakaian. Sebagaimana yang Yang Berhormat Kulai beritahu awal-awal tadi bahawa kita sebagai ketimuran ini, kita menjaga adab-adab ketimuran kita. Jadi, soalan saya, kalau kita pakai seluar pendek, perempuan pakai seluar pendek, adakah itu menandakan ia sifat-sifat ketimuran? Jika tidak, itu sifat kebaratan yang tidak senonoh di kalangan masyarakat. Kalau pergi ke hospital, tempat awam atau di mana-mana pun, dia akan menarik perhatian dan menunjukkan bahawa dia tidak menjaga adab-adab ketimuran. Bagaimanakah pendapat Yang Berhormat Kulai? Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Sebenarnya saya rasa siapa yang cakap bahawa adab ketimuran tidak boleh berpakaian seluar pendek? Saya rasa kita negara tropika. Kita negara tropika. Di kampung saya, di kawasan saya, ramai orang yang keluar dengan seluar yang pendek. Jadi, siapa yang cakap bahawa ini pakai seluar pendek keluar untuk makan, untuk pergi *shopping*, ini satu adat ketimuran. Itu saya yang tidak faham.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kulai, sikit boleh?

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya yang tidak faham. Saya faham bahawa masyarakat kita...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Kulai, seminit sahaja.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Sekejap, sekejap, sekejap. Sekejap. Saya faham bahawa dalam masyarakat kita, kita ada pelbagai budaya dan adab tetapi kita perlu saling menghormati. Kita tidak boleh cakap bahawa oleh sebab ini satu adab untuk kaum Muslim untuk tutup aurat, jadi semua orang perlu tutup aurat di tempat awam.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Saya rasa ini yang saya hendak *stresskan* di sini dan terutamanya apabila kita cakap tentang pesakit-pesakit yang minta rawatan di hospital. Adakah berpakaian sesuai lebih penting ataupun kesihatan orang ramai ini lebih penting. Ya.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Kulai dan terima kasih Tuan Pengerusi. Saya sudah kerja jadi doktor dekat 30 tahun. Saya tidak pernah lagi tengok dalam keadaan kecemasan ini orang tanya aurat. Dalam keadaan kecemasan ini, jari putus, orang tidak tanya ini aurat tutup atau tidak tutup. Saya tidak pernah dengar. Saya tidak tahu sejauh mana kebenaran. Kalau itu dari hospital kerajaan, sejauh mana kebenarannya. Kalau ada kebenaran, kita hendak tahu *detail*. Doktor mana yang cakap macam ini? Dalam keadaan kecemasan, orang tidak tanya sudah aurat atau tidak aurat. Apa yang ada sahajalah. Kecemasan ini. Jari putus.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Lualan. Lualan sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Gudang.

Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Kulai. Saya hendak beri sedikit persoalan kepada Yang Berhormat Kulai. Sama ada Yang Berhormat Kulai setuju atau tidak dengan keadaan ini.

Begini, Yang Berhormat Kulai. Ada ketikanya dalam waktu sekarang ini kita banyak sibuk dengan satu permasalahan *sexual harassment*, dengan izin. Andai kata dengan berpakaian yang seluar pendek ini saya biasa nampak seluar yang sangat pendeklah. Andai kata kalaulah ketika itu sama ada doktor yang memberi rawatan sama ada lelaki secara tidak sengaja tersentuh dan dijadikan isu, bagaimana, Yang Berhormat Kulai? Jadi, kita ada perkara berpakaian sebegitu mungkin untuk mengelak masalah akan datang tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat Kulai. Kalau kecemasan, saya rasa tidak ada doktor yang akan menolak. Terima kasih Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Nik Mazlan Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Lualan.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Masa pun tidak cukup. Saya hendak tegaskan di sini, insiden ini juga sudah dilaporkan kepada Pengarah Hospital Kulai. Jadi, kalau hendak butiran, saya boleh kasi nantilah kerana sekarang hendak jimatkan masa. Saya hendak cakap di sini bahawa bukan doktor yang tanya kenapa tidak berpakaian sopan tetapi jururawat-jururawat. Jadi, saya tidak mahu sebut nama di sini kerana di sini saya bukan hendak tuding jari tetapi yang lebih penting saya hendak hantar mesej ini. Ya, kita boleh cakap bahawa kita boleh menggalakkan orang ramai untuk berpakaian sopan tetapi kesihatan seseorang pesakit itu adalah lebih penting. Isu yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Gudang saya rasa senang untuk diatasi kerana di hospital, bukan sahaja seorang doktor dengan pesakit itu. Kita ada jururawat-jururawat lagi. Kalau berpakaian sopan, kalau ia hendak jadi satu isu pun akan berlaku lagi. Jadi, saya rasa tidak perlulah kita cakap oleh sebab kita hendak mengelakkan situasi *sexual harassment* ini atau bagaimana. Jadi, kita paksa semua pelawat atau pesakit untuk berpakaian sopan.

Akhirnya, saya hanya hendak sentuh sedikit tentang Laporan Ketua Audit Negara 2014 yang baru dibentangkan di Parlimen ini. Saya rasa dalam laporan ini telah sentuh tentang projek naik taraf Hospital Batu Pahat di mana penemuan Audit ini mendapati bahawa pelantikan kontraktor yang tidak berpengalaman menjejaskan tempoh penyediaan projek dan kualiti pembinaan. Bukan itu sahaja, apabila projek naik taraf ini disiapkan, ada lif pesakit yang saiz dan ruang lifnya tidak sesuai. Katil pesakit tidak boleh masuk. Jadi, saya rasa apabila saya baca laporan ini, saya rasa cukup menyakitkan hati. Jadi, saya hendak tahu apa status sekarang dan bagaimana Kementerian Kesihatan akan memastikan bahawa insiden yang disebut dalam Laporan Ketua Audit ini tidak akan berlaku lagi.

Akhirnya, saya di sini hendak merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang Berhormat Menteri kerana pada minggu lalu ayah saya masuk hospital dan dapat bantuan dari Yang Berhormat Menteri. Jadi, di sini yang hanya hendak ambil peluang ini untuk merakamkan ribuan terima kasih saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1920

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ramai doktor bangun. Kira kanan ya. Tidak apalah, saya jemput Yang Berhormat Kota Samarahan.

7.20 mlm.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya akan merujuk kepada Butiran 00600 – Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan. Tuan Pengerusi, saya sering mengutarakan tentang kemudahan penambahbaikan, kemudahan kesihatan di kawasan saya khususnya klinik kesihatan di Kota Samarahan. Hari ini saya ingin hendak bertanya pada pihak kementerian ada tidak rancangan untuk meningkatkan ataupun menambah baik bangunan Klinik Kota Samarahan memandangkan klinik ini terlampau sempit, perkhidmatan yang diberi banyak, jumlah kakitangan, jumlah pegawai dan juga jumlah pesakit ataupun pesakit-pesakit melebihi 600 orang sehari. Saya merasakan pihak kementerian perlu memberi keutamaan memandangkan Hospital Samarahan diberi *priority* yang rendah dalam pembinaan baru dan kita mengharapkan agar pihak kementerian mengambil kira untuk meningkatkan ataupun menambah baik ataupun menaik taraf bangunan Klinik Kota Samarahan.

Tuan Pengerusi, butiran kedua yang saya hendak bawa ialah Butiran 00904 – Pejabat dan Jabatan Kesihatan. Di sini juga saya ingin hendak bertanya kepada Kementerian Kesihatan ada tidak rancangan untuk membuat bangunan baru untuk pejabat dan Jabatan Kesihatan bagi bahagian Samarahan. Pada masa ini pejabat dan Jabatan Kesihatan Samarahan berkongsi menumpang di Klinik Kesihatan Samarahan yang mana ia merupakan salah satu sebab mengapa klinik berkenaan sesak, kecil dan tidak dapat menampung keperluan semasa pada hari ini.

Kita merasakan pejabat ini perlu diberi keselesaan, kemudahan bagi memberi perkhidmatan yang terbaik kepada pengurusan dan pentadbiran kesihatan bagi bahagian Samarahan dan kita melihat penjumlahan peningkatan kakitangan, peningkatan doktor dan juga peningkatan pihak pengurusan tidak mendapat ruang yang baik dalam usaha meningkatkan kesihatan di Kota Samarahan.

Seterusnya Butiran 00901 berkaitan dengan Kemudahan Kwarters Luar Bandar. Di sini juga saya ingin hendak bertanya kepada Kementerian Kesihatan ada atau tidak rancangan untuk menambah, meningkatkan jumlah kuarters untuk pegawai-pegawai kesihatan, kakitangan-kakitangan kesihatan di Kota Samarahan. Masa ini ada satu blok saja dan jumlah kakitangan kesihatan agak ramai dan kebanyakan mereka menyewa rumah-rumah di kampung dan juga menyewa rumah di kawasan Kuching dan ini telah menyebabkan masalah-masalah dari sudut perkhidmatan ataupun memberi perkhidmatan khususnya di luar waktu pejabat dan salah satu isu utama yang sedang menjadi perhatian di kawasan saya ialah isu berkaitan dengan rawatan masa kecemasan khususnya waktu pejabat yang mana tidak dapat dilaksanakan di Klinik Samarahan tetapi dihantar ke hospital jantung di Kota Samarahan. Salah satu sebabnya kerana pegawai dan

kakitangan khasnya doktor tidak duduk di Samarahan, duduk di Kuching kerana kekangan kuarters dan keadaan kuarters yang kurang mengizinkan.

Tuan Pengerusi, isu yang terakhir yang saya ingin hendak kemukakan di sini adalah Butiran 080000 – Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Di sini saya hendak mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan yang telah pun banyak menyediakan program-program ataupun promosi-promosi kesihatan di peringkat bahagian khasnya di luar bandar dan secara keseluruhannya program-program ini telah banyak memberi kesedaran dan juga telah banyak memberi tanggungjawab bersama tentang kepentingan kesihatan antara pihak kementerian dan juga orang ramai.

Salah satu program yang telah mendapat perhatian, telah mendapat sambutan yang amat baik di peringkat luar bandar ialah KOSPEN. Satu program NBOS antara Kementerian Kesihatan dan juga Jabatan KEMAS yang mana diadakan di peringkat kampung-kampung di mana banyak sukarelawan kesihatan, badan-badan diwujudkan, diberi latihan, diberi kemahiran dalam mengenal pasti tahap kesihatan penduduk-penduduk di kawasan masing-masing.

Apa yang ingin saya timbulkan di sini ialah dari sudut kaedah pelaksanaannya. Biasanya apabila diluluskan sesebuah kampung, sesebuah NGO dalam KOSPEN, latihan dan *training* kemahiran akan dibuat, akan dilaksanakan. Namun begitu latihan dan kemahiran ini agak sukar dilaksanakan jika peralatan untuk pemeriksaan kesihatan dan juga perubatan kesihatan tidak dibekalkan secepat mungkin kepada NGO ataupun badan-badan yang terlibat dalam KOSPEN ini. Kawasan saya lebih 35 buah kampung terlibat dalam KOSPEN dan rata-rata menyatakan bantuan dari sudut bahan-bahan pemeriksaan dan perubatan kesihatan lambat diterima. Ada yang hampir 1 tahun. Hilang sudah kemahiran untuk menggunakan peralatan perubatan berkenaan dan kita terpaksa membuat latihan semula kepada badan NGO yang terlibat dalam KOSPEN tersebut.

Oleh itu saya mohon kepada pihak kementerian untuk melihat isu, perkara ini memandangkan kepentingannya kepada masyarakat, kepentingannya kepada penduduk dalam usaha kita untuk memastikan tahap kesihatan, tahap pemakanan di kawasan luar bandar ini lebih lancar, teratur dan apa yang penting dapat memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada rakyat. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput.

7.27 mlm.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertamanya saya hendak bawa empat perkara. Satu ialah di bawah Butiran 020300 – Kawalan Penyakit di mana masalah penyakit tibi telah timbul balik di Malaysia di mana 1999 kita ada 10,000 kes tahun itu tetapi tahun lalu kita ada lebih kurang 25,000 kes dan satu antara sebabnya ialah kita ada 6 juta orang pekerja asing yang datang daripada negara-negara di mana kadar tibi di situ tinggi sangat. *So they bring it to us.* Dalam ini saya kecewalah, baca dalam *The Star*, 26

Oktober bahawa *medical fee* untuk *non-citizen* akan ditingkatkan 70% dan juga dalam artikel itu dikatakan kementerian adakan dapat RM40 juta hingga RM50 juta daripada kadar ini.

Akan tetapi kita tahu daripada levi yang kita *charge* tahun lalu, kita dapat RM2.1 bilion. Berapa kali lebih. So, jika perlu kita dapat dana daripada pekerja asing, tingkatkan lebih sikit, 5%. Kalau 5% *you* akan dapat RM100 juta. Lebih daripada apa *you* akan kutip. Ini akan cukup kerana saya ingat apa yang penting ini untuk tibi ya, saya dulu *chest physician* saya pernah rawat tibi. Yang penting dalam tibi ialah *early diagnosis, early treatment*. Itu yang penting sekali. Jika kita *charge* mereka, kita halau mereka, kita takutkan mereka, tibi akan merebak. So saya haraplah, ini saya sudah bawa beberapa kali tapi nampaknya kementerian amat *recalcitrant*, dengan izin. So, saya haraplah ini bukan satu isu yang begitu besar. Tidak akan bankrap dekat negara, kita *charge* mereka. *You* pakai kadar dalam levi dia.

Nombor dua, Butiran 032200 – Farmasi dan...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Kulai Yang Berhormat?

Puan Teo Nie Ching [Kulai: Kulai]: Satu minit saja.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Hendak tumpang satu isu sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak sentuh, tentang dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Pekan menyatakan bahawa sejak tahun depan *full medical charges on non-citizen*.

■1930

Isu yang saya risau di sini selain daripada pekerja asing juga tentang kanak-kanak yang tidak ada kewarganegaraan. Ramai kanak-kanak yang tidak ada kewarganegaraan di negara kita. Salah seorang ibu bapa mereka adalah warga Malaysia tetapi oleh sebab ibu bapa mereka tidak mendaftar perkahwinan mereka, jadi mereka menjadi anak *stateless children*, dengan izin. Jadi saya rasa kalau polisi ini dilaksanakan pada tahun yang akan datang, bagaimana tentang kesihatan *stateless children* ini? Saya rasa kesihatan mereka akan terjejas. Jadi saya minta...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Tidak ada kena-mengena dengan tibi yang sedang dibahas.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya, tetapi dia tanya tentang pekerja asing. Jadi hendak tumpang sedikit. Terima kasih.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Okey, saya harap Menteri akan jawab soalan dia. Butiran tentang farmasi dan bekalan di mana RM2 bilion diperuntukkan. Adakah kementerian sedar TPPA ini boleh melanjutkan paten 40 tahun kerana apabila kita tengok artikel 18-37, dikatakan *pattern to build subject matter*. Klausula 2 mengatakan, "*Each party confirms the patterns are available for inventions new users of a known product. New users of a known product*". Jadi ertinya daripada sekarang jika saya seorang yang membuat ubat-ubat dan saya tahu ubat ini boleh dipakai untuk tiga jenis penyakit, saya hanya akan kemukakan dua bila saya pohon paten yang pertama. Pada tahun 18 ataupun 19 bila paten dah habis, saya bawa yang

ketiga itu cakap ini untuk *new use*. Ini dimasukkan di dalam kita punya *agreement*, so kita kena terima. Jadi, saya ingat ini amat bahaya untuk kita. Ini 20 akan jadi 40 dan lepas itu kita kena *ration* untuk pesakit kita. Saya harap kementerian nampak ini.

Isu ketiga yang saya bawa ialah di bawah Butiran 010400 – Perancangan Tenaga Manusia dan Latihan, di mana saya rasa perlu kita ada kursus latihan untuk doktor-doktor yang jadi anggota panel PERKESO kerana di dalam PERKESO ada hilang upaya sementara (HUS). Bila seseorang tercedera, dia dapat MC, dia dapat pampasan, dia dapat 80% daripada gaji dia selama dia dalam MC. Bila dia dirujuk kepada jemaah doktor dan untuk hilang upaya kekal, HUS itu dihentikan. Saya ada satu kes di Sungai Siput, Saraswathy Arumugam yang pergi Kuala Kangsar. Kemalangan pada September 2014. Pada Julai 2015 dia buat *refashioning of stump* untuk *index finger* dia. Hari kemudiannya dia pergi ke SOCSO, dia rujuk ke jemaah doktor *on the 30 July, the day next day* dan dia diberikan HUK sebanyak 2%.

Masalahnya apabila dia diberi HUK 2%, MCnya selepas itu untuk *refashioning* dapat MC sebulan, dia tidak akan dapat apa-apa. Jadi saya ingat doktor tidak faham. Dia ada *option* untuk tangguhkan HUK itu, boleh dikatakan dia baru pergi *operation*, tunggu sampai dia sembuh, tunggu sampai MC habis, selepas itu kita tengok HUK tetapi doktor itu teruskan. Selepas itu HUS tidak boleh lagi *diclaim*. Jadi saya haraplah kerana PERKESO ini ada bawa beberapa kebaikan untuk kita tetapi jika doktor kita menjadi penghalang pada dia *it's quite sad* lah.

Last sekali saya hendak bawa ialah Butiran 032400 – Rawatan Kardiorasik. Saya mahu tanya apa yang berlaku pada perjanjian hantar kanak-kanak yang memerlukan pembedahan jantung ke Hospital Narayana Hrudayalaya di Bangalore. Saya difahamkan ada satu perjanjian yang dibuat pada 2008 tetapi untuk lima tahun yang lalu tidak ada sesiapa yang dihantar. Pada masa yang sama kita punya *waiting list* yang ada kanak-kanak dalam ICU kita yang tunggu untuk pembedahan, mereka masih *waiting*. So, saya harap kita boleh tahu apa yang berlaku pada perjanjian ini.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Ya, saya hendak tumpang tadi tentang penyakit tibi di kawasan Petaling Jaya Selatan. Di mana saya terima banyak aduan terutama pegawai-pegawai doktor di PPUM, Universiti Hospital di mana kes tibi ini semakin bertambah dan bilangannya semakin bertambah setiap tahun. Ini terutamanya daripada pekerja asing yang datang ke Malaysia terutama orang Bangladesh yang banyak di Petaling Jaya Selatan. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, berapakah pertambahan kes tibi ini di PPUM? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, ada lagi? Yang Berhormat Lipis.

7.35 mlm.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang membenarkan saya untuk turut serta dalam Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya pergi kepada Butiran 010200 – Sumber Manusia. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kesihatan yang telah meluluskan bajet yang agak besar kepada kawasan saya di Parlimen Lipis iaitu sebuah bangunan yang baru siap bernilai hampir RM100 juta. Dalam pengumuman bajet yang lalu, satu lagi tambahan hospital iaitu sebanyak RM60 juta dalam pembinaan sekarang. *[Disampuk]*

Persoalannya, saya pergi kepada sumber manusia kerana hospital ini merupakan hospital pakar yang ketiga terbesar di negeri Pahang. Di kesempatan ini, saya ingin menyatakan bahawasanya ia menjadi pusat rujukan bagi hospital di Pahang Barat iaitu Raub dan Bentong. Perkara inilah yang perlu saya bangkitkan kerana terdapat kekurangan kakitangan pegawai di hospital di dalam kawasan saya ini. Apa yang perlu saya mohon adalah pakar perubatan satu tambahan, pakar sakit puan satu tambahan, pakar bius satu, pakar kanak-kanak satu. Inilah kekurangan yang ada di hospital saya. Hospital ini merupakan sebuah hospital yang cukup gah, cukup cantik, cukup baik sekali tetapi kalau tidak dilengkapi dengan pegawai-pegawai perubatan ini, maka ia hanya menjadi gah sahaja, menjadi satu bangunan yang besar tetapi tidak dapat berfungsi dengan sepenuhnya.

Oleh sebab itu saya merujuk kepada perkara tersebut, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kos rawatan penduduk Lipis itu sendiri yang mana hari ini terpaksa dihantar ke Temerloh, dihantar ke Kuala Lumpur, dihantar ke Kuantan yang memakan belanja yang besar khususnya kepada pesakit itu sendiri. Pesakit-pesakit ini kadang-kadang merupakan pesakit yang jauh di pedalaman yang merupakan orang susah. Jadi apabila terpaksa menghantar ke kawasan sedemikian rupa, maka ia melibatkan perbelanjaan yang besar.

Dalam hal ini juga, sekurang-kurangnya Hospital Lipis ini dapat membantu kesesakan di hospital-hospital yang saya nyatakan, dapat membantu Raub, dapat membantu Jerantut, dapat membantu Gua Musang dan mungkin persekitaran dengan kawasan di dalam Parlimen Lipis ini sendiri. Kita juga dalam proses akan memperoleh sebuah peralatan *CT scan* sebab itu kita perlukan pakar lebih ditambahkan dalam kawasan hospital saya. Kemudahan sangat baik sekali, mempunyai katil 168 buah, ICU ada enam buah katil, NICU ada empat buah katil, dewan bedah ada tiga buah katil. Jadi sebab itu kita memerlukan pakar-pakar tersebut. Kemudian saya hendak beralih kepada Butiran 00400 iaitu pembinaan hospital baru.

■1940

Hospital baru ini bukanlah maksud saya hospital besar. Saya ingat juga perlu memberi kepentingan kepada klinik-klinik desa, klinik kesihatan ibu dan anak luar bandar bagi memudahkan penduduk di luar bandar. Saya nyatakan tadi hospital kita besar tetapi kawasan saya Parlimen Lipis yang sering saya nyatakan sangat besar, lebih kurang besar daripada negeri Melaka, jarak antara satu tempat ke satu tempat yang agak jauh, sebab itu saya mohon supaya ditambah baik klinik-klinik desa bagi penduduk-penduduk kampung. Kalau boleh, bagi tambah rawatan. Biasanya klinik kesihatan ibu dan anak ini hanya membuat pemeriksaan ibu yang

mengandung. Kita hendak supaya ditambahkan boleh merawat pesakit-pesakit darah tinggi, kencing manis dan lain-lain penyakit.

Saya pergi kepada Butiran 00901 – Kemudahan Kuarters Luar Bandar. Sebenarnya kenapa saya perlu mohon kuarters ini ialah kerana di Lipis kekurangan rumah. Kebiasaan penduduk Lipis membeli rumah adalah untuk diduduki sendiri. Maka, mereka ini yang datang dari jauh menjadi pakar di hospital, menjadi pekerja-pekerja hospital amat sukar untuk mendapatkan sewa rumah. Permohonan saya supaya disegerakan kemudahan kuarters luar bandar dan juga lain-lain kemudahan yang harus diberikan di kawasan hospital yang saya nyatakan cukup gah dan besar itu termasuklah kawasan *parking* yang agak berkurangan.

Saya tertarik dengan apa yang dinyatakan oleh rakan-rakan sebentar tadi dan saya hendak pergi kepada tajuk lain iaitu Butiran 040300 – Penyelidikan. Hari ini semua orang digemparkan dengan perkataan *vape* iaitu rokok elektronik yang mana telah diberikan tugas kepada Kementerian Kesihatan untuk mengkaji, membuat penyelidikan bagi memastikan bahawasanya rokok yang dikatakan bahaya iaitu *e-cigarette* ataupun *vape* ataupun *vaping* dalam kempen-kempen kita buat masa ini.

Saya dimaklumkan baru-baru ini, serbuan dibuat oleh Kementerian Kesihatan tetapi oleh kerana tidak ada kajian tertentu, kita terpaksa pulangkan kembali, kita terpaksa pulangkan *flavour* tidak silap saya dinamakan *flavour* iaitu bahan pembakar di dalam *vape*. Bukan *vape* yang kita rampas, kita rampas *flavour*nya. Jadi terpaksa dipulangkan kembali disebabkan kita tidak ada akta, tidak ada satu kajian yang menyeluruh.

Jadi dalam soal ini, saya mohon supaya dalam suasana yang kita tidak tahu sama ada bahaya ataupun tidak bahaya- dia ada positif dan negatif. Kalau kita berkumpul menanyakan kepada pengguna *vape*, mereka kata tidak ada bahaya langsung *vape* ini tapi kalau kita tanya bukan perokok, dia kata bahaya sama ada rokok ataupun *vape* adalah bahaya. Jadi dalam soal ini, peruntukan yang diberikan saya melihat agak besar anggaran untuk penyelidikan, kita seharusnya melakukan kajian menyeluruh dalam hal ini.

Saya sempat juga melihat beberapa kajian terutamanya yang dibahaskan adalah kehadiran *formaldehyde* di dalam *vape* yang dikatakan membahayakan kesihatan yang mana *chemical* ini adalah *chemical* yang digunakan untuk awet, kalau tidak silap sayalah. Saya pandang kepada sebelah kiri ini ramai doktor. Guna untuk awet dan boleh menyebabkan penyakit pening kepala ataupun boleh pengsan.

Jadi saya mohon supaya kajian ini menyeluruh kerana di dalam *New England Journal Medicine*, dia kata pembakaran ini lima volt yang berbahaya tetapi lima volt pula dinafikan oleh Dr. Farsalinos Konstantinos daripada Greece mengatakan tidak ada orang boleh menyedut volt yang melebihi lima kekuatannya.

Jadi ini yang saya katakan kita perlu membuat kajian dalam hal ini. Kita sudah ada peruntukan kajian, ia sudah menjadi satu isu besar dan anak-anak muda telah menggunakannya dan ada yang mengatakan mereka dapat mengurangkan menghisap rokok. Kalau kos dahulu mereka menghisap rokok RM500 ke RM600, sekarang turun RM100 lebih.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Boleh sedikit?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Fasal ini *vape* dengan rokok ini penting.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya ingat isu besar, Tuan Pengerusi, saya bagilah sebab doktor hendak bercakap.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Lipis, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang hendak jawab nanti doktor juga, Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Ini tanpa kajian sebab saya dengar tadi Yang Berhormat Lipis kata tidak ada kajian dibuat lagi dan benda ini agak baru. Akan tetapi pada asasnya, seluruh paru-paru kita ini untuk kita sedut adalah udara yang bersih. Tanpa kajian. Kalau masuk asap jerebu, dia jadi rosak. Kalau masuk asap-asap lain pun dia punya itu akan jadi rosak, dia tidak akan jadi baik. Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat Lipis lah, kalau masuk selain daripada udara oksigen yang baik ataupun masuk asap *vape* itu yang disedut, agak-agak jadi baik atau jadi rosak?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Tuan Pengerusi, jawapan saya mudah sahaja kepada persoalan daripada Yang Berhormat Bagan Serai ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dia pancing itu. Dia doktor itu, Yang Berhormat. Dia doktor, dia pancing Yang Berhormat Lipis sahaja itu.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Jawapannya mudah sahaja. Kalau hendak haram *vape* ini, haramkan rokok juga. Haramkan rokok, haramkan semua yang keluar asap ini. Kita haramkan juga jerebu yang datang ke Malaysia ini. Kita haramkan sekali. Lori yang bawa berat tan keluar asap banyak itu pun kita haramkan juga. Jadi semua benda kita haramkan, selamat semua orang dalam Malaysia ini, orang dalam dunia ini semua selamat. Kita haramkan semua.

Sebab, senang sahaja, Tuan Pengerusi, *flavour* ini boleh dijual di farmasi. Kenapa boleh dijual di farmasi? Maksudnya menunjukkan benda ini selamat. Kalau haram, tidak boleh. Macam rokok, dia tak payah jual dekat farmasi, dia boleh jual dekat mana-mana.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskanlah Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Hendak habis sebenarnya, Tuan Pengerusi. Isu hendak habis tetapi maksudnya, itulah saya katakan yang haram-haram ini termasuklah *liquor* dan sebagainya, kita haramkan semua. Jadi senang doktor-doktor tidak payah hendak buat kerja termasuklah lori yang keluar asap banyak itu pun kita haramkan juga di atas jalan raya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Seputeh. Tidak ada masa dah. Habis masa dah. Duduk, Yang Berhormat. Habiskan, Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Okey, saya sudah habis, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kalau habis duduklah.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Saya merakamkan ucapan terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya terpandang Yang Berhormat Parit Sulong.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

7.48 mlm.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dalam peraturan mesyuarat, yang terpandang dahulu oleh Tuan Yang di-Pertua. Itu pun hendak marah, itu pun nak dipertikaikan. Tak bolehlah.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey, okey, tidak apa, saya nanti lambatlah pula. Saya hendak sentuh Butiran 110200 – Perluasan Program Kesihatan Awam. Saya hendak memuji inisiatif yang dibuat oleh pihak kementerian dalam menubuhkan KOSPEN yang saya kira merupakan transformasi perkhidmatan kesihatan awam dalam usaha untuk meningkatkan mutu kesihatan rakyat Malaysia.

Jadi, ada beberapa perkara yang saya hendak utarakan, beberapa soalan kepada pihak kementerian. Pertamanya, sejak ditubuhkan pada tahun 2013, saya hendak tahu berapa ramai sukarelawan yang telah menyertai KOSPEN ini dan daripada jumlah tersebut, berapakah daripada kawasan Parlimen Parit Sulong?

Seterusnya saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah langkah-langkah proaktif yang dirangka oleh kementerian dalam usaha untuk menambah lagi penglibatan sukarelawan KOSPEN ini? Ini kerana saya tengok mana yang sudah tubuh itu sangat bagus sebab ia boleh bergerak dari satu tempat ke satu tempat dalam meningkatkan tahap kesedaran dan juga *awareness* dalam kalangan masyarakat tentang kesihatan masyarakat setempat.

Seterusnya soalan saya adalah saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian mengenai keberkesanan program KOSPEN ini terutamanya di kawasan luar bandar dan juga pinggir bandar seperti di kawasan Parlimen Parit Sulong. Saya juga hendak bertanya kepada pihak kementerian, apakah jenis bantuan dan juga mungkin dana daripada pihak kerajaan yang diberikan kepada KOSPEN-KOSPEN yang ditubuhkan ini?

■1950

Adakah apa yang dilakukan ini dapat mencapai hasrat kerajaan untuk memastikan semua kampung ini kemudiannya akan ditubuhkan satu KOSPEN. Saya tengok ia ada sedikit kerjasama dengan pihak KEMAS jadinya sehubungan dengan itu saya hendak bertanya kepada

pihak kementerian sama ada kementerian juga berhasrat untuk mewujudkan satu kerjasama dengan agensi-agensi lain ataupun dengan NGO-NGO tempatan. Sekiranya ada, bilakah ia akan dilaksanakan?

Seterusnya bagi Maksud Pembangunan 42 Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar. Anggarannya adalah lebih kurang RM152 juta tetapi masih ada lagi kawasan luar bandar yang mempunyai kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan ini. Mungkin disebabkan jarak mereka yang agak jauh dari bandar dan juga mungkin kos perubatan yang mungkin agak tinggi. Jadinya saya hendak bertanya saya terus menjurus kepada klinik kesihatan di kawasan saya iaitu di kawasan yang sangat padat Klinik Kesihatan pekan Parit Sulong itu sendiri.

Di mana saya dapati bahawa terlampau ramai telah pergi ke sana dan mungkin disebabkan terlampau ramai maka ia menjadi ramai yang beratur. Saya tengok masih ada lagi kekurangan daripada segi *facility* seperti ambulans sampai satu ketika mereka bertanyakan kepada saya sama ada mereka boleh menggunakan ambulans saya iaitu pusat khidmat sebab pusat khidmat saya pun ada ambulans. Jadinya...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ada siren Yang Berhormat?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Oh!

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Saya punya ada, sudah memang ada. Walau bagaimanapun saya kira adalah penting untuk pihak kementerian sendiri untuk membantu pusat atau klinik kesihatan di pekan Parit Sulong itu sendiri. Ini sebab itu adalah tempat tumpuan di mana kadang-kadang daripada Bakri pun datang dekat tempat saya. Ini Ahli Parlimen Bakri ini selalu menumpang tempat saya. Jadinya penduduk di kawasan Parlimen Bakri juga datang tempat saya. Jadi perlu untuk ditambah *facility* seperti ini bagi membolehkan lebih ramai. Kalau satu sahaja ambulans memang tidak cukup, kalau ada kemalangan satu pergi Daerah Batu Pahat dia akan ambil masa setengah jam. Lepas itu sekiranya ada lagi yang lain dia tidak sempat hendak balik untuk ambil yang lain. Saya harap ia dapat dipertimbangkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri itu sendiri. Mungkin boleh dimasukkan dalam bajet tahun hadapan. Itu sahajalah pertanyaan saya dan saya harap ianya dapat pertimbangan pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Gopeng.

7.13 mlm.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bahas isu belanjawan Kementerian Kesihatan di peringkat Jawatankuasa khususnya berkenaan dengan Penguatkuasaan Farmasi – B.060300. Seperti mana yang diberi ucapan oleh Yang Berhormat Lipis tadi berkenaan dengan rokok elektronik dan *vape*. Seperti mana yang kita tahu kementerian telah tubuhkan satu Jawatankuasa *Vape* untuk menyekat kegunaan dan penjualan pengedaran perisa *vape* ini khususnya di farmasi dan juga oleh pengamal perubatan. Kalau kita lihat dalam

isu ini kita lihat di negara-negara luar ada tiga pendekatan untuk menangani rokok elektronik ini. Pertama ada sesetengah negara yang melarang 100%, ada setengah yang tidak ada halangan langsung iaitu bebas untuk digunakan dan ada sesetengah negara yang membiarkan dia guna tetapi dengan sekatan yang tertentu.

Kalau kita lihat mereka yang melarang 100% cuma 25 negara sahaja iaitu 85% daripada seluruh dunia tidak melarang 100%. Kalau kita lihat kepada kegunaan elektronik, *e-cigarette* ini kuasa yang digunakan oleh kementerian adalah di bawah Akta Racun 1952 kuasa di mana digunakan untuk kawal selia pengedaran dan penjualan nikotin. Juga kuasa di bawah fasal 36 Akta Makanan 1983 yang memberi kuasa untuk mengawal selia berkenaan dengan bahan tembakau dan rokok.

Akan tetapi kalau kita lihat memang terbukti rokok itu jauh lebih bahaya kalau banding dengan rokok elektronik, ini bukti. Kenapa kita gunakan misalnya Akta Racun 1952 untuk rokok elektronik tetapi kita tidak guna pakai Akta Racun 1952 untuk rokok biasa. Ini sebab setiap rokok biasa mengandungi lebih kurang dua miligram nikotin. Kalau kita guna pakai Akta Racun 1952 yang sama sepatutnya rokok biasa tidak boleh dijual di kedai runcit, tidak boleh dijual di restoran, tidak boleh dijual di 7Eleven.

Jadi kenapa kita guna *double standard* dalam hal ini di mana rokok elektronik satu standard dan rokok biasa satu standard. Manakala kita tahu bahawa rokok biasa jauh lebih bahaya daripada rokok elektronik. Kita memang tahu ada rokok elektronik ini ada masalah penagihan (*addiction*) khususnya di kalangan remaja. Kita juga tahu bahawa undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi untuk mengawal promosi daripada segi promosi, daripada segi pengedaran dan penjualan rokok elektronik di kalangan remaja, di kalangan ibu mengandung dan di kalangan orang awam. Kita juga tahu bahawa kita yang sedia ada kita tidak ada sebarang undang-undang untuk mengawal perisa *vape*, cecair *vape* yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Lipis tadi.

Di dalam *vape* itu tidak ada undang-undang yang kita boleh ambil tindakan. Jadi apabila kementerian rampas perisa *vape* tersebut terpaksa pulang balik kerana apabila tidak dapat kandungan nikotin Akta Racun 1952 tidak boleh dipakai. Jadi terpaksa pulangkan kepada mereka yang jual cecair *vape* tersebut.

Jadi saranan saya, cadangan saya kita seharusnya mengkaji semula kedua-dua akta ini Akta Makanan 1983 dan Akta Racun 1952 kerana khususnya akta makanan yang digunakan untuk mengawal selia hasil tembakau tidak kena tempatnya. Ini sebab *this is Food Act* makanan bukan tembakau. So, yang kedua kita harus adakan satu akta baru yang komprehensif untuk mengawal selia hasil tembakau rokok dan juga rokok elektronik. Di mana akta-akta tersebut untuk rokok elektronik seharusnya mengandungi pertama mesti mengehadkan daripada segi promosi, daripada segi pasaran rokok elektronik supaya tidak dijual kepada kaum remaja. Kedua mesti ada *labeling* untuk perisa *vape* tersebut supaya kandungan-kandungan dalam perisa *vape* itu tersenarai. Apabila kandungan itu tidak betul kerajaan boleh ambil tindakan, penguat kuasa boleh ambil tindakan serta-merta.

Patut botol perisa *vape* itu patut ada *labeling* untuk melarang remaja untuk gunakan *vape* tersebut dan juga larangan terhadap ibu yang mengandung. Saya rasa dari segi *container* perisa *vape* itu mesti jenis *child proof* di mana kanak-kanak tidak akan telan *vape* tersebut kerana ini mungkin membawa maut. Jadi dalam isu ini saya rasa prinsip yang utama dalam menangani isu rokok elektronik ini adalah pertama kerana rokok biasa jauh lebih bahaya daripada rokok elektronik. Sebarang tindakan yang kita ambil tidak sepatutnya lebih dahsyat daripada tindakan yang kita ambil daripada kita menyekat rokok. *The action we take against* dengan izin *is cigarette cannot be more drastic the action we take against smoking*. Kalau kita hendak melarang *vape* ini, rokok elektronik ini kita sepatutnya melarang rokok biasa sama sekali.

■2000

Saya ada dua isu pendek lagi berkenaan dengan Butiran 080000 – Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Ini khususnya bahawa berkenaan dengan kolesterol. Baru sahaja kita dapati bahawa dalam kajian retrospektif dan sebagainya bahawa kolesterol dalam makanan tidak ada kaitan dengan sakit koronari dan sebagainya. Ini khususnya nasihat daripada FDA daripada Amerika Syarikat. Memandangkan fakta ini, adakah kementerian khususnya dalam *medical practices guidelines* dalam promosi daripada segi pemakanan akan mengkaji semula daripada segi nasihat terhadap bab ini. Yang satu lagi perkara yang terakhir, 020000 - Kesihatan Awam. Ini sebab pagi tadi saya pernah bangkitkan soal isu pelalian HPV, cuma soalan yang spesifik yang ingin saya dapatkan iaitu setakat ini setiap tahun berapakah perbelanjaan di bawah kementerian untuk pelalian HPV ini? Secara spesifik, berapakah peserta yang menerima pelalian tersebut? Jadi, sekian sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

8.01 mlm.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Pengerusi. 040300 - Penyelidikan dan 040400 - Perancangan dan juga 00104 - *Outsourcing*. Khususnya hari ini Tuan Pengerusi, saya hendak bangkitkan mengenai *hard liquor* Lebih kurang satu setengah tahun dahulu, Yang Berhormat Menteri telah mempelawa kita untuk berjumpa dan mengadakan satu persidangan atau perjumpaan di mana khususnya kita telah berbincang di mana macam mana mahu kawal *cheap and hard liquor* di mana *contents of liquor* sangat tinggi. Saya sendiri memberi pandangan memandangkan saya dari estet di mana ramai di antara keluarga, kawan dan ramai masyarakat yang terlibat dalam perkara ini. Saya ingin memberi pandangan saya sedikit yang saya dapat daripada beberapa NGO.

Pada tahun 70-an sehingga awal 80-an, arak haram ataupun samsu haram telah menjadi satu masalah sosial yang sangat serius di negara kita. Masyarakat telah mendapat kesan langsung daripada masalah arak haram ini. Walau bagaimanapun kerajaan telah meluluskan satu rang undang-undang yang mengharamkan pembuatan samsu haram ini. Selepas pengharaman pembuatan samsu haram, lebih banyak pengilang telah diberi lesen oleh kerajaan untuk membuat arak.

Sehingga kini terdapat lebih kurang 200 jenis arak yang berharga murah di pasaran. *Example*, harga semurah RM1.70 sebotol iaitu lebih murah daripada sebungkus milo ais, *cheaper than milo ice you can get hard liquor, easily available*. Harga lebih murah daripada *mineral water*. Harga murah arak yang dibotolkan ini telah menyebabkan ianya terdapat sangat murah di pasaran dan lebih banyak orang telah menjadi penagih kepada arak murah ini. Walau bagaimanapun, harganya murah tetapi kandungan alkohol adalah lebih daripada 25%, ada 70%, 60%. Inilah saya telah beritahu kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya sendiri ada pengalaman, saya sudah minum. Saya ada kawan-kawan yang minum dan *the content of alcohol is so high, it is so corrosive, it's so dangerous* dan ini adalah diberi kebenaran oleh kementerian untuk dipasarkan di seluruh negara.

Selain daripada masalah kesihatan, pelbagai masalah sosial juga berpunca daripada ketagihan arak murah ini. Harganya yang sangat murah dan ketiadaan satu garis panduan yang ketat telah menyebabkan lebih ramai rakyat Malaysia terjerumus ke dalam gejala penagihan arak ini. Satu pergerakan membanteras arak murah Malaysia ditubuhkan untuk membawa satu kesedaran. Antara langkah-langkah dalam perancangan pergerakan ini adalah untuk membawa perubahan di tahap PBT dahulu di mana kawalan yang lebih ketat ke atas premis-premis yang berlesen menjual arak.

Daripada segi aspek masa jualan dan syarat-syarat lain berkaitan. Satu langkah besar yang kami harap dilaksanakan ialah penetapan harga minimum ke atas arak murah ini supaya harganya menjadi mahal, supaya gejala arak murah langsung hilang dari pasaran. Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan ingin menjadikan ketum sebagai dadah berbahaya kerana ada budak sekolah yang mencampurkan air ketum dengan *CocaCola* dan minumannya. Bagaimana pula dengan pelajar-pelajar sekolah yang mencampurkan arak murah seperti *orange vodka, apple vodka* dan *Sarsi vodka* dalam *CocaCola* dan meminumnya? Harga arak murah sebegitu semakin hari semakin menurun. Kenapa pula tindakan tidak diambil? NGO atau pergerakan membanteras arak ini telah mengesyorkan tujuh tuntutan kepada kerajaan:

- (i) Penjualan semua jenis arak kecuali bir di bawah isi kandungan 750ml patut diharamkan;
- (ii) Harga minimum bagi penjualan semua jenis arak kecuali bir harus ditetapkan pada sekurang-kurangnya *above market price* RM30;
- (iii) Kerajaan harus menubuhkan pusat-pusat pemulihan pengagihan arak di seluruh negara sekurang-kurangnya satu pusat pemulihan di setiap negeri;
- (iv) Syarat-syarat lesen arak di bawah Akta Eksais 1976 harus dipinda bagi menetapkan penjualan runcit semula jenis arak kecuali bir harus bermula tidak awal daripada pukul 10 pagi dan harus berhenti tidak lewat daripada pukul 8 malam;

Saya sendiri Tuan Pengerusi, ada nampak ramai di antara penagih, *severe alcoholics* yang pergi ke kedai-kedai, pagi pukul 4-5, *wake them up*. Ini semua *social problem* yang kerajaan tahu, Menteri tahu, *we are all from the same stock*. Jadi, tindakan- *you must leave a legacy in your ministry before you go, you must do something with that effect before you go to a better ministry, that's what I meant, with respect*:

- (v) Amaran bergambar kesihatan akibat pengambilan arak harus dipamerkan pada setiap botol arak; dan

Lagi satu adalah perbincangan di mana kita kata penjualan arak atau bir pun, *the consumption shouldn't be done in public*. Undang-undang yang sedia ada diguna pakai di UK dan sebagainya. Saya sendiri telah memberitahu kepada Menteri, 30 tahun di London semasa saya belajar, *this undang-undang sudah sedia ada*:

- (vi) Satu akta baru untuk mengawal pengambilan arak di tempat awam harus diluluskan.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: [Bangun].

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh bangun, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Puteh.

Dato' Dr. Nik Mazian Nik Mohamad [Pasir Puteh]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Saya ingin bertanya sedikit tentang arak ini. Jika kita haramkan arak yang murah, maka itu akan menyebabkan banyaknya arak-arak yang haram. Oleh kerana *the demand is there*. Jadi, kalau mereka tidak boleh membeli yang mahal, mereka akan buat yang murah. Itu kita menggalakkan yang haram, samsu-samsu yang haram. Itu lagi bahaya kerana kita tahu yang haram ini kadang-kadang *containing alcohol* yang boleh membunuh.

Akan tetapi yang murah ini mungkin dikawal, maka dia isi alkohol sahaja, dia hanya memabukkan dan tidak membunuh. Adakah kita hendak menggalakkan orang yang kaya sahaja untuk minum sedangkan orang yang miskin pun hendak minum juga. Itu tidak adil, bagi saya tidak adil. Jadi, orang yang miskin pun hendak minum juga, jadi kita tidak boleh sekat harga yang murah.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat Ipoh Barat, boleh habiskan Yang Berhormat ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, itu pandangan Yang Berhormat. Orang kaya dan orang miskin, saya tak tahu. Saya rasa itu untuk Menteri menjawab perkara yang dibangkitkan yang mana Menteri lebih arif dalam perkara ini. Saya hanya tahu perkara di mana *hardcore liquor* yang perlu satu tindakan yang tegas diambil supaya kita boleh menyelamatkan ramai di antara anak-anak kita yang muda yang terlibat. Baru-baru ini satu kedai di Ipoh di mana dikatakan selepas pekerja-pekerja hendak balik, dia datang ke kedai tersebut pohon satu

CocaCola dan masuk arak murah atau *cheap liquor*. Siapa yang *consume*? Bukan sahaja orang India tapi semua bangsa. *That must be control on this effectively*. Lagi satu perkara...

■2010

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, adalah mengenai *medical report*. Menteri, saya hendak memberi satu pandangan. Saya difahamkan bila memohon *medical report* dari hospital mengambil bukan satu bulan, dua bulan, tiga bulan, *four, five, six months*. *In private sector* dalam tempoh tiga hari *you can get it*. *What it's so difficult in government sector?* Ramai yang hantar *insurance claim* terlambat bukan *many-many month*. Satu perkara di Ipoh kerap kali berlaku.

Kedua adalah di mana pohon oleh peguam pun mengambil banyak masa. *As though they are in the world of their own, they need such a long time to reply*. Lepas itu, Tuan Pengerusi dalam *medical report* ada salah pula. *If he in my office, I would sack this kind of doctor*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kerap kali, *simple English, doctor's write* mengambil banyak masa. Saya harap tindakan diambil supaya *there is a time limit*. Macam di pejabat-pejabat peguam dikatakan *48 hours for you to reply a letter*. Macam Timbalan Pendakwa Raya Kevin Anthony Morais pun situasi yang sama juga. Mengambil berbulan-bulan. *Why does it takes such a long time?* Kalau di *private sector*, di *private hospital* sangat senang sahaja. *Within three, four days* sudah siap. Di kementerian Yang Berhormat pun kita pun membayar juga. *Why it takes such a long time? No logic*.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Akhir sekali, adalah *outsourcing*. Saya ada bangkit perkara ini di mana ramai di antara pekerja-pekerja *on contract* dan sebagainya kementerian *outsource* perkara ini dan ramai di antara pekerja mendapat gaji yang teruk, *no continuity*, dan mereka bekerja *long hours*. Ramai di antaranya adalah dari masyarakat yang tidak ada B40 *and below, wife, doctors are working day and night – affects their family*. Kementerian *cannot know this is not happening*. *Very serious*. Saya harap tindakan diambil. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sekijang.

8.12 mlm.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020000 – Kesihatan Awam. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana begitu prihatin kepada rakyat dengan penubuhan klinik 1Malaysia. Namun begitu, buat masa ini semua klinik hanya menempatkan pembantu perubatan. Justeru, saya ingin mencadangkan agar ditempatkan juga pegawai perubatan di klinik-klinik 1Malaysia ini terutama klinik yang berada di kawasan luar bandar serta jauh dari hospital awam.

Selain menempatkan pegawai perubatan, pihak kementerian juga boleh menempatkan doktor-doktor yang sedang menjalankan *housemanship* yang mana mereka dibantu oleh pembantu perubatan sedia ada. Tindakan ini dilihat mampu mengurangkan lambakan graduan

perubatan yang masih belum mendapat penempatan mereka selepas tamat pengajian. Selain boleh menjadikan Klinik 1Malaysia ini sebagai pendedahan awal pada mereka.

Seterusnya untuk Butiran 020600 – Farmasi dan Bekalan Kesihatan Awam. Seperti yang kita semua ketahui Malaysia merupakan negara yang menawarkan perkhidmatan kesihatan yang paling murah di dunia. Hampir 90% caj perubatan dan pembayaran ubat diberikan subsidi oleh pihak kerajaan. Namun masih ramai lagi yang tidak melihat perkara ini sebagai salah satu kaedah kerajaan dalam membelanjakan wang rakyat.

Justeru saya ingin mencadangkan kepada bahagian farmasi di setiap klinik serta hospital kerajaan mengeluarkan resit yang memaparkan jumlah sebenar harga ubat yang diberikan kepada pesakit selepas mereka mendapatkan rawatan terutamanya bagi mereka mendapat rawatan pesakit luar. Selain daripada itu, kaedah ini juga mampu membendung serta menghalang berlakunya ketirisan ubat-ubatan memandangkan cara yang digunakan ketika ini dilihat tidak begitu telus pelaksanaannya.

Seterusnya Butiran 080000 – Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan laporan daripada pihak kementerian tentang peratusan kes ibu bapa menolak pemberian vaksin meningkat di mana ia juga dilihat selari dengan kes penyakit cegahan vaksin terhadap kanak-kanak yang turut sama meningkat. KKM telah menyatakan antara sebab utama ibu bapa menolak pemberian vaksin ini adalah kurangnya kefahaman serta berlaku pengurang keyakinan terhadap vaksin yang disediakan termasuk kononnya ada DNA khinzir di dalam vaksin. Saya berharap pihak lembaga dapat memperuntukkan dana bagi menjalankan kerja-kerja promosi serta hebahan berbentuk penerangan tentang keperluan peri pentingnya vaksin ini terhadap anak kecil.

Terakhir, Butiran 032000 – Pengimejan Diagnostik. Saya mohon jasa baik kepada pihak Menteri...

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pengkalan Chepa bangun Yang Berhormat.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Silakan.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai vaksin Yang Berhormat Sekijang, adakah kesedaran rakyat mengenai kepentingan vaksin itu ataupun kerana ada unsur-unsur lain. Maknanya kempen-kempen anti vaksin yang telah dijalankan dalam negara dan dia mendapat sokongan ataupun diterima oleh rakyat.

Jadi adakah bersetuju bahawa kementerian seharusnya melihat kempen-kempen ini dan seharusnya diambil tindakan pasal kadang-kadang kempen begini diberi ruang di dalam stesen-stesen televisyen dan di majalah-majalah. Silakan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya kira itu perkara yang sama. Mungkin ada kepentingan daripada pihak-pihak tertentu berkaitan dengan isu vaksin ini. Jadi saya minta daripada pihak kementerian supaya dapat memberikan penerangan yang lebih baik lagi terutamanya kepada ibu bapa berkaitan peri pentingnya

pemberian vaksin ini kerana kita tidak hendak ada pihak yang mengambil kesempatan atas hal-hal yang berlaku pada masa ini.

Terakhir Tuan Pengerusi tentang pengimejan diagnostik. Kita lihat dalam bajet ini penambahan sebanyak RM14 juta diberikan. Mohon jasa baik dari Menteri supaya dapat menyediakan mesin *mammogram* untuk Hospital Daerah Segamat kerana kita tahu kosnya lebih kurang RM 3.5 juta hingga RM4 juta untuk mesin ini. Jadi sekurang-kurangnya kalau dapat disediakan mesin ini, beberapa kes yang dimaklumkan berlaku di Daerah Segamat ini tidaklah payah dirujuk hingga ke Daerah Muar sebab jarak antara Segamat dengan Muar ini hampir dua jam kalau jalan tidak *jammed*. Kalau *jammed* mungkin sampai dua jam setengah. Jadi mohon jasa baik dari pihak Menteri supaya dapat menyediakan perkhidmatan mesin *mammogram* ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Rajang. Yang Berhormat, selepas Yang Berhormat Hulu Rajang ini saya akan panggil dua dari belah ini, kemudian Menteri jawab ya. Yang lain itu, minta maaf.

8.17 mlm.

Tuan Wilson Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 00600 – Ubahsuai, Naik Taraf dan Pembaikan. Hospital Kapit adalah hospital yang begitu lama sekali. Jadi saya minta kepada budi bicara Kementerian Kesihatan supaya kalau boleh bina hospital baru. Ini kerana yang sedia ada tidak memadai kerana tiap tahun penduduk bertambah dan sekarang kita ada 134 katil sahaja. Selain daripada itu, kapasiti elektrik daripada 750 ampere kepada 1,200 ampere untuk kemudahan di masa akan datang.

Kedua, Butiran 00300 – Kemudahan Hospital. Hospital Kapit jauh jaraknya. Kalau limpas dari pukul tiga petang tidak boleh ke mana pun untuk membawa pesakit-pesakit melainkan esoknya menggunakan *express boat*. Jadi saya mintalah mesin *dialysis* ditambah. Ini kerana sekarang kita ada empat atau lima. Kalau dua rosak terpaksa mereka itu pergi ke pekan Song dan kos pengangkutan tambah pula penginapan. Jadi ini tidak baik untuk kementerian, jadi saya minta tambahkan mesin *dialysis* dengan lebih banyak.

CT scan dan *ultrasound*, dulu saya minta tetapi belum ada terjadi. Saya minta Timbalan Menteri sudah berjanji supaya melawat Kapit, belum juga. Jadi saya berharap Timbalan Kesihatan datanglah untuk melihat keadaan sendiri. Pergi hospital tengok keadaan hospital betulkah, atau tidak yang telah saya ucapkan Dewan ini.

Ketiga, Butiran 00201 – Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar.

■2020

Yang lain bercakap ambulans, saya ini ambulans di sungai kerana klinik-klinik di luar bandar ini atas sebab Hulu Rejang tidak ada jalan sepenuhnya. Jadi kita menggunakan *speed boat* sebagai ambulans. Jadi sekarang *speed boat* rosak, motor juga rosak. Jadi saya mintalah kalau boleh memberikan *speed boat* dengan motor 85 hp kepada Klinik Nanga Entawau, Klinik Nanga Gaat dan Klinik Nanga Merirai, Klinik Punan Bah, Belaga. Jadi mereka memerlukan

ambulans *speed boat* ini untuk menghantar pesakit dari hulu ke Hospital Kapit. Jadi perkara ini sangat penting Yang Berhormat Menteri, supaya kita menjaga penduduk kita yang sentiasa bersama kita, menyokong Barisan Nasional. Jadi, bukan macam Yang Berhormat Seputeh, Yang Berhormat Seputeh dia minta tetapi dia tidak sokong bajet. Jadi saya mintalah supaya isu-isu ini dapat diberi perhatian serius.

Butiran 00400 – Hospital baru. Saya tidak merujuk kepada hospital baru tetapi klinik iaitu klinik di Long Busang, dahulu sudah ada tetapi belum dibina. Jadi atas inisiatif saya dengan penduduk-penduduk Long Busang, kita membuat klinik gotong-royong. Jadi, telah dirasmikan oleh Menteri Belia dan Sukan ketika itu. Jadi saya mintalah kalau boleh, buat Klinik Long Busang kerana penduduk di Long Busang kalau hendak pergi ke Bintulu, lapan jam. Hendak pergi ke Kapit, lapan jam. Jadi kita mintalah kemudahan-kemudahan seperti itu dapat dibina di klinik Long Busang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gantang.

8.22 mlm.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Selamat malam, terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak membicarakan berkenaan dengan B.42 Butiran 010400 – Perancangan tenaga Manusia dan Latihan. Saya ingin merujuk kepada kenyataan Presiden Persatuan Perubatan Malaysia Melaka yang menyebut, dia kata ada 1,000 doktor pelatih tidak meneruskan kerjaya sebagai pegawai perubatan kerana masalah penguasaan bahasa Inggeris. Soalan saya adakah benar dakwaan ini? Tidak logik pada saya kerana kebanyakan pembelajaran yang diajar, jadi rujukan kepada doktor-doktor ini ialah dalam bahasa Inggeris.

Kemudian yang keduanya ialah berkenaan dengan waktu doktor pelatih. Berapakah waktu kerja doktor pelatih yang mengikuti *housemanship*? Ini kerana pernah suatu ketika dahulu diberikan satu peraturan iaitu waktu doktor pelatih ini bertugas ialah dahulunya 90 jam kepada 50 jam. Adakah benda ini dipraktikkan? Saya juga hendak bertanya berapa ramai doktor pelatih yang mengikuti *housemanship* tetapi kemudiannya meninggalkan profesion kedokteran ini?

Kemudian B.42 Butiran 031900 – Radioterapi dan Onkologi. Soalan saya ialah hendak bertanya berkenaan dengan berapa satu kelengkapan untuk radioterapi ini? Kalau boleh biarlah setiap negeri itu adanya kelengkapan radioterapi untuk merawat penyakit barah pada hari ini. Ini kerana misal kata di negeri Perak, mereka terpaksa pergi ke Pulau Pinang ataupun ke Kuala Lumpur. Itu pun saya pelik juga kerana ada seorang pengundi di kawasan saya yang membuat radioterapi sebanyak 35 kali. Sepatutnya dia buat di Hospital Pulau Pinang, cuma dia hanya transit duduk di Hospital Pulau Pinang, sebaliknya dia kena berulang-alik ke hospital swasta Mount Miriam. Ini suatu perkara yang pelik, saya hendak minta penjelasan, adakah di Pulau Pinang sendiri tidak ada, sehinggakan terpaksa di *transfer* ke hospital swasta?

Akhir sekali ialah saya hendak minta supaya kementerian mengeluarkan juga satu pekeliling supaya membolehkan kami sebagai Ahli Parlimen ataupun ADUN untuk melawat pesakit-pesakit terutamanya orang yang berada dalam kawasan kami pada bukan waktu-waktu

biasa kerana ini memberikan peluang. Ini kerana kita tidak boleh mengikut jadual yang ada kepada orang ramai memandangkan kita mempunyai jadual-jadual yang lain. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Alor Star.

8.25 mlm.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya amat berterima kasih kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasaan malam ini. Saya ingin menyentuh atas Butiran 020600 – Farmasi dan Bekalan Kesihatan Awam, Butiran 040300 – Penyelidikan dan Butiran 060300 – Penguatkuasaan Farmasi.

Seperti yang telah pun dibangkitkan malam ini oleh beberapa Ahli Parlimen, saya juga ingin menyentuh atas isu *vape* sebab industri *vape* ini di Malaysia sekarang amat besar, mula masuk dalam tahun 2009, industri ini telah pun berkembang menjadi satu industri yang cukup besar. Ada satu *estimate* Tuan Pengerusi, bahawa pasaran *vape* di Malaysia hari ini ataupun dalam tahun 2014 adalah RM2.8 bilion.

Kita juga mengetahui menerusi pelbagai laporan yang kita baca hari ini, Malaysia sekarang mempunyai 1 juta *vapor* di Malaysia iaitu yang kedua terbesar di antarabangsa, *in the world* selepas Amerika Syarikat. Di Malaysia juga kita ada sekarang lebih daripada 1,000 penjual *vape* dan beratus jenis keluaran *flavor* yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat tempatan. Industri *vape* ini telah pun menjadi satu industri yang amat besar dan memerlukan dasar yang teliti dan menyeluruh sekarang di Malaysia. Seperti yang Yang Berhormat Gopeng bawakan tadi, beliau telah pun mengatakan dan bertanya kenapa ada *double standard*? Kalau kita lihat daripada segi rokok, racun atau *toxicity* daripada rokok jauh lebih berbahaya daripada *vape*. Akan tetapi pada masa yang sama, kita melihat ada dua standard, di mana rokok boleh dijual di merata-rata tempat tetapi mengikut pengetahuan saya, *vape* ini, *e-liquids* ini masih ada kekeliruan.

Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan untuk penjelasan iaitu buat masa sekarang adakah *vape* ini hanya boleh dijual oleh farmasi-farmasi sahaja mengikut Akta Racun? Ini kerana ia bercanggah dengan kenyataan Kabinet yang dikeluarkan beberapa hari lalu bahawa kerajaan tidak akan mengharamkan *vape* ataupun jualan *e-liquids* ini. Ini adalah bercanggah. So, saya harap bahawa kerajaan boleh memberi satu penjelasan. Tuan Pengerusi, saya sebelum ini pun seorang perokok, lebih dua puluh tahun. Saya memang tidak boleh berhenti pun dan saya pun telah mencuba pelbagai jenis cara untuk berhenti rokok tetapi tiga bulan lalu saya sendiri telah menggunakan *vape*. Dalam tiga minggu saya sekarang pun henti *vape* dan henti merokok, Tuan Pengerusi. *[Tepuk]*

Jadi, yang saya ingin nyatakan di sini adalah melalui kajian-kajian dan pengalaman peribadi saya, saya percaya bahawa *vape* ini dapat membantu perokok-perokok untuk menghentikan *withdrawal symptom* mereka daripada merokok.

■2030

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Saya sekarang berasa terdapat satu *misconception*, dengan izin di kalangan masyarakat awam bahawa *vape* ini merbahaya. Bila saya mula *vape*, ramai di antara kawan-kawan saya tanya saya, “*Hei, you tahu tidak vape ini sangat cukup merbahaya?*” Saya pun takut dan saya pun baca dan membuat kajian.

Di antara kajian yang telah pun saya dapat tahu adalah kajian daripada *Public Health of England* (PHE) yang dilaporkan di dalam bulan Ogos tahun ini. Mereka telah pun melaksanakan satu kajian *independent* yang diketuai oleh Profesor Ann McNeill daripada *King’s College London* dan Profesor Peter Hajek, *Queen Mary University of London*. Ini adalah hasil dapatan mereka, *headlines*- okey, *key findings* Tuan pengerusi, dengan izin, yang pertama, “*The current best estimate is that e-cigarettes are around 95% less harmful than smoking.*” Lebih kurang 95 peratus lebih tidak bahaya daripada merokok. Seterusnya dinyatakan di sini, *nearly half of the population, 44.8% of United Kingdom population*, tidak sedar bahawa *e-cigarette* ini adalah sangat kurang merbahaya daripada merokok.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa pendapat ini adalah sama juga di Malaysia bahawa kita salah anggap dan salah sangka bahawa *vape* ini adalah merbahaya.

Seterusnya dikatakan di sini, hasil *key findings* mereka, *there is no evidence*, tidak ada bukti langsung bahawa *e-cigarette* adalah bertindak ataupun *acting as a route into smoking for children or non-smokers*. Ini bermaksud tidak ada bukti bahawa *e-cigarette* ini menggalakkan anak-anak untuk merokok selepas *vaping*. Tidak ada.

Itu tidak bermaksud saya bersetuju atau menyokong bahawa *e-vape* atau *e-cigarette* ini boleh digunakan oleh anak-nak muda. Tidak. Apa yang saya tahu dan saya dengar adalah bahawa penjual-penjual *e-cigarette* ini, mereka pun mahu ada kawal selia. Industri ini *need to be regulated* supaya anak-anak muda kita *under 18* tahun tidak boleh merokok dan tidak boleh membeli *vape*. *I mean, we all know* Tuan Pengerusi, kalau kita lihat, kita beli rokok pun dia kata merbahaya, ada gambar kanser, boleh membawa maut tetapi beli juga.

Jadi saya hendak teruskan juga di sini, di dalam kenyataan hasil kajian di sini dinyatakan, “*Most of them who are using the devices to help them quit smoking*”. Seperti saya yang saya telah pun menggunakan *vape* untuk berhenti merokok atau melarang mereka balik untuk merokok. “*It also provides reassurance that very few adults and young people who have never smoked are becoming regular e-cigarette users.*”

Tuan Pengerusi, saya juga ingin melihat...

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: [Bangun]

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: *You* hendak? Ya, boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat, jauh malam sudah kita ini. Merbahaya juga pada kesihatan kalau tidak ada rehat. Sila, sila.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat, saya nampak fenomena *e-vape* ini adalah baru lagi di Malaysia. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, ada atau tidak kerajaan telah melakukan kajian bersama dengan NGO mahupun orang-orang yang terlibat dalam kegiatan *e-vape* ini sebelum membuat sesuatu keputusan? Saya rasa kerajaan, dengan izin, *engage with all the parties which are involve* sebelum membuat sesuatu keputusan dan mesti kenal pasti kebaikan dan keburukan *e-vape* sebelum membuat sesuatu keputusan.

Saya berpendapat bahawa Kementerian Kesihatan telah membuat keputusan terhadap *e-vape* yang tidak berapa konsisten. Sekejap okey, sekejap tidak okey dan sebagainya. Saya menghendaki kementerian membuat kajian secara menyeluruh, *engage with all the relevant parties* sebelum membuat satu keputusan muktamad. Jika pernah berlaku dalam masa yang singkat ini, saya minta kementerian jelaskan dalam jawapan mereka. Terima kasih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih dan saya harap ucapan Yang Berhormat Kapar dimasukkan dalam ucapan saya dan Yang Berhormat Menteri memberi jawapan.

Jadi saya katakan tadi dan saya hendak sambung, *e-cigarette* ini boleh membantu perokok-perokok untuk berhenti merokok. Ada satu *former WHO Director of Tobacco Policy*, dia ada keluarkan satu kenyataan bahawa sebelum tahun 2100, *there will be one billion tobacco related death*.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Alor Star...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: *Vape* ini boleh membantu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Alor Star...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Ya, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masa sudah 10 minit lebih.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Saya akan...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sebenarnya dalam jawatankuasa ini ringkas-ringkas sahaja. Kalau hendak panjang-panjang, di peringkat dasar.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Okey. Saya harap kementerian boleh memberi satu penjelasan apakah dasar *vape* sekarang? Adakah penjual-penjual *vape* atau *e-cigarette* ini boleh menjual *e-cigarette*...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: [Bangun]

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Saya hendak menghabiskan ucapan saya dengan menyatakan bahawa kita harus mendukung dan menyokong anak-anak muda kita yang sedang menjalankan *business* ini yang sekarang menjadi satu industri yang besar. Itu sahaja.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Pengerusi, saya minta mencelah sedikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sudah cukuplah. Dah habis dah, Yang Berhormat. Tadi Tuan Pengerusi telah minta Yang Berhormat Menteri menjawab ya selepas Yang Berhormat Alor Star.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sik? Doktor ini, susah juga ya.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Boleh?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Berapa lama?

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Tiga minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tiga minit.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya dua minit cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah. Mencilah sahajalah. Dua orang, tiga orang, kalau saya benarkan lagi, empat, ramai lagi.

Dr. Mansor bin Haji Abd. Rahman [Sik]: Tiga minit.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sila Yang Berhormat Menteri menjawab. Yang lain mencelah ya. Mencelah bukan perkara yang baru.

8.37 mlm.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu ramai yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan di peringkat jawatankuasa untuk Kementerian Kesihatan.

Oleh kerana perkara-perkara yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat ialah perkara-perkara yang sama atau yang jatuh ke atas tajuk yang sama, saya mencadangkan saya akan memberi jawapan berasaskan kepada topik-topik tertentu yang akan melintasi beberapa cadangan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berlainan khususnya kepada tajuk-tajuk yang lebih umum. Perkara-perkara tertentu khususnya berkaitan dengan projek-projek pembangunan di kawasan-kawasan tertentu akan dijawab secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat secara terus.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada segala pandangan yang diberi. Banyak pandangan yang berkaitan dengan beberapa topik di dalam bidang kesihatan yang telah dibangkitkan. Semuanya akan memberi manfaat kepada pembangunan kesihatan di dalam negara kita. Kementerian Kesihatan akan mengambil iktibar daripada segala teguran dan pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam rancangan kita untuk menambahbaikkan perkhidmatan kesihatan yang tersedia ada supaya ia boleh jadi lebih baik daripada apa yang ada pada masa sekarang.

Akan tetapi pada keseluruhannya apa yang saya mahu menegaskan sebelum saya pergi ke tajuk-tajuk tertentu ialah bahawa walaupun ada sekatan-sekatan tertentu dan kekurangan-kekurangan tertentu yang saya tidak boleh nafikan, tetapi pada keseluruhannya di dalam pentas

antarabangsa dan di dalam perbincangan di mana-mana tempat, rakyat Malaysia boleh berbangga kerana kita mempunyai satu sistem perkhidmatan kesihatan yang begitu baik.

■2040

Ini telah dibuktikan dengan beberapa perkara. Salah satu daripadanya kita ialah salah satu daripada negara yang sudah mencapai apa yang dikatakan *universal health coverage* untuk semua rakyat Malaysia tanpa kira pendapatan mereka. Semua rakyat Malaysia dijanjikan oleh kerajaan mereka ada hak untuk mendapat perkhidmatan kesihatan walaupun saya ada kekurangan-kekurangan tertentu tetapi kalau ini dibandingkan kepada negara-negara yang lain ada banyak negara dalam dunia ini perkara *universal health coverage* ini tidak dicapai.

Ini masih menjadi satu perbincangan yang besar di negara mereka. Akan tetapi di dalam negara kita semua rakyat Malaysia secara prinsip kerajaan sudah memberi janji bahawa siapa yang sakit ada duit kah, tidak ada duit boleh datang ke kemudahan kesihatan di hospital di kementerian di bawah kerajaan dan kita akan memberi menyampaikan perkhidmatan mereka tanpa kira keadaan mereka.

Ini salah satu daripada kelebihan dan ini telah dibuktikan oleh beberapa petanda-petanda yang kita ada contohnya di dalam *maternal mortality rate*, di dalam *internal mortality rate* dan *toddler mortality rate*, semua yang menunjukkan kekurangan dengan masa dan dalam usaha kita untuk mengawal pelbagai jenis penyakit khususnya penyakit berjangkit. Walaupun saya setuju bahawa ada peningkatan tinggi saya akan jelas di dalam penerangan saya.

Akan tetapi pada keseluruhannya kita sudah mencapai pada satu ketika di mana penyakit-penyakit berjangkit sudah dibawa kepada satu keadaan atau satu peratusan yang begitu rendah. Ini semua ialah kejayaan sistem kesihatan kerajaan kita dan tidak ada banyak tempat dalam dunia ini di mana seorang boleh bagi satu ringgit sahaja dan balik dengan ubat yang mungkin harga RM200, RM300 tanpa apa-apa bayaran.

So, ini ialah keistimewaan. So, saya berharap pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat kena lihat kepada sepatutnya penyampaian perkhidmatan kesihatan kita dari sudut itu iaitu daripada kelebihan walaupun kita semua mahu satu perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dan itu yang harapan kita. Saya boleh memahami bahawa tiap-tiap Ahli Parlimen mahu klinik yang lebih banyak di tempat mereka, mahu hospital yang lebih besar di tempat mereka, mahu semua peralatan di dalam hospital yang ada di dalam kawasan mereka. Sebagai Ahli Parlimen yang mewakili hasrat dan penduduk di kawasan pengundi mereka, harapan itu satu harapan yang boleh difahami. Akan tetapi saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri termasuk Beluran dan Kuala Krau ya. Ini TKSU, KSU ada, minta tolong catatkan ini.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima Tuan Pengerusi. Perkara ini telah dikemukakan beberapa hari lalu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Tak dibangkitkan perkara baru ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Jawapan bertulis.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: [Ketawa]

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: So, dengan itu sebagai permulaan biarlah saya pergi ke tajuk-tajuk tertentu.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri sikit Yang Berhormat Menteri. Sikit sahaja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Belum mula lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Pasal hospital sikit sahaja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Belum lagi.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Setengah minit, setengah minit sahaja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nanti, nanti lepas ini.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: *I want to go back.*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Lepas itu lepas ini. Kalau celah sangat sampai esok tak boleh balik.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Sikit sahaja Menteri, sikit sahaja.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Selepas ini. Salah satu daripadanya tajuk yang dibangkitkan ialah tentang keperluan klinik dan keperluan hospital. Senarai yang ada dalam kementerian tentang keperluan untuk membangunkan hospital-hospital baru dan klinik-klinik kesihatan baru begitu banyak. Akan tetapi seperti kita semua baru faham bahawa perkara ini bergantung pada jumlah peruntukan yang diberi. Dan kementerian seberapa banyak yang boleh cuba untuk menunaikan permohonan-permohonan yang diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat melalui mengutamakan keperluan dan memastikan bahawa tiap-tiap tempat di dalam negara kita walaupun kawasan di dalam bandar atau kawasan di luar bandar mempunyai kemudahan-kemudahan kesihatan.

Ini ialah satu proses yang berterusan di dalam Rancangan Malaysia Ke-11 kita telah menyenaraikan beberapa buah hospital yang akan dibina dan usaha akan dibuat untuk menaik tarafkan beberapa buah hospital yang tersedia ada dan menaik taraf klinik-klinik yang tersedia ada supaya perkhidmatan itu boleh dibuat secara lebih baik. Walaupun harapan kita ialah kita boleh membina lebih banyak hospital, tetapi isu kita ialah kekurangan dana yang mencukupi untuk menunaikan segala keperluan. Ya Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma hendak tanya satu sahaja Menteri. Berkaitan dengan dalam bajet yang baru ini memang ada peruntukan untuk hospital di Cyberjaya. Cumanya oleh sebab Cyberjaya dalam Parlimen Sepang saya ingin mencadangkan kalau boleh diambil kira oleh Menteri namakan hospital itu Hospital Sepang, bukan Hospital Cyberjaya supaya rakyat Sepang rasa banggalah. Boleh Menteri?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Ini Yang Berhormat Sepang jangan marah.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang mewakili hasrat pengundi di Sepang, Ahli Yang Berhormat sudah mengeluarkan hasrat itu di Dewan ini terima kasih. Dan...

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Hasrat itu ya.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Itu saya tak jawab dan berterusan dengan perbincangan ini ialah satu isu yang sudah dibangkit tentang TPPA oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Kementerian Kesihatan secara langsung telah mengadakan perjumpaan dengan pihak Jawatankuasa TPPA mahupun di dalam negara kita ataupun di Amerika Syarikat berkaitan dengan isu-isu yang ada berkaitan dengan TPPA dengan ubat dan patensi. Saya berkongsi kerisauan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang adakah paten akan di lanjutkan dan apa kesannya ke atas harga ubat khususnya di dalam pengeluaran ubat generik.

Tetapi sampai sekarang dalam perbincangan kita tiada maklumat yang saya ada tidak ada lanjutan untuk *paten extension* walaupun pada awalnya Amerika Syarikat telah mencadangkan bahawa *paten period* dilanjutkan daripada 20 tahun sampai 25 tahun. Dalam perkara ini Malaysia telah mempunyai satu pendekatan yang tegas bahawa yang kita tidak akan kompromi akan negara ini dan negara-negara yang lain sudah berkongsi pandangan kita. Akibat daripada itu, apa yang sudah berlaku ialah *paten period* itu tidak dilanjutkan walaupun isu yang telah dibangkit saya ingat oleh Gopeng tentang bolehkah paten dilanjutkan oleh apa yang dipanggil untuk *second intention* ini menjadi satu pintu belakang supaya *paten period* itu boleh ditambahkan.

Perkara ini kita akan ambil selepas laporan yang penuh yang telah dikeluarkan dan kita sedang bincang lebih teliti dengan perkara-perkara itu dan supaya ianya boleh diaddress tetapi daripada awalnya kita telah memberi pandangan kita bahawa kita tidak akan memberi apa-apa lanjutan kepada *second indication* lebih daripada apa yang diamalkan di dalam negara Malaysia pada masa sekarang. So itu yang pendirian kita di dalam isu patensi. Ada Ahli-ahli Yang Berhormat telah merujuk kepada ucapan Presiden Obama di dalam negara kita apabila kita lihat kepada macam mana media masa telah meliputi dan melaporkan apa yang dibincang banyak yang telah melaporkan bahawa Presiden Obama sebenarnya cakap harga ubat akan kurang.

Akan tetapi ada satu, dua laporan yang dikeluarkan ada harga akan naik tetapi apa yang dijelaskan dalam ucapan beliau di dalam *press interview* yang diberikan oleh beliau ialah kerana melalui pembuangan tarif yang tersedia ada untuk ubat di dalam beberapa buah negara pada masa sekarang mungkin ini akan memberi peluang supaya syarikat-syarikat akan mendapat persaingan yang lebih sihat. Melalui ini ada kemungkinan ubat yang lebih murah boleh masuk ke dalam negara-negara. Termasuk satu peluang untuk syarikat-syarikat pembuatan ubatan generik di dalam negara kita supaya dengan pasaran yang lebih luas, dengan kapasiti yang lebih luas, mereka boleh mengeluarkan lebih ubat yang lebih banyak dan itu mungkin boleh membawa harga ubat kepada keseluruhannya.

Tetapi saya setuju dengan Ahli-ahli Yang Berhormat ini satu perkara yang memang memerlukan tumpuan yang lebih tinggi daripada pihak kita dan dalam perkara ini Kementerian

Kesihatan, pihak MITI dan pihak Jawatankuasa yang bincang dengan TPPA akan teruskan untuk memberikan tumpuan lebih dalam kepada *the small print* di dalam teks ini untuk memastikan bahawa hak kita sentiasa terjaga di dalam perkara yang berkaitan dengan TPPA supaya pendekatan kita ialah isu TPPA tidak akan mengakibatkan di dalam kenaikan harga ubat.

■2050

Akan tetapi ia membuka ruang supaya syarikat-syarikat yang ada di dalam dunia ini, di 12 buah negara yang menjadi *partners* di dalam TPPA ini, syarikat-syarikat ini melalui persaingan yang lebih sihat, boleh membawa harga ubat kepada satu kaedah yang lebih baik. Satu lagi perkara yang telah dibangkitkan ialah tentang isu sumber manusia, khususnya di dalam doktor pakar. Ini menjadi satu isu yang besar, saya setuju. Pada tahun 2013 pada masa saya menjadi Menteri Kesihatan pada tahun yang pertama, jumlah doktor yang diberi peluang untuk mengikuti latihan kepakaran di dalam sistem *Masters Program* di dalam universiti kita cuma untuk 300 tempat sahaja.

Di dalam tiga, empat tahun ini kita telah menambahkan jumlah itu untuk 1,000 tempat. So, pada tahun yang lalu kita telah menambahkan itu supaya pada tiap-tiap tahun 1,000 orang doktor boleh mengikuti kursus *Masters* di dalam pelbagai jenis bidang. Itu pun tidak mencukupi. Ada bidang-bidang tertentu pemohon begitu banyak tetapi jumlah tempat yang ada di dalam empat-empat universiti yang menyediakan kursus kepakaran ini tidak boleh menampung keperluan. So, untuk memastikan bahawa kita boleh menambahkan peluang ini, kementerian sekarang dengan kerjasama banyak daripada *Royal Colleges* yang ada di dalam United Kingdom, kita telah mengadakan satu kerjasama di antara Kementerian Kesihatan dan *Royal Colleges* untuk mewujudkan saluran yang lain atau apa yang dipanggil *alternate pathway* supaya doktor-doktor kita mempunyai satu saluran yang lain untuk mengikuti kepakaran.

Melalui itu ada banyak doktor yang sekarang kalau contohnya di dalam kepakaran di dalam bidang perubatan contohnya, kalau mereka tidak boleh masuk ke dalam *Masters Program*, mereka boleh memilih untuk mengikuti *the program MRCP*. Melalui itu mereka boleh mendapatkan pengiktirafan sebagai seorang doktor pakar di dalam bidang perubatan. Ini di sokong oleh kementerian di dalam beberapa aspek. Kita memastikan bahawa program itu lebih *structured* dan mereka diberi sokongan daripada cuti, daripada perkara-perkara yang lain supaya lebih doktor boleh mengambil perkara ini. Harapan saya kalau boleh kita boleh tambah supaya kalau 1,000 melalui Program *Masters*, lagi 1,000 melalui *alternate pathway*, 2,000 doktor boleh mengikuti kursus-kursus kepakaran untuk memastikan kita mempunyai pakar yang mencukupi di dalam bidang-bidang yang tertentu. Pada masa sekarang saya ingat secara umum kita memerlukan pakar di dalam semua bidang yang ada dan semua hospital yang ada memang ada kekurangan doktor-doktor pakar. Ini menjadi satu isu dan bukan sahaja bila kementerian memberi latihan dan universiti memberi latihan, mereka yang dilatih untuk mengisi hospital swasta di dalam universiti-universiti tempatan, mereka pun memerlukan tenaga pengajar.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: So, keperluan mereka banyak tetapi proses untuk mengeluarkan mereka yang terhad. Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Pengkalan Chepa.

Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sedikit dalam kepakaran O&G. Saya ingin bertanya kementerian, penglibatan doktor wanita dalam membuat kepakaran O&G adakah mencukupi? Apakah kerajaan mengambil satu pendekatan untuk menawarkan apa-apa insentif kepada golongan wanita untuk menambah ramaikan pakar O&G wanita? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Pada masa sekarang pun *I think* banyak yang membuat pemilihan. Bidang O&G menjadi satu isu yang ada isu-isu lain. Pada tahun yang lalu pun jumlah mereka yang telah memilih untuk mengikuti kursus *Masters* ini tidak begitu banyak seperti tahun-tahun yang dahulu. Ini diakibatkan daripada beberapa perkara yang lain. Salah satu daripada contohnya ialah *medical negligence* dan insurans profesional *indemnity* yang ada terhadap beberapa bidang kepakaran, khususnya di dalam bidang perbidanan. *Medical Protection Society* yang menjadi syarikat di mana banyak daripada doktor-doktor kita mengambil *professional indemnity insurance* baru sudah meningkatkan syarat itu sampai saya ingat lebih kurang RM80,000, RM90,000 dia punya kos insurans untuk satu tahun.

Selain daripada itu, ada perkara-perkara yang lain di mana ada satu klausa baru yang telah dimasukkan di mana mereka sudah bersara pun kena ambil insurans kerana ada kes-kes tertentu, doktor-doktor yang ada di sini tahu, di mana mahkamah telah membuat keputusan bukan sahaja untuk memberi kos *indemnity* untuk perkara yang berlaku pada masa itu, telah atau membuat pengiraan sepanjang umur mereka untuk 20 tahun, 30 tahun dan memberi kos. Ini mempunyai implikasi yang begitu besar. Oleh sebab itu, banyak sekarang yang berfikir dua kali sebelum melibatkan diri di dalam bidang perbidanan. So, dengan mengambil kira perkara ini, kementerian memang sedang berusaha macam mana kita boleh membantu mereka yang mahu memilih bidang ini supaya mereka boleh memilih dengan sokongan. Yang ada kerja di dalam Kementerian Kesihatan tidak ada isu kerana itu ditanggung oleh kerajaan. Akan tetapi bila mereka pergi ke swasta, semasa itu yang menjadi isu kerana masa itu mereka tanggung sendiri.

Bila mereka bersara, ini pun menjadi isu kerana perkara ini boleh mengikut mereka selepas persaraan. Perkara-perkara ini yang diberi tumpuan oleh kementerian untuk memastikan bahawa apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini boleh diberi tumpuan.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Lagi satu perkara yang...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli Yang Berhormat Mersing bangun.

Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak ucapkan tahniah kerana dahulu-dahulu, *far-far from the galaxy* saya pernah duduk di kementerian tersebut. Dahulu, latihan doktor pakar ini ditentukan oleh JPA. Oleh kerana kewibawaan Yang Berhormat Menteri, maka *the numbers* ini diurus sendiri oleh kementerian.

Saya hendak tanya, selain daripada 300 jadi 1,000 tadi, yang paling penting adalah *retaining* tadi. Jadi, saya hendak tahu, masa dahulu lima tahun *compulsary service after post graduate*. Selain daripada *service compulsory*, wajib, ada tidak insentif-insentif lain? Oleh kerana di luar itu, pendapatan doktor pakar dan kepakaran ini 10 kali ganda daripada apa yang biasa mereka dapat di dalam Kementerian Kesihatan. Macam Yang Berhormat Gopeng, dia pakar jantung, dia *classmate* saya tetapi dia belah sana. Apa hendak buat. [Ketawa] Jadi, apakah insentif-insentif yang boleh difikirkan oleh kementerian dan bincangkan balik dengan JPA supaya kita ada *retaining power*. *There's no point*, dengan izin Tuan Pengerusi, kita latih ramai, akhirnya dia keluar macam itu juga. Akhirnya, matlamat kita untuk memberikan pendemokrasian kesihatan ke seluruh negara tidak tercapai.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tempoh selepas *post graduation* itu masih sama tetapi ada cadangan untuk cuba kalau kita boleh mengurangkan tempoh yang ada *pre-post graduate* itu. Selepas itu, tambah lepas *post graduate* supaya *retention* mereka yang mempunyai kepakaran itu boleh dibuat. Selain daripada itu, jawatan jumlah mereka yang ada di dalam JUSA C dan sebagainya sudah ditambahkan dengan masa. Untuk pakar-pakar yang sudah mendapat *seniority* yang mencukupi, mereka telah diberi peluang di dalam hospital-hospital tertentu supaya mereka boleh adakan *trial practice* sedikit di dalam hospital selepas waktu kerja. Kita sedang mengkaji, bolehkah ini dilanjutkan kepada hospital-hospital yang lain iaitu doktor yang bekerja di dalam sistem kementerian, boleh pun ada sedikit *trial practice* untuk menambah pendapatan.

■2100

Bolehkah dengan masa untuk mereka yang sangat senior satu kajian baru yang kita sedang buat, bolehkah mereka kerja mungkin beberapa hari di dalam sistem Kementerian Kesihatan dan beberapa hari dalam sistem swasta. Ini ialah beberapa langkah yang kita buat kerana kalau kementerian untuk menaikkan gaji supaya ia selaras dengan swasta, tidak akan berlaku.

So, ini kena dibuat dengan perkara-perkara yang lain iaitu khususnya dengan mewujudkan iaitu persekitaran pekerjaan yang lebih baik, kepuasan profesional yang lebih tinggi dan kemudahan-kemudahan yang lain supaya mereka yang mempunyai – kerana doktor ada satu peratusan doktor yang mereka mahu kerja di kementerian sahaja. Mereka tidak tertarik dengan apa yang ada di luar...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri. Ada...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Okey, Yang Berhormat Sungai Siput, sila.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan beri peluang kepada doktor kerja di swasta juga, adakah ini wujudkan satu *conflict of interest*. Macam saya tahu di Selayang bila dilakukan di *free*

clinic, private clinic, saya tengok ada masalah. Doktor yang ambil itu kadang-kadang *they* abaikan peranan mereka dalam wad dan doktor yang terus dalam wad ambil itu mereka rasa mereka dibebankan oleh itu. *This is the problem you got to see.*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya faham perkara ini dan daripada teori pun kita sebelum melakukan, ini satu perkara yang membimbangkan kita adakah ini akan berlaku. Ada tempat-tempat tertentu ini tidak jadi masalah. Di Putrajaya, kita tidak ada lihat ini menjadi satu isu.

Akan tetapi saya mengakui kerana sebagai seorang manusia, kita tidak boleh mengetepikan *the human element, the whip* dan ada kemungkinan perkara ini akan berlaku dan kita akan memberi tumpuan kepada perkara ini untuk memastikan bahawa walaupun tujuan kita memang baik supaya kita mahu simpan mereka di dalam sistem Kementerian Kesihatan, tetapi macam mana ini boleh didapati.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya difahamkan bahawa dekat Sarawak ada satu masalah iaitu kita kekurangan kepakaran. Jadi saya mahu minta daripada Yang Berhormat Menteri di mana supaya lebih banyak peluang contohnya, *master program*, lebih banyak peluang supaya kita bagi orang Sarawak untuk menjadikan mereka sebagai seorang doktor pakar.

Dalam satu kes, saya difahamkan bahawa contohnya dalam pakar tulang tahun ini, terdapat lebih kurang 18 ruang, tetapi hanya satu atau dua sahaja murid ataupun doktor dari Sarawak dipilih untuk meneruskan kepakaran dalam kepakaran kedokteran. Jadi saya harap kementerian boleh melihat dalam kes ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang ini jadi satu dasar di dalam kementerian untuk memberi tumpuan kepada mereka yang datang daripada peluang, kepada mereka yang datang daripada Sabah dan Sarawak supaya mereka diberi peluang untuk mendapat kalau ada pemohon daripada situ dan mereka akan diberi peluang.

Akan tetapi apa yang berlaku banyak yang dari Sabah dan Sarawak. Selepas mendapat latihan dan Sabah ini mereka kerja di sini, dia tak mahu balik kepada Sabah dan Sarawak kerana peluang yang ada di sini. Ini menjadi satu isu. Akan tetapi itu tidak menjadi satu halangan untuk kita memilih mereka untuk mendapat tempat-tempat latihan. Yang di belakang, ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Kedah.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Saya akur bahawa kita ada keperluan kepada doktor pakar dan memang ada peranan doktor pakar. Akan tetapi saya juga ada kebimbangan melihat satu fenomena iaitu *super specialization* dengan izin, melahirkan doktor yang kadangkala tidak melihat pesakit itu sebagai pesakit, sebagai satu individu manusia. Dengan izin *a holistic approach* nya tidak ada.

Di *general practice* seperti yang saya lakukan, kita pernah lihat pesakit pergi ke sana sini berjumpa beberapa pakar sedangkan semua kompetennya itu berkaitan. Seorang pesakit

misalannya menjumpai komplikasi daripada psoriasis. Pergi pakar kulit dan dirujuk ke tempat lain, dirujuk ke tempat lain, akhirnya plotnya hilang. *You see the trees but you miss the forest.* Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat, minta pengesahan boleh tidak?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah yang satu, saya berkongsi, saya bersetuju dengan pandangan itu iaitu dalam era *sub-sub special ID* itu, *the general specialist* yang mempunyai keupayaan untuk melihat kepada semua ini sudah kurang. Kalau dibandingkan pada zaman di mana kita diberi latihan di mana seorang doktor boleh memberi rawatan kepada pelbagai jenis bidang yang berlainan dan ini ialah perkembangan, bukan sahaja di dalam negara kita.

Kita telah mengikuti apa yang berlaku di negara-negara yang lain tetapi sekarang tumpuan diberi khususnya daripada awal iaitu daripada *family medicine specialist* yang mereka menjadi *gateway*. Mereka yang menjadi *gateway* ini mereka mempunyai keupayaan kepada lihat daripada semua aspek dan mereka yang dilatih daripada semua bidang dan salah satu daripada kita untuk mengurangkan kos ialah untuk menambahkan jumlah mereka yang ada *family medicine speciality*. Kalau ini boleh dibuat, mereka akan menjadi satu iaitu peringkat tapisan yang begitu berkesan untuk memastikan cuma yang amat memerlukan perkhidmatan *sub specialty* dirujuk kepada doktor-doktor yang *specialist*.

Satu perkara yang lain yang telah dibangkit oleh...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat Menteri, minta pengesahan boleh?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Banyak ahli-ahli Yang Berhormat ialah tentang isu tempat letak kereta di dalam hospital. Banyak hospital tidak mencukupi tempat letak kereta walaupun di dalam Semenanjung...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Yang Berhormat menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Atau di dalam...

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Sebelum itu tentang kepakaran tadi boleh?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Saya minta penjelasan. Yang Berhormat Menteri tadi, jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya bercadang, bolehkah kita adakan syarat supaya mereka yang datang dari Sarawak selepas mereka jadi pakar, mereka mesti bekerja di Sarawak selama dua tahun untuk menangani kekurangan kepakaran. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya terima cadangan itu secara baik. Tempat letak kereta ini menjadi satu isu yang besar kerana kalau contohnya sesuatu hospital mempunyai 500 katil contohnya dan ada 500 orang *patient* yang ada di dalam hospital dan datang sebagai pesakit luar mungkin 300 atau 400 orang pada setiap hari. Kalau 1,000 orang datang dan mereka yang datang untuk melawat mereka ada dua orang atau tiga orang untuk satu orang pesakit, so kita memerlukan sekurang-kurangnya 2,000 atau 3,000 tempat letak kereta untuk

mereka sahaja selain daripada pekerja-pekerja di hospital sekurang-kurangnya 500 atau 600 orang atau lebih daripada itu.

So perkara ini, untuk menyelesaikan ini, satu perkara yang amat susah. Kita telah mencadangkan salah satu perkara yang kita kementerian sedang merancang pada masa sekarang ialah untuk membina seperti apa yang kita sudah bina di Hospital Besar Kuala Lumpur pada masa sekarang ialah satu tempat *parking* bertingkat yang dibina secara swasta dan diuruskan oleh swasta dan mungkin ini satu kaedah yang kita sedang lihat di dalam beberapa hospital yang mempunyai kesesakan yang tinggi untuk memastikan boleh menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi kepada mereka yang datang.

Mengapa isu ini jadi isu? Ini kerana tidak ada tempat yang mencukupi di hospital-hospital tertentu dan berapa banyak tempat letak kereta yang disediakan pun tidak mencukupi dan kerana keperluan ini setiap lama selepas menambah dan untuk itu kita minta supaya mereka yang datang gunakan *car pooling* atau gunakan *public transport system* khususnya mereka yang datang untuk melawat. Kereta dibawa cuma untuk pesakit yang sakit sahaja tetapi walaupun ini menjadi ajaran, tetapi dalam amalan ini satu perkara yang susah untuk diamalkan oleh rakyat kita.

Kerajaan akan mencuba seberapa banyak yang boleh untuk menyelesaikan isu ini dan cara yang kita sedang cuba pada masa sekarang ialah untuk membina tempat *parking* yang bertingkat melalui penswastaan supaya ia boleh diuruskan oleh pihak swasta dan mereka boleh pungut kos *for parking* dan kalau di tempat hospital-hospital tertentu, ini menjadi suatu *viable proposition*. Ini akan diteruskan sebagai satu langkah untuk mengurangkan isu kekurangan tempat letak kereta.

■2110

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada dua yang bangun.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nanti saya habiskan ini lagi satu. Lagi satu perkara yang berkaitan dengan itu ialah kesesakan di hospital iaitu contohnya Hospital Klang yang telah dibangkitkan. Walaupun untuk Hospital Klang kita sedang membina satu blok baru yang tambah lagi 360 katil tetapi isu macam mana kita sedang menyelesaikan ini ialah untuk lihat kepada *the efficiency of system*.

Hospital Klang contohnya pada tahun yang lalu telah melalui satu *lean management system procedure*. Dengan melalui ini kita telah memberi tumpuan kepada *bed management* iaitu contohnya kita telah mengenal pasti kalau doktor semasa *ward round* telah membuat keputusan untuk membuat keputusan bahawa pesakit boleh balik ke rumah tetapi masa yang diambil daripada membuat keputusan sampai masa pesakit balik ke rumah kadang-kadang lima hingga enam jam kerana proses untuk pentadbiran supaya beliau boleh balik itu begitu lama.

Ini bermaksud bahawa katil yang digunakan oleh pesakit itu tidak boleh digunakan oleh pesakit yang lain. Untuk mengatasi itu melalui *lean management system* yang kita telah buat beberapa perubahan. Contoh kita ada *patient waiting lounge* di dalam Hospital Klang di mana kalau mereka nama dipotong selepas masuk, mereka tunggu saudara mereka di satu tempat di

hospital juga dan katil itu boleh digunakan untuk pesakit yang baru untuk memastikan ia boleh digunakan secara lebih optimum dan proses pentadbiran telah dilicinkan supaya perkara ini boleh ditambah baik.

Dengan adanya blok tambahan, saya berharap masalah ini akan kurang dan dari bulan Januari yang akan datang, Hospital Sungai Buloh akan buka untuk menerima pesakit dalam, *inpatient treatment* dan saya berharap ini semua akan mengurangkan kesesakan di hospital itu. Ini satu contoh, macam di hospital-hospital yang lain pun perkara ini dibuat sebagai satu langkah untuk mengurangkan kesesakan ini.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ringkas sahaja Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Blok yang diperkatakan itu saya ingat saya tanya pasal Hospital Tengku Ampuan Rahimah beberapa tahun yang sudah lagi. Blok ini adalah O&G dan adakah ini bermakna semua wad O&G akan dipindahkan kepada blok baru sementara wad lain itu digunakan untuk – *the medical ward are the problem* dan saya harap *they observing* tetapi sampai sekarang belum ada apa-apa perubahan sudah berapa tahun. Terima kasih.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Soalan.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Bercakap tentang kepadatan pesakit yang masuk Hospital Klang, ini bertambah disebabkan oleh pertambahan kawasan-kawasan penduduk terutamanya di bandar Botani, Bukit Tinggi dan Bukit Raja. Semua meningkat di sana. So hendak selaraskan benda ini saya rasa hospital baru perlu dibina seperti kalau cadangan saya setiap kali ada Menteri hadir saya akan cadangkan Hospital Kapar untuk dibina. Kalau hospital Kapar dibina, kita boleh tarik pesakit-pesakit dari Bukit Raja, dari Pekan Kapar, Sementa, Meru dan Sungai Pinang.

Boleh katakan *particular block of patient will transfer into new hospital*. So, saya sudah huluskan bantuan sebelum ini Yang Berhormat Menteri untuk selaraskan pembinaan Hospital Kapar. Setiap kali benda ini kena selaraskan dengan kepadatan penduduk. Saya minta ambil pendapat saya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Saya spesifik kepada Hospital Queen Elizabeth. Tahniah kepada Menteri kerana telah memikirkan beberapa langkah untuk mengatasi kesesakan di perkarangan presint hospital terutama sekali apabila keluarga ada meninggal di hospital itu maka ramai orang datang berkunjung ke hospital. Di situ lah penguat kuasa, polis yang melihat kereta-kereta yang *parking double, triple parking* itu.

Jadi Yang Berhormat Menteri, saya ada kefahaman Menteri sedar bahawa Queens Elizabeth Hospital mempunyai tanah yang ada untuk pembangunan ataupun mewujudkan *multilevel parking*. Saya rasa Menteri pun telah melawat Hospital Queen Elizabeth itu dan kalau itu dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin saya mendahulukan dengan ucapan terima

kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ini agak memerlukan keperluan yang segera dan mendesak sebab beberapa laluan di situ selalu kena blok.

Satu lagi Menteri saya ambil kesempatan ini kerana saya baru menerima SMS daripada seorang Datuk daripada Likas yang mana hospital *women hospital* dan *children hospital* dengan izin di Likas ini memerlukan penyelenggaraan yang *emergency*. Banyak alat yang tidak berfungsi di situ. Lif tidak berfungsi, alat fotostat tidak berfungsi, faks tidak berfungsi. Saya harap Menteri dapat melawat walaupun kawasan ini bukan dalam kawasan saya tetapi kawasan Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Jadi saya harap Menteri dapat melawat hospital ini, ia adalah keperluan mendesak, ada SMS yang saya terima.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya harap juga peraturan mesyuarat juga diikuti dan dipatuhi.

Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin]: Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Pengerusi. Menteri, soalan saya sama juga. Saya mengalu-alukan pembinaan tempat meletak kereta bertingkat seperti yang dicadangkan oleh Menteri. Soalan saya yang pernah saya kemukakan sejak saya dengan Parlimen sejak tahun 2013 iaitu apa yang terjadi kepada tempat meletak kereta bertingkat di Sarawak General Hospital (SGH)? Jawapan yang saya dapat daripada Menteri daripada dahulu, ia sepatutnya mula pada Jun 2014 selepas itu sepatutnya mula pada Jun 2015 tetapi sampai sekarang pun tidak ada apa-apa yang dimulakan. Jadi ini harap Menteri boleh melihat isu ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Saya akan lalu kepada topik yang lain. Ini tentang anti *vaccination* kempen yang ada pada masa sekarang. Soalan telah dibangkitkan tentang berapa peratus masyarakat yang menolak imunisasi atau anti vaksin? Adakah kementerian memantau perkara ini? Kementerian telah buat pemantauan di *facility* kita tentang segelintir ibu bapa yang menolak vaksinasi untuk anak-anak mereka dan data daripada klinik kesihatan menunjukkan kes yang menolak vaksin di kalangan ibu bapa meningkat daripada 470 orang pada tahun 2013 sampai lebih kurang 1,054 orang pada tahun ini.

Lanjutan dengan ini terdapat *trend* peningkatan kes beberapa penyakit cegahan vaksin dalam tempoh tiga atau lima tahun di negara kita. Contohnya, bilangan kes *measles* meningkat daripada 235 kes pada tahun 2014 kepada 800 kes pada tahun ini, penyakit *pertussis* atau *whooping cough* bertambah daripada 497 kes pada tahun 2014 kepada 798 kes pada tahun ini. Akan tetapi peningkatan kes ini walaupun isu vaksin ini boleh jadi satu perkara tetapi kita juga menghadapi warga asing yang begitu ramai yang tidak melalui sistem imunisasi kita. Mereka pun boleh menjadi satu punca untuk meningkatkan jumlah kes yang ada di dalam negara kita khususnya di negeri Sabah di mana warga asing masuk dan keluar daripada sempadan itu tanpa apa-apa kawalan. Ini menjadi satu risiko kepada pelbagai jenis penyakit.

Kementerian telah meningkatkan beberapa strategi untuk menangani isu ini seperti melalui media masa, elektronik media, seminar, forum dan sebagainya. Kita memang memandang

perkara ini secara serius dan telah menyediakan garis panduan kepada pakar-pakar perbidanan untuk memaklumkan kepada anggota mereka mengenai perkara-perkara ini supaya mereka boleh memastikan bahawa ini boleh dikawal.

■2120

Pada awalnya, ia mula *concern* dengan *autism* yang disebabkan oleh satu *chemical* yang ada di dalam vaksin tetapi ini tidak dibuktikan. Selepas itu ia berkaitan dengan adakah vaksin itu halal atau tidak walaupun kebanyakan daripada vaksin yang digunakan di dalam negara kita halal. Di dalam kes-kes tertentu, penjelasan diberi kepada mereka mengenai kebaikan dari segi kesihatan.

Akan tetapi, ini adalah satu perkara yang kita akan usahakan untuk memastikan bahawa mesej yang betul akan sampai kepada rakyat pada keseluruhannya. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat pun boleh memberi sokongan kepada kementerian di dalam hal ini supaya rakyat boleh lihat kepada kebaikan untuk program imunisasi kita kerana kita mempunyai satu sistem vaksinasi yang begitu efektif kerana ia sampai kepada lebih daripada 98 atau 99 peratus daripada penduduk kita. Memang kasihan kalau usaha itu tidak berjaya kerana ada segelintir orang yang mempunyai pandangan dan persepsi yang salah dan akibat daripada itu, satu jumlah rakyat Malaysia yang lebih luas menjadi mangsa kepada itu.

Sebagai satu lanjutan kepada perkara ini ialah tentang dua lagi isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Raja juga tentang trend-trend baru iaitu *home birth* dan cara-cara yang lain. Memang saya setuju bahawa *unassisted birth* mempunyai risiko yang tinggi dan saya setuju dengan pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Kota Raja bahawa di negara-negara yang lain ada pusat-pusat tertentu di mana ada bidan-bidan yang telah mendapat latihan yang mencukupi, risiko ini boleh dikurangkan, mereka boleh digalakkan untuk membuat *delivery* di tempat-tempat itu. Akan tetapi kalau ia dibuat di rumah, contohnya suami yang buat kepada isteri dan tiada orang lain yang telah mendapat latihan, memang ini mempunyai risiko yang tinggi dan kementerian akan meningkatkan segala usaha untuk memastikan mesej yang betul disampaikan kepada kumpulan-kumpulan ini supaya mereka boleh membuat pemilihan.

Kita telah mewujudkan, contohnya di Putrajaya ada *Low Risk Maternity Center* dan ada cadangan untuk memperluaskan itu khususnya bila dalam saringan telah menunjukkan bahawa mungkin ia *low risk*, tidak perlu masuk ke hospital tetapi dibuat di satu pusat yang disediakan oleh kementerian di mana ada doktor, ada jururawat dan kita boleh membuat ini di dalam satu suasana yang baik. Contoh di Hospital Shah Alam, di dalam *labour room* yang telah disediakan di situ, satu bilik untuk satu pesakit dan suami boleh bersama mereka. Ini adalah kemudahan-kemudahan baru yang mungkin akan membantu supaya ibu akan membuat pilihan yang baik.

Tentang denggi, saya kena melaporkan kepada Dewan ini bahawa memang denggi masih menjadi satu isu yang besar. Tahun ini saya ingat, jumlah kes yang kita ada sudah melebihi daripada 100,000 dan jumlah mereka yang telah meninggal dunia lebih daripada 200 orang. Kita telah mengambil pelbagai jenis langkah. Baru-baru ini, pada awal bulan November,

saya telah merasmikan satu kempen gotong royong di seluruh negara dengan tujuan untuk membersihkan lot-lot yang terbiar supaya ia tidak menjadi satu tempat pembiakan nyamuk aedes dan banyak program lain yang diadakan.

Saya ingat Ahli Yang Berhormat ada membangkitkan tentang vaksin denggi. Sampai sekarang butiran atau data yang telah kita peroleh tidak memberi satu pandangan yang baik yang jelas untuk memberi satu keyakinan kepada kementerian untuk menggunakan vaksin ini secara lebih meluas. Apa yang telah kita cadangkan ialah untuk menggunakan vaksin ini di dalam satu suasana siasatan atau *study atmosphere* dan ini dibincang dengan syarikat yang telah mengeluarkan vaksin ini. Kalau mereka bersetuju, kita akan cuba di negeri Selangor. Daripada maklumat yang diperolehi daripada kajian ini dan kalau itu menunjukkan bahawa ia memang baik daripada apa yang kita ada pada masa sekarang, ini boleh diperluaskan ke tempat-tempat yang lain.

Ada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan tentang KOSPEN. KOSPEN adalah satu usaha yang dibuat oleh kementerian untuk meningkatkan lagi perhubungan yang sedia ada antara kementerian dan rakyat pada keseluruhannya di peringkat akar umbi supaya mereka boleh menjadi ejen kita untuk membawa perubahan di dalam kesihatan awam. Secara keseluruhannya, ini adalah satu program yang berjaya kerana kita telah berjaya untuk memberi latihan kepada 30,000 lebih sukarelawan daripada KEMAS dan baru-baru ini dengan Rukun Tetangga dan tujuan saya ialah untuk menambahkan di dalam ini sebelum tahun yang akan datang untuk 50,000 orang. Mereka akan menjalankan saringan untuk penyakit tidak berjangkit di kawasan mereka, memberi mesej tidak merokok, mesej tentang makanan dan perkara-perkara ini dengan harapan tujuan asal penubuhan KOSPEN ialah untuk memerangi *non-communicable diseases*.

Daripada butiran awal, memang ini mempunyai satu kejayaan tetapi saya setuju bahawa kita kena secara berterusan memberi satu keyakinan kepada pihak sukarelawan ini dan juga bantuan kepada mereka. Kita telah memberi pelbagai jenis peralatan kepada mereka pada fasa pertama di mana kita sudah beri *weighing machine, BP set, blood glucose meter* yang akan diberi, selepas itu kita berharap ini akan diperluaskan ke semua tempat dan latihan diberi kepada sukarelawan ini secara berterusan dan program-program kementerian di dalam bidang makanan, bidang pendidikan kesihatan akan dilaksanakan melalui KOSPEN di peringkat akar umbi. Saya berharap semua langkah ini akan membawa satu kejayaan yang baik.

Ada satu perkara yang dibangkitkan tentang adakah satu kod etika berpakaian untuk pesakit yang datang ke hospital. Jawapan ini ringkas sahaja. Seberapa banyak yang boleh kita harap pesakit yang datang memakai pakaian yang bersesuaian dengan keadaan di hospital. Kalau dalam keadaan kecemasan mereka datang dengan apa-apa pakaian yang lain, semua klinik di bawah Kementerian Kesihatan telah diberi arahan supaya tiada pesakit yang boleh ditolak atau diberi layanan yang berbeza dan tindakan akan diambil di dalam kes-kes tertentu di mana kita telah mendapat aduan bahawa perkara ini telah berlaku.

Isu TB dan warganegara asing di negara kita dan bayaran yang dikenakan terhadap warga asing. Tiga perkara yang berlainan. Tentang bayaran yang dikenakan terhadap warga asing, apa yang dimaksudkan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mencadangkan bahawa pada tahun 2016 mereka akan dikenakan kos yang sebenar, *the cost* yang sebenar tidak bermaksud kita akan kos yang sebenar kepada kerajaan. Sampai sekarang kerajaan telah memberi subsidi kepada warga asing. Subsidi yang begitu tinggi iaitu 60 peratus, 70 peratus.

Kalau ia dibandingkan dengan negara-negara yang lain, tiada negara di dunia ini yang memberi subsidi untuk memberi rawatan kepada warga asing. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat pergi ke negara asing, pergi ke Amerika Syarikat, pergi ke United Kingdom, tidak boleh mendapat rawatan secara percuma. Sekurang-kurangnya Yang Berhormat kena mendapat insurans di dalam negara kita. Akan tetapi di dalam negara kita, tanpa apa-apa pun, kita sampai sekarang telah memberi rawatan dengan subsidi yang begitu tinggi. Kerajaan telah membuat keputusan bahawa kita menghapuskan subsidi ini dan mengenakan *the real cost, no profit*.

▪ **2130**

Kalau dibandingkan dengan swasta, swasta ada *profit* dan untuk *public health matters* contohnya TB, kalau mereka disyaki ada TB dan *confirm* TB, rawatan diberi tanpa kos kerana ini dilihat daripada segi *public health*. Daripada segi pula, mereka diberi rawatan tanpa kos iaitu mereka akan dirawat secara percuma sampai mereka sudah pulih. Apa isu yang kita hadapi bukan daripada kos tetapi apa yang kita hadapi daripada warga asing khususnya di Sabah yang menjadi jumlah yang lebih tinggi daripada warga asing yang ada TB ialah mereka tidak mengikut jadual yang telah ditetapkan. Ini menjadi satu isu. Kebanyakan daripada mereka tidak bekerja di satu tempat. Akan tetapi untuk TB, mereka mesti mengikut rawatan. Kalau enam bulan yang ditetapkan, mereka kena ikut rawatan untuk enam bulan. Kadang-kadang mereka ambil wad untuk satu bulan, selepas itu mereka hilang. Kita tidak ada peluang untuk tengok mana mereka ada dan walaupun pasukan kesihatan kita tidak boleh pergi cari mereka, maknanya kalau pergi ke tempat yang ada, mereka tidak ada di tempat itu, mereka hilang dan ini menjadi satu punca kerana mereka lalu daripada satu tempat ke satu tempat yang lain dan tiap-tiap kali mereka lalu, mereka merebakkan penyakit ini.

Ini isu luar daripada Kementerian Kesihatan. Isu ini lebih luas iaitu isu yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri, yang melibatkan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam pengurusan warga asing di dalam negara kita. Kalau ini boleh dibuat sahaja isu warga asing berkaitan dengan kesihatan boleh diselesaikan. Kalau kita tidak berjaya untuk mengurus mereka secara baik, menyelesaikan isu tentang macam mana kita boleh kawal kemasukan warga asing dan memastikan mana mereka ada, isu untuk menjaga penyakit berjangkit ini akan menjadi isu. Akan tetapi saya mahu menjelaskan bahawa untuk penyakit-penyakit yang berjangkit macam TB dan malaria, kita memberi mereka rawatan tanpa bayaran daripada segi *public health interest*. Ini diteruskan. Kalau mereka masuk ke hospital selepas kecederaan atau apa, mereka dikenakan kos mengikut kos yang ada untuk kementerian dan.....

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sibuti bangun.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Sibuti daripada Sarawak.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, Yang Berhormat Sibuti.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Sibuti sudah sihat?

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: *Alhamdulillah*. Syukur atas doa semua kawan di Parlimen ini. Saya hendak bertanya kerana baru-baru ini Klinik Kesihatan Miri telah mengadakan satu program iaitu Hari Keluarga. Maka TB, sebahagian daripada program itu ada untuk memeriksa mereka adakah mempunyai TB. Jadi program ini telah didapati berkesan. Mengikut penerangan Doktor Norita, *specialist* di sana mengatakan sekurang-kurangnya kawasan Miri tidak kurang 20 orang didapati ada penyakit TB. Apa yang saya hendak tanya di sini, Yang Berhormat Menteri, kalau kita sudah mengesahkan pendatang dari luar ini mempunyai penyakit TB, boleh atau tidak kita hantar balik dengan segera supaya tidak menjangkiti orang-orang kita di kawasan sana. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Saya jawab soalan ini dulu. Ini kerana di dalam – kalau mereka menjadi seorang pekerja warga asing yang datang ke negara kita secara rasmi, proses itu mereka melalui dua saringan. Satu saringan ke negara sumber mereka dan saringan kedua di negara kita. Kalau di mana-mana salah satu saringan mereka dikenal pasti bahawa mereka sudah mendapat penyakit TB, mereka tidak boleh kerja di negara kita.

So dalam saringan yang pertama, kalau dipastikan mereka ada TB melalui x-ray dan sudah dipastikan, sepatutnya mereka kena dihantar balik. Ini salah satu daripada syarat untuk mereka kerja di sini. Akan tetapi isu kita bukan dengan mereka yang datang secara rasmi tetapi mereka yang datang tanpa rasmi. Ini yang menjadi isu. Mereka yang melalui sempadan yang bocor, yang datang di mana mereka tidak melalui apa-apa saringan walaupun di negara mereka atau di negara kita. Ini yang menjadi isu. Selepas mereka sudah datang, mungkin ada di negara kita untuk satu tahun, dua tahun, enam bulan, selepas itu sahaja kita tahu mereka dapat TB dan daripada masa itu kita cuba memberi rawatan. Itu yang menjadi isu.

Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih. Terima kasih. Untuk satu kes dengan TB, dia ada batuk tetapi dia tidak tahu dia ada TB. Bila pergi ke *outpatient department*, dia buat x-ray, dia buat *blood test*, ini semua akan di caj. Dia punya *free treatment* hanya selepas satu atau dua kali dia pergi, baru kenal pasti. *So I think it is the problem* kerana bila mereka pergi, mereka kena bayar.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: *[Bangun]*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya ambil kira perkara ini. Lagi satu perkara yang dibangkitkan ialah....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kulai bangun, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nanti. Saya jawab soalan ini dulu. Suntikan HPV, *vaccination* diberi dan jumlah mereka yang sudah dapat *vaccination* ini secara dasar, kita memberi *vaccination* untuk *human papillomavirus* (HPV) kepada semua murid perempuan di Tingkatan Satu di dalam negara kita. Program ini telah mula pada tahun 2010 dan sampai sekarang lebih daripada 1.3 juta orang murid telah mendapat. Ini adalah satu program yang amat berkesan dan beberapa negara di dalam negara ini, mungkin *our outreach* mungkin yang paling berkesan di dalam memastikan murid-murid perempuan dalam umur di dalam negara kita semua sudah mendapat suntikan *protection* dan salah satu daripada faedah, risiko untuk mereka mendapat kanser serviks pada masa yang akan datang itu akan kurang. Ya, Yang Berhormat Kulai.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hanya hendak tambah sikit tentang rawatan percuma untuk *stateless children* dengan izin. Saya setuju dengan pendirian kerajaan terhadap pekerja asing ataupun *foreigner* dengan izin. Itu saya setuju tetapi saya rasa apa isu yang saya sangat ambil perhatian ialah tentang *stateless children*. Budak-budak ini mereka perlu *vaccination*, dengan izin dan *vaccination* ini kalau kita pergi ke *private* sangat mahal. Saya ada dua orang anak. Kedua-dua saya pergi ke klinik kesihatan untuk dapatkan *vaccination*. Kalau boleh jimat, kita jimat. Jadi saya risau kalau ini untuk budak-budak yang tiada kewarganegaraan ini, itu bukan *mistake* mereka, bukan kesalahan mereka tetapi oleh sebab mereka adalah *stateless children*, mereka dikategorikan sebagai bukan warganegara dan mereka tidak boleh dapat rawatan percuma ini.

Jadi *vaccination* yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, mereka tidak layak untuk dapat. Jadi saya harap, saya mintalah Yang Berhormat Menteri boleh atau tidak kita wujudkan satu polisi memang untuk warga asing. Kita boleh caj kos yang sebenar tetapi kalau untuk *stateless children* ini, kalau mereka boleh buktikan bahawa memang salah seorang ibu bapa mereka adalah warga Malaysia walaupun perkahwinan mereka tidak berdaftar, walaupun budak-budak ini adalah *stateless* tetapi biarlah merenak menerima rawatan percuma. Ini saya rasa adalah cukup penting kerana *stateless children* ini mereka sudah menghadapi masalah untuk mendapat pendidikan. Jadi saya harap sekurang-kurangnya kita boleh memastikan bahawa kesihatan mereka tidak akan terjejas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih. Saya setuju dengan ini kerana apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah satu kumpulan tertentu di mana mungkin salah seorang daripada ibu atau bapa ialah warganegara Malaysia kerana di dalam isu dokumentasi, kerana saya menghadapi dengan ramai orang dengan isu ini yang kita cuba untuk selesaikan. Saya

kongsi pandangan bahawa mereka mesti diberi rawatan ini dan saya akan *check* apa yang diamalkan dalam sistem perkhidmatan kita.

Yang Berhormat Ipoh Barat telah membangkitkan isu *cheap liquor*

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Pelalian HPV tadi.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: HPV?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Kos, kos.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Itu saya bagi secara bertulis. Lebih baik saya tulis. *Give a wrong figure, so no point. Alright. Cheap hard liquor.* Isunya ini apa yang dipanggil *compounded hard liquor (CHL)* sampai sekarang tidak dikawal, tidak dibawa, tidak dimasukkan di dalam Akta Makanan di bawah *alcoholic beverages*.

■2140

Oleh kerana di masa akta ini ditubuh, apa yang ada di akta ialah cuma *the pure liquors* yang ada ditetapkan. Contohnya, *wine* atau *whisky* atau apa yang menjadi wujudkan satu bahan yang tertentu. Oleh kerana komponen *hard liquor* ini ialah campuran pelbagai jenis benda. Oleh kerana perkara ini tidak disenaraikan sebagai satu *alcoholic beverage*. Oleh kerana ianya tidak disenaraikan sebagai satu *alcoholic beverage*, sampai masa sekarang komponen *hard liquor* tidak dikenakan eksais duti. Ini salah daripada perkara di mana kosnya tidak tinggi kerana tiada eksais duti ke atas komponen *hard liquor*. Nombor dua, segala kawalan yang kita ada untuk *alcoholic drinks* untuk semua jenis kawalan yang lain, tidak kena kepada komponen *hard liquor* kerana ia tidak jatuh di dalam apa yang telah ditakrif sebagai *an alcoholic drink*. So, apa yang telah saya usahakan di mana saya telah mengadakan perbincangan dengan beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk Yang Berhormat Ipoh Barat ialah tujuan kita untuk membawanya di dalam regulasi. Supaya ianya menjadi salah satu daripada *alcoholic drink*, supaya semua kawalan yang kita ada terhadap komponen *hard liquor* ini akan terpakai kepada *alcohol* ini akan terpakai kepada komponen *hard liquor*.

Dengan itu eksais duti akan dikenakan. Ini akan meningkatkan harganya dan macam mana di dalam proses penjualannya, kita boleh menetapkan kosnya jadi lebih tinggi. Supaya ia tidak akan disalah gunakan seperti apa yang berlaku pada masa sekarang. So, *they have already done* pemindahan-pemindahan kepada peraturan yang kita sedang buat pada masa sekarang. Supaya ini boleh dibuat termasuk kawalan-kawalan tertentu yang kita telah mencadangkan kepada KPKT supaya untuk melarang tabiat di mana arak diminum di luar, contohnya di *bus stand*, *bus stop*, di tepi jalan dan sebagainya. Satu cadangan telah diberi kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kesejahteraan Bandar supaya dengan kuasa yang ada dengan mereka, kita boleh mewujudkan satu peraturan di mana ada tempat-tempat di larang minum, tempat-tempat di mana boleh diminum dan kedai-kedai yang boleh menjual CHL ini ialah kedai-kedai yang mempunyai lesen.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Ipoh Barat. Sekarang ia dijual di kedai runcit, di pintu belakang di kedai runcit boleh beli minuman ini. So, kerana ini menjadi satu isu yang besar supaya di lesen, so penjualannya diketatkan, minuman itu di kawasan-kawasan di mana ialah

boleh dikurangkan. Ini semua langkah-langkah yang kita sedang di dalam proses untuk mewujudkan peraturan separuh daripada Kementerian Kesihatan, separuh daripada Kementerian Perumahan dan Kesejahteraan Bandar, supaya dengan perkongsian ini kita boleh memastikan bahawa satu masalah sosial yang begitu besar ini boleh dihadapi dan satu penyelesaian boleh didapati. Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat. Sampai 4 pagi ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Sampai 4 pagi pergi tengok kedai jual alkohol.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, saya ucapkan terima kasih...

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Walaupun saya tidak menjadi Pengerusi masa itu tapi saya dengar daripada bilik saya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Oh, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang sependapat dengan apa yang saya telah huraikan. Akan tetapi saya harap perkara ini perlu diberi keutamaan, *there must be an urgency on this matter. Compounded hard liquor* membawa perubahan kepada undang-undang. Saya harap sekurang-kurangnya bulan Mac lah, kita memberi sokongan. *There must be an urgency on this matter. Many innocent people are dying. We cannot allow this go, we cannot allow our officers to say, you take your own time. Can that be done immediately? At least, if you want assistance from the opposition,* kita rela untuk ini. Itu nombor satu.

Nombor dua adalah minuman keras yang sedia ada, di mana *imitation whisky is also very high, imitation brandy* dan sebagainya. Apa yang dibuat oleh kementerian supaya perkara ini dapat dielak? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kapar.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri saya telah bawa usul cadangan setiap kali ada sesi persidangan. Dekat sini saya *just* boleh izinkan saya membaca. 'Bahawa Dewan ini mempertimbangkan cadangan untuk menghalang dan mengharamkan penjualan arak murahan, *cheap liquor* secara mudah dan murah yang semakin berleluasa. Gejala pengambilan arak murahan ini menimbulkan pelbagai masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan gangsterisme serta merosakkan organ dalaman. Di samping itu kawalan dan penyeliaan terhadap kedai-kedai menjual arak perlu diketatkan. Masa penjualan arak dan lokasi minum arak perlu dikaji. Kawasan tempat awam seperti di taman awam dan taman permainan kanak-kanak, minuman arak wajib diharamkan. Dewan ini juga wajib mempertimbangkan penubuhan Pusat

Pemulihan Arak di setiap negeri di Malaysia untuk membendung masalah minum arak yang semakin berleluasa di kalangan anak muda merentasi sempadan bangsa dan agama.'

Ini berkaitan dengan salah sebuah sekolah di Parlimen Kapar, di mana cikgu yang berkenaan dengan kaunseling berjumpa dengan saya menerangkan bahawa minuman arak di campur dengan *CocaCola* di bawa ke sekolah dan minuman arak ini ada pelbagai jenis sekarang. Perasa laici, perasa oren, perasa strawberi dan harga lebih murah daripada yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat, RM1.20. Oleh sebab itu saya masukkan dalam usul, saya minta kerajaan, Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Menteri Kesihatan ambil isu ini sangat-sangat serius. Di Parlimen Kapar, Yang Berhormat Menteri, sebab arak saya anggarkan setiap hari satu kes kematian. So, sila beri perhatian. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yang Berhormat Hulu Rajang telah bangkit tentang isu keperluan bot, *speed boat* sebagai ambulans. Cara penyampaian perkhidmatan kesihatan oleh kementerian ada pelbagai jenis cara, kaedah. Selain daripada ambulans yang digunakan di tempat di mana perhubungan boleh dibuat melalui jalan, ada tempat, ada satu dua tempat di Semenanjung dan banyak di dalam Sabah dan Sarawak di mana kita menggunakan sungai dan menggunakan cara pengangkutan melalui udara supaya perkhidmatan kesihatan ini diberi tanpa apa-apa gangguan dan cara ini dibuat, ada tempat ada ambulans, bot ambulans sungai pun telah ada. Contoh, di Kinabatangan baru-baru ini yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah merasmikan dan melancarkan satu *river ambulance* di Sungai Kinabatangan dan macam ini ada bot di merata-rata tempat. Saya setuju dengan keperluan untuk bot-bot yang sesuai supaya pesakit boleh dibawa daripada satu tempat ke satu tempat yang lain melalui pengangkutan yang paling sesuai dengan kemudahan-kemudahan tertentu. Kita akan memberi tumpuan yang paling tinggi kepada perkara ini supaya mereka yang ada di dalam kawasan pedalaman dan kawasan di mana tidak boleh dihubungi melalui cara jalan darat, mereka pun boleh mendapat satu perkhidmatan kesihatan yang baik dan tinggi.

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang kerana beliau telah mencadangkan bahawa kita mengeluarkan bil dan resit dengan diskaun kepada semua pesakit yang datang kepada sistem hospital kita. Ini telah dibuat pada masa sekarang. Contohnya, di Hospital Kuala Lumpur kalau seorang pesakit keluar, mereka dapat bil. Ia akan menunjukkan kosnya ialah RM5 ribu tetapi kerajaan memberi subsidi RM4,900 lebih ringgit. Ini cuma untuk memberi gambaran untuk mereka tentang apa yang kos untuk kerajaan. Kalau tidak, rakyat berpendapat bahawa kalau datang ke kerajaan, semua yang diberi adalah murah dan tidak ada kos dan semua yang diberi oleh swasta ialah perkara yang bermutu tinggi. Walaupun kadang-kadang apa yang diberi di kerajaan yang lebih bermutu tinggi daripada yang diberi di swasta tapi persepsi itu salah kerana tidak dikenakan bayaran. Kalau dikenakan bayaran saja, persepsi yang betul.

So, oleh itu kementerian sekarang di dalam usaha supaya untuk meningkatkan kesedaran bahawa tiap-tiap perkara yang dibuat di dalam kementerian mempunyai kos tertentu.

Kos ini mesti diketahui oleh rakyat supaya memberi mereka persepsi yang betul tentang perkara ini. Tentang *medical report*, saya akan mengambil perkara ini. So, untuk pastikan bahawa ini dibuat di dalam satu masa yang...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *There must be a time limit. It takes so long, 3 months, 4 months, 5 months, 6 months.*

■2150

Selepas itu Yang Berhormat Menteri, *report they sent all kind of mistakes*, lepas kita perlu hantar balik.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey. Ini satu lagi isu yang dibincangkan secara hangat ialah tentang *e-cigarette* dan *vape*. *E-cigarette* dan *vape* Tuan Pengerusi, saya mahu jelaskan budaya merokok sudah ada, saya ingat 100 tahun dahulu. Akta Kawalan Merokok cuma datang pada tahun 1992 sahaja iaitu dia tidak mula dengan merokok atau mengikuti. Budaya sudah ada, lepas itu akta telah dikenakan untuk mengawal budaya itu. Itulah sebab ia dipanggil *the control of tobaccos regulation* iaitu yang dirujuk untuk mengawalinya.

Memang saya mengakui merokok itu tidak baik dan ini bukan sahaja di dalam negara kita, di seluruh dunia telah diusahakan macam mana kita boleh kawal dan menuju kepada satu arah bebas daripada rokok. Melalui WHO, kita telah mengenal pasti kalau boleh menjelang tahun 2030, dunia ini bebas daripada rokok, itu tujuan kita. Ini yang dibuat oleh negara kita pun. Kita pun sedang membuat pelbagai jenis langkah untuk memastikan kita boleh dan banyak program dan kita boleh dapat menambah kejayaan. Baru-baru ini kita telah meningkatkan eksais duti ke atas rokok, harga rokok sudah sampai ke RM17. Tujuannya adalah dengan itu harap mereka yang merokok akan mengurangkan jumlah rokok yang digunakan. Ini tujuannya.

Akan tetapi budaya *e-cigarette* ini satu perkara yang baru, baru masuk. Baru masuk dan *evidence*, bukti, pengalaman yang kita ada dalam merokok, tidak ada dengan *e-cigarette*. Saya tak tahu baik kah buruk cuma boleh tahu sepuluh ke dua puluh tahun yang akan datang. Pada masa sekarang, butiran yang ada tidak mencukupi. Memang Yang Berhormat Gopeng cakap daripada segi *nicotine content* itu yang kurang dan daripada apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat Alor Star bahawa beliau sudah hisap dulu, sekarang boleh berhenti. Daripada awalnya, di United Kingdom pada tahun yang lalu, bila debat ini hangat, perbincangan yang dilakukan ialah ia boleh digunakan sebagai satu langkah untuk mengurangkan tabiat merokok, as *a smoke sensation tool*.

Saya setuju dengan pandangan itu. Kalau mereka yang menggunakan *vape* ialah cuma mereka yang sudah merokok dan menggunakan itu sebagai satu alat supaya seperti Yang Berhormat Alor Star untuk meninggalkan tabiat merokok itu, itu boleh dibenarkan melalui peraturan yang boleh disediakan. Akan tetapi apa yang kita takut ialah kalau ini dibenarkan secara luas, mereka yang tidak merokok sebelum ini akan mula merokok, itu yang berlaku di dalam negara kita.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Dengan izin.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Yang tidak merokok sebelum ini akan merokok dan nikotin *is an addictive thing*, ia memang *addictive*. *You* boleh tanya semua doktor di sini, tiada seorang pun boleh beritahu bahawa *nicotine is non addictive*. *So* bila ia ialah satu perkara yang *addictive* dan *addiction* ini akan berterusan. *So* masa di sebelah sini kita sudah mengurangkan jumlah mereka yang merokok tetapi di sebelah sini kita meningkatkan jumlah mereka yang mendapat *addiction* kepada nikotin. Ini yang menjadi isu. *So*, kementerian memang, kerajaan sudah membuat keputusan.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Nanti saya habis dulu. Kementerian sudah membuat keputusan, kerajaan sudah membuat keputusan bahawa tidak mengharamkan tetapi mengawal. *So*, itu keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Menteri tetapi proses itu bukan senang. Di seluruh dunia termasuk FDA, mereka telah usaha untuk mengawal benda ini beberapa tahun kerana kalau mereka yang berada dalam bidang sains, untuk memastikan contoh satu *vape flavor* ini, untuk memastikan bahawa *vape flavor* ini ialah sihat dan tiada apa-apa ciri yang tidak sihat, *the time's taken to prove that is a long-long time*. *So* FDA pun tidak berani untuk pastikan bahawa *flavor* ini boleh didaftarkan sebagai satu *flavor* yang tidak mempunyai apa kesan yang buruk. Ia cuma boleh mengikut bukti yang ada pada masa sekarang. Mereka tidak berani untuk memastikan apa yang dibuktikan pada lima tahun yang akan datang atau sepuluh, lima belas tahun yang akan datang.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: [Bangun]

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Oleh itu apa-apa kawalan yang dibuat ini adalah untuk sementara waktu. Duduk dulu. Jadi pendirian kementerian dalam perkara ini memang jelas kerana kerajaan, Jemaah Menteri sudah membuat keputusan tidak mengharamkan tetapi untuk mengawal, *that means regulate the industry*. *So*, sekarang kita sedang cari macam mana mahu *regulate* dan kerana perkara ini baru seperti ada Ahli-ahli Yang Berhormat cakap, *vape* atau *flavoring* yang tidak mempunyai nikotin tidak di bawah kawalan kita kerana *Poisons Act* cuma mengawal nikotin sahaja. *Flavor* itu bukan di bawah *Poisons Act* walaupun *Formaldehyde Act* ada di dalam akta-akta tertentu tetapi lain-lain benda tidak di dalam *Poisons Act*. *So*, kalau kita mahu mengawal *flavoring-flavoring* yang lain selain daripada nikotin, undang-undang yang tersedia ada tidak boleh digunakan.

Apa yang mungkin diperlukan untuk memastikan kita boleh kawal ini seperti apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Gopeng tadi, kita kena mewujudkan satu akta yang baru. Itu satu cara. Satu lagi perkara yang ada yang menjadi cabaran untuk Kementerian Kesihatan kerana di dalam Akta Racun yang tersedia ada, nikotin telah diiktiraf sebagai satu *poison* dan semua doktor termasuk Yang Berhormat Gopeng akan setuju kalau nikotin digunakan, oleh sebab tadi Yang Berhormat Gopeng telah cadangkan bahawa *container* yang mesti *child-proof* kerana ada kes-kes tertentu yang dilaporkan di mana anak-anak yang tidak sengaja telah minum nikotin *content* dan selepas itu telah mendapat kesan yang sangat buruk. Mereka boleh mati kalau minum *dosage* yang lebih tinggi.

So, ia tiada pandangan yang berbeza bahawa ia ialah satu racun dan telah disenaraikan di bawah Akta Racun. Ia disenaraikan di bawah Akta Racun, akta ini telah menjelaskan bahawa penjualan ini dikawal dan cuma boleh dijual kepada seorang pengamal perubatan atau seorang farmasi dengan tujuan untuk rawatan sahaja. Melalui itu saja ialah kita ada pelbagai jenis *tools* yang lain *for smoke sensation*. Contoh, *the gel* dan *nicotine strip* dan sebagainya yang menggunakan nikotin tetapi dijual oleh farmasi kerana ia ialah satu *poison* yang telah dikawal. Sekarang kalau kita membenarkan tiap-tiap kedai *vape* itu menjual nikotin, ini bercanggah dengan akta yang tersedia ada.

Kalau ini bercanggah dengan akta yang sedia ada, itu memerlukan satu kita kena pinda Akta *Poisons* untuk memberi kuasa itu untuk tiap-tiap kedai *vape* itu menjual nikotin atau di dalam akta baru yang akan diwujudkan, kuasa kena diberi kepada mereka supaya mereka boleh menjual nikotin. Ini mempunyai implikasi tertentu. Oleh itu di dalam bidang ini, *it's a new horizon* di mana kita tidak perlu masuk. Apa yang kita sedang buat ini ialah untuk lihat kepada pengalaman daripada negara-negara yang lain. FDA baru-baru ini mereka sudah tamat untuk mewujudkan satu peraturan, *the regulation* tetapi mereka belum melaksanakan, *they've not enforced it*. Kalau kita boleh lihat kepada itu, mungkin itu boleh menjadi satu contoh yang boleh diikuti oleh Malaysia untuk memastikan bahawa cara macam mana untuk mengawal itu atau negara-negara yang lain.

Kita sedang melihat kepada New Zealand yang telah membuat langkah-langkah untuk mengawal itu. So, perkara-perkara ini diambil. Saya memahami sentimen mereka tetapi sebagai Menteri Kesihatan dan Kementerian Kesihatan, tanggungjawab kita cuma satu sahaja, untuk menjaga kesihatan. Isu yang lain yang berkaitan dengan industri dan lain-lain, itu di bawah kementerian-kementerian yang lain. So, daripada sudut kesihatan, perkara-perkara yang saya sudah jelaskan ialah isu-isu yang saya sudah jelaskan dan kita kena membuat keputusan diasaskan kepada kesihatan. Apa yang baik dan paling baik daripada segi kesihatan. Okey Yang Berhormat Alor Star.

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih atas jawapan yang panjang lebar mengenai industri *vape* ini. Seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, Kabinet telah pun membuat keputusan untuk buat sementara tidak mengharamkan perniagaan *vape*.

■2200

Akan tetapi pada masa yang sama seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri, nikotin mesti didaftarkan dan hanya boleh dijual melalui farmasi. Jadi, saya ingin mendapat penjelasan buat sekarang, penjual-penjual *e-cigarette* dan *flavour e-cigarette* ini kalau mengandungi nikotin adakah mereka boleh menjual atau tidak boleh menjual, kalau mereka bukan farmasi?

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Soalan sama Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ini satu soalan yang susah. Lebih baik *you* tidak tanya dan lebih baik saya tidak jawab tetapi *you* sudah tanya dan saya kena jawab. Oleh kerana

saya sudah jelaskan kedudukan daripada segi undang-undang tetapi saya sudah jelaskan apa pendirian daripada Jemaah Menteri iaitu tidak mengharamkan. Kita tahu industri sedang menjual dan kita telah membuat keputusan tidak akan buat serbuan, itu jawapan saya.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: *[Bangun]*

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, *same thing but a bit different...*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya pergi ke tajuk yang lain. Ya, Yang Berhormat Gopeng.

Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]: Okey.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan *vape* ini sebab kita mesti asingkan *tobacco free* dan *nicotine free*, ini perkara pertama. Kedua, apabila kita laksanakan Akta Racun berkenaan dengan nikotin, sebenarnya Akta Racun boleh dipakai juga untuk penjualan rokok sebab nikotin pun ada dalam rokok. Kenapa kita tidak guna pakai?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya akan jelaskan benda ini. Ahli Yang Berhormat Gopeng, Akta Racun datang selepas orang sudah merokok untuk beberapa puluh tahun. Semasa akta itu diwujudkan kerana ada nikotin di dalam rokok, keputusan sedang dibuat ialah akta itu telah mengecualikan *tobacco* daripada Akta Racun. Oleh itu kawalan *tobacco* ialah melalui kawalan *Control of Tobacco Product Regulation*.

So, ia tidak masuk di dalam Akta Racun. Akta Racun bermaksud *the pure nicotine*. *The pure nicotine chemical* sahaja dan itulah sebab perkara ini tidak termasuk tetapi *the logic* yang *you* katakan itu saya boleh faham. Akan tetapi kerana pada masa akta itu ditubuhkan ia telah memastikan bahawa ini nikotin yang dimaksudkan di bawah *Poison Act* ini tidak termasuk *tobacco* kerana *tobacco* di bawah kawalan *Control of Tobacco Act*.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat dari segi definisi *there is no such thing as pure nicotine* kecuali betul-betul nikotin 100% dan tidak ada *chemical* yang lain. Apabila ia buat perisa tambah nikotin pun tidak ada *pure nicotine* tetapi itu isu yang lain, cuma saya hendak tanya adakah Yang Berhormat Menteri setuju supaya ada rang undang-undang yang baru? Kalau sekiranya ada rang undang-undang yang baru sepatutnya rangka satu rang undang-undang yang *comprehensive*, yang boleh kawal *tobacco* dan juga kawalan *e-cigarette* sekali gus dengan *vape*. Jadi ini satu rang undang-undang yang spesifik. Saya pasti kedua-dua pihak akan menyokong usaha tersebut.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Pengerusi, itu isu-isu yang telah dibangkit dan juga yang saya telah jawab...

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, *last short question...*

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Kalau ada isu-isu tertentu yang lain yang tidak dijawab saya akan jawab secara bertulis..

Tuan Gooi Hsiao-Leung [Alor Star]: Yang Berhormat Menteri, *short question, last question, very short question*. Boleh Yang Berhormat Menteri? Saya hendak...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM21,430,802,000 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM21,430,802,000 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,600,264,400 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2016 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM1,600,264,400 untuk Maksud P.42 jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2016]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 26 November 2015.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.05 malam]